


"Saya tidak menyertai ASAS '50 kerana saya tidak terfikir hendak menjadi novelis atau cerpenis, kerana saya rasa, bakat saya tidak ke arah itu. Saya lebih cenderung untuk menulis buku-buku pengetahuan apabila tiba masanya kelak. Sementara itu, saya mahu melengkapkan diri sebagai wartawan profesional."

*(Memoir Bukan Seorang
Konformis, halaman 119)*

M E M O I R
—BUKAN—
SEORANG
KONFORMIS



M E M O I R
—BUKAN—
SEORANG
KONFORMIS

MOHD. SALLEH DAUD

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
1998

Cetakan Pertama 1998
© Mohd. Salleh Daud 1998

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Mohd. Salleh Daud

Memoir bukan seorang konformis / Mohd. Salleh Daud.

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-4802-1

1. Malaya--History. 2. Malaya--History--Japanese occupation, 1942-1945. 3. Nationalism--Malaya. 4. Malaysia--Economic conditions. 5. Economic forecasting--Malaysia.

6. Wawasan 2020. I. Judul.

959.51

964084

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

9 NOV 1998

Perpustakaan Negara
Malaysia

Kandungan

Kata Pengantar

Prakata

BAB

1

Antara Dua Peperangan **1**

BAB

2

Di Bawah Imperialisme Jepun **30**

BAB

3

Pemberontakan Melayu Moden **47**

BAB

4

Kami Asian Bukan Asiatik **75**

BAB

5

Dari Akhbar ke Akhbar **100**

BAB

6

Harmoni dan Krisis **128**

MEMOIR BUKAN SEORANG KONFORMIS

BAB

7

Revolusi Sosioekonomi **155**

BAB

8

Pandang ke Timur **177**

BAB

9

Wawasan 2020 **201**

Indeks **233**

Kata Pengantar

DEWAN Bahasa dan Pustaka berasa sukacita kerana dapat menerbitkan sebuah buku daripada seorang tokoh yang telah banyak menyumbang jasa dalam penulisan dan politik di tanah air. Allahyarham Mohd. Salleh Daud telah menyiapkan buku ini sewaktu beliau diberi penghargaan untuk menjadi karyawan tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1982. Pengalaman beliau yang luas dalam bidangnya tentu banyak menjadi bahan rujukan kepada peneliti politik tanah air terutama untuk melihat perkembangan tanah air sebelum dan selepas merdeka.

Beliau juga adalah salah seorang tokoh yang telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengelola DBP untuk beberapa waktu dan telah banyak memberi fikiran dalam pelaksanaan program DBP pada peringkat dasawarsa terawal. Walaupun beliau bergerak dalam tempoh waktu yang sama dengan pengarang-pengarang tersohor seperti Datuk Usman Awang dan Keris Mas namun nama beliau tidaklah dikenali ramai kerana beliau tidak terlibat secara langsung dalam penulisan karya. Sungguhpun begitu, dalam bidangnya beliau cukup dihormati sehingga beliau menjadi salah seorang dalam kumpulan 'think tank' terutama pada waktu mengisi kemerdekaan.

Buku ini diharapkan akan menjadi buku yang berfaedah kepada generasi kini di samping pihak Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri dapat memberikan penghargaan yang sewajarnya kepada tokoh yang telah berjasa kepada tanah air.

KATA PENGANTAR

Moga-moga rohnya ditempatkan di kalangan orang-orang beriman.

Wassalam.

A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

Prakata

BUKU ini bukan sebuah autobiografi. Bukan sejarah dalam Berti kata kajian secara formal dan akademik. Hanya sebuah memoir yang menceritakan hal diri dan pengalaman saya sedikit sebanyak sambil menyorot pemerhatian dan pendapat saya sendiri tentang perkembangan politik, ekonomi dan sosial tanah air dari zaman Tanah Melayu ke zaman Malaysia, antara tahun 1920-an hingga tahun 1990-an.

Dalam memikirkan bentuk memoir ini saya dapati sukar hendak mengasingkan diri daripada sejarah tanah air yang lebih besar maknanya. Saya rasa hidup seseorang tidak bermakna kalau tidak dihubungkan dengan suasana "luaran" yang membentuk destini bangsa dan tanah air, yang sedikit sebanyak membentuk destini kita sebagai warganegara. Setiap warganegara terlibat dalam sistem politik tanah airnya, pada ketika yang tertentu, baik dalam kerajaan, mahupun dalam sektor swasta, begitu juga dalam kesatuan sekerja, parti politik, sekolah, universiti, dan bermacam-macam pertubuhan. Ini adalah fakta kewujudan manusia.

Saya terlatih sebagai wartawan, tetapi pernah juga terlibat dalam parti politik, sektor swasta dan sektor awam. Daripada pengalaman-pengalaman inilah saya memanfaatkan dalam menulis buku ini.

Pengalaman sahaja tentulah tidak cukup dalam menghasilkan buku ini kerana ingatan sudah kabur-kabur, dalam usia yang sudah lebih 70 tahun. Maka perlulah saya men-

jalankan penyelidikan tentang perkara-perkara dan peristiwa-peristiwa yang memang sudah saya ketahui sedikit sebanyak untuk mengisi kekosongan maklumat.

Banyak sudah penyelidikan dihasilkan tentang politik dan ekonomi tanah air dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Usaha-usaha ini membantu kita membuat kesimpulan, antara lain, tentang soal fakta sejarah tanah air. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini kebanyakannya hasil daripada pakar sesuatu bidang, dan lantaran itu skopnya terbatas. Saya rasa ada gunanya kalau saya jalinkan seberapa dapat pelbagai hasil penyelidikan yang telah lalu itu ke dalam satu perspektif sejarah tanah air yang bertemakan perkembangan nasionalisme Melayu pada abad ke-20.

Saya belum puas dengan penyelidikan yang saya jalankan selama enam bulan sebelum memulakan penulisan. Saya rasa banyak lagi ruang maklumat yang boleh diisi untuk memperkatakan sesuatu peristiwa itu dengan lebih terperinci lagi tetapi masa tidak mengizinkan. Justeru itu tinjauan buku ini bukanlah dari perspektif seorang pakar sejarah atau politik ataupun ekonomi, tetapi daripada perspektif seorang *generalist*.

Setakat yang sempat saya selidiki, nasionalisme Melayu masih dominan dalam percaturan politik tanah air. Ini, saya kira, bukanlah suatu penemuan baru, terutama bagi ahli sejarah dan ahli politik yang mengikutinya lebih daripada perkembangan semasa. Bahannya ada, tetapi berselerak, tidak terkumpul dalam sebuah buku, yang mengisahkan perkembangan dan gerakan nasionalisme Melayu secara berterusan dari awal abad ke-20 hingga sekarang. Boleh jadi, buku seperti ini sudah ada, tetapi saya tidak sempat mencarinya.

Walaupun masyarakat dilanda pelbagai ideologi: komunisme, demokratik sosialisme, nasionalisme Malayan, nasionalisme Malaysian, politik Islam atau nasionalisme setempat seperti di Sabah namun ideologi-ideologi ini tidak atau belum lagi berpengaruh sekuat ideologi nasionalisme Melayu. Ini, pada pendapat saya, disebabkan nasionalisme

Melayu boleh menyesuaikan dasarnya untuk mengatasi masalah-masalah semasa. Inilah yang akan saya cuba huraikan dalam buku ini sambil menceritakan pengalaman saya di sana sini. Ia tidaklah dipersembahkan sebagai sebuah sejarah nasionalisme di Malaysia, tetapi hanya sekadar sebuah memoir.

Apabila kita memandang ke belakang, yang paling menonjol dalam sejarah tanah air, sejak tahun 1874, ialah apabila Raja-raja Melayu mula menggadaikan kedaulatan Melayu kepada imperialis British, sehinggalah peristiwa Malayan Union. Gagasan Malayan Union adalah suatu rahmat bukan musibat seperti sangkaan ramai orang kepada bangsa Melayu. Tanpa Malayan Union yang datangnya setelah Tanah Melayu meringkuk selama tiga setengah tahun di bawah pemerintahan kuku besi Jepun bangsa Melayu sudah tentu tidak dapat muncul berkuasa begitu cepat. Bangsa Melayu nyaris sekali lagi merana di bawah eksploitasi kolonial sesudah Perang Dunia Kedua. Ini disebabkan mereka, terutama kaum elit atasan dan sultan-sultan, sudah sedia mengalu-alukan kepulangan British supaya terus "menjaga keamanan" di negeri ini, setelah sengsara di bawah kekejaman Jepun dan terkejut oleh keganasan komunis Bintang Tiga.

Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan sudah tentu tergendala sekiranya British tidak menuamkan Malayan Union ke muka bangsa Melayu. Ini adalah satu mercu tanda yang memisahkan zaman kemunduran Melayu daripada zaman kebangkitannya. Dengan tercapainya kemerdekaan maka bermulalah "Orde Baru" dalam Persekutuan Tanah Melayu di bawah kepemimpinan politik Melayu.

Perubahan-perubahan pesat telah berlaku dalam bidang politik dan ekonomi, walaupun kadangkala dilanda suasana krisis. Dalam tempoh lebih kurang tiga dekad sahaja Malaysia telah muncul sebagai salah satu antara negara demokrasi yang pesat membangun dan maju di dunia. Sekarang dalam dekad 90-an, Malaysia sedang menyiapkan diri untuk mencapai taraf negara perindustrian yang diilhamkan oleh Wawasan 2020.

Keseluruhan sejarah Malaysia moden merupakan peristiwa bagaimana bangsa Melayu cuba mengekalkan kuasa, dan cuba menjadi dominan di tengah-tengah cabaran masyarakat bukan Melayu yang ingin berkongsi kuasa sebanyak-banyaknya, yang mungkin akhirnya membawa kepada suatu imbalan kuasa baru ataupun suatu "Orde Baru" politik dan ekonomi di Malaysia. Kesenambungan kerajaan di bawah kepimpinan Barisan Nasional telah membolehkan tumbuhnya suatu warisan tradisi politik, yang beransur-ansur dapat mengubati luka-luka lama yang terbit daripada perselisihan perkauman.

Nasionalisme yang berasaskan konsep "Bangsa Malaysia" di tanah air kita masih dalam proses pembentukan dan perkembangannya. Seperti juga masalah pembangunan negara atau *nation-building*, maka nasionalisme di Malaysia telah menjalani pelbagai fasa keperibadian nasional dalam sebuah masyarakat majmuk yang unik. Kita masih lagi merupakan suatu bangsa dalam proses pembentukan. Sementara itu, nasionalisme Melayu terus menjadi teras dalam menentukan destini kebangsaan kita.

MOHD. SALLEH DAUD

Petaling Jaya

BAB

1

Antara Dua Peperangan

PADA akhir dekad 1930-an suatu revolusi senyap bermula di Tanah Melayu, dipelopori oleh satu gerakan nasionalis yang menamakan dirinya Kesatuan Melayu Muda (KMM), di bawah pimpinan Ibrahim Yaacob, bekas seorang guru sekolah Melayu dan wartawan. Tujuannya memerdekakan Tanah Melayu daripada belenggu kolonialisme British.

Revolusi ini tidak melibatkan kekerasan atau keganasan. Tidak membawa perubahan dalam kerajaan. Bagi penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum, cara hidup terus seperti biasa. Tidak ada yang membimbangkan.

Tetapi di kalangan sebahagian kecil rakyat Melayu yang bertaburan di seluruh tanah air, telah mula terasa sesuatu yang merangsangkan semangat. Mereka terasa suatu angin baru sedang bertiupan. Meniupkan semangat kebangsaan Melayu yang agak radikal, kalau dibandingkan dengan kesadaran politik di kalangan masyarakat Melayu yang agak pasif sebelumnya.

Ketika itu saya masih bersekolah dalam sekolah Inggeris, setelah tamat di sekolah Melayu. Tetapi saya mengetahui hal gerakan ini melalui seorang teman dari Kuala Lumpur yang telah mengahwini seorang gadis di kampung saya. Teman saya itu bernama Idris Hakim. Dia tidak banyak bercakap tentang KMM, tetapi tidak pula membisu tentang politik tanah air. Begitu juga tentang kemunduran orang Melayu di bawah kolonialisme British, tentang British mengeksploitasi kekayaan Tanah Melayu, tentang orang asing yang lain menjadi kaya-raya setelah digalakkan datang ke

mari oleh British, menjadi kakitangan kerajaan dan menjadi buruh di lombong dan di ladang kepunyaan British. Dan tentang perlunya Melayu bersatu ke arah mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Tetapi Idris tidak menyatakan bagaimana cara untuk mencapai kemerdekaan. Saya tidak pula mendesaknya dalam hal ini kerana saya faham dia bergerak secara senyap-senyap, takut kalau-kalau diketahui oleh pihak yang berkuasa. Lagipun, saya kira dia menganggap saya ini masih mentah dalam hal politik dan sebarang rahsia yang diluarkannya mungkin bocor.

Pihak yang berkuasa memang mengesani gerak-geri KMM, barangkali sejak dari mula lagi pertubuhan ini bergerak. Hal ini tidaklah saya ketahui ketika itu. Hanya beberapa tahun kemudiannya, ketika saya kembali ke kampung dari persekolahan di Anderson School, Ipoh – setelah askar Jepun mendarat di Kota Bharu, Kelantan. Beberapa hari setelah saya kembali ke rumah, seluruh kampung gah bercerita tentang Idris Hakim dan kawan-kawannya dalam KMM ditangkap dan dipenjara oleh British entah di mana. Sejarah mencatatkan bahawa mereka dibawa ke Singapura dan dimasukkan ke dalam penjara Changi. Tetapi kira-kira dua bulan kemudiannya mereka dibebaskan oleh pihak tentera Jepun yang telah menumpaskan pertahanan British di Negeri Selat itu. Idris Hakim, ketika diberkas, memegang jawatan Bendahari KMM pusat.

Dia pulang ke kampung dengan basikal. Orang kampung memerhatikan ada sedikit perubahan perwatakan padanya. Kini dia sudah bermisai dan berjanggut ala Lenin. Mukanya lebih serius. Segala gerak-gerinya membayangkan perihai seorang yang lebih yakin pada dirinya. Ini menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan setengah-setengah orang kampung.

Semuanya gembira apabila dia selamat pulang. Tetapi ada yang sangsi. Ada yang berbisik-bisik menuduhnya *spy* Jepun. Tetapi kalau tidak silap saya, Idris tidak menetap lama-lama di kampung. Seperti pada zaman British, begitulah juga kelakumannya pada zaman Jepun. Sekejap ada, sekejap hilang. Perjuangannya dan perjuangan KMM nampaknya belum selesai.

* * *

Saya dilahirkan ketika dunia sedang pulih daripada peperangan. Dan saya membesar ketika dunia sedang mengalami krisis ekonomi, menyaksikan kebangkitan Nazi Jerman, dan menuju kepada peperangan dunia yang kedua. Di antara dua peperangan dunia ini, Tanah Melayu masih menjadi tanah jajahan British. Tetapi Tanah Melayu telah bertukar corak. Bukan sahaja dari segi struktur pentadbiran dan ekonomi, tetapi juga dari segi struktur kependudukan. Bilangan kaum imigran dari China dan India semakin ramai. Bahkan pada satu ketika bilangan mereka lebih ramai daripada penduduk Melayu. Akibatnya hal ini mempengaruhi perkembangan politik tanah air pada kemudian hari.

Saya dilahirkan di Kampar, Perak. Tarikhnya tidak dapat dipastikan. Orang-orang di kampung mengatakan tahun 1920. Sijil sekolah Melayu saya mencatatkan 11 Oktober 1922, tetapi sijil sekolah Inggeris mencatatkan 17 November 1923. Akibatnya saya terpaksa membuat surat sumpah untuk memasuki sekolah Inggeris, sebab terlebih umur. Saya diberi nama Ahmad Azra'i ketika lahir. Kemudian ditukarkan kepada Mohd. Salleh kerana saya selalu sakit cacing dalam perut. Selepas Perang Dunia Kedua saya cuba memastikan tarikh kelahiran saya yang sebenar di ibu pejabat pendaftaran di Ipoh. Tetapi semua rekod sebelum perang telah terbakar ketika Jepun menyerang.

Kampar masyhur sebagai "bandar Cina", kerana kira-kira 90 peratus penduduknya terdiri daripada kaum Cina. Tetapi boleh juga dikatakan sebuah bandar kosmopolitan. Selain Cina, Melayu dan India, ada juga orang Eropah, Yahudi, Serani dan Jepun. Orang Asli tidak tinggal di bandar, tetapi di hutan pergunungan. Tiap-tiap bulan mereka turun ke bandar menjual rotan, petai dan bijih timah.

Kampar juga masyhur sebagai bandar perlombongan. Berasal daripada sebuah kampung perlombongan ketika bijih timah ditemui dalam tahun 1891, Kampar berkembang menjadi bandar yang kedua terbesar bilangan penduduknya, selepas Ipoh, di Lembah Kinta yang masyhur sebagai lembah timah yang terbesar di dunia.

Ketika saya bersekolah dalam tahun 1930-an, bilangan penduduk Kampar ada kira-kira 12 000 orang. Oleh sebab buminya kaya dengan bijih timah maka sekitar bandarnya

bertompok-tompok dengan lubang-lubang besar perlombongan dan juga bekas-bekas lombong-lombong yang menjadi tasik-tasik biru buatan manusia. Maka di tasik-tasik lombong inilah saya dan rakan-rakan saya anak-anak Melayu, Cina dan India mula belajar berenang. Demi kepentingan bijih timah, yang menjadi tulang belakang ekonomi Tanah Melayu ketika itu, stesen dan landasan kereta api telah diubah ke tempat yang ada sekarang. Semasa saya kecil, boleh kelihatan dari tingkap gerabak kereta api akan perlombongan yang sedang memakan tanah menggali bijih di situ. Rupanya seperti kancah gunung berapi, Sayup mata memandang ke dasarnya, pelombong-pelombong bekerja menggunakan palung untuk membawa bijih ke atas permukaan bumi. Saya kira luasnya ketika itu boleh mengisi lima enam buah padang bola.

Bandarnya tidak sebesar Ipoh ataupun Teluk Anson (sekarang Teluk Intan). Hanya dua batang jalan raya yang lurus dan selari merentasi bandar ini, iaitu Jalan Gopeng dan Jalan Idris. Panjangnya setiap jalan ini kira-kira satu kilometer. Jalan Gopeng merupakan sebahagian daripada jalan utama utara-selatan. Ada gunung di sebelah Jalan Gopeng dan lembah bijih di sebelah Jalan Idris. Lorong-lorongnya, yang juga lurus-lurus, menggunakan nama Melayu, tidak seperti kebanyakan bandar di Perak yang menggunakan *road* bagi "jalan". Bagi sebuah bandar yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang Cina tetapi kekal dengan nama-nama Melayunya, ini adalah suatu hal yang menarik. Bagaimanapun ini suatu perkara lain, di luar skop buku ini untuk membincangkannya. Namun, untuk membuka selera mereka yang berminat mencungkil lebih mendalam lagi akan sejarah bandar ini, bolehlah saya katakan bahawa khabarnya Jalan Idris pada suatu ketika dahulu penuh dengan bangunan kepunyaan Melayu, terutama kerabat diraja Perak. Nama bandar ini pun diambil daripada nama yang sama di Sumatera. Sebagaimana di Sumatera ada Sungai Kampar, maka di sini pun ada Sungai Kampar. Sesungguhnya, Sultan Perak yang pertama Sultan Muzaffar Shah, yang bertakhta dari tahun 1528 hingga 1549, berasal dari Kampar, Sumatera. Sultan Yusuf Izzuddin Shah (bertakhta dari tahun 1948 - 1963), ayahanda kepada Sultan Azlan Shah, Sultan Perak dan juga Yang di-Pertuan Agong

Malaysia ke-IX, ketika baginda dalam jawatan Raja Bendahara dan kemudian Raja Muda Perak, setiap kali melawat Kampar mesti singgah bergunting rambut di sebuah kedai gunting rambut Cina di Jalan Idris. Ini kerap saya saksikan ketika saya masih bersekolah di Kampar. Baginda memilih kedai Cina itu kerana, khabarnya, kedai itu memberi khidmat tambahan, iaitu mengorek telinga – yang tidak ditawarkan di kedai gunting rambut India. Sebenarnya, semua kedai gunting rambut Cina mengorek telinga.

Ekonomi Kampar bergantung pada bijih timah dan getah, sebagaimana juga ekonomi Tanah Melayu ketika itu. Kehidupan penduduknya berkisar sekitar pengeluaran dan perniagaan kedua-dua komoditi utama ini. Ada tauke lombong, ada tauke getah. Ada buruh lombong, ada buruh ladang. Ada peniaga bijih, ada peniaga getah. Ada gudang bijih timah, ada gudang getah.

Selain daripada dua jenis perniagaan ini, perniagaan lain tidak banyak bezanya daripada yang terdapat di bandar-bandar besar di Perak. Kebanyakan yang berniaga ialah orang Cina. Hanya ada empat orang Melayu yang berniaga kecil-kecilan ketika itu, dua orang membuat kopiah dan menjahit baju, dan dua orang lagi berniaga runcit. Tiga daripada mereka tinggal di kampung saya. Kedai India ada lima buah, sebuah kedai kain, dua buah kedai makanan, sebuah kedai gunting rambut dan sebuah kedai peminjam wang, ceti. Kedai Jepun ada sebuah, menjual barang-barang buatan Jepun. Orang Eropah, Inggeris dan Perancis, mengurus lombong dan ladang getah. Kebanyakan orang Melayu bekerja dalam kerajaan dan di lombong. Ada juga wanita Melayu, seperti wanita Cina, mencari rezeki mendulang bijih, secara berlesen. Hasilnya dibeli oleh syarikat lombong yang mempunyai tanah tempat mereka mendulang itu.

Kos hidup di Kampar adalah yang paling rendah di seluruh Perak ketika itu. Harga barang, daripada barang makanan hingga kepada barang keperluan hidup yang lain, termasuk belanja perubatan, lebih rendah daripada yang terdapat di bandar-bandar lain. Antara sebabnya ialah bandar ini bandar Cina. Yang ramai berniaga orang Cina. Yang ramai membeli pun orang Cina. Oleh sebab sentimen perkauman mereka begitu kuat harga barang direndahkan

sedapat mungkin supaya kaumnya hidup selesa. Lagipun pembekal barang mereka dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Singapura semuanya orang Cina. Jadi, orang-orang Melayu, India dan sebagainya turut mendapat manfaat daripada cara orang Cina berniaga ini.

Kampung tempat tumpah darah saya bernama Kampung Cangkat. Letaknya di kaki bukit, sebelah Jalan Gopeng. Jalan ke situ ialah melalui Jalan Ampang, yang mempunyai dua blok rumah kedai di kiri kanan. Jalan itu jalan mati setakat kampung. Inilah satu-satunya kampung Melayu di Kampar ketika itu. Oleh sebab letaknya di lereng bukit dan di tengah-tengah bandar pula, maka tidaklah ia berupa kampung-kampung Melayu biasa yang dikelilingi oleh sawah padi, atau kebun getah atau kebun kelapa atau dusun ataupun kesemuanya sekali. Jadi, hidup saya ialah sebagai anak bandar, bukan anak kampung.

Kampung Cangkat mendapat namanya daripada geografinya. Tanahnya tanah cangkat. Di belakangnya bukit. Di kiri kanannya lembah kecil, yang setiap satunya melengkung pula naik ke bukit. Di atas cangkat inilah terdirinya kampung yang dibuka oleh ayah saya itu. Ia bermula dengan empat buah famili. Tiga famili dari suku Rawa, termasuk famili saya, dan satu famili daripada suku Mendailing. Ketika saya dilahirkan, sudah terbina 15 buah rumah dan bertambah pula dengan suku Minangkabau dan Jawa selain suku "Perak jati" yang sudah lupa loghat asal masing-masing melainkan loghat Perak. Separuh daripada penduduk kampung terdiri daripada kakitangan kerajaan. Yang lainnya bekerja sendiri, berniaga dan bekerja di lombong. Kerana bidang tanahnya kecil, maka kampung itu tidak dapat menampung lebih daripada 20 buah rumah. Sungguhpun ayah saya yang membuka kampung itu, dia tidak menjadi ketuanya. Tugas ini diberikannya kepada orang lain dengan persetujuan kerajaan. Dia cuma hendak mengajar agama dan bercita-cita hendak membina sebuah masjid dan sebuah madrasah. Cita-cita ini hanya tercapai beberapa tahun kemudian setelah cukup wang terkumpul daripada derma masyarakat Melayu dan Muslim di sekitar kawasan Kampar dan dari luar negeri Perak. Selain menjadi imam, ayah saya, Mohd. Daud bin Haji Sulaiman, juga dilantik oleh kerajaan sebagai naib kadi bagi

daerah kecil Kampar. Kedua-dua tugas ini tidak bergaji, tetapi dia dibenarkan menyimpan hasil resit akad nikah untuk tuntutan elaun. Ini memang tidak mencukupi untuk sara hidup kerana lebih ramai orang yang mengadakan hal perselisihan rumah tangga daripada berkahwin. Terpaksalah dia mencari rezeki daripada punca lain: sebagai guru agama dan pekebun kecil. Kerana kebun getahnya yang enam ekar itu jauh dari bandar, dia melantik orang lain menjaga dan mengusahakan kebun itu secara bahagi dua. Ini bermakna pendapatan terpotong separuh. Tetapi ayah tidak menghiraukan hal itu. Dia tidak berangan-angan menjadi kaya. Falsafah hidupnya mudah: beribadat, berbakti, bersyukur. Penda-patannya setiap bulan tidak tetap dan tidak seberapa. Tetapi dia dapat menyara hidup keluarganya dengan menyediakan keperluan asas ala kadar. Jadi, hiduplah kami sekeluarga, sungguhpun jauh daripada mewah, tetapi tidaklah miskin sangat.

Ayah saya dan adiknya, Zakaria, lahir di Pulau Pinang. Datuk saya, Haji Sulaiman, mempunyai sebuah kedai buku dan kain. Kebanyakan buku yang dijualnya ialah buku agama, kerana ketika itu tidak ada buku jenis lain, walaupun daripada Indonesia. Datuk dan tiga orang lagi saudara lelakinya dari daerah Rawa, Sumatera berhijrah ke Semenanjung kira-kira pada pertengahan abad ke-19. Orang Rawa yang merantau ke sini kebanyakannya memilih tiga bidang pekerjaan: berniaga, berdakwah dan berkebun kecil. Antara tiga orang saudara datuk itu, seorang berkedai buku dan kain di Nibong Tebal, Perak, seorang menjadi imam di Parit Buntar, dan seorang lagi berkebun kecil di Batu Sembilan, satu tempat di antara Temoh dan Tapah. Orang Rawa banyak bermastautin di Perak, Pulau Pinang dan Selangor.

Ayah saya tidak berpendidikan formal. Hanya berpendidikan agama dan boleh membaca dan menulis Jawi. Ketika umurnya 16 atau 17 tahun, dia mengambil keputusan untuk merantau dan berdikari. Dengan sedikit wang yang diberikan oleh ayahnya, dia pun meninggalkan Pulau Pinang dan akhirnya berkahwin di Bidor dengan ibu saya, Madinah binti Alang Mat Daud. Ayah tertarik kepada ibu saya kerana ibu pandai membaca al-Qur'an dan berqasidah. Beberapa tahun lamanya, setelah mempunyai beberapa orang anak, me-

reka pun berpindah ke Kampar dan membuka Kampung Cangkat.

Keluarga ibu berasal dari Indragiri, Sumatera. Tetapi dia dilahirkan di Bidor. Namun, dia memandang dirinya sebagai "Perak jati", kerana setelah beberapa generasi, loghat Indragiri tidak lagi digunakan di kalangan keluarga, kecuali loghat Perak. Keluarganya juga mencari rezeki sebagai pekebun kecil. Semasa saya bersekolah Melayu, saya selalu menyatakan kekeliruan saya kenapa begitu berbeza apabila ibu dan ayah berbicara: seorang menggunakan loghat Perak, seorang lagi menggunakan loghat Rawa. Mereka berdua sentiasa sahaja ketawa apabila mendengar rungutan saya itu sambil mereka berkata: "Salleh sekarang anak Perak. Cakap Peraklah." Ketika itu saya tidak mengerti apa maksud sebenar di belakang kata-kata mereka itu. Saya hanya berasa lega kerana tidak perlu belajar loghat Rawa yang begitu ganjil di telinga anak yang masih jahil dan dibesarkan dalam suasana loghat Perak. Hanya beberapa tahun kemudian, ketika saya bersekolah Inggeris, saya tanyakan hal ini kepada ayah. Katanya, maksudnya ialah hendak menanamkan semangat cintai tanah air, tempat tumpah darah saya. "Tapi ayah dan mak berasal dari Sumatera?" tanya saya. Jawabnya: "Sumatera pun negeri Melayu juga," sambil tersenyum, tetapi tidak menyambung keterangannya itu. Saya pun tidak menyambung pertanyaan kerana tidak tahu apa yang hendak ditanyakan lagi. Tetapi keterangan ayah yang, pada fikiran saya ketika itu, penuh misteri dan mengandungi seribu rahsia, ada agaknya kena-mengena walaupun secara tidak langsung dengan perkembangan politik kenegerian dan Melayu Raya di belakang hari.

* * *

Sekolah Melayu tidak ada di Kampar ketika saya sudah cukup umur untuk bersekolah. Bangunan sekolahnya ada, tetapi telah diambil alih oleh sekolah Inggeris, Anglo-Chinese School, untuk murid darjah satu. Tidak pasti saya apa sebabnya. Tetapi agaknya antara lain, kerana pada suatu ketika dahulu tidak cukup ramai anak Melayu untuk disekolahkan di situ secara kos-efektif. Yang ada ialah

sekolah Inggeris dan sekolah Cina. Jadi terpaksa saya dan anak-anak Melayu yang lain mencari ilmu di Sekolah Melayu Temoh, enam batu jauhnya di selatan Kampar. Mujurlah, ada kereta api sebagai pengangkutan dan murid-murid tidak dikenakan bayaran tambang. Sekolah pun betul-betul di pinggir stesen kereta api Temoh. Jadi kami tidaklah terpaksa berjalan kaki jauh-jauh ke sekolah.

Temoh bandarnya kecil, tetapi mempunyai dua buah pekan yang berjauhan. Dikenali sebagai Temoh Town dan Temoh Station. Temoh Town letaknya kira-kira tiga batu ke barat Temoh Station dan di tengah-tengah jalan raya utara-selatan. Tetapi anak-anak Melayu di Temoh Town bersekolah di Temoh Station. Mereka menunggang basikal ataupun menaiki kereta kuda ke sekolah.

Temoh Station merupakan sebuah pekan-desa atau pekan-kampung yang tipikal. Hanya ada satu lorong, diapit kiri kanan oleh dua blok rumah kedai, di sebelah barat stesen kereta api. Semuanya bangunan kayu, tidak seperti Temoh Town yang mempunyai bangunan batu. Rumah-rumah kedai banyak yang kosong. Mana yang ada, semuanya terdiri daripada pekedai Cina, yang menjual makanan dan minuman, barang-barang runcit dan pakaian serta membeli getah daripada orang Melayu.

Masyarakat Melayu Temoh terdiri daripada suku Jawa, Mendailing, Rawa, dan Kerinci, tetapi kebanyakannya suku Jawa. Mata pencarian mereka ialah berkebun kecil getah, sedikit-sedikit kebun kelapa, dusun dan kebun sayur. Yang tidak berharta, menjadi buruh di kebun-kebun tersebut. Tiap-tiap hari Ahad ada pekan minggu. Ketika itulah orang kampung dan orang pekan membeli-belah. Ada kuih, ada sayur, ada daging, ada tempe, ada bubur, ada tapai, dan ada pecal. Kebanyakan makanan ialah makanan Jawa, kerana yang menjual kebanyakannya orang Jawa. Murid-murid semuanya makan tengah hari di situ pada hari Ahad. Apabila saya berasa jemu, saya pergi ke Temoh Town ke rumah sepupu ayah saya – Salleh juga namanya – yang mempunyai rumah kedai menjual kitab dan kain. Biasanya saya membongkang basikal sepupu saya, sebaik sahaja kelas berakhir. Aktiviti luar kelas tidak ada. Sukan pun tidak ada. Sesampai sahaja di sekolah, murid-murid akan membuka

baju mengambil cangkul untuk membela batas sayur-sayuran. Ini bukan khidmat sukarela. Ini adalah antara sembilan jenis mata pelajaran, iaitu Ilmu Tanam-tanaman. Yang lain ialah Anyam-anyaman, Bacaan, Tulisan, Karangan, Kira-kira, Ilmu Alam, Ilmu Kesihatan, dan Lukisan. Ini memang dirancang khusus oleh kerajaan kolonial bagi pelajaran anak Melayu di zaman itu. Selaras dengan dasar kerajaan, iaitu asal pandai membaca, menulis, mengira, bercucuk tanam, dan juga kesihatan, cukuplah bagi orang Melayu yang sengaja dibiarkan berorientasikan ekonomi kampung, dan sengaja tidak digalakkan mencampuri ekonomi bandar yang semakin maju.

Ada lima kelas semuanya, tetapi tenaga pengajar hanya empat orang sahaja, termasuk guru besar. Perpustakaan tidak ada. Buku-buku teks tidak cukup. Buku-buku pula tidak boleh dipinjam untuk ditelaah di rumah. Jadi, murid-murid terpaksa bergantung semata-mata pada buku harian dan ketekunannya menghayati pelajaran dalam kelas untuk menghadapi peperiksaan. Hal yang menyedihkan ini tidak boleh disalahkan kepada sekolah atau guru kerana Maktab Perguruan Sultan Idris pun baru berumur enam tahun ketika saya memasuki sekolah dalam tahun 1929. Umur saya ketika itu sudah kira-kira sembilan tahun, tetapi kerana kurus dan pendek, nampaklah saya ini seperti berumur tujuh tahun, iaitu tahun mula persekolahan.

Kelas selesai jam 12.00 tengah hari. Tetapi kami murid-murid dari Kampar ada tiga jam lagi untuk membuang masa, kerana kereta api ke Kampar hanya tiba di Temoh pada jam tiga petang. Jadi, selepas makan, masing-masing membawa nasi bungkus dari rumah, kami bermain bola sepak atau *rounders*, iaitu *baseball* cara Melayu di padang bola berhadapan dengan stesen kereta api. Bola kami dibuat daripada getah sekerap. Selepas bermain bola sepak atau *rounders*, kami bermain guli. Penat main guli, kalau ada masa, sambil menunggu kereta api, kami main tengok kuda-kuda jantan yang naik berang tidak berfasal. Kereta kuda menjadi alat pengangkutan utama di Temoh ketika itu. Bas belum zamannya lagi pada waktu itu.

Apabila kami bosan naik kereta api, kami berpakat berjalan kaki pulang mengikut trek kereta api. Kejap berlari,

kejap berjalan. Masing-masing menggelarkan diri – *cowboy* itu, *cowboy* ini, tarzan itu, tarzan ini. Kerana pada zaman itu filem ada empat ciri sahaja: *Cowboy*, Tarzan, lawak Charlie Chaplin dan Harold Lloyd, dan juga hero Douglas Fairbanks Senior. Kebanyakannya gambar bisu. Latar muziknya datang dari *band* yang terdiri daripada tiga anggota. Satu main biola, satu main trompet dan satu lagi main *bass*. Babak sedih, main lagu sedih, babak bertumbuk main lagu *march* dan seterusnya, ikut suasana babak. Ada kalanya suasana lain, lagu lain, kerana ketua *band* pergi ke bilik air.

Ketika kami dalam perjalanan mengikut trek kereta api itu kami melencong ke kampung-kampung, ragut buah rambutan, mempelam, manggis, nangka, langsung, cempedak, pisang, rambai, dan apa sahaja yang terdapat di dusun. Orang kampung tidak marah kerana mereka sudah tahu perangai kami. Apabila sampai ke sungai, kami mandi dan berkelah dengan buah-buahan yang dikutip. Sampai di rumah, masing-masing sudah kenyang.

* * *

Saya lulus pendidikan sekolah Melayu darjah lima pada bulan Oktober tahun 1933. Tetapi peluang saya terhalang seketika untuk memasuki sekolah Inggeris kerana terlebih umur. Kerana saya belum mengerti tentang kepentingan ilmu ketika itu, saya pun tidak ambil kisah. Sementara itu, selain meneruskan pelajaran Ilmu Tajwid, tidak ada "kerja" lain, melainkan menonton wayang gambar bisu atau opera Cina atau berbual-bual kosong dengan kawan-kawan ataupun tengok orang main loto di Kelab Melayu. Di Kampar, setiap kaum ada kelab rekreasinya. Kaum Cina, kaum India, kaum Eropah ada kelab mereka. Kelab-kelab ini juga menurunkan pasukan bola sepak masing-masing. Kelab India tidak pernah saya jenguk. Di Kelab Cina saya lihat orang bermain mahjong secara berjudi. Pertaruhannya tinggi, kerana yang bermain kebanyakannya para jutawan getah dan timah, tidak seperti di Kelab Melayu yang bertaruh hanya dalam lingkungan seringgiti hingga 15 ringgit sahaja. Yang paling seronok ialah menonton ke Kelab Eropah, melihat orang putih berdansa berpeluk-peluk diiringi dengan muzik *waltz*

dan *roaring twenties* termasuk *charleston*. Ini biasanya waktu Krismas dan Tahun Baru.

Selalu juga saya mengikut ayah ke beberapa perkampungan pekerja lombong sekitar bandar, memberikan syarahan agama. Syarahan biasanya diberikan selepas maghrib dan diberhentikan apabila masuk waktu isyak. Perkampungan-perkampungan ini puratanya kira-kira tiga empat batu dari bandar. Jalan-jalan ke situ gelap belaka, di waktu malam. Kami menaiki lanca ke tempat-tempat itu, kerana lanca ketika itu merupakan alat pengangkutan yang paling murah di Kampar. Penariknya orang Cina belaka. Ada seorang penarik tua yang paling digemari oleh ayah. Ke mana sahaja ayah bersyarah, lanca orang tua itulah yang membawanya. Begitulah lakunya sudah bertahun-tahun lamanya. Orang tua itu tidak banyak bicara. Apabila sampai ke tempat yang mendaki, diberhentikan lancanya, ayah pun turun dan menolongnya menyorong dan ketika itu saya masih tinggal di dalam kereta itu. Apabila tiba ke pedataran ayah naik kembali dan orang tua itu meneruskan lariannya berdepak-depak bunyi seliparnya yang dibuat daripada tayar motokar ataupun kepingan getah. Masing-masing tidak bercakap, seolah-olah sudah ada persefahaman dan ikatan muhibah yang terjalin begitu lama antara mereka.

Bagi generasi pada zaman moden ini tentulah takjub bagaimana seorang yang usianya lewat 40 tahun masih mempunyai stamina berlari menarik penumpang sejauh lapan batu pergi balik, selain entah berapa batu lagi berlari menarik penumpang-penumpang lain di sebelah siangnya. Orang seperti itu tentu sahaja layak bertanding dalam sebarang maraton hari ini. Apakah rahsia mereka ini? Golongan penarik lanca kebanyakannya mempunyai susuk tubuh yang kurus. Ada juga yang gempal, tetapi tidak ada yang gemuk. Yang memberi stamina kepada mereka bukan *steroid*, tetapi candu. Tanpa candu, stamina mereka tidak lebih daripada orang biasa. Dengan candu mereka berasa segar dan gagah seperti *The Incredible Hulk*.

Zaman itu, candu dijual secara terbuka. Digalakkan oleh kerajaan, kerana ia membawa hasil yang lumayan kepada perbendaharaan negeri. Pihak swasta tidak dibenarkan berniaga candu, kerana perniagaan ini adalah monopoli

kerajaan. Sebuah kedai candu disediakan, dengan tiga orang Melayu sebagai jurujual dan seorang kerani Cina sebagai ketuanya. Kedai itu disiapkan dengan pelantar panjang, bertikar rotan, berpuluh-puluh paip candu dan bantal kayu tradisional Cina. Candu dijual dalam bentuk kapsul, sebesar kapsul vitamin pada hari ini, tetapi dalam balutan timah hitam, kerana zaman itu plastik belum digunakan. Pelanggan membayar 25 sen untuk satu kapsul. Setelah dibelah oleh jurujual, kapsul itu dibawa oleh pelanggan ke tempat penghisapan. Mereka menghisap candu sambil berbaring, dengan meletakkan kepala ke bantal kayu. Candu dimasukkan ke dalam dapur paip dan ditayangkan ke api yang sedang menyala. Apabila cukup masakanya, pelanggan pun menghisap paipnya. Matanya pejam seolah-olah sudah sampai ke syurganya.

Bukan golongan penarik lanca sahaja yang menghisap candu. Kebanyakan orang Cina lain pun menghisap juga, termasuk tauke-tauke. Itulah sebabnya jualan candu begitu menguntungkan. Oleh sebab semua jurujual candu itu sahabat ayah, maka saya selalu diberi peluang menjual candu di kedai itu, tanpa pengetahuan ayah dan ibu.

* * *

Pada suatu hari pada pertengahan tahun 1934, ayah memberitahu saya sudah boleh belajar di sekolah Inggeris. Surat sumpah telah dibuat yang merendahkan umur saya untuk layak ke sekolah. Permohonan telah diterima, tetapi saya terpaksa menunggu hingga tahun hadapan.

Dalam bulan Januari 1935 saya mula belajar di Anglo-Chinese School, Kampar, tidak jauh dari rumah. Boleh berjalan kaki sahaja ke sekolah. Jalan ke sekolah melalui sebuah kedai kopi Malabari. Di situ saya singgah setiap pagi, minum segelas susu hidup yang panas. Bukan susu segar seperti hari ini yang sudah dipasteur dan dihomogenkan tetapi susu yang datang terus daripada puting lembu. Saya tidak dikenakan bayaran apa-apa kerana kata Malabari itu saya "imam punya anak" dan imam juga minum percuma di situ.

Sungguhpun umur saya sudah 12 tahun, saya dimasukkan

ke kelas *primary* satu, bersama-sama kanak-kanak umur enam tujuh tahun. Kenalah saya sama-sama menyanyi "*Ba Ba Blacksheep*" dan lagu "*nursery rhyme*" yang lain. Tetapi kerana umur saya sudah agak 'matang', dengan latar belakang sekolah Melayu pula, tidaklah lama saya tinggal di kelas-kelas *primary*. Dalam masa tiga tahun sahaja saya sudah ke darjah lima, melalui proses '*double promotion*'. Pada tahun 1940 saya sudah berada dalam darjah lapan atau *Junior Cambridge*.

Anglo-Chinese School (ACS) adalah rangkaian sekolah-sekolah swasta yang bertaburan di seluruh tanah air, diselenggarakan oleh Misi Gereja Methodist Amerika, yang bermazhab Protestan. Sekolah Inggeris kerajaan tidak banyak ketika itu, hanya di beberapa buah bandar tertentu. Antara sebab-sebabnya barangkali ialah kekurangan kewangan. Jadi, sebagai langkah ekonomi, dasar pelajaran kerajaan membiarkan sahaja sekolah-sekolah swasta tumbuh dan membiak, termasuk sekolah Inggeris Katolik dan sekolah Cina yang berorientasikan sistem pendidikan tanah asal mereka. Dari segi ekonomi dan perkembangan intelektual, sekolah-sekolah swasta ini telah memainkan peranan yang lebih penting daripada apa yang dilakukan oleh kerajaan kolonial dalam memenuhi hasrat rakyat berbilang kaum yang semakin ramai dahagakan ilmu. Tetapi dari segi politik dan sosial, dasar kolonial ketika itu membawa akibat buruk di belakang hari.

Pada keseluruhannya, kurikulumnya tidak banyak perbezaan antara sekolah Inggeris swasta dengan sekolah Inggeris kerajaan, kecuali satu mata pelajaran. Oleh sebab sekolah Inggeris swasta kebanyakannya, dibiayai oleh badan-badan pendakwah Kristian, baik Protestan mahupun Katolik, maka diadakan mata pelajaran yang dinamakan *Bible Studies* atau Pengajian *Injil*. Di ACS Kampar, murid-murid yang beragama Islam tidak diwajibkan mempelajarinya, tetapi banyak buku teks, terutama pada tahap kelas rendah, berunsurkan Kristian, yang dipetik daripada cerita-cerita dalam *Injil*. Kerana tidak ada pilihan, saya dan lima murid Melayu yang lain terpaksa sama-sama mengikuti mata pelajaran ini di dalam kelas. Hal ini cukup membimbangkan ibu bapa. Ada yang datang ke rumah minta nasihat daripada

ayah. "Biarlah budak-budak tu belajar," kata ayah. "Menuntut ilmu mustahak. Kalau tidak, kita ditinggalkan orang lain. Tak mengapa, asalkan kalian nasihatkan anak-anak kalian patuh pada agama Islam." Panjang lagi bicara ayah, tetapi yang paling menarik dan mempengaruhi fikiran dan sikap hidup saya hingga hari ini ialah mendengar petua yang diberikan ayah kepada mereka: "Ajar anak kalian menghafal surah al-Kafirun. Insya-Allah, berkat," lalu diterjemah dan ditafsirkannya setiap ayat untuk diingati.

Bagi saya, cogan hidup ketika itu, terutama untuk menghadapi dakwah Kristian ialah ayat terakhir dari surah al-Kafirun, iaitu **لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ** yang bermaksud "untuk kamu agama kamu, untuk aku agama aku". Kemudian hari, semakin saya dewasa, tafsiran ini saya perluas sendiri merangkumi soal-soal fahaman dan pendapat dalam pelbagai bidang ilmu dan pengetahuan, sehingga saya mengambil ketetapan bahawa dalam persoalan hidup, saya bersikap bukan konformis, tidak mahu terikat kepada mana-mana ideologi atau teori, kerana fikiran manusia, suasana masyarakat, suasana dunia, suasana hidup sentiasa berubah. Tidak ada yang statik. Setiap persoalan adalah relatif. Tidak ada kebenaran yang mutlak, melainkan Allah s.w.t.

Tidak lama selepas saya masuk ke sekolah Inggeris, satu tragedi menimpa keluarga saya. Abang saya, Hassan anak kesayangan ibu saya, meninggal dunia setelah kira-kira satu tahun menghidap penyakit barah (yang sekarang dikenali sebagai kanser) yang memakan leher dan ketiakanya. Walaupun jenuh berulang alik berubat di sebuah klinik swasta di Ipoh, yang diselenggarakan oleh seorang doktor Melayu.

Adik-beradik saya 13 orang semuanya. Tetapi ketika saya dilahirkan, hanya tiga yang hidup - abang saya, Hassan, dan dua orang kakak, Rabi'ah dan Yun. Beberapa tahun kemudian, lahir adik saya, Hussein dan dituruti oleh Zain. Waktu menulis ini, Rabi'ah dan Hussein sudah meninggal. Keduanya sempat menunaikan fardu haji. Rabi'ah meninggalkan suami, Haji Badi'ozzaman bin Mohd. Chaus, dan beberapa orang anak. Hussein, bekas Setiausaha Lembaga Bandaran, Kampar, meninggalkan isteri, Leha, dan beberapa orang anak. Sekarang hanya tinggal Yun dan suaminya, Yub

Kamaruddin dan keluarga; Zain, bekas guru dan isterinya, Mariah, dan keluarga; dan saya, isteri saya, Rahmah bt. Om, dan tiga orang anak, seorang perempuan, Ruby, dan dua orang lelaki Azra dan Azhar dan seorang cucu, Muhammad Afiq bin Azra dan isteri Azra iaitu Faridah Haris.

Kematian Hassan meremukkan hati ibu, mengganggu fikiran dan ketenteramannya. Dia baru berusia 19 tahun. Baru lulus Junior Cambridge dan sedang mencari pekerjaan. Dialah yang diharapkan untuk menggantikan ayah yang semakin tua. Dia jugalah yang diharapkan untuk membantu keluarga menikmati sedikit keselesaan hidup. Ibu merintih, katanya, "Anakku, meninggalkan mak, begitu muda." Lima tahun ibu berkhilwat mencari ketenangan di Sungai Batu Berangkai, di pinggir bandar, kira-kira sebatu setengah dari rumah. Pergi pagi, balik petang berjalan kaki sendirian. Di tengah-tengah sungai yang cetek tetapi jernih itu ada sebuah batu hampar. Di situlah ibu membentangkan sejadahnya, sembahyang dan berzikir setiap hari, walaupun panas terik. Hanya apabila hujan lebat baru dia berteduh di salah sebuah rumah Melayu yang tidak berapa banyak di perkampungan orang India di situ.

Segala urusan rumah tangga dipertanggungjawabkan kepada kakak berdua. Hal ini semuanya direstui oleh ayah, yang hanya meminta ibu bersabar dan tetapkan iman. Bagaimanapun peristiwa tragik ini, pada satu aspek, tidak menyenangkan hati saya. Adik-adik masih kecil lagi. Saya merasai kehilangan kasih sayang daripada ibu yang sedang merana itu. Rasa saya, hal persekolahan saya tiada siapa lagi yang ambil peduli. Alhamdulillah; saya cepat sedar daripada lamunan ini dan bertekad meneruskan pelajaran dengan kebijaksanaan sendiri. Mulai dari hari itulah saya mengamalkan prinsip berdikari.

Dalam masa lima tahun ibu "meninggalkan" keluarga, saya cuba menghilangkan rasa kekosongan ini dengan menumpukan sepenuh masa kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan persekolahan. Tidak ada permainan di sekolah yang tidak saya sertai. Badminton, bola sepak, kriket, berenang, bola tampar, bola keranjang, hoki, olahraga, pingpong dan sebagainya. Ragbi yang popular di sekolah-sekolah kerajaan, tidak popular di sekolah-sekolah swasta.

Saya mewakili sekolah hanya dalam bola sepak, hoki, berenang, kriket, dan bola keranjang. Dalam kriket dan bola keranjang itu saya sebagai pemain simpanan. Di seluruh Perak, ketika itu, saya bersama-sama seorang lagi pelajar sahajalah anak Melayu yang bermain bola keranjang, permainan yang sangat popular di kalangan orang Cina. Saya juga ikut masuk pasukan pengakap.

Yang menjadi ketaasuban saya ialah dunia pustaka. Pelajaran di kelas kesusasteraan Inggeris menggoda keinginan untuk memperolehi pengetahuan yang lebih mendalam daripada apa yang dapat diperolehi daripada buku-buku klasik dan bahan-bahan bacaan ringan yang ada di perpustakaan sekolah. Jiwa saya sedang meraba-raba mencari makna tentang hidup, tentang manusia, tentang dunia, tentang alam semesta, tentang Tuhan dan tentang ketuhanan. Sebahagian daripada jawapannya dapat saya timba daripada buku-buku penerbitan Pelican, Penguin, Thinker's Library, dan Penerbitan Fabian, yang juga menerbitkan risalah. Harganya antara satu hingga empat *shiling*. Satu *shiling* ketika itu bersamaan 48 sen, dan berharga 50 sen apabila dibeli di kedai buku, yang ada dua buah di Kampar ketika itu. Jadi, saya tidak keberatan membelinya.

Kebanyakan yang saya baca ketika itu susah saya fahami, terutama mengenai bidang Falsafah, Psikologi, dan Sains Am. Tetapi saya terus membaca dengan ghalrah, dengan nafsu tanpa memberi sebarang nilai, laksana si dahaga meneguk air. Namun, yang paling menarik minat saya ialah buku-buku politik penerbitan Left Book Club dan Fabian Society. Daripada buku-buku dan risalah-risalah Fabian Society saya temui sumber ilham untuk memperluas fahaman *bukan konformis* yang telah dicetuskan oleh surah al-Kafirun tidak beberapa lama dahulu.

Fabian Society ditubuhkan oleh sekumpulan orang British yang berfahaman sosialis dalam tahun 1844. Antara pengasas dan pemimpinnya termasuklah George Bernard Shaw, Sidney Webb dan isterinya Beatrice, H. G. Wells, Bertrand Russell, Graham Wallas, R. H. Tawney, Harold Laski, dan Clement Attlee, yang menjadi Perdana Menteri Kerajaan Buruh British selepas Perang Dunia Kedua, menggantikan Kerajaan Konservatif Winston Churchill. Pada mulanya pertubuhan ini hanya merupakan sebuah badan pemikir hal ehwal

semasa, domestik dan antarabangsa. Setiap hasil perbincangan mereka diterbitkan sebagai risalah. Tidak lama kemudiannya idea-idea mereka mempengaruhi gerakan buruh British dan mereka sama-sama mengasaskan Independent Labour Party (1890) dan Labour Party (1900).

Fabianisme berlandaskan sosialisme evolusioner dan bukan Marxian. Ahli-ahlinya, dikenali sebagai Fabian, menentang faham materialisme Marxian dan doktrin perjuangan kelas. Mereka berpegang pada teori reformasi sosial yang secara beransur-ansur diharapkan membawa perubahan dalam kehidupan masyarakat British daripada sistem ekonomi kapitalis yang wujud ketika itu kepada sistem ekonomi sosialis. Sistem demokrasi liberal dipandang tidak lagi memadai. Soal-soal kebebasan perlembagaan, kebebasan berparti politik, berkesatuan sekerja, berpersatuan, dan kebebasan bermasyarakat tidak lagi memuaskan hasrat rakyat. Selain unsur politik ini, demokrasi hendaklah juga mempunyai unsur-unsur sosial, dan sebarang kerajaan baru hendaklah bertanggungjawab menjamin semua warganegara hidup sejahtera dan mempunyai pekerjaan.

Teori Fabian ini juga kuat mempengaruhi gerakan politik sosial-demokrat di benua Eropah. Pada zaman pentadbiran Perdana Menteri Clement Attlee, seluruh program Fabianisme, telah dapat dilaksanakan dalam tempoh enam tahun sahaja, melalui sistem yang kemudiannya dikenali sebagai sistem "Welfare State" atau 'Negara Kebajikan', iaitu sebuah masyarakat yang mementingkan kesejahteraan hidup untuk semua: kebajikan, keselamatan, keadilan.

Tetapi kebanyakan para intelek yang mencetuskan idea-idea Fabianisme ini tidak menyertai politik secara aktif. Mereka lebih suka menjadi dalang dan penasihat di belakang tabir. Salah satu sebabnya ialah dasar Fabian Society tidak melarang sesiapa sahaja dari mana-mana parti politik untuk menjadi ahlinya. Mereka pula ada kerjaya masing-masing, sebagai pensyarah universiti, wartawan, penulis, novelis, dramatis, ahli ekonomi, ahli sejarah, ahli sains politik dan ahli falsafah. Mereka tidak mahu jadi ahli politik seumur hidup dan tidak mahu pula terikat kepada politik mana-mana parti, tetapi bersimpati dengan parti yang mahu melaksanakan idea Fabianisme.

Dalam masa lima tahun ibu "mengasingkan diri" itu juga dunia sedang menuju peperangan. Eropah sedang menghadapi krisis pemulihan ekonomi dari zaman kemelesetan. Perdagangan antarabangsa kucar-kacir. Eropah juga terdedah kepada gerakan ideologi-ideologi baru dalam bentuk Nazi Jerman dan Fascist Itali yang hendak menakluk dan memperhamba seluruh Eropah dengan kekuatan tenteranya.

Di sekolah saya ada disediakan tempat khas bagi guru-guru dan murid-murid menengah membaca surat khabar dan majalah pada waktu lapang. Lazimnya pada waktu pagi sebelum kelas bermula dan waktu kelas beristirahat. Majalah sama ada mingguan atau bulanan semuanya datang dari England. Daripada surat-surat khabar tempatan dan majalah-majalah British ini, dapat saya mengikuti perkembangan semasa merata dunia. Akhbar dan majalah Melayu tidak disediakan di sekolah tetapi dapat dibaca di rumah kerana ayah ada berlanggan.

Di Asia, tentera Jepun sedang mencerooboh kedaulatan negara China. Di Eropah, menjelang tahun 1939, tentera Nazi Hitler telah pun menakluki Austria dan Czechoslovakia, tentera Fascist Mussolini telah pun menakluki Abyssinia dan Albania. Kuasa-kuasa demokrasi Barat seperti British dan Perancis sedang teragak-agak menentang penceroboh Nazi dan Fascist. Amerika Syarikat ketika itu mengamal dasar isolasionis. Soviet Rusia ada percaturan politik komunisnya. Sementara itu di Asia dan Afrika gerakan-gerakan nasionalis menuntut kemerdekaan daripada imperialis British, Perancis, Belanda, Belgium, Jerman, Itali, dan Amerika Syarikat.

Dalam gerakan nasionalis menuntut kemerdekaan ini, bangsa Melayu tidak ketinggalan. Kesedaran politik Melayu tidak lagi bergerak secara pasif dan berhati-hati. Dalam dekad 1920-an dan awal 1930-an gerakan reformis Islam membangkitkan kesedaran tentang kemunduran masyarakat Melayu dalam segala bidang hidup, melalui media cetak dan sekolah pondok. Pemimpin-pemimpin elit konservatif Melayu pula menyelinapkan kesedaran politik mereka melalui pertubuhan-pertubuhan sosial dan sastera yang terbatas di negeri masing-masing, dan ini menyebabkan timbulnya se-

mangat politik kenegerian atau provinsialisme.

Pada akhir dekad 1930-an kesedaran politik Melayu telah bertukar corak, bergerak secara radikal dan dinamis di seluruh tanah air, dipelopori oleh Kesatuan Melayu Muda (KMM), yang mendapat ilham daripada gerakan nasionalis Indonesia. Buat pertama kalinya dalam sejarah perkembangan politik Tanah Melayu, telah muncul sebuah parti politik yang benar-benar bersifat kebangsaan, mempunyai cabang di setiap negeri di Semenanjung dan memberi kesedaran bahawa bangsa Melayu tidak sembilan atau dua belas tetapi hanya satu. Seluruh Tanah Melayu adalah kepunyaan Melayu, dan British tidak ada hak menjajahnya.

Inilah satu-satunya badan politik Melayu sebelum Perang Dunia Kedua yang memperjuangkan bukan sahaja kepentingan seluruh bangsa Melayu di Semenanjung, tetapi juga bersatu hasrat dengan para pemimpin nasionalis Indonesia untuk menyatukan kembali seluruh keturunan Melayu di Nusantara yang telah sekian lama dipecahbelahkan oleh imperialis Barat.

KMM tidak bergerak secara terang-terangan seperti parti-parti politik hari ini. Keadaan memaksa mereka bergerak secara senyap-senyap dan amat berahsia bukan sahaja kepada umum bahkan juga kepada ahli-ahlinya yang di luar lingkungan pucuk pimpinan. Ini disebabkan selain pemerhatian oleh pihak berkuasa kolonial British, mereka juga tidak popular di kalangan bangsawan dan rakyat konservatif yang pro-British. Lebih penting lagi, kerana pucuk pimpinan mengamal dasar perjuangan serampang dua mata. Satu yang diketahui oleh ahli-ahli biasa, yang sudah tentu sampai ke pengetahuan umum dan satu lagi, perjuangan yang cukup rahsia dan hanya terbongkar ketika Jepun menyerang Tanah Melayu.

Oleh yang demikian, program perjuangan KMM tidak diketahui umum, selain cita-citanya hendak membela nasib bangsa Melayu dan membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman kolonial British. Bagaimanapun propagandanya tajam, terutama melalui akhbar *Majlis* yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Selaku ketua pengarangnya pada satu ketika, Presiden KMM, Ibrahim Yaacob, memasukkan jarum politik partinya dalam pelbagai rencana, termasuk sentimen

anti-British, meskipun ditulis bukan atas nama KMM.

* * *

Tahun 1941 menandakan tamatnya zaman persekolahan saya. Di ACS Kampar tidak ada kelas Senior Cambridge. Jadi saya dihantar ke Anderson School, Ipoh, di Tingkatan Senior Cambridge. Di sekolah kerajaan ini suasana amat berbeza dengan sekolah swasta di Kampar. Para penuntut di Anderson semuanya lelaki daripada berbilang kaum, tetapi majoritinya Melayu. Penuntut di ACS terdiri daripada lelaki dan perempuan yang majoritinya kaum Cina. Pada mulanya, saya selalu juga terkenangkan kampung dan keluarga yang tidak pernah berenggang dengan saya sejak kecil, kecuali seminggu dua dalam masa cuti sekolah, sewaktu saya ke rumah sepupu ayah di Kuala Lumpur ataupun di Taiping ke rumah seorang pegawai MCS Inggeris yang menjadi sahabat baik ayah ketika bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Kampar. Dia dan ayah berutus surat dalam tulisan Jawi, menggunakan perkataan "adinda" dan "kakanda". Tetapi pada kali ini saya akan meninggalkan keluarga selama satu tahun, seperti seribu tahun rasanya. Alhamdulillah, ketika itu juga ibu sudah pun menamatkan khalwatnya dan kembali ke pangkuan keluarga seperti sediakala, akibat terkejut mendengar berita bahawa saya akan bersekolah di Ipoh. Ini melegakan hati kelana yang sedang merinduinya dari jauh. Kadangkala terkenang juga kawan-kawan di Kampar. Rasanya dunia persahabatan yang saya tinggalkan itu tidak akan kembali lagi. Zaman itu boleh dikatakan *the Age of Innocence* dari segi pergaulan masyarakat, baik di dalam mahupun di luar sekolah. Penuntut-penuntut daripada berbilang kaum, lelaki dan perempuan, belajar, bergaul dan bermain dalam suasana aman damai. Tidak ada prasangka, tidak ada curiga-mencurigai, tidak ada kompleks *superior* atau *inferior*, kaya atau miskin, dan tidak ada kesedaran yang kami masing-masing mempunyai identiti kaum yang tersendiri. Perkelahian sudah tentu ada, tetapi itu adalah tabiat anak muda dan manusia sejagat. Perkelahian tidaklah sampai menjadi perselisihan. Tidak sampai kepada memersoalkan asal usul kaum masing-masing, yang boleh men-

cetuskan konflik perkauman. Malah kami berbangga dengan identiti bersama sebagai "Anak Kampar" atau "Kamparians". Faktor utama yang menjadikan suasana begitu sentosa ialah ketiadaan parti politik. Golongan dewasa di bandar itu belum pandai main politik ketika itu.

Kenang-kenangan ini tidak berlarutan. Suasana di Anderson menyedarkan saya kepada suatu dunia baru. Menginap tidak lagi di rumah, tetapi di asrama, yang disediakan dalam kawasan sekolah bagi penuntut-penuntut Melayu dari luar Ipoh. Makanan disediakan oleh seorang kontraktor India Muslim. Masakannya tawar, tidak pernah cukup asam garam. Kami tidak boleh merungut kerana semua makanannya percuma. Di Ipoh ketika itu belum ada restoran Melayu. Jadi, kalau teringin makan Melayu carilah di kampung. Sebulan sekali, kalau pelajaran tidak mendesak, kami penghuni asrama beramai-ramai menunggang basikal pergi ke daerah Parit, termasuk Kampung Lambur Kiri dan Lambur Kanan, makan di rumah kawan-kawan. Dalam musim durian, kami dapat hidangan istimewa pulut bergaul pengat durian. Balik ke asrama kami mencuci pakaian masing-masing. Yang berada sedikit menghantar pakaian ke kedai dobi.

Tiap-tiap hari Jumaat semua mesti ke masjid, berjalan kaki beramai-ramai, kira-kira sebatu jauhnya. Ini berbeza dengan waktu saya di ACS dahulu yang setiap pagi Isnin diadakan *chapel* ibadat cara Kristian, yang semua murid dikehendaki menghadirinya. *Chapel* dimulakan dengan syarahan, diikuti dengan menyanyi lagu-lagu agama, diakhiri dengan doa. Saya ikuti syarahan, turut menyanyi, tetapi tidak ikut berdoa. Tiada siapa yang tahu apa yang saya teriakkan di dalam hati ketika menyanyikan lagu-lagu Kristian itu.

Salah satu hal yang menarik perhatian saya awal-awal lagi di Anderson ialah moto sekolah: "*To Strive, To Serve, and Not To Yield*" (Berjuang, Berbakti, Pantang Menyerah). Saya rasa secocok dengan semangat *bukan konformis* yang sedang mempengaruhi pemikiran saya ketika itu. Secocok dengan kalimah akhir surah al-Kafirun dan sikap falsafah politik Fabianisme. Dan secocok dengan sentimen antifascist yang sedang bersemarak di hati saya setiap kali membaca berita atau buku yang mengisahkan kezaliman, kekejaman

dan keangkuhan pihak Nazi Jerman, Fasis Itali dan Imperialis Jepun, yang semakin hari semakin ligat menjunamkan dunia ke kancah peperangan.

Bibit-bibit peperangan sejagat sudah pun bermula pada pertengahan dekad 1930-an sewaktu Jepun berjaya menakluki sebahagian benua China, termasuk Manchuria yang ditukar namanya kepada Manchukuo, sebagai sebuah negara yang kononnya baru dan merdeka di bawah sebuah pemerintahan boneka Jepun. Api-api peperangan menyala pula di benua Eropah dengan munculnya kuasa Nazi dan Fasis dan merebak menjadi peperangan besar setelah British dan Perancis mengistiharkan peperangan terhadap Hitler dan Mussolini.

Akan tetapi peperangan yang melibatkan seluruh dunia hanya menjadi kenyataan apabila Amerika Syarikat membatalkan dasar isolasionisnya dan mengisytiharkan peperangan di sebelah Britain dan Perancis setelah pangkalan Tentera Laut Amerika di Pearl Harbour, Hawaii, dimusnahkan secara mengejut oleh Jepun pada awal Disember 1941.

Riak peperangan yang akan tiba di Tanah Melayu sudah terasa pada kami di Anderson, kerana beberapa bulan sebelumnya sekolah kami telah digunakan oleh tentera British sebagai markas dan berek askarnya. Kami dibenarkan tinggal di asrama, tetapi semua penuntut terpaksa meneruskan pelajaran di sekolah swasta, St. Michael Institution, dekat masjid tempat kami sembahyang Jumaat. Kami mengambil sesi petang dan penuntut St. Michael sesi pagi.

Saat yang diramal-ramal dan ditakuti tetapi bersejarah itu akhirnya tiba pada pagi Isnin, 8 Disember 1941 dalam bentuk pendaratan mengejut baia tentera Jepun di Kota Bharu, Kelantan. Perang Dunia Kedua sudah merebak ke Tanah Melayu.

Ketika itu kami sedang di dalam peperiksaan. Secara kebetulan, pagi itu kami sedang tekun menjawab soalan-soalan kertas sejarah. Apabila pegawai peperiksaan mengumumkan bahawa tentera Jepun telah mendarat baru sebentar tadi di Kota Bharu, masing-masing terpegun, pandang-memandang mencari kepastian. Dewan peperiksaan sunyi senyap seketika. Pegawai peperiksaan menambah: "Kamu sekalian boleh pulang, setelah menyelesaikan kertas peperiksaan. Peperiksaan seterusnya dibatalkan."

"Peperiksaan dibatalkan!" Pengumuman itu disambut dengan tempik "hooray" yang menggamatkan. Tiada siapa agaknya yang menunggu menghabiskan kertas peperiksaan. Masing-masing bergegas berlari menuju pintu keluar, meninggalkan kertas peperiksaan terbiar begitu sahaja di dewan. Hati masing-masing berkecamuk dengan seribu satu pertanyaan. Bagi saya, kesan pengumuman itu tidak menyenangkan. 'Perang sudah tiba, rancangan masa depan hancur, hidupku terancam, selamatkah keluargaku di Kampar, sempatkah aku balik ke kampung.'

Dalam perjalanan balik ke asrama, kehidupan di bandar Ipoh nampaknya biasa. Hati lega sedikit. Tentera Jepun masih jauh lagi agaknya. Tetapi, apabila sampai di asrama kelihatan askar British sedang sibuk membuat persiapan pertahanan. Mana yang menjadi kenalan baik kami dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan, sempat bersalam-salaman dan mengucapkan "sampai ketemu lagi." Kebanyakan mereka muda-muda, tidak jauh beza umurnya dengan umur kami dan kebanyakannya berbicara dengan loghat *Cockney* dari kawasan miskin East End London, dan banyakkah kata-kata mereka yang tidak kami mengerti tetapi cuba memahaminya secara agak-agak.

Alhamdulillah, kami selamat pulang ke kampung masing-masing, dengan pengalaman peperangan tersendiri pula. Tetapi, selepas perang askar British yang menjadi kenalan kami itu, tidak seorang pun saya ketemu lagi. Sama ada mereka gugur di medan pertempuran atau jadi tahanan perang ataupun selamat pulang ke United Kingdom, wallahu-alam. Ini adalah harga peperangan.

Pulang ke kampung, saya dapati Kampar sudah menjadi kubu pertahanan British, dengan kekuatan satu rejimen lengkap dengan meriam-meriam antitank yang ditempatkan di lokasi strategik sekitar bandar. Beberapa hari kemudiannya kedengaran berita mengatakan Taiping sudah tumbang dan tentera Jepun sedang menuju ke Kuala Kangsar dan Ipoh. Seluruh penduduk dikerah meninggalkan rumah, lari ke mana sahaja untuk selamat. Keluarga kami dan beberapa keluarga lain dari Kampung Cangkat memilih lari ke Kampung Air Hitam, empat batu ke selatan Kampar. Masing-masing ada kebun di sini. Tetapi belum sempat sampai di Air Hitam,

pertempuran telah berlaku, tembak-menembak sayup-sayup kedengaran. Kami terpaksa bermalam dalam ladang getah. Tempat perlindungan kami itu rupa-rupanya menjadi medan peperangan. Kami tersepit di antara tentera Jepun di sebelah barat dan tentera British di sebelah timur. Ada kalanya Jepun di belakang, British di depan dan sebaliknya, ikut bagaimana kami berkisar mencari perlindungan dari semasa ke semasa. Dua hari dua malam kami tidak cukup tidur, tidak cukup makan, sentiasa bergerak, sentiasa dalam ketakutan. Siang hari lega sedikit, kerana tidak banyak kedengaran pertempuran, tetapi malamnya peluru meriam simpang-siur di atas kepala menerangi hutan yang gelap-gelita itu. Ayah menyuruh setiap orang berdoa mohon perlindungan daripada Allah S.W.T. dan membaca ayat-ayat al-Qur'an seberapa yang dapat.

Dalam tragedi ini ada juga kelucuaannya. Siang hari ketika peperangan lega sikit, ketika kaum wanita sibuk menyiapkan makanan, kaum lelaki cuba menghilangkan ketakutan dengan mengarang cerita yang menimbulkan ketawa berpanjangan. Kebanyakan cerita diolah daripada bahan-bahan yang kami makan. Makanan bercatu, nasi tidak pernah cukup. Sambal tidak bergaram, tidak berbelacan. Ikan hanya ikan kering. Sayur, mana yang dapat dicari dalam hutan. Kalauangka, kulitnya sahaja yang dibuang, yang lainnya jadi makanan termasuk umbut dan bijinya. Yang empunya cerita biasanya mengakhiri jenaka dengan mengusik saya. Orang lain pikul makanan, atau pakaian, tapi Salleh pikul buku.

Pada hari ketiga, peperangan sudah reda. Malam kembali sunyi, melainkan bunyi riang-riang dan burung hantu. Ke-esokan harinya kami bergerak menuju ke Air Hitam. Dalam perjalanan, kami temui sisa-sisa peperangan. Senapang, meriam dan mayat-mayat bergelimpangan di sana sini. Sudah busuk, berulat di mata dan di mulut, serta perut yang sudah buntal. Ngeri dan sedih kami memerhatikannya. Itulah peperangan. Sepuluh hari sepuluh malam kami menjadi orang pelarian. Tiga hari di dalam ladang getah, tujuh hari di Kampung Air Hitam – Datang berita mengatakan Jepun telah menawan Kampar – Kami pun bersiap untuk pulang.

Di bandar, bendera Jepun berkibar dengan megahnya di sana sini, termasuk di atas kedai Jepun yang tunggal di

Kampar. Kedai itu dikawal oleh beberapa orang askar yang berdiri di kiri kanan pintu secara siap sedia dengan senapang. Sejurus kemudian keluar seorang pegawai berpakaian seragam serba putih yang menandakan dia dari Angkatan Laut. Alangkah takjubnya saya apabila mengenali yang pegawai itu tidak lain daripada orang tua yang selalu memberi saya gula-gula setiap kali saya membeli barang di kedainya sewaktu kecil. Bahkan, ketika saya berkhatan, ubat dari kedainya itulah yang ditakdirkan menyembuhkan luka. Tetapi kali ini mukanya serius sahaja dan terus menaiki kereta tentera menuju ke suatu destinasi tertentu. Sampai hari ini saya mengesyaki bahawa dia menggunakan kedai itu sebagai *front* untuk melindungi tugasnya yang sebenar sebagai salah seorang perisik atau *spy* Jepun di Tanah Melayu semenjak sebelum perang. Ini menjadi salah satu faktor mengapa bala tentera General Yamashita begitu mudah dan begitu cepat dapat memusnahkan pertahanan British di Semenanjung dan Singapura dalam tempoh 70 hari sahaja.

Dalam hal ini, ada juga sebahagian ahli-ahli KMM yang dipilih oleh pihak pemimpin sebagai ejen perisik bagi pihak Jepun. Mereka itu ditugaskan merisik seberapa dapat segala yang berlaku di dalam dan di luar kem tentera British di tempat-tempat yang strategik, seperti Kuala Lumpur, Melaka, Taiping, Alor Setar, Sungai Petani, dan Kota Bharu. Bagi memudahkan lagi usaha memungut maklumat, mereka menjalinkan hubungan baik dengan kenalan masing-masing yang bekerja di dalam kem-kem tentera British. Di Kuala Lumpur umpamanya, mereka menggunakan khidmat pelacur di kelab malam yang sering dikunjungi dan ditiduri oleh tentera British. Segala maklumat yang dikutip diserahkan kepada pihak Perisik Ketenteraan Jepun melalui saluran-saluran yang telah ditetapkan.

Kerjasama yang diberikan oleh KMM ini sedikit sebanyak memudahkan operasi tentera Jepun menembusi benteng-benteng pertahanan British dari utara ke selatan Tanah Melayu, sungguhpun Jepun tidak bergantung semata-mata pada KMM. Pihak Perisik Ketenteraan Jepun, selain menggunakan orang-orangnya sendiri, juga menggunakan tenaga segolongan kaum India anti-British yang menuntut kemer-

dekaan bagi India, yang kemudiannya membantu menu-
buhkan Tentera Nasional India di luar India yang dipimpin
oleh Subhas Chandra Bose yang tidak sabar dengan dasar
Gandhi dan Nehru yang menuntut kemerdekaan secara
berdiplomasi dan mengharamkan kekerasan.

Apakah yang mendorong KMM yang berjiwa nasionalis
itu rela bertindak sebagai "Sayap Kelima". Jepun sehingga
dicap oleh sesetengah pihak sebagai "kolaborator" atau "tali
barut Jepun"? Kalau ditanya mana-mana bekas pejuang
KMM, jawapannya mudah: "Kami berjuang untuk menebus
kedaulatan Melayu yang sudah hilang. Kami mahu hidup di
dalam sebuah negara yang merdeka. Kami anti-British tetapi
tidak ada kekuatan untuk melawannya. Kami dapati Jepun
mahu bekerjasama dalam perjuangan kami memerdekakan
Tanah Melayu. Suasana yang mendesak menuntut keputusan
yang mendesak. Kami tidak ada pilihan lain. Tetapi kami
membuat pakatan ini dengan mata yang celik."

Sikap yang semacam ini tidak terbatas pada perjuangan
nasionalis di Tanah Melayu sahaja. Di seluruh Asia Tenggara,
pada zaman peperangan itu para pejuang nasionalis meng-
ambil sikap yang sama, iaitu bekerjasama dengan Jepun
untuk memerdekakan tanah air daripada penjajah masing-
masing "dengan mata yang celik". Mereka sentiasa sangsi
terhadap maksud Jepun yang sebenar kononnya hendak
membebaskan Asia daripada penjajahan Barat, kerana me-
reka memang menganggap Jepun sebagai imperialis baru
di sebelah Timur. Mulut mereka melaung-laungkan slogan
"Asia untuk Asia" dan "Kemakmuran Bersama di Asia Timur
Raya" yang digoreng oleh mesin propaganda Jepun, tetapi
di dalam hati masing-masing kepentingan tanah air tidak
boleh digadai.

Kesangsian itu tidak lama menunggu bukti. Kekejaman
dan keangkuhan penakluk baru ini memaksa para pejuang
nasionalis mengambil tindakan talam dua muka. Bagi KMM,
Jun 1942 merupakan persimpangan jalan dalam perjuang-
an pembebasan tanah air. Setelah kira-kira 14 bulan berji-
nak-jinak dengan Jepun - sejak diperalatkan sebagai sarang
pengintip sebelum perang dan sebagai suara propaganda
ketika Jepun menjalankan *order* barunya - KMM tiba-tiba
diharamkan sebagai sebuah badan politik, ketika pengaruh

KMM sedang melonjak di kalangan masyarakat Melayu dan keahliannya bertambah berlipat ganda.

Ada pihak mengatakan pengharaman ini berpunca daripada kesangsian Jepun terhadap hubungan KMM dengan Parti Komunis Malaya yang ketika itu sedang menjalankan perang gerila terhadap Jepun. Walau bagaimanapun dari segi perjuangan KMM, tindakan Jepun itu memberi isyarat bahawa Jepun sudah menukar dasarnya dan tidak mahu lagi menunaikan janjinya untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu melalui KMM. Sejak pengharaman itu KMM mulai memakai dua topeng. Satu topeng pro-Jepun dan meneruskan kerjasama, dan satu lagi topeng anti-Jepun dan secara sulit cuba mempererat hubungan dengan Parti Komunis Malaya dan dengan gerakan nasionalis Indonesia yang sejak awal lagi telah membahagi-bahagikan tenaga untuk bergerak di atas dan di bawah tanah.

Sejarah membuktikan bahawa rancangan anti-Jepun KMM ini gagal. Tanah Melayu tidak dimerdekakan. Indonesia mengisytiharkan kemerdekaannya sendiri dua hari setelah Jepun menyerah kalah kepada kuasa Barat. Parti komunis Malaya terus berjuang cuba menegakkan sebuah republik komunis di Malaya. Walaupun gagal, KMM telah mencipta sejarah sebagai gerakan nasionalis Melayu yang pertama dan meninggalkan warisan politik nasionalisme Melayu yang disambung dan diperkukuh oleh gerakan-gerakan nasionalis Melayu sesudahnya, seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Pihak yang menuduh KMM sebagai "tali barut" Jepun nyatalah membuat kesimpulan dari kaca mata percaturan politik Barat. Bagaimanapun pengalaman gerakan nasionalis sewaktu perang di seluruh Asia Tenggara sepatutnya ditinjau dari kaca mata pejuang nasionalis antiimperialis Asia. Selama mereka di bawah takluk imperialis Barat mereka terputus daripada politik dunia, dikurung dalam kandang eksploitasi dan penindasan penjajah masing-masing. Rakyat Asia Tenggara menjadi banduan di tanah air sendiri. Kongkongan dan penderitaan sekian lama inilah yang mencetuskan semangat nasionalisme menentang imperialisme.

Pengalaman kesengsaraan sebagai korban imperialis Barat,

keinginan menentang dominasi Barat, dan kemunculan Jepun sebagai sebuah negara moden dan kuasa besar bertaraf antarabangsa di Asia, menjadi motif utama semangat dan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara. Apabila Jepun yang didewa-dewakan itu menunjukkan belang sebagai imperialis baru yang hendak memperhambakan bangsa Asia sendiri, gerakan nasionalis Asia Tenggara mengambil sikap antiimperialis Jepun pula. Maka bermulalah suatu revolusi pemikiran di kalangan mereka bahawa kemerdekaan tanah air mesti diperjuangkan atas tenaga dan kebijaksanaan rakyat kolonial sendiri.

Pemimpin-pemimpin seperti Soekarno dari Indonesia, Ho Chi Minh dari Vietnam, Aung San dari Burma, Jose Laurel dari Filipina, dan Pridi Panomyong dari Thailand, semuanya *kolaborator* pada zaman penduduk Jepun, tetapi di mata rakyat, mereka menjadi simbol perjuangan kemerdekaan tanah air masing-masing. Tidak ada bezanya antara mereka dengan pemimpin-pemimpin *kolaborator* di Eropah pada zaman Nazi Jerman. Apa ada pada nama. Di Eropah, yang menjadi *kolaborator* ialah warganegara daripada bangsa-bangsa yang memang sudah merdeka sebelum perang. Di Asia Tenggara, yang menjadi kolaborator ialah pemimpin-pemimpin rakyat yang belum merdeka.

Di Bawah Imperialisme Jepun

PEPERANGAN di Malaya sudah tamat. Tetapi di Eropah dan di Pulau-pulau Lautan Pasifik, peperangan makin menjadi-jadi. Seluruh Asia Tenggara sudah menjadi takluk empayar Jepun. Kemerdekaan yang diharap-harapkan oleh KMM tidak berlaku. Yang berlaku hanyalah bayang-bayang keamanan. Malah sepanjang tiga tahun setengah di bawah pemerintahan Jepun, Tanah Melayu mengalami suatu zaman kegelapan yang lebih buruk dari zaman kolonial British dahulu. Kekejaman dan kezaliman ke atas rakyat menjadi perkara biasa. Kebebasan bersuara tidak ada. Yang ada hanya ketakutan dan kebimbangan. Di mana-mana suasana muram dapat dirasai. Kepura-puraan menjadi perisai hidup, walaupun antara kenalan biasa.

Yang menentukan nasib bukan pemerintah awam tetapi pemerintahan kediktatoran tentera. Dan banyaklah perubahan berlaku di bidang politik, ekonomi dan sosial tanah air. Dalam bidang politik, seluruh Semenanjung disatukan menjadi sebuah wilayah Jepun di bawah pentadbiran tentera. Sistem kesultanan dikekalkan tetapi kuasanya lebih rendah daripada yang wujud pada zaman British. Kuasa mutlak berada dalam tangan Gabenor Jepun bagi tiap-tiap negeri.

Sungguhpun kesatuan pentadbiran ini merupakan suatu perubahan yang radikal di dalam sejarah pentadbiran di Tanah Melayu yang sebenarnya mendahului gagasan Malay-Union ciptaan British selepas perang – namun sistem ini tidak lama wujudnya. Pada penghujung 1943 Jepun telah menyerahkan Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu

kembali kepada Thailand, yang telah menyerahkan negeri-negeri ini kepada British di dalam suatu perjanjian pada awal abad ke-20.

Walau bagaimanapun, bagi negeri-negeri yang tinggal di bawah wilayah kesatuan, Jepun mengekalkan sistem pentadbiran awam warisan British. Bezanya kali ini tidak dipenuhi oleh pegawai-pegawai British tetapi oleh pegawai-pegawai Melayu yang sudah berpengalaman. Kesempatan ini digunakan sepenuhnya oleh para pegawai Melayu bagi membuktikan kebolehan mentadbirkan negeri sendiri. Secara tidak langsung, hal ini menggalakkan lagi semangat nasionalisme Melayu yang sudah pun membara sebelum perang. Kejayaan pentadbiran Melayu pada zaman Jepun inilah yang menjadi salah satu faktor meyakinkan bangsa Melayu bertindak menentang Malayan Union.

Penyerahan empat negeri Melayu kepada Thailand telah membakar kemarahan orang Melayu terhadap Jepun. Terutama di kalangan pegawai dan golongan terpelajar Melayu ketika itu. Tindakan Jepun ini dipandang bukan sahaja sebagai mengaibkan bangsa Melayu di mata kaum imigran, tetapi juga sebagai langkah pertama dalam proses "menghilangkan Melayu di dunia". Hari ini, dalam zaman Merdeka, sewaktu Melayu masih berkuasa menentukan nasib seluruh masyarakat Malaysia, reaksi Melayu yang hangat-pijau ini mungkin boleh diketepikan dengan sikap selamba, sebagai suatu reaksi yang agak ekstrem dan tidak berasas. Tetapi dalam suasana yang diselubungi oleh ketakutan dan kebimbangan ketika itu, emosi dan intuisi mempengaruhi pemikiran segelintir manusia Melayu yang berani meluahkan bisikan kalbu, walaupun perbincangan dilakukan dalam keadaan yang penuh rahsia. Sejak itu, Melayu tidak lagi memandang Jepun sebagai pembebas tetapi sebagai penjajah baru di Asia. Propaganda Jepun yang mencanangkan "Asia untuk Asia" sebenarnya bermakna "Asia untuk Jepun" dan "kemakmuran bersama" bermakna kolonialisme Barat digantikan oleh kolonialisme Jepun.

Dalam bidang ekonomi, industri tidak bergerak. Perlombongan bijih timah lumpuh. Ladang-ladang getah kepunyaan syarikat-syarikat Eropah ditutup. Hanya segelintir ladang getah Cina dibenarkan terus beroperasi. Rakyat tidak cukup

makanan berzat dan banyak pula yang menderita pelbagai penyakit. Ubat-ubatan amat berkurangan. Melayu di desa lebih selesa hidup kalau dibandingkan dengan saudaranya di bandar. kerana di kampung mereka dibenarkan terus bercucuk tanam. Ramai kaum Cina meninggalkan bandar membuka kebun sayur di tanah-tanah kerajaan sebagai setingan. Ramai pula pemuda pemudi Cina lari ke hutan menyertai komunis yang sedang menjalankan perang gerila menentang Jepun. Mereka inilah yang menjadi tulang belakang Parti Komunis Malaya dan mencerobohi keamanan Malaya selama 12 tahun selepas Perang Dunia Kedua. Kaum India lebih teruk lagi hidupnya. Beribu-ribu orang kehilangan pekerjaan kerana semua ladang getah Eropah ditutup. Ramai yang menjadi mangsa pembinaan "jalan kereta api maut" yang menyambung Burma dengan Thailand, dan ramai lagi yang direkrutkan ke dalam Tentera nasional India pimpinan Subhas Chandra Bose.

Dalam bidang sosial, seluruh sistem pendidikan dinipponisasikan. Bahasa Jepun menjadi bahasa pengantar. *Nippon seishin* atau "semangat kejepunan" dijadikan akhlak bagi para penuntut dan para pegawai, terutama guru-guru. Bahkan pada satu ketika, Jabatan Propaganda Jepun cuba mempopularkan teori "satu agama bagi semua bangsa" yang berasaskan "Mahayana Buddhism". Kalender tidak lagi mengikut sistem Barat. Tahun 1944 menjadi tahun 2604.

Menurut Putera Shotoku, agama Buddha adalah satu-satunya sistem falsafah yang mengajarkan hukum-hakam yang universal. Agama Buddha, katanya lagi, adalah cukup ideal bagi segala makhluk dan asas yang muktamad bagi semua negara di dunia. Versi Inggerisnya berbunyi: "(*Buddhism*) constitutes the final ideal for all living beings and the ultimate foundation of all countries."

Putera Shotoku (574-622 Masihi) ialah Pemangku Raja bagi permaisurinya Empress Suiko. Shotokulah yang dikatakan bertanggungjawab menyatukan seluruh Jepun menjadi sebuah negara yang berkerajaan pusat dan yang memberikan Jepun perlembagaan negaranya yang pertama atau *Magna Cartanya*, pada tahun 604 Masihi.

Pada awal Pendudukan Jepun, saya menjadi mangsa kekejaman Jepun secara tidak langsung. Saya menghidap

sejenis penyakit beri-beri setelah menyaksikan askar Jepun memancung kepala Cina beramai-ramai. Orang-orang yang mereka berkas itu pada mulanya disuruh menggali lubang besar. Kemudian mereka disuruh beratur, seorang demi seorang dipancung kepalanya. Kemudian semua mayat diterajangkan ke dalam lubang, tanpa ditimbus. Orang-orang yang menyaksikan pembunuhan hidup-hidup ini tidak dipengapakan kerana Jepun mahu masyarakat menyaksikan sebagai teladan.

Satu bulan saya menderita akibatnya. Kaki kiri saya dari paha ke betis tidak berasa apa-apa seperti kebas. Apabila hendak melangkah, begitu terasa beratnya. Saya terpaksa mengheretnya dengan kaki kanan, tetapi saya gagahi juga berjalan perlahan-lahan dari rumah ke kedai dan sebaliknya, walaupun perjalanan ini mengazabkan. Tiada siapa yang tahu cara mengubatnya, termasuk doktor. Doktor hanya menasihati supaya banyakkan memakan makanan yang berzat. Tetapi itu suatu hal yang mustahil. Kami seisi rumah hanya makan nasi randau – beras kapur campur ubi dan dijadikan bubur – ketika itu. Kemudian saya dapat satu idea, cuba mengeluarkan peluh dengan menyangkul. Tetapi di mana? Di rumah tidak ada tanah untuk bercucuk tanam. Saya temui Penghulu Kampar. Maka dengan pertolongannya saya dibenarkan membuat pondok kecil di sebuah tanah lapang di pinggir bandar, bekas padang rumput yang digunakan oleh gembala lembu dan kerbau untuk makanan ternakannya.

Dari rumah ke ladang tidak begitu jauh, hanya di belakang Jalan Idris. Setiap pagi orang akan melihat seorang pemuda memikul cangkul sambil mengheret sebelah kakinya perlahan-lahan dari hujung Jalan Ampang menuju hujung Jalan Idris. Sebelah pagi saya menyangkul untuk membuat batas. Tengah hari, makan bekalan apa yang dapat disediakan di rumah dan minum air tawar yang telah dijerang. Waktu rehat, sama ada saya menyanyi atau tidur di pondok yang bertiang empat, berbumbung kanvas dan berlantaikan bumi. Setelah berehat, menerangkan ladang pula bagi menyediakan ruang baru untuk dicangkul esok hari. Jam empat berangkat pulang ke rumah. Kaki kiri mulai ringan. Takdir Illahi, dalam tempoh tiga minggu saya menyangkul, kebebasan hilang dan

kembali seperti sedia kala. Hanya beberapa benih ubi kayu, keledek dan cili sahaja yang baru dapat disemai. Tanah itu dibiarkan begitu sahaja dan dikembalikan kepada Kerajaan melalui Penghulu.

Setelah sembuh, saya pun mulai mencari pekerjaan untuk membantu sara hidup keluarga ataupun setidak-tidaknya dapat membantu meringankan beban ayah dengan mengurangkan satu mulut untuk ditanggung.

Sejak di bangku sekolah lagi saya telah menetapkan tidak mahu bekerja dengan kerajaan selagi tanah air tidak merdeka. Saya lebih suka bekerja di sektor swasta, sungguhpun pada zaman British konsep "sektor swasta" bagi saya bermakna termasuk kedai-kedai kecil dan syarikat-syarikat kecil, selain gergasi timah dan getah.

Saya ingin mengasah bakat sebagai wartawan, setelah cita-cita hendak menjadi peguam hancur apabila Jepun mendarat. Di Ipoh sebelum perang ada sebuah akhbar Melayu bernama *Warta Kinta*. Ke situlah yang saya tuju ketika pertama kali mencari pekerjaan. Tiba di *Warta Kinta*, saya temui seorang lelaki yang sedang menyapu di kaki lima pejabat. Saya tanya kalau ada apa-apa pekerjaan bagi saya. Jawabnya, tidak ada. Saya jenguk ke dalam. Mesin cetak ada, tetapi tidak bergerak. Kakitangannya seorang pun tidak ada. Meja-meja pejabat semua kosong.

"Surat khabar belum buka lagi?"

"Belum."

"Bila buka?"

"Entahlah."

"Mana *Manager*?"

"Sayalah *Manager*," jawab orang itu sambil meneruskan penyapuannya tanpa mendongakkan kepala ke arah saya.

"Terima kasih."

"Okey," jawabnya sambil mengeluh.

Sambil meninggalkannya saya terasa yang keluhannya itu bukan kerana lega daripada pertanyaan si bodoh, tetapi kerana mengenangkan nasib perniagaannya.

Beberapa hari setelah gagal mencari pekerjaan di Ipoh saya diberitahu ada kerja kosong di kedai beras kepunyaan orang Melayu di Gopeng, 12 batu di antara Kampar dan Ipoh. Gopeng ialah pusat perkampungan suku Rawa yang

terbesar di Perak. Saudara-saudara ayah juga ramai tinggal di sana. Buyong Adil, ahli sejarah terkenal dan Dahari Ali, Setiausaha Agung pertama Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKKM), kedua-duanya sudah meninggal, berasal dari daerah ini. Begitu juga Rashid Maidin, pemimpin kanan Parti Komunis Malaya. Pergilah saya ke Gopeng, menunggang basikal kepunyaan seorang kawan sekolah. Kerana tidak ada orang lain yang ingin memohon, maka permohonan saya diterima serta-merta. Kerjanya sebagai kuli biasa, gajinya saya sudah lupa tetapi makan tanggung. Saya minta tanggung dua hari kerana hendak balik memulangkan basikal dan memberitahu berita baik ini kepada orang tua.

Apabila saya maklumkan hal ini kepada ibu dan ayah, mereka mengucap syukur dan merestuinnya. "Gaji jangan dikira sangat," kata mereka. "Cukup makan sudah seribu rahmat." Sebenarnya gaji yang dibayar dengan wang kertas Jepun tidak ada nilai sebenar ketika itu, kerana pihak berkuasa tentera Jepun mencetak duit sekehendak hatinya tanpa menyandarkannya dengan nilai emas, dan juga kerana inflasi tidak terkawal lagi. Mata wang Jepun ini dikenali di kalangan masyarakat sebagai "duit pisang" kerana ada gambar pokok pisang di mukanya sebagai identiti mata wang *Marai* (Malaya).

Saya tidak lama bekerja di kedai beras itu. Tempat tidur tidak disediakan. Terpaksalah saya tidur dicelah-celah guni beras dan barang-barang runcit yang lain, seperti kuli-kuli di kedai makanan India di Kampar. Tauke saya itu tidak pernah senyum. Dia tidak suka kuli-kulinya membaca surat khabar atau majalah atau menulis-nulis dalam waktu kerja, walaupun tidak ada pelanggan. Hal ini telah dimaklumkan kepada semua pekerjanya. Saya tidak memperdulikannya dan terus membaca dan menulis pada waktu lapang, tanpa mencuaikan tugas dan kewajipan saya di kedai.

Salah satu sebab saya memilih bekerja di situ ialah kemungkinannya memberi saya kesempatan memburu cita-cita, iaitu membaca dan menulis tanpa gangguan dalam suasana perut yang kenyang dan hati yang tenang. Pada suatu pagi tauke masuk ke dalam kedai terus bersungut ke hulu ke hilir mengeluarkan berbagai-bagai sindiran. Saya tahu sindiran itu ditujukan kepada saya. Sebaik sahaja dia

keluar dari kedai, saya pun memberitahu pengurus, yang juga menantu tauke, bahawa saya hendak berhenti. "Saya tidak menyalahkan orang tua itu," kata saya. "Dia berhak bersungut, dia berhak membuat peraturan dalam kedainya. Tetapi saya lebih mementingkan kebebasan saya daripada makan kenyang di dalam sangkar."

Jauh daripada memarahi saya, pengurus bertanya dengan suara simpati: "Ke mana you nak pergi?." "Bang Jalil menunggu di kedainya," jawab saya. Tiga minggu sahaja saya bekerja di kedai beras. Dalam tempoh itu saya sempat mengirim sebuah artikel kepada majalah *Semangat Asia* di *Syonan* (Singapura). Saya memakai nama pena "Ikmal". Artikel itu tersiar ketika saya bekerja dengan Abang Jalil.

Kedai Jalil tidak jauh dari kedai beras. Ia terletak di belakang jalan besar. Di jalan besar semua rumah kedai diperbuat dari bata-bata berbeza dengan blok rumah kedai yang berdinding papan di kawasan Jalil menjalankan perniagaan. Jalil besar tinggi orangnya, berwajah tampan, berkulit kuning langsung dan berambut keriting. Hidungnya seakan-akan hidung Mussolini. Berusia kira-kira awal tiga puluhan, beristeri dan sudah punya seorang anak perempuan berusia tiga tahun. Perniagaannya memborong pisang. Kedainya itu penuh dengan berbagai jenis pisang. Di sebelah belakang ada sebuah bilik sahaja dan ini digunakan oleh Jalil dan keluarganya. Saya tidur di tengah-tengah timbunan pisang, tetapi hati saya senang, kerana Jalil baik orangnya. Dia memang tahu fiil tauke kedai beras itu dan pernah membayangkan kepada saya kedainya terbuka sekiranya saya perlukan kerja nanti.

Kehidupan keluarga Jalil amat sederhana. Perniagaan pisang tidak membawa hasil yang lumayan. Makanan tidak lagi nasi "tulen" seperti yang saya nikmati di kedai beras, tetapi nasi kanji yang berandaukan pisang. Jalil juga menawarkan gaji, tetapi saya tolak kerana melihatkan keadaannya. Saya syukur tidak kebuluran "di rantau orang".

Apa yang saya hargai tentang Jalil ialah keramahannya. Dia amat mesra dengan saya, yang dipandangnya sebagai adik dan kawan berbual, bukan sebagai kuli. Dia insaf apa ertinya kemiskinan dan pengangguran. Dia gemar berbual hal politik hingga larut malam. "Melayu tidak mampu ber-

niaga secara besar-besaran melainkan kuasa politik di tangan kita," katanya. "Bidang perniagaan semuanya dibolot oleh Cina. Pembekal, pemborong, pengimport, pengeksport, semuanya terdiri daripada orang Cina." Seolah-olah dia hendak menegaskan kemunduran orang Melayu dalam segala bidang perniagaan, Jalil menambah: "Pisang kita pun tak dapat masuk ke kedai kalau tak ada lori Cina." Apabila kita berkuasa di dalam politik, kita boleh tukar semuanya ini, katanya. Kadangkala saya terasa Jalil lebih mementingkan politik daripada perniagaannya. Selepas Jepun menyerah barulah saya ketahui bahawa Jalil sebenarnya orang politik, entah KMM, entah apa. Tetapi ketika MNP atau Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKKM) mengadakan perarakan menyambut setengah tahun kemerdekaan Indonesia di Ipoh pada 17 Februari 1946, Jalil mengambil tempat di barisan hadapan bersama-sama Ahmad Boestamam dan Abdul Rahman Rahim.

Saya sanggup sebulan sahaja bekerja di kedai Jalil. Sebenarnya dia tidak memerlukan pembantu di dalam perniagaannya, yang ditumpukan semata-mata kepada pisang. Saya diambilnya bekerja atas dasar perikemanusiaan. Dan pemberhentian saya sudah tentu meringankan tanggungannya. Lagipun saya ingin berniaga sendiri.

Sekembali saya ke Kampar, saya terus ke gudang bijih Straits Trading Company, yang diamanahkan kepada seorang kerani Melayu, Hamzah namanya untuk menjaganya sepanjang pendudukan Jepun. Hamzah teman saya berbual dan berkelah. Dia tinggal di gudang kosong bersama-sama keluarganya, serta seorang jaga Sikh dan keluarganya. Mereka tidak mendapat gaji dan terpaksa berikhtiar sendiri untuk mencari rezeki. Apabila British kembali nanti barulah mereka dapat tunggakan.

"Apa hal Leh?" tanya Hamzah.

"Aku nak pinjam bilik pengurus kamu, nak buka kedai buku. Tapi sewa tak sanggup," kata saya.

"Dah tak sanggup sewa, mana nak cari buku, niaga atas angin?"

"Tengok aje ... lah ... bak kuncinya."

Hamzah pun pergi mencari kunci. Sambil menghulurkan kunci Hamzah terkekeh-kekeh ketawa sambil berkata: "Salleh

nak' berniaga atas angin," katanya berkali-kali.

Gudang itu strategik letaknya. Di penjuru persimpangan Jalan Gopeng dan Jalan Idris, di tengah-tengah laluan Jalan Ampang. Bakal kedai buku itu di baris Jalan Gopeng. Amat sesuai untuk perniagaan. Tetapi kejayaan sesuatu perniagaan bergantunglah pada apa yang hendak diniagakan, walaupun tempatnya sudah sesuai. Hendak berniaga beras, tiada modal. Hendak berniaga pisang pun tiada modal. Lagipun, pengetahuan yang begitu singkat dalam perniagaan beras atau pisang tidak boleh diharap untuk mencapai kejayaan. Berniaga buku pun belum tentu berjaya, kerana ketika itu orang lebih memerlukan makanan perut daripada makanan otak. Dalam perniagaan buku, saya ada modal pelancaran. Saya boleh melancarkannya dengan koleksi buku saya sendiri, kemudian ditambah dengan buku-buku dan majalah-majalah lama daripada orang lain yang sanggup meletakkan koleksi mereka di kedai saya untuk dijual atau dipinjamkan. Rancangan saya ialah menjalankan perniagaan buku dan majalah terpakai atau *second-hand bookstore*.

Respons daripada kawan-kawan sekolah saya lebih daripada memuaskan. Dalam masa tiga hari sahaja kedai sudah penuh dengan bermacam-macam jenis buku dan majalah, entah dari mana dipungut oleh kawan-kawan saya itu, kerana saya tahu buku dan majalah yang mereka hantar itu bukan daripada jenis pembacaan mereka. Ada buku falsafah, ada buku politik, ada buku ekonomi, psikologi serta novel dan majalah.

Nasib saya baik. Bilik pengurus itu, yang 9.4 meter panjang dan 4.7 meter lebar, dikelilingi oleh para-para yang bertingkat-tingkat dan berpetak-petak. Kotor, berhabuk dan penuh dengan sarang lelabah. Setelah membersihkan bilik dan membongkar segala petak, buku-buku dan majalah-majalah pun diatur mengikut indeks perkara masing-masing. Meja dan tiga buah kerusi memang sedia ada. Saya sudah sedia melancarkan kehidupan baru. Berniaga sendiri. Perasaan saya macam tidak berkesudahan gembiranya pada saat itu. Lesen berniaga tidak ada, tetapi itu tidak menjadi masalah. Jentera pentadbiran di Kampar belum cukup teratur. Berniaga dahulu, lesen kemudian.

Kedai buku itu saya namakan "Pustaka", sungguhpun

semua pustaka di dalamnya berbahasa Inggeris. Sumber pendapatan hanya daripada komisen jualan dan pinjaman. Tetapi "pelanggan" lebih ramai yang datang hendak bersembang daripada membeli atau meminjam. Lebih ramai pula yang meminjam daripada membeli. Pinjaman buku, 50 sen untuk dua minggu dan majalah 15 sen seminggu. Buku dan majalah untuk jualan, ditetapkan bersama-sama antara saya dan tuan punya dengan komisen 30 peratus. Komisen kedai purata sebulan tidak lebih tiga ringgit "duit pisang". Jauh daripada cukup untuk membeli pisang sesikat. Setelah tiga bulan berniaga, "Pustaka" pun saya tutup dengan hati yang sugul dan kecewa. Itulah kali pertama dan akhir saya cuba berniaga sendiri. Nampaknya bakat saya tidak ada dalam dunia perniagaan.

Tetapi saya tidak lama menganggur. Dua hari selepas "Pustaka" ditutup, Penghulu Ayub Haji Ali menawarkan saya pekerjaan di Pejabat Tanah, yang juga dijadikan pusat pendaftaran penduduk dalam daerah kecil Kampar. Sebagai kerani tugas saya berkait dengan hal ehwal tanah, hak milik tanah dan pendaftaran nama-nama penduduk sebagai satu gerakan banci untuk memudahkan pentadbiran catuan makanan. Setelah sebulan di Kampar, saya ditukarkan mengurus pejabat pendaftaran penduduk di Malim Nawar, lima batu ke barat daya Kampar.

Di Malim Nawar saya menyewa sebuah rumah di kampung berhampiran. Siang hari saya makan di kedai, sebelah malam, makan roti di rumah. Roti dalam zaman Jepun semuanya berwarna coklat kerana ia tidak dibuat daripada tepung gandum, tetapi tepung sekoi yang berwarna coklat. Minyaknya minyak kelapa sawit. Roti sekoi ini adalah antara beberapa barang rekaan pengganti yang dihasilkan dengan kebijaksanaan rakyat Malaya pada zaman Jepun. Satu lagi barang gantian yang saya ingat ialah minyak biji getah menggantikan petrol. Tetapi rekaan ini tidak berjaya seperti roti sekoi. Minyaknya kuat melekat dan merosakkan enjin motor.

Di England, majerin yang direka daripada minyak kelapa sawit telah menggantikan mentega yang berkurangan pada masa perang. Sampai hari ini majerin berjaya sebagai pengganti mentega untuk makanan harian rakyat. Sayang

nak' berniaga atas angin," katanya berkali-kali.

Gudang itu strategik letaknya. Di penjuru persimpangan Jalan Gopeng dan Jalan Idris, di tengah-tengah laluan Jalan Ampang. Bakal kedai buku itu di baris Jalan Gopeng. Amat sesuai untuk perniagaan. Tetapi kejayaan sesuatu perniagaan bergantunglah pada apa yang hendak diniagakan, walaupun tempatnya sudah sesuai. Hendak berniaga beras, tiada modal. Hendak berniaga pisang pun tiada modal. Lagipun, pengetahuan yang begitu singkat dalam perniagaan beras atau pisang tidak boleh diharap untuk mencapai kejayaan. Berniaga buku pun belum tentu berjaya, kerana ketika itu orang lebih memerlukan makanan perut daripada makanan otak. Dalam perniagaan buku, saya ada modal pelancaran. Saya boleh melancarkannya dengan koleksi buku saya sendiri, kemudian ditambah dengan buku-buku dan majalah-majalah lama daripada orang lain yang sanggup meletakkan koleksi mereka di kedai saya untuk dijual atau dipinjamkan. Rancangan saya ialah menjalankan perniagaan buku dan majalah terpakai atau *second-hand bookstore*.

Respons daripada kawan-kawan sekolah saya lebih daripada memuaskan. Dalam masa tiga hari sahaja kedai sudah penuh dengan bermacam-macam jenis buku dan majalah, entah dari mana dipungut oleh kawan-kawan saya itu, kerana saya tahu buku dan majalah yang mereka hantar itu bukan daripada jenis pembacaan mereka. Ada buku falsafah, ada buku politik, ada buku ekonomi, psikologi serta novel dan majalah.

Nasib saya baik. Bilik pengurus itu, yang 9.4 meter panjang dan 4.7 meter lebar, dikelilingi oleh para-para yang bertingkat-tingkat dan berpetak-petak. Kotor, berhabuk dan penuh dengan sarang lelabah. Setelah membersihkan bilik dan membongkar segala petak, buku-buku dan majalah-majalah pun diatur mengikut indeks perkara masing-masing. Meja dan tiga buah kerusi memang sedia ada. Saya sudah sedia melancarkan kehidupan baru. Berniaga sendiri. Perasaan saya macam tidak berkesudahan gembiranya pada saat itu. Lesen berniaga tidak ada, tetapi itu tidak menjadi masalah. Jentera pentadbiran di Kampar belum cukup teratur. Berniaga dahulu, lesen kemudian.

Kedai buku itu saya namakan "Pustaka", sungguhpun

semua pustaka di dalamnya berbahasa Inggeris. Sumber pendapatan hanya daripada komisen jualan dan pinjaman. Tetapi "pelanggan" lebih ramai yang datang hendak bersembang daripada membeli atau meminjam. Lebih ramai pula yang meminjam daripada membeli. Pinjaman buku, 50 sen untuk dua minggu dan majalah 15 sen seminggu. Buku dan majalah untuk jualan, ditetapkan bersama-sama antara saya dan tuan punya dengan komisen 30 peratus. Komisen kedai purata sebulan tidak lebih tiga ringgit "duit pisang". Jauh daripada cukup untuk membeli pisang sesikat. Setelah tiga bulan berniaga, "Pustaka" pun saya tutup dengan hati yang sugul dan kecewa. Itulah kali pertama dan akhir saya cuba berniaga sendiri. Nampaknya bakat saya tidak ada dalam dunia perniagaan.

Tetapi saya tidak lama menganggur. Dua hari selepas "Pustaka" ditutup, Penghulu Ayub Haji Ali menawarkan saya pekerjaan di Pejabat Tanah, yang juga dijadikan pusat pendaftaran penduduk dalam daerah kecil Kampar. Sebagai kerani tugas saya berkait dengan hal ehwal tanah, hak milik tanah dan pendaftaran nama-nama penduduk sebagai satu gerakan banci untuk memudahkan pentadbiran catuan makanan. Setelah sebulan di Kampar, saya ditukarkan mengurus pejabat pendaftaran penduduk di Malim Nawar, lima batu ke barat daya Kampar.

Di Malim Nawar saya menyewa sebuah rumah di kampung berhampiran. Siang hari saya makan di kedai, sebelah malam, makan roti di rumah. Roti dalam zaman Jepun semuanya berwarna coklat kerana ia tidak dibuat daripada tepung gandum, tetapi tepung sekoi yang berwarna coklat. Minyaknya minyak kelapa sawit. Roti sekoi ini adalah antara beberapa barang rekaan pengganti yang dihasilkan dengan kebijaksanaan rakyat Malaya pada zaman Jepun. Satu lagi barang gantian yang saya ingat ialah minyak biji getah menggantikan petrol. Tetapi rekaan ini tidak berjaya seperti roti sekoi. Minyaknya kuat melekat dan merosakkan enjin motor.

Di England, majerin yang direka daripada minyak kelapa sawit telah menggantikan mentega yang berkurangan pada masa perang. Sampai hari ini majerin berjaya sebagai pengganti mentega untuk makanan harian rakyat. Sayang

sekali, kita di Malaysia tidak cenderung meneruskan perusahaannya roti sekoi buatan sendiri.

Tugas di Malim Nawar tidak sesibuk tugas di Kampar. Jadi saya banyak masa lapang untuk membaca. Salah satu daripada beberapa buah buku yang saya bawa dari Kampar ialah *The Street of Adventure*, novel karangan Phillip Gibbs, yang mengisahkan kehidupan kaum wartawan di Fleet Street, pusat persuratkhabaran British di London. Buku ini menajamkan lagi hasrat saya hendak menjadi wartawan. Sungguhpun hidup sudah bahagia sebagai kerani, bergaji tetap dan dapat pula membantu sara hidup keluarga di Kampar, tetapi dari sehari ke sehari hati saya semakin nekad hendak menjadi wartawan, biarpun di bawah kuasa Jepun yang semakin saya benci. Biarlah saya korbakan prinsip *bukan konformis* saya untuk sementara waktu asalkan dapat mengasah bakat sebagai wartawan.

Cukup dua bulan bekerja di Malim Nawar, saya pun menyerahkan surat mohon berhenti kepada Penghulu Ayub. Dia menerimanya dengan sedih tetapi penuh simpati terhadap cita-cita saya. Penghulu Ayub inilah yang kemudiannya mengenalkan saya dengan Rahmah, bakal isteri saya, yang juga adik iparnya, ketika saya menjadi editor majalah *Maju*, terbitan RIDA (Lembaga Kemajuan dan Perusahaan Kampung) yang dipengerusikan oleh Dato' Onn bin Jaafar di Kuala Lumpur. Ayub juga ketika itu menjadi pegawai RIDA di Perak.

Di Ipoh, saya pergi ke bangunan akhbar *Perak Shimbun*, yang terletak di penjuru persimpangan Brewster Road dan Anderson Road. *Perak Shimbun* adalah akhbar bahasa Inggeris di bawah naungan Jabatan Propaganda Jepun. Akhbar bahasa Melayunya ialah *Berita Perak*, berpejabat di bangunan yang sama. Editor *Perak Shimbun* ialah J. Victor Morais adik kepada salah seorang guru saya di Anderson. Sebelum perang Victor Morais memegang jawatan Managing Editor *Malaya Tribune*, Cawangan Ipoh. Editor *Berita Perak* ialah Mohd. Zain bin Ayub, Guru Bahasa Melayu saya di Anderson. Cikgu Mat Zain pernah berkhidmat bersama-sama saya di dalam Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, di Kuala Lumpur dalam zaman merdeka.

Temu ramah dengan Cikgu Mat Zain tidak ada masalah

kerana dia tahu kebolehan saya menterjemah. Lalu dibawanya saya menemui Pengarah *Perak Shimbun*, merangkap Pengarah *Berita Perak*. Hal yang pertama yang menarik perhatian saya ialah orang Jepun ini, dalam usia lima puluhan, tidak berpakaian tentera tetapi berpakaian awam. Orangnya cukup tertib dan lembut bahasanya. Beberapa hari kemudian barulah saya ketahui bahawa dia adalah antara beratus-ratus pegawai awam yang dihantar ke Malaya khusus untuk mentadbirkan hal ehwal awam.

Setelah menentukan hal peribadi, pendidikan dan pengalaman saya, Tuan K. bertanya sama ada saya sudah belajar *Nippon-go* (bahasa Jepun). (Dalam zaman Jepun orang membahaskan Jepun, walaupun mereka bukan pegawai, sebagai "tuan". Sama ada hal ini timbul secara spontan daripada kalangan rakyat kerana takut atau dikehendaki oleh pihak Jepun ataupun berasal daripada kalangan tertentu, tidaklah dapat saya pastikan tetapi saya dapati sudah menjadi perkara biasa bagi semua orang membahaskan orang Jepun sebagai "tuan" walaupun bercakap dalam bahasa Inggeris. Dan di dalam temu ramah ini Tuan K. berbicara dalam bahasa Inggeris.) Apabila saya jawab "tidak" dia bertanya "kenapa?" Serta-merta darah muda *antifasis* saya meluap-luap rasanya dari dada sampai ke kepala. Tetapi saya tindas emosi dan tenangkan fikiran. Pertanyaan itu tidak saya jawab serta-merta, sambil mencari helah bagaimana hendak menjawab sebaik-baiknya. Kalau saya luahkan rasa hati yang sebenar, sudah tentu lingkup peluang pekerjaan, atau nasib yang lebih buruk mungkin menimpa. Akhirnya saya jawab bahawa dalam beberapa bulan kebelakangan ini saya sibuk mencari pekerjaan. Tuan K. terdiam seketika. Fikiran saya mereka-reka terus, kalaulah dia berkeras aku mesti belajar *Nippon-go* ... tetapi akhirnya Tuan K. memutuskan bicara: "*Neba mind ... not important ... you wok tomorrow ... report and trasrate, neh?*"

Maka pada Disember 1942 bermulalah kerjaya saya sebagai wartawan. Saya ditugaskan di *Berita Perak* sebagai pemberita dan penterjemah. Sepanjang tiga tahun bekerja di akhbar itu, saya tidak pernah ditugaskan sebagai pemberita, hanya sebagai penterjemah, daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, berita-berita yang dikeluarkan oleh Agensi

Berita "*Domei*" atau *Domei News Agency*. Kalau ada pun saya menjadi pemberita maka tugas itu hanya untuk memetik kenyataan-kenyataan atau pengumuman rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Propaganda Jepun dari semasa ke semasa. Dalam hal ini dapatlah saya mengasah bakat "mengolah berita daripada kenyataan rasmi" supaya berita sedap dibaca dan tidak terlalu rasmi dan sukar difaham. Dengan demikian, kenyataan rasmi tidak dimuatkan bulat-bulat di dalam akhbar dalam bentuk asalnya, tetapi dalam bentuk dan stail sebuah berita. Stail pemberitaan ini banyak saya pelajari daripada meneliti cara "*Domei*" menyusun berita dan membuka cerita, serta daripada buku-buku kewartawanan yang sempat saya baca ketika itu. *Domei News Agency* telah digantikan oleh *Kyodo News Agency* yang masih wujud hingga kini setelah Jepun didemokrasikan di bawah pentadbiran General MacArthur, supremo bagi pihak kuasa-kuasa Barat, selepas perang. Tentera Amerika bagi pihak Sekutu menduduki Jepun dari September 1945 hingga April 1952.

Jabatan Propaganda Jepun di Perak, terutama Bahagian Melayunya, kebanyakannya terdiri daripada golongan guru. Ini barangkali disebabkan masyarakat Asia, termasuk Jepun, memuliakan kedudukan guru. Sewaktu perang, terutama dalam usaha Jepun hendak menegakkan *order* baru di dalam wilayah takluknya, peranan guru dipandang amat penting sebagai alat menanam dan menyebarkan semangat "kemakmuran bersama" di kalangan rakyat. *Berita Perak* tidak terkecuali. Yang saya ingat, pengurusnya, Mohd, Noor Nawi, bekas nazir sekolah; editornya, Cikgu Mat Zain; sidang pengarangnya Cikgu Meor Ngah Akasah; seorang ustaz, yang saya sudah lupa namanya; dan yang bukan guru hanya Mohammad bin Hanif dan saya. Mohammad Hanif dan isterinya tinggal sebelah-menyebelah dengan saya dekat Jalan Bendahara, di sebuah blok berek yang sebelum perang diduduki oleh buruh Jabatan Kerja Raya. Seorang lagi yang bukan guru ialah hero bangsawan, Grand Nooran Opera kalau tidak silap saya namanya Osman atau Rahman. Dia dikenali sebagai "Man Lawa" kerana dia memang lawa orangnya, tinggi, cerah kulitnya, dan berjambang seperti Rudolf Valentino. Setiap hari dia berpakaian serba putih -

kemeja putih, seluar pendek putih, stoking putih dan kasut putih. Siang hari sebagai penterjemah, malam sebagai hero bangsawan. Sidang pengarang yang lain berpakaian serba kemas kerana mereka sudah bekerja sebelum perang dan tidaklah kekurangan pakaian. Saya seorang sahaja yang ganjil. Sebelum datang ke Ipoh, saya menempah sehelai seluar pendek yang disesuaikan daripada baju tweed ayah, berwarna kelabu. Seluar pendek, kemeja sekolah, sehelai kain, sehelai baju Melayu dan sepasang kasut getah inilah yang menjadi pakaian saya hinggalah Jepun menyerah kalah.

Gaji sebulan \$175 duit pisang. Jauh sekali daripada dapat membeli pakaian baru. Wang sebanyak itu hanya dapat membeli keperluan dapur untuk bekalan tiga hari sahaja. Keperluan dapur pun hanya yang asas sahaja, seperti ubi keledak untuk dirandau dengan nasi, sayur, kelapa, ikan, atau udang untuk gulai lemak. Bakinya untuk membeli pisang, yang kadang-kadang menjadi makan malam sampai berhari-hari. Selama tiga bulan pertama saya bekerja di *Berita Perak*, inilah diet saya, sehingga akhirnya cacing panjang membiak di dalam perut dan keluar ketika saya membuang air besar.

Pada bulan keempatnya rahmat datang kepada saya. Kawan lama saya, Wahab Hamid yang sama-sama bersekolah Melayu di Temoh datang mencari kerja di tempat saya bekerja. Wahab Hamid disuruh Jepun berkongsi bilik dengan saya. Dia bekerja sebagai mekanik dengan Angkatan Udara Jepun. Selain bergaji besar, Wahab dibekalkan dengan sekampit beras seberat empat gantang setiap bulan berserta gula. Seperti saya, dia juga dapat rokok Jepun berjenama Koa yang boleh dijual sampai \$100 duit pisang satu karton di pasar gelap. Tetapi saya tak perlu menjualnya di pasar gelap. Setiap hari gaji, ketika semua barang bercatu diagih-agihkan, ada sahaja kawan menawarkan harga. Sebahagian daripada hasil jualan rokok itu saya gunakan untuk membeli cerut. Cerut ini istimewa. Berpintal-pintal seperti sekeru, kira-kira enam inci panjangnya. Cerut ini saya pilih kerana harganya murah dan tahan sampai satu jam baru habis dihisap. Begitulah bermulanya saya merokok, dalam usia awal dua puluhan.

Sejak Wahab menjadi teman sebilik saya, makan tidak lagi

menjadi masalah. Kami bergilir-gilir memasak. Dia cepat tidur. Seluruh berek cepat tidur. Kecuali saya dan Mohamad Hanif, di bilik sebelah. Saya tahu dia belum tidur, kerana sekejap-sekejap dia menghembuskan hingus. Dia juga kuat membaca. Tetapi kami tidak pernah membincangkan apa yang telah kami baca.

Pada zaman Jepun saya banyak waktu lapang untuk membaca, dan juga termenung, merenung dan berfikir. Dua buah buku mencabar pemikiran saya ketika itu ialah, *Mein Kampf* (Perjuangan Saya) karangan Hitler, dan *The World As Will And Idea* (Alam sebagai Gambaran Iradat dan Fikiran) karangan Schopenhauer. Kedua-duanya bangsa Jerman. Seorang tokoh politik, seorang lagi tokoh falsafah. Seorang menjadi dajal dunia, seorang lagi bersikap pesimis terhadap alam. Mereka hidup berlainan zaman. Hitler lahir 29 tahun sesudah Schopenhauer meninggal. Buku Hitler menjadikan saya seorang *pasifis* dan antipeperangan. Buku Schopenhauer pula menguatkan lagi sikap *pasifis* saya kerana katanya dunia ini penuh dengan kejahatan. Tetapi pemikiran saya yang masih mentah ketika itu mengambil kesimpulan, "Ya, aku tetap *pasifis*, tetap antipeperangan, tetapi aku *optimis* dunia ini boleh diselamatkan daripada dajal-dajal seperti Hitler dan Tojo."

Pada masa saya bergelut dengan soal-soal moraliti dan etika ini, Jepun bergelut mempertahankan wilayah-wilayah yang baru ditaklukinya. Kedudukannya makin hari semakin merosot. Angkatan udaranya – yang sewaktu awal Perang Pasifik dapat menguasai seluruh kepulauan Lautan Pasifik dan seluruh Asia Tenggara – semakin lemah dan kekurangan pesawat terbang. Satu demi satu pulau-pulau di Lautan Pasifik jatuh ke tangan tentera Amerika dengan bantuan angkatan udaranya yang jauh melebihi kekuatan Jepun. Di Malaya, gerila Komunis mengacau ketenteraman di sana sini, membunuh orang-orang yang disyaki bersubahat dengan Jepun. Sungguhpun ini perkara kecil bagi Jepun yang sedang menghadapi masalah yang lebih besar mempertahankan empayar barunya di rantau Asia-Pasifik tetapi sekiranya pihak Barat menyerang Malaya maka Jepun terpaksa bertahan sendiri kerana rakyat Malaya tidak boleh diharap untuk menolongnya.

Semakin ia tersepit, semakin hebat propagandanya mengaburi mata rakyat. Berita-berita pertempuran di Lautan Pasifik tidak pernah mengatakan kekalahan Jepun tetapi hanya "pengunduran" dan setiap pertempuran berakhir dengan "kemenangan besar". Tetapi rakyat sudah pandai membaca apa yang tersirat di dalam berita.

Pada bulan September 1943 Fasis Itali telah menyerah kalah di Eropah. Pada awal tahun 1944, tentera Nazi Jerman pula sedang tersepit di antara dua medan peperangan, menghadapi tentera Soviet di sebelah timur dan tentera Anglo-American di sebelah barat. Kemenangan Amerika merampas Pulau Saipan di Lautan Pasifik pada awal 1944 membayangkan titik permulaan ketewasan Jepun dalam peperangan. Pulau itu hanya 2092 kilometer dari Tokyo. Ini bermakna Tokyo sudah boleh dibom oleh pesawat terbang Amerika yang berpangkalan di pulau itu. Tetapi Jepun belum mahu mengaku kalah. Rakyat dan askar biasa sudah termakan propaganda yang sentiasa membawa berita "kemenangan" demi "kemenangan".

Di Malaya, propaganda Jepun semakin hebat, cuba menaikkan semangat "Asia untuk Asia", Merdeka atau diperhamba. Inilah yang kita bangsa Asia hadapi sekarang, kata Jepun memulakan propagandanya. Bangsa Jerman, Itali dan banyak lagi bangsa di Eropah juga memperjuangkan kemerdekaan mereka menentang penjajahan Anglo-Amerika. Bangsa Anglo-Amerika hendak memperhambakan kita semua. Oleh itu menjadi kewajipan kita, bangsa Asia, menentang bangsa Anglo-Amerika dengan segala tenaga dan kekuatan supaya kita selama-lamanya bebas daripada dominasi mereka di sebelah Timur ini. Propaganda ini berakhir dengan "kejayaan tetap di tangan kita". Rakyat Malaya memandang propaganda itu suatu langkah Jepun yang sudah mula cemas dan putus asa.

Kejatuhan Pulau Saipan dan kekalahan Jepun yang teruk di tangan tentera British di medan perang Assam-Burma, memaksa General Tojo – yang bertanggungjawab mencekutkan peperangan di rantau Asia-Pasifik – meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, bersama-sama seluruh kabinetnya. Sesudah Tojo, dalam masa setahun, dua kabinet bertukar ganti.

Pada 26 Julai 1945 Amerika Syarikat dan Britain memproklamirkan kata dua menuntut Jepun menyerahkan segala bala tenteranya atau menerima "kebinasaan serta-merta dan habis-habisan". Kerana tidak memperdulikan kata dua itu, maka sebelas hari kemudiannya Hiroshima dibom pada 6 Ogos, diikuti dengan pengeboman ke atas Nagasaki pada 9 Ogos. Pada 14 Ogos Jepun mengaku kalah, tetapi pengakuan ini dirasmikan hanya pada 15 Ogos. Kami di *Berita Perak* dan *Perak Shimbun* memang sudah dapat beritanya pada 14 Ogos tetapi disuruh tangguh penyiarannya hingga esoknya. Dengan ini tamatlah sejarah imperialisme tentera Jepun di Asia Tenggara. Maka bermulalah zaman atom dan zaman Perang Dingin di seluruh dunia.

Pemberontakan Melayu Modern

TAMAT peperangan, seluruh Eropah lumpuh dan bankrap. Ekonominya hanya dapat dipulihkan dengan bantuan Amerika Syarikat, melalui "Marshall Plan". Salah satu objektif Marshall Plan ialah menghalang gerakan komunis di mana-mana. Oleh sebab itu Soviet Union, yang sedang membina empayarnya di Eropah Timur, mengutuk rancangan itu sebagai suatu langkah anti-Soviet dan sebagai suatu senjata imperialisme Amerika. Kedua-dua "sahabat" yang menentang Hitler tempoh hari, kini menjadi musuh ketat, kerana kedua-duanya telah muncul sebagai "*superpower*" daripada runtuhan peperangan. Maka bermulalah "*peperangan dingin*" antara Soviet dan Amerika yang disokong oleh kuasa-kuasa demokrasi Barat. Perang Dingin ini, selalu tegang tetapi jarang-jarang mencemaskan, hanya berakhir dalam tahun 1990 setelah pemimpin Soviet, Mikhail Gorbachev, mengambil tindakan bersejarah yang akhirnya membawa kepada pembubaran Soviet Union, dan "keamanan gelisah" kepada dunia.

Di Asia, Jepun telah gagal membuktikan kebijaksanaannya memerintah sebagai kuasa imperialis. Bagaimanapun dengan menumpaskan kuasa imperialis Barat dalam peperangan Asia-Pasifik, Jepun telah membinasakan mitos kekebalan Orang Putih di mata rakyat Asia. Dengan mengekalkan pentadbiran awam dikendalikan oleh para pentadbir anak negeri, maka secara tidak sengaja Jepun telah menggalakkan tumbuhnya nasionalisme tempatan untuk membuktikan kebolehan berkerajaan sendiri.

Dengan dua pengalaman pahit korban imperialis Barat dan Timur, nasionalisme Asia tidak lagi rela diperkosa. Kuasa-kuasa imperialis Barat – British, Belanda dan Perancis – tidak lagi boleh kembali ke Asia Tenggara dengan dalih dan alasan kononnya mereka mahu “menyelamatkan Asia Tenggara daripada komunisme” ataupun kononnya rakyat Asia Tenggara “belum layak berkerajaan sendiri”.

Inilah sentimen politik Melayu ketika Jepun menyerah kalah. Dan inilah juga sikap nasionalis Melayu ketika British kembali hendak menyambung dan memperteguh cengkaman kolonialismenya di Malaya.

Keadaan di Malaya selepas Perang Dunia Kedua telah menjalani suatu perubahan yang radikal. Akibat daripada dasar ekonomi kolonialisme sebelum perang, bilangan imigran Cina dan India sudah melebihi bilangan peribumi Melayu. Bukan ini sahaja, kaum imigran tidak lagi banyak pulang ke negeri masing-masing, tetapi semakin ramai yang bermastautin di Malaya.

Kaum Cina terutamanya telah berjaya membina kedudukan yang kukuh dalam bidang ekonomi. Mereka telah berjaya bukan sahaja mendominasi lapangan perdagangan tetapi telah mula menyaingi British di lapangan perindustrian. Ini menjadi suatu masalah besar bersabit dengan dasar dan corak pemerintahan di belakang hari.

Sebelum perang hanya dua pertubuhan politik wujud di Malaya. Kesatuan Melayu Muda dan Parti Komunis Malaya. Bagaimanapun kedua-duanya bergerak secara sulit kerana pihak berkuasa British menindas sebarang gerakan rakyat yang berbau politik. Peperangan telah mencetuskan bunga api gerakan kemerdekaan rakyat yang tidak dapat dipadamkan lagi di Asia Tenggara. Di Malaya, sebaik sahaja tamat peperangan, badan politik yang pertama sekali muncul ialah Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM atau yang lebih terkenal dalam sejarah politik tanah air sebagai “The Malay Nasionalist Party” atau MNP). Parti ini ditubuhkan di Ipoh, pada 17 Oktober 1945, dua bulan setelah Jepun menyerah, sebulan sesudah British kembali memerintah, dan seminggu sesudah MacMichael datang membawa perjanjian untuk menegakkan Malayan Union. Sebagai gerakan nasionalis Melayu yang berjiwa radikal, PKKM tidak ber-

selindung-selindung menuntut kemerdekaan tanah air.

Saya terlibat di dalam gerakan politik berhaluan kiri ini secara kebetulan sahaja. Saya tidak mencarinya, tetapi dia mencari saya. Ketika itu saya sedang menganggur tetapi masih tinggal di Ipoh, tidak lagi di berek PWD di Jalan Bendahara, tetapi berkongsi bilik di kedai tempat seorang teman berniaga menjual surat khabar dan majalah di tengah-tengah bandar Ipoh.

Pada suatu hari Dahari Ali datang menemui saya di kedai tersebut dan menyatakan dia dan rakan-rakannya di akhbar harian *Suara Rakyat* sedang mencari orang yang boleh memimpin sebuah majalah bulanan berbahasa Inggeris yang hendak diterbitkan. "Mereka memerlukan dua orang, seorang sudah didapati, namanya Haji Abdul Latiff bin Haji Abdul Majid. Seorang lagi awaklah," kata Dahari merenung tepat kepada saya dengan mata yang amat yakin, kerana dia memang tahu saya sedang menganggur dan tidak akan menolak. Sambil saya menimbangkan hal ini, Dahari menambahkan bahawa nama majalah itu sudah pun ditetapkan, iaitu "*Voice of the People*", seolah-olah hendak merangsang semangat antikolonial saya. Saya belum pernah bertemu dengan Haji Abdul Latiff, tetapi saya tahu dia pernah menjadi editor bulanan Inggeris "*The Modern Light*" yang selalu saya baca ketika bersekolah di Anderson. Isinya penuh dengan hal ehwal Islam. Saya juga tahu Haji Abdul Latiff ipar kepada Cikgu Mat Zain. Saya belum pernah mengenali sebuah majalah, apalagi yang berbahasa Inggeris. Tetapi dengan adanya Haji Abdul Latiff yang sudah berpengalaman itu, saya beranikan diri menerima tawaran itu.

Esoknya saya pun ke pejabat *Suara Rakyat* di bangunan bekas *Perak Shimbun* dan *Berita Perak*. Di sana saya diperkenalkan dengan Ahmad Boestamam, Rahman Rahim, Haludin Hamzah, Musa Ahmad dan Mohamed Hanif (rakan sejawat saya di *Berita Perak* pada zaman Jepun) semuanya menjadi sidang pengarang *Suara Rakyat*, Arshad Ashaari, pengurus *Suara Rakyat*, yang juga akan menjadi pengurus *Voice of the People*; dan Haji Abdul Latiff.

Ketika itu Boestamam, Rahman Rahim dan Haludin Hamzah sudah pun terkenal sebagai wartawan veteran kerana ketiganya telah pun berkecimpung di dalam dunia persurat-

khabaran sebelum perang. Boestamam pernah bekerja sebagai anggota sidang pengarang atau penulis sambilan di *Majlis* (Kuala Lumpur), *Saudara* (Pulau Pinang), *Utusan Melayu* (Singapura), *Warta Malaya* (Singapura), *Warta Perak* (Ipoh) yang dikendalikan oleh Haludin Hamzah, dan *Warta Kinta* (Ipoh) yang dikendalikan oleh Rahman Rahim. Perbualan kami menjadi lucu apabila saya menceritakan hal kegagalan saya mencari kerja di *Warta Kinta* sesudah perang (ceritanya di Bab 2). Rahman Rahim terkekeh-kekeh ketawa sambil mengusik; "Alaaaah ... Leh." Ungkapan ini, yang bererti "Kasihaaan ... Salleh," hanya didapati di kalangan orang-orang keturunan Sumatera yang cukup faham akan keindahan sebutan dan maknanya. Dari mulut orang Perak atau Selangor, Kelantan atau Jawa, kalimah ini hilang semangat dan asam manisnya. Boestamam, Musa dan Latiff (Minangkabau); Dahari, Arshad dan saya (Rawa); Haludin dan Rahman (Mandailing).

Antara kami berempat – Boestamam, Rahman, Dahari, dan saya – ungkapan ini menjadi suatu istilah kemesraan, bukan sahaja ketika bergurau-gurau, tetapi juga ketika bertegur sapa dan ketika berpisah. Saya membahaskan Boestamam sebagai "Ni" (keratan daripada nama asalnya Abdullah Sani); Dahari sebagai "Yong" (keratan daripada nama timangannya Buyong Dahari); Rahman sebagai "Man" (keratan daripada Rahman). Jadi apabila sahaja kami bertemu di mana-mana, bukan assalamualaikum yang diucapkan tetapi "Alaaaah ... Ni" atau "Alaaaah ... Yong" atau "Alaaaah ... Man" daripada saya dan "Alaaaah ... Leh" daripada mereka. Ungkapan mesra ini terbawa-bawa bukan sahaja selama kami sama-sama berjuang dalam PKMM, bahkan selepas masing-masing membawa hal masing-masing ke Kuala Lumpur, hinggalah ke akhir hayat mereka, yang kesemuanya disemadikan di Kuala Lumpur. Semoga roh mereka dirahmati Allah S.W.T.

Sungguhpun Haji Abdul Latiff dan saya berkongsi pejabat dengan sidang pengarang *Suara Rakyat*, tetapi *Voice of the People* terpaksa dicetak di luar kerana kekurangan kelengkapan. *Suara Rakyat* memakai semua mesin taip *setting* Rumi. Sayalah yang selalu keluar membawa "copy" untuk dicetak. Haji Abdul Latiff lebih suka tinggal di pejabat

menulis atau mengendalikan artikel-artikel dari luar. Secara kebetulan pula, syarikat percetakan yang kami gunakan itu bertempat di pejabat bekas *Warta Kinta*, yang kini dipunyai oleh pencetak India. Oleh sebab mereka sudah berpengalaman mengendalikan "copy" bahasa Inggeris, maka penerbitan *Voice of the People* berjalan lancar dan memuaskan.

Apabila PKMM ditubuhkan *Suara Rakyat* dan *Voice of the People* dijadikan lidah rasmi parti. Presiden pertama PKMM ialah Mokhtaruddin Lasso, ahli Partai Komunis Indonesia yang datang ke Malaya mengepalai Bahagian Melayu MPAJA (Malayan People's Anti-Japanese Army) atau yang lebih dikenali sebagai "Bintang Tiga" pada zaman Jepun. Naib Presidennya Dr. Burhanuddin al-Helmy yang dilantik tanpa hadir. Setiausaha agungnya Dahari Ali. Bendahari agungnya Arshad Ashaari. Ketua Pemudanya Ahmad Boestamam dan Ketua Wanitanya Khadijah Ali (tidak ada persaudaraan darah dengan Dahari Ali).

Mokhtaruddinlah yang mengilhamkan penerbitan *Voice of the People*. Oleh sebab dia sanggup membiayai *Voice of the People* dan *Suara Rakyat* maka timbul sangkaan yang kemudiannya dieksploitasi oleh para penulis Barat bahawa kononnya penerbitan-penerbitan ini dan PKMM dipengaruhi oleh komunis.

Sebenarnya, kami daripada golongan nasionalis ketika itu tidak kisah dari mana datangnya pembiayaan. Kami terima sahaja asalkan jangan diganggu perjuangan kami atau cara mengendalikan penerbitan kami. Sikap ini dihormati oleh Mokhtaruddin. Dia tidak pernah mengganggu perjalanan *Voice of the People* atau *Suara Rakyat*. Di sepanjang hayat *Voice of the People*, hanya sekali sahaja saya bertemu dengan Mokhtaruddin yang sentiasa senyum dengan hanya mengatakan "syabas" kepada saya dan Haji Abdul Latiff dan memberi perangsang supaya kami meneruskan "tugas yang baik sekali" itu. Tidak ada saranan dan tidak ada percubaan untuk menyelitkan fahaman atau perjuangan komunis di dalam *Voice of the People*.

Sikap Mokhtaruddin ini selaras dengan dasar komunis sedunia ketika itu, iaitu mengapi-apikan gerakan nasionalis menentang imperialisme dan kapitalisme di mana-mana, sebagai suatu taktik perang dingin Soviet. Dengan menyokong

gerakan nasionalis tanpa cuba mempengaruhinya pihak komunis berharap dapat menggulingkan kolonialisme Barat di Asia Tenggara, secara *proxy*. Selepas itu barulah mereka cuba merampas kuasa dengan menggulingkan kerajaan nasionalis pula. Inilah yang telah berlaku di Malaya dan Indonesia dalam tempoh dua dekad selepas perang. Di Malaya, Parti Komunis Malaya turut serta secara *proxy* dalam "*united front*" PUTERA-AMCJA menentang Malayan Union dan Usul Perlembagaan Federal. Kemudian setelah gagal harapannya melalui Barisan Bersama (*United Front*), PKM membuang topengnya lalu melancarkan perang senjata untuk mencapai tujuannya yang sebenar, iaitu menegakkan sebuah republik komunis di Malaya. Kempen komunis ini – yang melibatkan keganasan dan perang gerila – kononnya hendak membebaskan rakyat daripada imperialisme British yang masih memerintah Malaya. Tetapi apabila Malaya telah merdeka di bawah pemerintahan nasionalis pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra maka propaganda "membela rakyat" ini tidak laku lagi. Akhirnya kebangkitan komunis itu terkubur pada tahun 1960 setelah 12 tahun "berperang" secara berselindung di sebalik tabir hutan banaan yang neutral. Di Indonesia, kisah kegagalan muslihat politik komunis yang dijalankan oleh Partai Komunis Indonesia itu lebih hebat dan lebih lama lagi. Tetapi ia juga sudah menjadi pengetahuan sejarah.

Voice of the People tidak panjang umurnya. Setelah tiga atau empat tahun keluaran ia terpaksa ditutup kerana ibu pejabat PKMM telah berpindah ke Kuala Lumpur pada penghujung bulan Februari 1946. Namun begitu dalam tempoh yang singkat ini pun impaknya sebagai suatu suara baru dalam politik radikalisme antiimperialis, di tengah-tengah suasana hangat menentang Malayan Union, nampaknya berjaya memikat pemikiran pembaca yang bukan daripada golongan PKMM. Golongan intelektual Melayu Pendeta Za'ba, misalnya, telah membaca setiap keluaran dan mendapati kandungannya "*very fresh and stimulating*" (amat segar dan memberangsangkan). Ini dinyatakan secara spontan oleh beliau kepada saya sewaktu Kongres Melayu Se-Malaya menentang Malayan Union. Dalam kongres yang bersejarah itu – yang berlangsung pada 1 hingga 4 Mac 1946

di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur – saya hadir sebagai salah seorang pemerhati rasmi PKMM dan Za'ba sebagai pengerusi jawatankuasa pengelola kongres. Pendeta Za'ba pernah berkhidmat bersama-sama saya sebagai ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka selepas merdeka.

Mokhtaruddin tidak bersama-sama kami ketika PKMM berpindah ke Kuala Lumpur, kerana dia tiba-tiba menghilang diri beberapa hari selepas kongres pertama PKMM di Ipoh pada bulan November 1945. Tempatnya digantikan oleh Dr. Burhanuddin sebagai presiden. Khabar angin mengatakan Mokhtaruddin lari daripada buruan BMA (British Military Administration) dan kembali ke pangkuan Partai Komunis Indonesia.

Di Kuala Lumpur, PKMM mendapati dirinya di tengah-tengah suasana politik yang sedang tegang dan berkembang semakin ligat dan hebat. Utusan khas Kerajaan Buruh British, Harold MacMichael, dengan bantuan pemerintahan BMA ketika itu, sudah pun berjaya – secara lembut atau secara ugutan – mendapatkan persetujuan raja-raja Melayu menandatangani suatu perjanjian baru yang menyerahkan kedaulatan mereka untuk menukar taraf Tanah Melayu daripada negeri naungan kepada koloni di bawah suatu pemerintahan pusat yang dinamakan Malayan Union. Beberapa orang sultan dikatakan telah diugut kerana kononnya bersubahat dengan Jepun pada masa perang dan akan dilucutkan jawatannya kalau enggan menyetujui perjanjian itu. Dengan perjanjian itu juga Kerajaan British sekali gus mendapat kuasa membiakkan kerakyatan Tanah Melayu kepada kaum imigran yang sudah bermastautin dan menjadikan semua rakyat, Melayu, Cina, dan India dan sebagainya sama-sama berhak menentukan corak pemerintahan dan nasib masa depan Tanah Melayu. Tanah Melayu, dengan maksud yang tersirat di dalam perjanjian itu, tidak lagi Tanah Melayu, tetapi Tanah Malaya jajahan British. Dengan perjanjian ini juga penjajah British cuba membunuh nasionalisme Melayu dan menggalakkan tumbuhnya nasionalisme Malayan.

Tiga bulan sebelum itu, ketika Kerajaan British mengumumkan rancangan Malayan Union tanpa perinci, PKMM

yang beribu pejabat di Ipoh telah menyatakan "persetujuan pada prinsip" atas andaian bahawa seluruh pentadbiran Tanah Melayu disatukan, tidak berasing-asing seperti sebelum perang. Tetapi apabila diketahui akan maksud yang sebenarnya, maka PKMM pun menukar sikap lalu membantah bersama-sama berpuluh-puluh badan politik Melayu yang lain, yang timbul secara mendadak sebagai reaksi terhadap rancangan British hendak menguburkan kedaulatan Melayu di tanah air sendiri.

Demonstrasi-demonstrasi politik raksasa bergema di seluruh tanah air untuk memprotes gagasan Malayan Union. Akhbar-akhbar Melayu memainkan peranan penting bukan sekadar membawa berita tentang demonstrasi dan protes bangsa Melayu di sana sini, tetapi meningkatkan kesedaran semangat nasionalisme Melayu dengan memberi amaran tentang bala bencana yang dibawa oleh Malayan Union. Tetapi semuanya ini tidak menjadi kudis pada pemerintah British, kerana segala protes berlaku berasing-asingan, tidak serentak, dan segala protes itu tidak berkuasa mempengaruhi pemikiran politik di London. Satu cara yang betul-betul berkesan mesti dicari untuk menyedarkan British bahawa "kuasa politik Melayu belum hilang" dan "mesti diakui". Caranya ini datangnya dalam bentuk Kongres Melayu Semenanjung, setelah berminggu-minggu menerima desakan daripada pelbagai pihak melalui akhbar-akhbar supaya ditunjukkan perpaduan Melayu menentang Malayan Union.

Dalam sejarah tanah air tidak ada peristiwa yang lebih penting, lebih revolusioner dan lebih berpanjangan kesannya daripada peristiwa kebangkitan Melayu menentang Malayan Union pada awal tahun 1946. Kongres yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur itu merupakan pemusatan tenaga dan fikiran seluruh bangsa Melayu untuk memulakan suatu gerakan pemberontakan mempertahankan kedaulatan Melayu yang sedang terancam. Tidak kurang daripada 40 buah badan politik dan sosial Melayu dari seluruh tanah air telah menghantar wakil dan pemerhati. Ada yang berhaluan kiri dan radikal seperti PKMM yang dipimpin Dr. Burhanuddin; ada yang berhaluan kanan dan konservatif seperti Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor, yang dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar; dan ada yang

berpuas dengan gelaran "nasionalis" sahaja. Sebagai langkah pertama, kongres memutuskan supaya semua badan politik dan sosial Melayu yang hadir digabungkan ke dalam sebuah pertubuhan yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, yang lebih terkenal dengan nama Inggerisnya, UMNO (United Malays National Organisation). Dalam tempoh sebulan, iaitu pada 11 Mei 1946, UMNO telah dirasmikan sebagai sebuah parti politik dengan Dato' Onn sebagai presiden pertamanya.

Sementara itu, Malayan Union sudah pun menjadi kenyataan, dengan Edward Gent sebagai gabenor, walaupun pelancarannya pada 1 April 1946 telah dipulau oleh seluruh bangsa Melayu, termasuk raja-raja. Pemulauan ini tidak terbatas pada istiadat pelancaran pemerintahan baru itu sahaja, tetapi semua perwakilan Melayu yang dilantik menjadi ahli majlis penasihat gabenor juga telah menarik diri.

Tindakan-tindakan ini diperkuat dengan langkah-langkah diplomasi di dalam dan luar negeri yang menuntut supaya Kerajaan British membatalkan Malayan Union dan memulakan rundingan dengan orang Melayu bagi menegakkan suatu sistem pemerintahan baru menggantikan Malayan Union. Proses perundingan antara Melayu dan British ini sudah menjadi pengetahuan umum dan tidaklah perlu dibincangkan di dalam buku ini. Memadailah dirakamkan bahawa perjuangan nasionalis Melayu telah berjaya menumbangkan Malayan Union dalam tempoh dua tahun dan menegakkan suatu sistem pemerintahan yang juga menyatukan pentadbiran seluruh Tanah Melayu tetapi berbentuk federal, yang sekali gus mengembalikan kedaulatan raja-raja Melayu.

Perjuangan nasionalis Melayu menumbangkan Malayan Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu atau *Federation of Malaya* pada 1 Februari 1948 merupakan suatu peristiwa sejarah yang memisahkan zaman kemunduran Melayu dengan zaman kebangkitan dan kemajuannya dalam bidang ekonomi dan sosial yang berterusan hingga ke hari ini di bawah kepimpinan kuasa politik Melayu.

Malayan Union memang anti-Melayu dan pro-Cina sifatnya. Ia memang dirancang oleh British dalam tahun 1943 ketika peperangan sedang memuncak di Eropah dan Lautan Pasifik. Langkah ini sebagai balas dendam terhadap bangsa Melayu,

termasuk raja-raja, yang disyaki bersubahat dengan Jepun, dan sebagai balas budi terhadap bangsa Cina, terutama golongan komunis dan kuomintang, yang telah bekerjasama dengan British menentang Jepun.

Setahu saya, belum terdapat bukti yang boleh menuduh adanya sentimen anti-Melayu di kalangan pentadbiran penjajahan British sebelum perang. Sungguhpun dasar ekonominya tidak pro-Melayu, dasar politiknya masih pro-Melayu. Dasar yang bercabang dua ini nyata merugikan bangsa Melayu yang berketuanan di bumi Malaya. Pada awal abad ke-20 ini beberapa orang penulis British, termasuk golongan pentadbiran kolonial, telah cuba mengesan asal usul dari mana datangnya bangsa Melayu dan ada yang mengambil kesimpulan yang "tidak konklusif" bahawa Melayu berasal dari selatan China, yang membawa kesan bahawa bangsa Melayu bukan peribumi Semenanjung Tanah Melayu. Sungguhpun penulisan-penulisan ini disarankan sebagai suatu kajian sejarah, maksudnya dapat ditangkap oleh sesiapa yang ingin mencari bahan anti-Melayu. Pada zaman perang, sentimen anti-Melayu ini amat ketara di kalangan penggubal dasar British.

G. S. Rawlings, dalam bukunya *Malaya* (Oxford University Press, Bombay, 1945) berkata:

"The Malay Peninsula under British direction has become a conglomeration, and a very happy one at that, of many peoples. No single group of them, Malay, Chinese, Indian or other can lay just claim to the sole right of ruling or administering it by virtue of an inalienable birth-right, excluding the others as intruders or late-comers just as it would be absurd to make such a claim in the USA ...": "Semenanjung Tanah Melayu di bawah arahan British sudah menjadi sebuah negeri yang bercampur aduk daripada pelbagai bangsa, yang amat sentosa hidupnya. Tidak ada satu kumpulan pun baik Melayu, Cina, India atau yang lain boleh mengaku mempunyai sepenuh hak memerintah atau mentadbir semata-mata kerana hak keturunan yang tidak boleh dipindahkan, yang memandang orang lain sebagai penceroboh atau pendatang, samalah karutnya membuat dakwaan seperti ini di Amerika Syarikat".

Ini lah inti sari dasar Malayan Union yang ditenyeh-tenyehkan ke muka bangsa Melayu. Inilah juga sebabnya

peristiwa Malayan Union itu merupakan suatu rahmat kepada bangsa Melayu, bukan musibat seperti yang ramai orang sangkakan. Tanpa Malayan Union pemberontakan Melayu moden tidak mungkin berlaku, perjuangan untuk mencapai kemerdekaan sudah tentu tergendala, dan pengembalian kuasa politik Melayu mungkin menjadi tanda tanya.

Ahli-ahli sejarah dan penulis-penulis politik, di dalam dan luar negeri, hampir semuanya sekata bahawa yang menumbangkan Malayan Union ialah UMNO dan heronya Dato' Onn bin Jaafar. Zaman antara 1946 hingga 1951 sewaktu Malayan Union bertukar menjadi Persekutuan Tanah Melayu, bolehlah dikatakan zaman kegemilangan Dato' Onn. Tiada siapa yang akan membantah. Era ini dapat dianggap sebagai Era Onn. Dialah nama yang dipuja oleh umat Melayu, yang menonjol apabila Malayan Union dibincangkan. Bagaimanapun ada satu faktor yang tersembunyi yang selalu ketinggalan, dan dilupakan oleh ahli-ahli politik, kalau tidak pun oleh ahli-ahli sejarah. Faktor ini ialah "faktor PKMM" di dalam pergolakan kebangkitan nasionalisme Melayu dan nasionalisme Malayan. "Faktor PKMM" ini seharusnya mendapat pengiktirafan yang lebih wajar daripada apa yang lazim dilemparkan ke atasnya, iaitu "parti kiri", "parti radikal". Kemungkinan PKMM memperalat komunis atau Indonesia sebagai taktik perjuangan ke arah mencapai kemerdekaan Tanah Melayu tidak pernah ditimbulkan.

Usul Federal atau Persekutuan Tanah Melayu telah memecahkan perpaduan politik nasionalis Melayu kepada dua aliran yang bertentangan. Satu memperjuangkan fahaman politik yang radikal, yang juga dikenali sebagai politik kiri, yang dipelopori oleh PKMM. Satu lagi memperjuangkan fahaman politik konservatif, yang dikenali sebagai politik kanan, yang dipelopori oleh UMNO. Fahaman yang berlainan ini mengakibatkan sikap yang berlainan pula dalam soal mencapai kemerdekaan.

PKMM bergabung dalam UMNO hanya selama tiga bulan - Mac hingga Jun 1946. Kebanyakan para penulis sejarah yang menyentuh peristiwa perpecahan gerakan nasionalisme Melayu ketika itu mengatakan PKMM keluar dari UMNO kerana perselisihan pendapat tentang bentuk bendera yang hendak dijadikan lambang perjuangan UMNO. Dalam me-

syuarat agung UMNO di Ipoh, akhir Jun 1946, PKMM bertahan mencadangkan Sang Saka Merah Putih sebagai "pusaka warisan bangsa Melayu zaman-berzaman". Kebanyakan perwakilan tidak menyetujuinya kerana ia bermakna "mahu bertuankan Indonesia". Akhirnya mesyuarat memilih bentuk bendera yang dipakai oleh UMNO hingga ke hari ini, iaitu merah putih dengan keris hijau di dalam bulatan kuning. Keputusan ini tidak memuaskan perwakilan PKMM yang terdiri daripada Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan Rahman Rahim, lalu mereka bertindak keluar dewan dan sejak itu bermulalah perpisahan antara puak nasionalis konservatif dan radikal Melayu. Usaha perwakilan PKMM itu sebenarnya tidaklah sia-sia kerana Sang Saka Merah Putih tetap menjadi lambang semangat perjuangan politik nasionalis Melayu di dalam UMNO.

Punca perpecahan dua aliran politik nasionalis Melayu ini ialah Usul Federal untuk menggantikan Malayan Union. Belum sempat dua bulan Malayan Union bertapak, Gabenor Edward Gent sudah pun memulakan rundingan dengan raja-raja Melayu, menandakan kesediaan pihak Kerajaan British bertolak ansur mencari alternatif untuk mengurangkan kemarahan orang-orang Melayu dan memadamkan suasana krisis yang sedang memuncak. Menjelang 25 Julai 1946 terbentuklah sebuah jawatankuasa kerja yang terdiri daripada 12 orang (enam wakil British, empat wakil raja-raja, dan dua wakil UMNO) untuk membincangkan suatu perlembagaan baru yang berasaskan sistem pemerintahan yang berbentuk Federal.

Sebelum ini tuntutan PKMM supaya dibawa berunding bersama-sama sebagai wakil rakyat jelata Melayu (kerana PKMM memandang UMNO hanya mewakili kaum feudal) ditolak kerana British curiga PKMM berbau komunis dan UMNO mendakwa mewakili segenap lapisan masyarakat Melayu. Penolakan ini selaras dengan dasar British yang tidak mahu rancangannya dikotori oleh politik radikal yang menuntut kolonialisme dilenyapkan secepat mungkin. Dari segi percaturan politik imperialis, "lebih baik mengurus dengan syaitan yang kamu tahu, daripada mengurus dengan iblis yang kamu tidak tahu," (*better the devil you know than the devil you don't know*).

Kebanyakan penulisan sejarah tanah air yang meliputi zaman Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu tidak banyak memperkatakan penentangan PKMM terhadap usul-usul perlembagaan. Yang selalu disebutkan ialah tindakan sayap kiri PUTERA-AMCJA membangkang kedua-dua rancangan perlembagaan tersebut. Dan yang selalu ditekankan ialah usul PUTERA-AMCJA yang masyhur, iaitu Usul Perlembagaan Rakyat atau *People's Constitutional Proposals*. Usul ini berasaskan 10 prinsip perjuangan rakyat menuntut taraf berkerajaan sendiri di dalam sebuah negara yang bersatu padu, yang sama-sama dirangka oleh PUTERA (yang mewakili golongan politik kiri Melayu) dan AMCJA (yang mewakili golongan politik kiri bukan Melayu). Dokumen ini telah diumumkan sebagai alternatif terhadap Usul Federal yang dirangka oleh Jawatankuasa 12 orang itu. Dokumen ini juga merupakan kompromi antara kehendak dan aspirasi nasionalis Melayu dengan kehendak dan aspirasi nasionalis Malayan yang sudah mula bergerak hampir serentak dengan munculnya nasionalisme Melayu selepas perang.

Kalau ini sahajalah dokumen yang mengaitkan PKMM dengan gerakan pembangkang sayap kiri, tentulah timbul sangkaan bahawa PKMM, sebagai tulang belakang PUTERA, tidak punya pendirian sendiri. Seolah-olah parti itu hanya memainkan peranan "pak turut" kepada AMCJA, yang dikatakan juga dipengaruhi oleh komunis. Tetapi soalnya apakah sikap dan pendirian PKMM yang sebenar terhadap soal perlembagaan ketika itu? Dan adakah benar PKMM "berbau komunis" seperti yang dipropagandakan oleh British?

Sebelum PUTERA ditubuhkan pada hujung Februari 1947 dan kemudiannya mengadakan barisan bersama-sama AMCJA, PKMM sudah pun menghantar satu memorandum yang panjang kepada Jawatankuasa 12 orang itu pada bulan Januari 1947 setelah diketahui kandungan "Persetujuan Perlembagaan" yang diumumkan oleh Kerajaan British Malayan Union pada Disember 1946, berasaskan syor-syor daripada Jawatankuasa tersebut. Persetujuan Inggeris-Melayu itu mengembalikan kedaulatan raja-raja kepada status sebelum perang, tetapi tidak mengandungi unsur-unsur kedaulatan rakyat. Tidak ada cadangan untuk mengadakan pilihan raya, baik di peringkat nasional mahupun di peringkat negeri.

Pendeknya, Perlembagaan Federal yang dipersetujui itu tidak demokratik sama sekali.

Memorandum PKMM itu merupakan satu cadangan balas. Yang saya rekodkan dalam buku ini ialah drafnya yang masih berada dalam simpanan saya. Tetapi memorandum terakhir yang dihantar itu, saya kira, tidak banyak berbeza. Saya ialah seorang daripada empat ahli majlis atau *Council of Counter-Propaganda* yang diketahui oleh Ishak Haji Muhammad yang ditugaskan merangka memorandum itu dalam bahasa Inggeris.

Secara ringkas, memorandum itu menyebut bahawa PKMM yang mewakili "rakyat jelata Melayu yang tertindas dan terbiar" berprihatin:

Bahawa persetujuan Inggeris-Melayu itu tidak memberi jaminan yang konkrit untuk memperbaiki nasib rakyat jelata Melayu yang miskin dalam segala lapangan hidup.

Bahawa persetujuan itu telah gagal memberi peruntukan ke arah menubuhkan suatu jentera pemerintahan baru khusus untuk membimbing rakyat menegakkan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dalam tempoh secepat mungkin.

Bahawa persetujuan itu sama sekali tidak mengendahkan prinsip-prinsip asasi kedaulatan kebangsaan Melayu.

Bahawa kuasa yang diberikan kepada jawatankuasa 12 orang itu tidak cukup untuk membolehkan mereka menimbang – jauh sekali daripada membuat keputusan – setiap aspek masa depan perkembangan negeri di bidang politik, ekonomi dan sosial dalam konteks kebebasan dan penentuan nasib sendiri di dalam Order Baru Antarabangsa.

Bahawa persetujuan itu tidak langsung mewawaskan kemajuan negeri ke arah berkerajaan sendiri yang cepat berlandaskan prinsip-prinsip demokrasi.

Bahawa sungguhpun baginda *King* dan *Raja-raja* Melayu pada namanya masing-masing mengekalkan kedudukan perlembagaan mereka dalam persekutuan, namun pada hakikatnya baginda *King* diberi kuasa mutlak dalam menentukan nasib rakyat Malaya kerana hal ehwal dalam negeri Persekutuan adalah di bawah Pesuruhjaya Tinggi British.

Bahawa oleh sebab hal ehwal dalam negeri tiap-tiap negeri akan diletakkan di bawah kuasa Penasihat British masing-masing, maka keperibadian tiap-tiap negeri yang berdaulat menjadi khayalan semata-mata. Seorang Raja Berperlembagaan bertindak hanyalah atas nasihat rakyatnya yang menjadi warga negerinya, iaitu nasihat yang diberikan melalui badan Perwakilan Perundangan Negeri.

Berhubung dengan soal kerakyatan, memorandum itu ber-setuju dengan kebanyakan syarat yang dikenakan ke atas penduduk bukan Melayu, tetapi membidas Jawatankuasa 12 orang kerana memperuntukkan hanya kewajipan-kewajipan tanpa memperuntukkan hak-hak seorang warganegara. Kegagalan ini, kata memorandum itu, tidak akan menanamkan semangat kekitaan dan patriotisme di kalangan warganegara bukan Melayu di dalam negara Malaya baru.

Memorandum itu juga mengutarakan tujuh prinsip untuk dibawa ke dalam sebarang perundingan antara pihak Melayu dan British tentang masa depan Malaya, iaitu:

1. Menubuhkan sebuah kerajaan pusat yang teguh dan popular bagi seluruh Malaya dengan sistem pentadbiran yang berkesan dan cekap sebagai asas yang konkrit ke arah berkerajaan sendiri dalam tempoh maksimum sepuluh tahun;
2. Pendidikan dan latihan bagi rakyat Melayu yang berasaskan sistem pembangunan yang menyeluruh untuk melayakkan mereka sesegera mungkin dan dalam tempoh sepuluh tahun mengambil bahagian sepenuhnya dalam kemajuan ekonomi, saintifik, teknikal, kebajikan, kecukupan ketenteraan dan pemerintahan yang bertanggungjawab di peringkat Negeri dan peringkat Persekutuan;
3. Kerajaan Persekutuan atau Pusat hendaklah berkuasa sepenuhnya dalam perkara yang bersangkutan dengan Hal Ehwal Dalam Negeri Persekutuan, sementara baginda *King* berkuasa seluruhnya dalam Hal Ehwal Luar Negeri dan Pertahanan dengan syarat Kerajaan Persekutuan mempunyai hak yang tertentu untuk memberi keputusan dalam soal dasar luar atau pertahanan;

4. Mengadakan suatu bentuk kerakyatan yang mengandungi hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab yang sama bagi semua mereka yang mengakui Malaya sebagai tempat tinggal yang kekal dan tumpuan kesetiaan yang tidak berbelah bagi dan mengadakan suatu sistem pilihan raya sebaik sahaja Majlis Perundangan Persekutuan mengadakan mesyuaratnya yang pertama;
5. Mengekalkan keperibadian yang bererti bagi tiap-taip Negeri Melayu yang antara lain mengekalkan sistem kesultanan yang berasaskan Raja Berperlembagaan sebagaimana Raja Berperlembagaan Inggeris;
6. Memasukkan Singapura ke dalam Persekutuan Tanah Melayu; dan
7. Mengekalkan kedaulatan kebangsaan Melayu di Malaya.

Memorandum itu juga mentakrifkan apa yang dimaksudkan oleh PKMM dengan kalimah "kedaulatan kebangsaan Melayu". Ia mengandungi lapan prinsip yang "hendaklah diterima oleh setiap warganegara Malaya":

1. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaya;
2. Sistem kerajaan bersultan dikekalkan di dalam semua sembilan negeri Melayu berdasarkan prinsip Raja Berperlembagaan;
3. Perwakilan Melayu hendaklah mempunyai suara majoriti yang jelas dalam sebarang alat pemerintah, di peringkat Negeri atau Persekutuan.
4. Imigrasi yang tidak terbatas bagi orang-orang berketurunan Melayu bagi Gugusan Pulau-Pulau Melayu, termasuk Indonesia dan Filipina;
5. Imigrasi yang terbatas bagi orang-orang berketurunan bukan Melayu;
6. Bendera kebangsaan Melayu hendaklah dijadikan bendera kebangsaan Malaya;
7. Lagu kebangsaan Melayu hendaklah dijadikan lagu kebangsaan Malaya; dan
8. Jawatan-jawatan ketua eksekutif Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri, iaitu Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan hendaklah dikhaskan kepada orang Melayu tanpa syarat.

Memorandum itu menegaskan bahawa prinsip nombor lapan hendaklah dijadikan salah satu syarat untuk merundingkan perjanjian Inggeris-Melayu yang akan datang setelah tempoh sepuluh tahun perjanjian Inggeris-Melayu yang ada sekarang, iaitu tempoh bagi Malaya mencapai taraf berpeperintahan sendiri sepenuhnya tamat.

Sekiranya sentimen yang terkandung dalam memorandum ini (yang membicarakan lebih 50 fasal) dikatakan "berbau komunis" maka seluruh bangsa Melayu "berbau komunis". Cauvinis atau komunalis, barangkali. Tetapi bukan komunis. Bagaimanapun cauvinisme atau komunalisme tidak wujud di Malaya ketika itu, kerana sistem kerakyatan tidak ada. Malayan Union telah mati keguguran, dan orang-orang bukan Melayu dipandang bukan sebagai "rakyat" tetapi hanya sebagai "penduduk", kerana mereka masih memandang China atau India sebagai tanah air mereka dan politik China atau India menjadi politik mereka.

Rakyat Melayu - baik yang diwakili oleh PKMM dan PUTERA, mahupun yang diwakili oleh UMNO - memandang merekalah yang berhak menentukan nasib dan masa depan Malaya, kerana fakta sejarah politik membuktikan Melayulah yang berkuasa di Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Singapura, sebelum dilanggar oleh imperialis Barat. Namun demikian, politik kebangsaan PKMM tidaklah sesempit politik kebangsaan UMNO. Barisan Bersatu PUTERA-AMCJA membuktikan gerakan politik kiri Melayu sudah pun peka terhadap adanya bibit-bibit kebangsaan Malaya daripada golongan bukan Melayu yang sanggup menjadikan Malaya sebagai tumpuan taat setia yang tidak berbelah bagi, menerima "Melayu" sebagai status bangsa, menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, membantu Melayu mencapai kemajuan di lapangan ekonomi, dan sanggup berajakan Sultan Melayu, sebagai timbal balas kepada tuntutan mereka supaya diberi sama hak dan bertanggungjawab menentukan nasib dan masalah Malaya baru, tanah angkat mereka.

Bagaimanapun sikap liberal PKMM yang berwawasan jauh ini tidak dipedulikan, malah dicurigai oleh golongan konservatif Melayu dan pihak penjajah British. "Perlembagaan Rakyat" PUTERA-AMCJA telah ditolak mentah-mentah. Pada awal 1948 Kerajaan British pun melancarkan

Persekutuan Tanah Melayu yang berasaskan perlembagaan ciptaan pakatan British, raja-raja Melayu dan UMNO. Malayan Union terkubur, tetapi gantinya masih menjadi tanah jajahan British. Dari saat itu perjuangan politik kiri mulai merosot dan memunculkan kuasa politik kanan di bawah pimpinan golongan tradisional dan konservatif Melayu, Cina dan India.

Kerajaan baru itu bukan sahaja mengesan segala pergerakan Parti Komunis Malaya dan pertubuhan-pertubuhan yang bersekutu dengannya, tetapi juga segala gerak-geri parti-parti non-komunis seperti PKMM, API (Angkatan Pemuda Insaf) dan MDU (Malayan Democratic Union). Apabila Parti Komunis Malaya mengangkat senjata melancarkan perang gerilanya ke atas kerajaan baru itu, ramailah ahli PKMM dan API menjadi mangsa, ditangkap dan dipenjara di khemah-khemah tahanan di merata tanah air. Ada antara mereka yang ditahan hingga bertahun-tahun di bawah Undang-undang Darurat.

Dari saat itu juga bermulalah era "politik darurat" yang memandang sebarang gerakan politik kiri – tidak kira nasionalis Melayu atau sosialis bukan Melayu – sebagai berpotensi komunis. Politik darurat membolehkan kerajaan mengambil "tindakan darurat" ke atas sesiapa yang dipandang "berpotensi komunis". Tidak lama selepas itu PKMM diharamkan dan MDU gulung tikar sendiri.

PKMM berjuang di arena politik tanah air hanya selama tiga tahun, tetapi perjuangannya membela dan mempertahankan "kedaulatan kebangsaan Melayu" tidaklah dapat dinafikan. Sungguhpun konsep dan prinsip perjuangannya dipandang agak "radikal dan tidak praktikal" dalam suasana krisis politik 1945–1948. Akan tetapi banyak perkara yang diperjuangkan atas nama PKMM nasionalisme Melayu itu telah dimanfaatkan oleh UMNO dengan asas perjuangan "politik yang praktikal" terutama memperjuangkan hak dan keistimewaan orang Melayu sejak ia mula berjuang mencapai Kemerdekaan hinggalah ke hari ini. Ini tidak pula bermakna UMNO tidak punya falsafah dan perjuangan politiknya yang tersendiri. Jauh sekali dari UMNO memperjuangkan politik PKMM. Bagaimanapun semangat nasionalisme Melayu yang diperjuangkan oleh PKMM itu setidak-tidaknya ada

kesannya dalam pendekatan politik UMNO menghadapi percaturan politik Malaysia yang lebih kompleks hari ini.

Kalau disemak memorandum PKMM mengenai usul Perlembagaan Persekutuan itu, kita dapati apa yang dikehendakinya, pada asasnya, menjadi kenyataan secara beransur-ansur dalam perkembangan politik beberapa tahun kemudiannya.

Kalau dalam Era Onn (1945-1951) tidak ada pilihan raya, maka dalam Era Tunku Abdul Rahman Putra sudah ada pilihan raya. Politik koalisi anjuran perikatan UMNO-MCA-MIC, yang kemudiannya menjadi Barisan Nasional atau *National Front*, telah didahului oleh politik koalisi United Front PUTERA-AMCJA, meskipun yang satu berhaluan kanan dan yang satu lagi berhaluan kiri. Kedua-duanya digerakkan oleh keperluan mencari kata sepakat antara kaum untuk menghadapi suasana politik semasa pada zaman masing-masing.

Dalam tempoh lima tahun sahaja UMNO telah menggantikan slogan "Hidup Melayu" dengan "Merdeka" sebagai slogan perjuangannya, yang terlebih dahulu telah dipelopori oleh PKMM. Daripada "jiwa hamba" kepada "jiwa merdeka". Maka jiwa merdeka inilah yang telah merentas kongkongan jiwa hamba konservatif Melayu, membakar semangat dan meningkatkan azam nasionalisme Melayu sehingga tercapai kemerdekaan tanah air dalam tempoh enam tahun, pada 31 Ogos 1957. Perjuangan PKMM meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah menjadi dasar rasmi UMNO dan Perikatan sebaik sahaja Kemerdekaan diisytiharkan.

Perjuangan PKMM menuntut supaya segala hal ehwal pentadbiran dalam negeri dijadikan tanggungjawab rakyat Malaya telah menjadi kenyataan dua tahun sebelum Merdeka. Hasil daripada kemenangan Perikatan merampas 51 dari 52 kerusi yang dipertandingkan bagi Majlis Perundangan yang terdiri daripada 98 orang dalam pilihan raya umum 1955 itu maka segala kuasa hal ehwal dalam negeri, termasuk hal ehwal kewangan, telah dipindahkan daripada tangan British kepada menteri-menteri rakyat yang bertanggungjawab kepada Majlis Perundangan, yang menentukan nasib negara.

PKMM sudah tidak ada lagi ketika itu. Perjuangannya telah luput daripada ingatan umum, tetapi cita-cita dan idea politik PKMM tidak disia-siakan oleh UMNO yang menyambung perjuangan nasionalisme Melayu, walaupun pendekatan politiknya agak konservatif tetapi semakin hari semakin praktikal dan pragmatik sifatnya.

Ketika saya di dalam PKMM, saya tidak mengambil bahagian yang utama. Saya bukan seorang aktivis, dalam erti kata menjelajahi tanah air berpidato, meniup dan mengapikan semangat perjuangan rakyat menuntut kemerdekaan. Saya tidak ada bakat sebagai pemidato seperti Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam, Abdul Rahman Rahim, Zulkifli Ownie, Harun Aminurrashid, Hamid Abdul, Ustaz Yahya Nassim, Abdullah C. D., Musa Ahmad, Shamsiah Fakeh, Aishah Ghani, Kamaluddin Muhammad (Keris Mas) dan sebagainya.

Kelemahan saya ini menjadikan saya tidak dikenali oleh kebanyakan ahli PKMM, Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Pada suatu hari API sedang mengadakan mesyuarat di ibu pejabat PKMM di Kuala Lumpur untuk mengatur persiapan merayakan ulang tahun pertamanya dengan mengadakan perarakan besar-besaran keliling ibu kota Malayan Union itu. Apabila saya cuba masuk hendak mendengar ucapan para pemimpin API, saya ditahan dan tidak dibenarkan masuk ke pintu yang sudah terkutup rapat di bawah jagaan dua orang pejuang API. Mujurlah ketika itu Boestamam tiba, hendak masuk. Dimarahinya "Guard" itu: "Kalian tak tahu siapa dia ni ... inilah Salleh Daud ... orang PKMM...."

"Guard" berdua itu berasa serba salah lalu meminta maaf: "Kami kenal nama saja, tapi tak kenal orangnya...." Boestamam pun menjemput saya, ikut masuk.

Ibu Pejabat PKMM yang terletak di tingkat atas di No. 2 Batu Road (Jalan Tuanku Abdul Rahman) sekarang khabarnya sudah diisytiharkan sebagai salah satu bangunan "Warisan Bangsa". Bangunan ini sekarang diduduki oleh Syarikat Permata P. H. Hendry. Di tanah lapang tiga segi di siku bangunan itulah Boestamam dan anggota API mengadakan latihan kawat setiap hari Ahad di bawah perhatian agen-agen Cawangan Khas.

Peranan saya dalam PKMM hanya sebagai pembantu di belakang tabir, iaitu sebagai staf merangkap pejuang, yang kehadirannya tidak dikenali umum. Sebagai staf, tugas saya menjadi anggota sidang pengarang harian *Pelita Malaya* dan mingguan *Suluh Malaya*, iaitu lidah rasmi parti yang diketuai oleh Ishak Haji Muhammad, Naib Presiden. Anggota-anggota lainnya ialah Boestamam, Dahari Ali dan Aishah Ghani. Musa Ahmad dan Abdullah C. D. (yang kemudiannya lari ke hutan menyertai gerila komunis) ada juga menyumbangkan artikel-artikel, terutama dalam *Suluh Malaya*. Kedua-dua lidah rasmi parti ini menggantikan *Suara Rakyat* dan *Voice of the People* yang telah terkubur di Ipoh. Sebagai orang politik, corak kewartawanan kami sudah tentulah "partisan" sifatnya. Hujah-hujah parti lawan dan hujah-hujah akhbar-akhbar yang mengkritik pendirian PKMM semuanya dicap tidak benar atau tidak jujur. Yang benar carilah dalam *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*. Selain mempertahankan dasar politik kiri PKMM, cara kewartawanan partisan ini adalah satu taktik meyakinkan dan memperkuat semangat perjuangan ahli PKMM.

Sebagai pejuang, saya menjadi anggota apa yang kami namakan *Council of Counter-Propaganda*, diketuai oleh Ishak Haji Muhammad. Anggota-anggota lain ialah Dr. Burhanuddin, presiden, dan Boestamam, ketua API. Tugasnya ialah membidas sebarang kritikan daripada akhbar-akhbar Inggeris kepunyaan pihak proimperialis. Badan ini tidak ternyata dalam struktur organisasi parti, kerana ia ditubuhkan secara *ad hoc* dan wujud dalam pengetahuan pucuk pimpinan sahaja. Oleh itu segala kenyataan atau penerangan membalas kritikan pihak lawan, lazimnya menggunakan nama pena. Yang ditugaskan menulis dan mengeluarkan kenyataan atau penerangan ialah Ishak dan saya kerana pengetahuan Inggeris dan cara mengarang dalam bahasa Inggeris kami diakui lebih baik. Namun kami memerlukan pendapat, nasihat dan persetujuan daripada Dr. Burhanuddin dan Boestamam selaku pembentuk dasar. Ada kalanya kami mendapat bantuan spontan daripada ahli-ahli dari luar ibu pejabat yang menulis terus kepada akhbar-akhbar tertentu membela perjuangan PKMM. Salah seorang yang saya masih ingat ialah Ahmad Daud, ahli PKMM Melaka. Beliau pernah

juga menyumbangkan artikel dalam *Voice of the People* dengan nama pena "Mudasari". Ahmad Daud ialah seorang juruukur profesional, pernah menjadi Pengerusi MARA, dan bersama-sama saya dalam "Malay Forum", iaitu sebuah badan pemikir atau *thinktank* inteligensia Melayu sebelum dan sesudah merdeka.

Antara bahan yang saya tulis ialah sebuah surat terbuka kepada akhbar *Straits Times* berjudul "*The MNP Misunderstood*". Surat itu saya kirimkan pada 18 November 1946 membidas editorial akhbar berjudul "A Warning to London" keluaran 15 November. Editorial itu menyindir tentang adanya pengaruh politik Indonesia di Tanah Melayu. Akhbar itu juga mengambil masa agak lama – sepuluh hari – untuk menyiarkan surat terbuka saya. Barangkali dia menunggu nasihat daripada pihak berkuasa sama ada surat itu harus disiarkan atau tidak, kerana isinya membidas Kerajaan British di London. Sementara itu, sebagai satu langkah, sekiranya *Straits Times* tidak mahu menyiarkan surat terbuka saya itu, saya kirimkan salinannya kepada akhbar-akhbar lain, termasuk *Malayan Daily News*, Kuala Lumpur. Akhirnya surat saya itu disiarkan juga pada 28 November, barangkali sesudah mendapat lampu hijau daripada pihak yang berkuasa *Malayan Union*.

Secara ringkas, surat saya itu menafikan segala tuduhan dan tohmah editorial *Straits Times* itu, lalu menegaskan bahawa PKMM tidak melayan ideologi komunis atau fasis ataupun kolonial, jauh sekali daripada membela perjuangan mereka. PKMM, kata saya, berlandaskan ideologi nasionalis yang positif, progresif, dan dinamis.

PKMM memang radikal, tetapi bukan seperti yang difahamkan oleh pihak konservatif dan imperialis. Sikap radikal PKMM hanyalah sebagai sebuah parti yang bersikap progresif, baik dalam soal politik, ekonomi, sosial, keagamaan, bahkan dalam soal kebudayaan juga. Sesungguhnya PKMM adalah badan politik yang sedang tumbuh, yang dikendalikan oleh sebahagian daripada rakyat Melayu yang bijak, mempunyai kesedaran politik tetapi bukan yang tidak bertanggungjawab atau terdiri daripada anasir-anasir Indonesia jati. PKMM merasakan dirinya berkewajipan membebaskan Malaya daripada kongkongan imperialisisme kolonial

yang menindas tanah airnya selama lebih 400 tahun....

Panjang lagi kandungan surat itu, tetapi kesimpulannya PKMM tidak seharusnya dianggap sebagai terpengaruh oleh komunisme, sebagaimana juga Parti Buruh (British) tidak harus dianggap sebagai terpengaruh oleh fahaman kapitalis British. PKMM hanya tidak mahu Malaya menjadi tanah jajahan lebih lama daripada yang perlu.

Memorandum PKMM terhadap usul perlembagaan Persekutuan yang dibicarakan terlebih dahulu dalam bab ini adalah hasil pemikiran *Council of Counter-Propaganda*.

Sebagai sebuah parti politik, PKMM tidak "*doktrinaire*" dan tidak "*dogmatik*" sifatnya. Perjuangannya berasaskan kata-kata sakti Dr. Burhanuddin yang dilafazkannya ketika merasmikan Kongres Kedua PKMM yang bersejarah di Melaka pada akhir Disember 1946. Kata-kata sakti itu berbunyi:

*Di atas robohan Kota Melaka
Kita bangunkan jiwa merdeka
Bersatulah Melayu seluruh baka
Membela hak keadilan pusaka.*

Jiwa Melayu manakah yang tidak tersentuh, perasaan Melayu manakah yang tidak terharu, hati Melayu manakah yang tidak rela berkorban apabila mendengar jeritan roh nenek moyang meminta pembelaan dan keadilan untuk tanah air yang sedang menderita?

Buat pertama kalinya dalam sejarah kebangkitan Melayu moden, semangat nasionalisme Melayu telah diberikan "*theoretical expression*" oleh Dr. Burhanuddin dalam kongres yang bersejarah itu.

Sepuluh tahun kemudiannya, bagai buah pulang ke tampuk, Tunku Abdul Rahman Putra telah memilih Melaka sebagai tempat untuk mengisytiharkan persetujuan British memerdekakan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Dari London, tanpa membuang waktu, Tunku dan rombongan Misi Merdeka terus berkejar ke Melaka (tidak ke Kuala Lumpur) untuk mengumumkan persetujuan yang bersejarah ini pada 20 Februari 1956. Dengan ini terbelalah jeritan roh nenek moyang Melayu dan akan menyusul sistem keadilan sosial yang

berlandaskan kedaulatan kebangsaan Melayu.

Sekali lagi perjuangan PKMM tidak disia-siakan oleh UMNO yang tahun demi tahun, kerajaan demi kerajaan, telah membuktikan kebijaksanaannya memandu perkembangan politik dan sosioekonomi Malaysia di dalam suasana keharmonian kaum, sambil memperluas asas-asas kedaulatan kebangsaan Melayu.

Oleh sebab PKMM tidak "*doktrinaire*" dan tidak "*dogmatik*" sifatnya, maka bentuk nasionalisme yang diperjuangkan tidak terbatas setakat ideologi yang sempit. Maka terdapatlah di kalangan ahli PKMM menganut berbagai-bagai fahaman politik. Nasionalis, Sosialis, Komunis, Islam, Pan-Islam, Demokrat, Sosio-nasional-demokrat, Konformis, Nonkonformis, dan sebagainya sehingga tidak diketahui apa isme yang sebenarnya terlekat dalam hati masing-masing. Tetapi "jiwa merdeka" mengatasi segala-galanya dan semua sekata bahawa Malaya mesti dibebaskan daripada belenggu kolonialisme.

Tidak sedikit pula bekas ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang berpengaruh dalam PKMM seperti Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam, Sutan Djenain, Harun Aminurrashid, Ibrahim Fikri, Mustapha Haji Hussain, Abdullah C. D. dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Fakta ini menyebabkan PKMM dipandang sebagai pewaris politik KMM, terutama sekali kerana kedua-duanya berhasrat hendak menyatukan Nusantara pusaka Melayu itu kembali ke tangan yang hak, iaitu baka Melayu.

Bagaimanapun "hasrat" ini telah disalahtafsirkan oleh banyak penulis sejarah dan musuh-musuh politik PKMM, sebagai "bukti" bahawa "PKMM berorientasikan politik Indonesia", bahawa "PKMM mahu Malaya diperintah oleh Indonesia." Kalau kita semak buku *Falasafah Kebangsaan Melayu* karangan Dr. Burhanuddin maka nyatalah hasrat ini hanya sebagai suatu "ideal" yang hanya boleh tercapai dalam suasana politik dunia yang ideal. Dan politik dunia tidak pernah mengalami suasana yang ideal, lainlah kalau kita mahu mengaku bahawa apa yang "ideal" bagi imperialis juga "ideal" bagi kita yang meringkuk di bawah penjajahannya.

Sebenarnya hasrat KMM dan hasrat PKMM ini tidak ada bezanya daripada hasrat Pan-Arab, Pan-Asia, Pan-Jerman, Pan-Eropah, Pan-Islam, dan sebagainya, yang sudah pun bergerak jauh terlebih dahulu daripada hasrat "Melayu Raya". Pan-Eropah misalnya, sudah mula bergerak pada tahun 1923 di bawah anjuran Count Nicholas Coudenhove-Kalergi di Austria. Hasrat yang gagal ini disambung pula oleh Winston Churchill dengan gerakan "United Europe" selepas Perang Dunia Kedua. Sehingga ke hari ini "Europe" belum "bersatu", walaupun bergerak dalam suasana bebas. Ideal politik tidak boleh disamakan dengan realiti politik, kerana walaupun politik imperialisme sudah lemah, namun ekonomi imperialisme masih bertahan teguh dan berjuang sesama sendiri.

Dalam hayatnya yang singkat itu, PKMM tidak pernah tenteram menjalankan politiknya. Kalau boleh dikatakan UMNO bergerak sebagai anak manja di mata penjajah, maka PKMM bergerak sebagai anak tiri di mata mereka. Perjuanganannya dicurigai. Setiap gerak-gerinya dikesani oleh perisiknya, sejak pemerintahan tentera BMA, diteruskan untuk beberapa waktu pada zaman pemerintahan awam Malayan Union. Kumpulan perisik ini bergelar Field Security Service (FSS) atau nama penuhnya Indian Field Security Service, kerana ia dibawa bersama-sama oleh BMA dari India ketika mendarat di Malaya. Ketua operasinya yang saya tahu bernama Bob Pidgeon. Dia dibantu oleh dua orang sarjan, Lee dan Brown. Major Bob Pidgeon menjadi wartawan selepas bersara daripada FSS dan terus bekerja di *Straits Times* Singapura. Dia menjadi kawan baik saya ketika di Singapura, kerana dialah yang mengajak saya bekerja di *Straits Times*, apabila saya berhenti dari *Malaya Tribune* dalam tahun 1949. Ketika itu Bob Pidgeon bertugas sebagai editor *Sunday Times*. Dia meninggal di Kuala Lumpur dalam tahun 70-an, kalau tidak silap saya. Bob Pidgeon tidak pernah datang ke ibu pejabat PKMM di Batu Road, tetapi Sarjan Lee dan Sarjan Brown boleh dikatakan saban hari datang menemui Boestamam, Dahari Ali dan saya berbual "kosong" sambil mengorek rahsia. Aneh juga, mereka tidak pernah cuba mendekati Ishak Haji Muhammad atau Zulkifli Ownie ataupun pemimpin-pemimpin PKMM yang lain.

Suatu hari Sarjan Lee datang ke meja saya, setelah memerhatikan bahawa saya sudah selesai dengan tugas harian untuk *Pelita Malaya*. Setelah lama berbual kosong seperti biasa, dia pun menyatakan, Ketuanya Major Pidgeon, ingin menemui saya. "Tidak ada apa, cuma mahu berkenalan," katanya. Belum pun sempat saya menjawab, dia menegaskan bahawa ini bukan undangan paksa dan kalau saya setuju saya boleh datang ke markas FSS bila-bila masa, lalu diberikannya nombor telefon. Biar saya fikirkan dahulu, kata saya. Hal ini segera saya ceritakan kepada Ishak, Boestamam dan Dahari yang ada di pejabat ketika itu. "Pergilah ... tengok apa dia mahu ... tapi hati-hati," kata mereka.

Esok paginya saya menelefon Sarjan Lee. Markas FSS bertempat di bangunan yang terletak di Jalan Java (yang kemudian bertukar nama kepada Jalan Mountbatten dan sekarang Jalan Tun Perak). Saya boleh berjalan kaki sahaja dari ibu pejabat PKMM. Sarjan Lee membawa saya ke pejabat Major Pidgeon, yang mengalu-alukan saya dengan senyuman. Orangnya besar, gempal, tinggi, dan tidak bermisai seperti Lee. Mukanya macam seorang ahli tinju, tetapi tidak menggerunkan. Segala tingkah laku dan percakapannya menyenangkan hati dan boleh menyebabkan kita lupa diri. Saya dipersilakan duduk berhadapan dan ditanya "kopi atau teh?" "kopi" jawab saya.

Setelah masing-masing memperkenalkan diri sedikit sebanyak dan berbual kosong tentang cuaca di England, Malaya, dan India, Major Pidgeon menerangkan bahawa saya diundang kerana saya fasih berbahasa Inggeris dan mereka senang sekali berbicara dengan saya. Hati saya berkata: 'awas, taktik *divide and rule*. Aku ini nampaknya mahu dipisahkan daripada ahli-ahli PKMM yang lain.'

"Kami musykil sedikit tentang apa perjuangan PKMM dan API sebenarnya ... perlukah revolusi untuk mencapai kemerdekaan? API nampaknya amat militan...."

Saya terus menjawab dengan bertanya, "Salahkah menuntut kemerdekaan? Sedangkan Ireland dan Scotland mahu bebas daripada England...."

"Ya, tapi perlukah mengangkat senjata?"

"Tidak perlu kalau tidak terpaksa...."

"Saya fikir API mahu mengangkat senjata...."

"Senjata apa? Senapang kayu tanpa peluru? Lihat saja bagaimana API berkawat. Uniform serba-serbi lengkap, tapi tangan kosong ... ini cuma satu langkah membina semangat ... revolusi tidak perlu kalau Britain rela membebaskan Malaya secara aman."

"Saya harap awak betul," kata Pidgeon menamatkan perbualan.

Kami berpisah dengan mesra, tetapi nampaknya perbualan itu hanya omong kosong bagi FSS. Tidak lama lepas dialog ini API diharamkan sebelum PKM (Parti Komunis Malaya) diharamkan.

Yang menjadi punca pengharaman ialah buku *Testament Politik API* ciptaan Boestamam dan langkah Boestamam mengeluarkan API daripada naungan PKMM sewaktu Kongres Kedua PKMM di Melaka. Kedua-dua peristiwa ini menjadikan British hilang sabar terhadap API. *Testament* itu terang-terangan menunjukkan API sebagai sebuah pertubuhan yang militan dan revolusioner dan gerakannya di luar naungan dan kawalan PKMM menjadikan API lebih berbahaya di mata penjajah. Motif API keluar daripada PKMM sebenarnya hanyalah suatu taktik sahaja. Boestamam tidak mahu perjuangan PKMM terjejas sekiranya pihak British mengambil tindakan terhadap API. Beliau masih tetap sebagai ahli dan pemimpin PKMM walaupun API sudah keluar menjadi pertubuhan yang pada lahirnya dipandang sebagai sebuah badan politik Melayu yang tersendiri dari segi organisasi dan perjuangan.

Slogan "Merdeka dengan Darah" yang terkandung dalam *Testament Politik API* itu telah menyebabkan Boestamam dibawa ke mahkamah dalam bulan April 1947 atas tuduhan menghasut. Dia didapati bersalah dan dihukum denda atau penjara. Boestamam memilih membayar denda. British nampaknya tidak puas hati. Tiga bulan kemudian API diharamkan dan Boestamam ditangkap dan dikurung dalam khemah tahanan selama tujuh tahun. Maka lenyaplah perjuangan seorang wira Melayu moden yang tidak kenal takut, yang berani mengotakan apa yang dikatakannya, walaupun mengorbankan darahnya sendiri demi kemerdekaan bangsa dan nusa.

Hasrat Boestamam hendak mengelakkan PKMM daripada

terjerumus ke dalam tragedi yang menimpa dirinya dan API juga tidak berhasil. Pada bulan Jun 1948 PKM melancarkan perang gerilanya. Undang-undang Darurat diisytiharkan dan PKM diharamkan. Tidak lama selepas itu PKMM pula diharamkan di Semenanjung, tetapi tidak di Singapura. Banyaklah ahli PKMM ditangkap dan ditahan, termasuk presidennya Ishak Haji Muhammad. Ishak dibebaskan tanpa syarat dalam tahun 1953 dan terus diberi jawatan pegawai di Malayan Film Unit yang sekarang dikenali sebagai Filem Negara Malaysia. Dr. Burhanuddin, yang ketika itu menjadi penasihat agung PKMM, tidak dipengapakan dan dia mengambil peluang menyusun semula PKMM di Singapura. Bersama-sama Harun Aminurrashid dan Taha Kalu, Dr. Burhanuddin menubuhkan akhbar harian *Melayu Raya*, yang pada hakikatnya merupakan lidah tidak rasmi bagi PKMM. Bagaimanapun *Melayu Raya* hanya dapat bergerak kira-kira setahun. Dia diharamkan dalam bulan Disember 1950 kerana penglibatannya dalam rusuhan berdarah "Natrah" atau "Maria Hertogh". Dr. Burhanuddin telah ditahan selama setahun. Dengan ini tamatlah riwayat PKMM. Bekas ahli-ahlinya terus aktif dalam politik tanah air dan menjadi anggota dan pemimpin dalam berbagai-bagai parti politik.

Saya aktif dalam PKMM sehingga bulan Februari 1947. Ketika API diharamkan dan Boestamam ditahan, saya masih berada di India menghadiri Asian Relations Conference bersama-sama Dr. Burhanuddin sebagai wakil PKMM dalam delegasi Malaya.

BAB

4

Kami Asian Bukan Asiatik

PEPERANGAN dan keamanan. Propaganda pihak Bersekutu mencanangkan bahawa mereka berperang untuk menjamin supaya peperangan tidak akan berlaku lagi di muka bumi ini (*The war to end all wars*). Mereka juga mencanangkan bahawa peperangan yang mereka lakukan itu ialah supaya dunia selamat untuk demokrasi (*to make the world safe for democracy*). Tetapi dunia tidak pernah mengalami keamanan selepas Perang Dunia Kedua. Peperangan, ketegangan dan konflik terus berlaku di sana sini. Di Asia, di Afrika, di Amerika Latin, juga di Eropah. Apa yang dikatakan "demokrasi" itu telah berpecah dua. Di satu pihak, "liberal democracies" yang dianuti oleh imperialis Barat, dan satu pihak lagi "people's democracies" yang dianuti oleh imperialis Soviet. Kedua-duanya bermusuhan dalam suatu "Perang Dingin" yang melibatkan dan menyusahkan seluruh dunia.

Peperangan dan keamanan. Dua proses kehidupan manusia yang sentiasa silih berganti. Yang satu menyerap ke dalam yang satu lagi. Kadangkala tidak disedari tetapi membawa akibat yang buruk. Seolah-olah peperangan dan keamanan ini merupakan satu kesinambungan dari ruang dan masa. Konflik-konflik lama menjelma menjadi pertikaian baru. Peperangan digantikan dengan revolusi, yang mungkin membawa kepada peperangan pula.

Perang Dunia Kedua tidak berakhir dengan keamanan sejati bagi umat manusia. Sebaliknya, ia menimbulkan Perang Dingin dan mencetuskan gerakan besar revolusi nasio-

nalis menuntut kemerdekaan daripada penjajahan Barat. Era pascaperang ini merupakan suatu era dalam sejarah dunia yang membawa perubahan besar-besaran dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial di mana-mana. Perubahan ini ada kaitannya dengan keadaan kolonialisme yang semakin lemah dan gerakan pembebasan rakyat yang semakin gigih serata dunia. Satu faktor yang membantu mencetuskan perubahan ini ialah Piagam Atlantik (Atlantic Charter) yang digubal oleh pihak Bersekutu dalam tahun 1941 sebagai maksud perang mereka. Fasal tiga daripada Piagam ini mengakui bahawa semua bangsa berhak memilih bentuk pemerintahan yang mereka ingini. Kemudian, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pula mengeluarkan piagamnya pada tahun 1945, yang bermaksud, antara lain, hendak menjaga keamanan dan keselamatan seluruh dunia ... membina pertalian persahabatan antara semua bangsa atas prinsip bahawa semua bangsa, besar dan kecil, mempunyai hak yang sama dan setiap bangsa berhak menentukan nasibnya sendiri ... dan menggalakkan penghormatan terhadap hak-hak asasi manusia dan terhadap kebebasan-kebebasan asasi untuk semua tanpa perbezaan dari segi bangsa, seks, bahasa, dan agama.

Kedua-dua piagam ini merupakan suatu perkembangan yang revolusioner dalam sejarah moden politik antarabangsa. Dalam kehidupan antarabangsa, siapa yang berkuasa, siapa yang kaya, dan siapa yang kuat, dialah yang menentukan nasib dunia. Masalahnya ialah bagaimana hendak mengawal kuasa yang ada di tangan kuasa-kuasa besar seperti Amerika, Soviet dan Eropah, supaya mereka tidak bermaharajalela mengeksploitasi kekayaan ekonomi dunia dan melancarkan peperangan sesuka hati pada bila-bila masa. Kalau boleh dicari suatu alat yang boleh mengekang nafsu kuasa-kuasa besar ini di bawah kawalan antarabangsa, yang mereka sama-sama terlibat dalam pelaksanaannya, maka ini akan merupakan suatu langkah ke arah mencapai keamanan dunia dan keadilan dalam perhubungan antarabangsa. Alat ini telah dapat diwujudkan dalam bentuk Piagam Atlantik dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang menjadi pergantungan harapan manusia pada pertengahan abad ke-20. Maka alat inilah juga yang menjadi inspirasi

kepada gerakan-gerakan kebangsaan bangsa-bangsa Asia bertumpu ke New Delhi, mengadakan persidangan setia kawan di bawah anjuran Indian Council of World Affairs pada awal tahun 1947.

Tidak kurang daripada 22 buah negara telah mengambil bahagian dalam persidangan yang dinamakan Asian Relations Conference (Persidangan Perhubungan Asia) pada 23 Mac hingga 2 April 1947. Ia dihadiri oleh India, China, Ceylon (Sri Lanka), Malaya, Indonesia, Thailand, Burma (Myanmar), Indocina (Vietnam), Nepal, Mesir, Mongolia, Tibet, Filipina, Iran, Palestin, Afghanistan, dan enam buah Republik Soviet Asia, iaitu Armenia, Kazakstan, Tadjikistan, Georgia, Uzbekistan, dan Azerbaijan. Wakil-wakil pemerhati juga telah datang daripada Kerajaan Bhutan, Turkey, Liga Arab, (mewakili tujuh negara Arab); Institute of International Affairs, Australia, Institute of Pacific Relations, New York, Institute of Pacific Relations, Moscow, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan British Commonwealth Relations.

Negara-negara yang mengambil bahagian ketika itu tidak sama taraf dan kemajuan politiknya. Ada negara yang sudah merdeka seperti Mesir, Iran, Afghanistan, Mongolia, Tibet, dan Filipina. Ada juga negara yang sudah merdeka seperti China tetapi sedang bergelut dalam perang saudara antara komunis dan kuomintang. Ada pula yang sedang memper tahankan kemerdekaan yang baru dicapai seperti Indonesia dan Vietnam. Ada yang di ambang kemerdekaan, seperti India. Dan ada yang masih dalam status koloni seperti Ceylon, Burma, dan Malaya.

Oleh sebab Malaya belum merdeka maka perwakilannya tidak daripada kerajaan tetapi daripada berbagai-bagai badan politik, pergerakan buruh, gerakan wanita, dan gerakan pendidikan, kebajikan, dan budaya. Delegasi Malaya terdiri daripada Dr. Burhanuddin al-Helmy dan saya (PKMM dan PUTERA); J. A. Thivy, Gurdial Singh dan Jamnadas Mehta (Malayan Indian Congress); Philip Hoalim (Malayan Democratic Union); E. E. C. Thuraisingham (Ceylon Association of Malaya); Abdullah C. D., S. A. Ganapathy, P.P. Narayanan dan Yap Meow Siew (Pan-Malayan Federation of Trade Unions), dan Brahmachari Kailasam (Ramakrishna Mission Malaya) yang kemudiannya menukar namanya kepada Swami

Satyananda apabila dia menubuhkan Pure Life Society of Malaya sekembalinya daripada persidangan New Delhi itu. Dua orang wakil gerakan wanita yang turut serta, iaitu Puan Hajah Zain binti Sulaiman (Persatuan Guru-guru Melayu Se-Malaya) dan Puan Devasayaham (The Inner Wheel Club of Singapore). Ketua delegasi ialah Dr. Burhanuddin.

UMNO telah juga diundang oleh MIC, selaku wakil penaja, tetapi UMNO menolak dengan alasan bahawa undangan kepada presidennya, Dato' Onn bin Jaafar, tidak datang daripada Pandit Nehru tetapi hanya daripada MIC. UMNO nampaknya lebih mengutamakan protokol daripada kepentingan nasional. Dengan penolakan itu, UMNO telah kehilangan suatu peluang keemasan untuk menyuarakan hasrat dan perjuangan rakyat Tanah Melayu menuntut kemerdekaan di hadapan forum antarabangsa.

Persidangan itu adalah persidangan antarabangsa umat Asia yang pertama diadakan dalam sejarah dunia. Asia ketika itu belum merdeka seluruhnya. Kalau ada pun yang merdeka, seperti China, ekonominya masih bercorak kolonial dalam cengkaman kapitalis Barat melalui pelaburan yang hasilnya menguntungkan Barat dan tidak China. Bahkan Jepun sekalipun ketika itu menjadi semacam tanah jajahan Amerika Syarikat akibat kekalahannya dalam Perang Dunia Kedua.

Dominasi imperialis Barat dalam politik dan ekonomi Asia adalah perkara yang paling utama di belakang pemikiran setiap delegasi yang berkumpul di New Delhi dalam persidangan yang bersejarah itu. Semuanya merasai bahawa mereka mempunyai nasib yang sama. Sama-sama dieksploitasi dan menjadi alat mainan politik imperialis, yang dipandang sebagai hamba oleh Barat. Mereka sama-sama merasai bahawa mereka sudah kehilangan maruah di mata dunia sehingga Nehru berkata: "Kami adalah Asian, kami bukan Asiatik. Dari sekarang, kami umat Asia mahu dipanggil sebagai 'Asian' bukan 'Asiatik'."

Istilah "Asiatik" telah digunakan berkurun-kurun lamanya oleh Barat sebagai identiti umat Asia. Sejak Barat mula menemui Asia dari zaman Greek dan Roman lebih 3000 tahun dahulu, ke zaman Marco Polo dan Vasco De Gama dalam Abad ke-13 dan ke-15, ke zaman Barat mula berda-

gangan dengan Asia dalam abad ke-18, hinggalah ke abad ke-19 apabila Barat menakluki sebahagian besar benua dan kepulauan Asia yang kaya dengan sumber alam untuk mengisi revolusi perindustrian Barat yang sedang tumbuh dan berkembang. Dari saat itu mulalah imperialisme dan kolonialisme Barat memandang umat Asia sebagai umat yang bodoh dan hina dan boleh dipermainkan dan diperalatkan dalam percaturan politik dan ekonomi mereka, walaupun Asia, terutama India dan China, sudah pun lama bertamadun ketika Eropah masih hidup dalam zaman jahiliah.

Kesedaran politik dan kebangkitan gerakan nasionalis Asia pada awal abad ke-20, apabila Jepun menewaskan Rusia dalam peperangan tahun 1905, dan revolusi kolonial yang merebak di seluruh Asia sejak tamat Perang Dunia Kedua, menjadikan istilah "Asiatik" ini satu istilah yang menghina umat Asia kerana kaitannya dengan imperialisme dan kolonialisme Barat. Asia sudah mula mengenal identitinya sebagai umat yang mewarisi tamadun besar dunia. Asia tidak lagi rela diperhina dan diperalatkan. Asia mahu menegakkan dan memproklamir identiti baru dan mahu dikenali oleh dunia sebagai "Asian", iaitu simbol bagi umat yang mahu merdeka, setaraf dan bersaudara, bukan sahaja di kalangan bangsa-bangsa Asia, tetapi juga dalam dunia antarabangsa.

Dalam ucapan pembukaannya di persidangan itu, Pandit Nehru, yang ketika itu menjadi Perdana Menteri sementara (ke arah kemerdekaan) India, berkata:

- *Kita berhimpun di sini bukan untuk membincangkan sejarah dan perhubungan kita di zaman silam, tetapi untuk membina perhubungan baru bagi masa depan. Persidangan ini sekali-kali tidak berniat agresif atau mahu bermusuhan dengan sebarang benua atau negara. Sejak berita persidangan ini tersiar di luar negeri ada orang di Eropah dan Amerika menyangka bahawa ini adalah satu gerakan Pan-Asia untuk menentang Eropah atau Amerika. Kita tidak berniat buruk terhadap sesiapa. Niat kita ialah mahu menggalakkan keamanan dan kemajuan di seluruh dunia. Sejak sekian lama kita di Asia memohon dan merayu kepada Barat. Kisah ini sekarang mesti ditamatkan. Kita sekarang mahu berdikari dan mahu bekerjasama dengan semua pihak yang sanggup*

bekerjasama dengan kita. Kita tidak mahu lagi dipermainkan oleh orang lain.

Dalam sejarah dunia yang sedang menghadapi krisis ini Asia perlu memainkan peranan yang penting. Negara-negara Asia tidak lagi boleh digunakan sebagai budak orang lain. Negara-negara Asia sudah tentu ada dasar-dasarnya yang tersendiri dalam hal ehwal dunia. Eropah dan Amerika telah banyak memberi sumbangan terhadap kemajuan manusia. Hal ini kita akui dan hormati, dan kita boleh belajar daripada mereka dalam pelbagai hal. Tetapi Barat juga telah menjerumuskan kita ke dalam pelbagai peperangan dan konflik. Bahkan hari ini, setelah mengalami suatu peperangan yang dahsyat, sudah ada percakapan hendak berperang lagi dalam zaman atom yang kita hadapi.

Dalam zaman atom ini Asia perlu berfungsi secara efektif dalam menjaga keamanan. Bahkan, keamanan tidak mungkin wujud kalau Asia tidak memainkan peranannya. Kemunculan Asia dalam urusan dunia akan menjadi suatu pengaruh yang kuat ke arah menentukan keamanan dunia. Keamanan boleh wujud hanyalah apabila setiap bangsa sudah bebas dan apabila umat manusia di mana-mana hidup bebas, selamat dan diberi peluang dalam segala lapangan. Oleh itu, keamanan dan kemerdekaan hendaklah sama-sama dipertimbangkan dari segi politik dan juga ekonomi. Kita harus ingat bahawa negara-negara di Asia masih mundur dan taraf hidup rakyat masih terlalu rendah. Masalah-masalah ekonomi ini menuntut penyelesaian yang segera kalau kita tidak mahu krisis dan malapetaka bermaharajalela. Maka perlulah kita berfikir dari segi nasib rakyat jelata dan perlulah kita membentuk struktur politik, sosial dan ekonomi supaya kesengsaraan rakyat dapat dikikis dan mereka berpeluang memajukan diri masing-masing".

Pada awal pidatonya yang panjang lebar dan yang diucapkan tanpa teks itu, Nehru telah menyentuh pelbagai perkara tentang pertalian kebudayaan intra-Asia pada zaman praimperialisme. Tentang tamadun Mesir, China dan India yang saling mempengaruhi, yang bukan sahaja memperkaya kebudayaan masing-masing, tetapi juga sama-sama memainkan peranan besar dalam evolusi dan kemajuan manusia sejagat. Tentang eksploitasi imperialisme Barat ke atas Asia sehingga bangsa-bangsa Asia terasing sesama sendiri, tidak

mengenal antara satu sama lain selama dua ratus tahun kebelakangan ini. Sekarang imperialisme corak lama itu sudah mulai undur, kata Nehru. Pengasingan Asia sudah mula roboh. Asia mengenal dirinya semula. Dan Asia berdiri di hujung suatu era dan sedang melangkah ke dalam suatu zaman baru.

Persidangan ini, kata Nehru, merupakan suatu peristiwa unik dalam sejarah, kerana bangsa-bangsa Asia belum pernah berhimpun begini rupa pada satu-satu tempat. "Apabila sejarah zaman kita ini diriwayatkan kelak, maka peristiwa ini mungkin menonjol sebagai suatu mercu tanda yang memisahkan zaman silam Asia daripada zaman barunya. Dan oleh sebab kita sama-sama mengambil bahagian dalam perhimpunan yang membentuk sejarah ini maka kita semua sedikit sebanyak termasuk juga dalam kenangan keagungan peristiwa-peristiwa yang bersejarah," tambah Nehru.

Seperti ketua-ketua delegasi yang lain, Dr. Burhanuddin juga diberi peluang berucap dalam sidang pleno hari kedua. Malaya, kata Dr. Burhanuddin, menyokong penuh tujuan Persidangan yang hendak mempererat hubungan antara bangsa-bangsa Asia kerana peningkatan hubungan ini mungkin membawa kepada peningkatan perhubungan antarabangsa ke arah mencapai keselamatan, keamanan dan kemakmuran di seluruh dunia. Di seluruh Asia hari ini, katanya, dari Turki moden di Barat Laut Asia hinggalah ke Indonesia di Tenggara Asia, jiwa baru dan semangat baru sedang bergerak. Bangsa-bangsa Asia bukan sahaja menuntut kemerdekaan tetapi juga berazam untuk mengambil tempat yang hak dalam hal ehwal dunia.

Sebaik sahaja tamat Perang Dunia Pertama, revolusi Turki telah melahirkan sebuah negara Turki yang baru dan moden. Selepas tamat Perang Dunia Kedua, berlaku pula revolusi Indonesia yang melahirkan sebuah negara baru dan merdeka. Indo-China sedang memperjuangkan kemerdekaannya. Burma dan India sudah di ambang kemerdekaan. "Kami di Malaya juga berazam untuk mencapai kemerdekaan penuh secepat mungkin," kata Dr. Burhanuddin.

Selesai mukadimah ini, Dr. Burhanuddin tampil memberi penjelasan tentang situasi politik di Malaya atas nama PKMM. Penjelasan ini adalah jawapan secara halus terhadap



layu tetap
semangat
mereka di

a soal ras
angan dua
ngsa yang
angsa me-
is menjadi
ak sebagai
India, dan
dak perlu
angan, ke-
diberikan

dari India,
ngsara aki-
u sanggup
la imigran
menerima
pertalian

berat soal-
k kolonial
i dan per-
asyarakat.
adalah ini
tapi "kami
negara-ne-

i menyen-
ya, adalah
g toleran.
kami juga
mahukan

ri negara-
ri negara-
u tidaklah
n kepada

INFORMIS

ayaan yang sama-sama
masalah-masalah politik
dalaman sesebuah
persidangan hanyalah
lepas perang. Bertukar-
h yang sama kedudukan
ta mengkaji cara-cara
bangsa-bangsa di Asia.
k perbincangan:

merdeka di Asia;
a yang berkait de-

dan layanan terha-

uk kolonial kepada

i serta pembangun-

erkhidmatan masya-

terutama sekali yang
kesenian, seni bina,
susasteraan; dan
akan wanita.

h-pecahkan ke dalam
membincangkan topik-
menyertai Kumpulan A
nal ke arah kemerdekaan
yang membincangkan
ra-Asia. Delegasi Malaya
Dr. Burhanuddin, Philip
ya diberi penghormatan
gai pengerusi kumpulan
alaya yang lain ialah Dr.
ham. Malaya juga diberi
sebagai *joint-rapporteur*
aimendorf, wakil India.
Ven Yuan Ning daripada
ib pengerusinya Sardar

K. M. Panikkar, seorang ahli sejarah dan pemikir politik yang terkenal dan pernah kemudiannya menjadi duta besar India ke Mesir dan China.

Dalam Kumpulan C, perwakilan Malaya terdiri daripada P. P. Narayanan, Yap Meow Siew, Abdullah C. D., Jamnadas Mehta, S. A. Ganapathy, dan Puan Devasayaham. Kumpulan ini membincangkan peralihan ekonomi daripada bentuk kolonial kepada bentuk nasional; penyusunan semula pertanian; pembangunan perindustrian, masalah-masalah buruh; dan perkhidmatan masyarakat.

Perwakilan Malaya dalam Kumpulan D yang membincangkan masalah-masalah kebudayaan dan penyelidikan saintifik, ialah Brahmachari Kailasam, Puan Devasayaham, dan Puan Hajah Zain.

Puan Hajah Zain dan Puan Devasayaham juga mewakili Malaya dalam Kumpulan E yang membincangkan taraf wanita dan pergerakan wanita di Asia.

Sungguhpun tiap-tiap Kumpulan diwakili oleh anggota khas delegasi masing-masing, tetapi sesiapa sahaja boleh menghadiri mesyuarat sebarang kumpulan yang lain kalau ada minat dan kelapangan. Saya sempat juga menghadiri mesyuarat Kumpulan C yang membincangkan soal peralihan ekonomi daripada bentuk kolonial kepada bentuk nasional. Bagaimanapun dalam buku kecil ini saya akan tumpukan pembicaraan secara ringkas kepada Kumpulan-kumpulan A dan B berasaskan laporan-laporan daripada mesyuarat masing-masing.

Mesyuarat Kumpulan A sependapat bahawa semangat hendak menghapuskan dominasi kolonial Barat sedang giat merebak di seluruh Asia dan kolonialisme terpaksa mengundurkan diri tidak lama lagi. Wakil-wakil Burma, Indonesia, dan Malaya menggesa tiap-tiap negara di Asia tidak memberikan sebarang bantuan secara langsung atau tidak langsung kepada sebarang kuasa kolonial dalam cubaannya hendak mengekalkan penjajahannya di mana-mana negara Asia. Mereka memutuskan supaya tidak memberikan kemudahan pengangkutan, penggunaan lapangan terbang, dan bekalan kepada bala tentera kuasa kolonial yang dimaksudkan.

Berkaitan dengan ini, satu hal yang amat menarik ialah

saranan Dr. Burhanuddin supaya diadakan satu *Neutrality Bloc* (Blok Negara-negara Berkecuali) di Asia untuk mencegah pencerobohan. Saranan ini dikemukakan 24 tahun (hampir suku abad) dahulu sebelum ASEAN memproklaimir konsep ZOPFAN (Kawasan Aman, Bebas, dan Berkecuali di Asia Tenggara) dalam Deklarasi Kuala Lumpur pada tahun 1971.

Dari aspek yang lain, saranan ini selaras dengan konsep berkecuali (*non-alignment*) yang telah dibayangkan oleh Nehru dalam ucapannya pada perasmian pembukaan persidangan dan yang akhirnya menjadi realiti pada bulan September 1961 manakala *the Non-Aligned Movement* (Gerakan Negara-negara Berkecuali) ditubuhkan di Belgrade, Yugoslavia.

Perjuangan kemerdekaan yang sedang berlaku di Indonesia dan Vietnam ketika itu telah mendapat perhatian istimewa dalam mesyuarat Kumpulan A. Bagaimanapun oleh sebab-sebab yang tertentu mesyuarat hanya dapat menyatakan sepenuh simpati dan sokongan moral daripada negara-negara Asia yang lain. Mesyuarat juga bersetuju sebulat suara bahawa kaum-kaum minoriti bukan bumiputera hendaklah menyokong dan membantu perjuangan kemerdekaan di negara-negara tempat mereka bermastautin. Ini amat perlu untuk membolehkan sesuatu negara itu mencapai kemerdekaan.

Mesyuarat juga membincangkan betapa perlunya memperluas usaha pertukaran maklumat antara negara-negara Asia, terutama mengenai gerakan kemerdekaan nasional. Untuk tujuan ini wakil Indonesia mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah agensi berita Asia. Hasrat ini hanya menjadi realiti sesudah beberapa tahun kemudian, dalam bentuk OANA (Organisation of Asian News Agencies) setelah semua negara Asia mencapai kemerdekaan. Konsep ini diperluas dalam perspektif dan dimensi baru oleh Gerakan Negara-negara Berkecuali pada awal dekad 1970-an dalam bentuk *Non-Aligned Press Agencies Pool* (Kerjasama Agensi-Agensi Berita Negara-negara Berkecuali) yang mendapat sokongan penuh daripada kerajaan masing-masing.

Mesyuarat Kumpulan B yang membincangkan masalah-masalah ras dan migrasi intra-Asia bersependapat bahawa (A) Semua penduduk asing di negara-negara Asia yang sang-

gup mematuhi undang-undang naturalisasi dan yang memandang negara mastautinnya sebagai tanah airnya dan tumpuan taat setianya yang tidak berbelah bagi haruslah diberi taraf kerakyatan sepenuhnya; dan (B) Penduduk asing yang mahu mengekalkan kebangsaan negara asalnya haruslah diberi layanan yang sama dari segi undang-undang walaupun mereka tidak berhak dari segi sivik, dan mereka haruslah terjamin keselamatan diri dan harta serta mendapat layanan yang baik dari segi perikemanusiaan.

Soal dweikebangsaan menjadi perbincangan rancak. Dasar China menjadi sasaran kerana undang-undang negaranya menetapkan semua keturunan China menjadi rakyat China walaupun mereka sudah mengambil kerakyatan negara asing. Wakil China cuba memberi penjelasan tetapi tidak meyakinkan mesyuarat. Pada umumnya mesyuarat bersetuju bahawa pada satu-satu masa seseorang hanya boleh memegang satu kebangsaan; dan tidak sesiapa boleh mempunyai kerakyatan sesuatu negara sambil menikmati perlindungan dari negara asalnya. Wakil India berpendapat bahawa negara India dan China tidak seharusnya menggalakkan imigrannya meminta pertolongan daripada negara asalnya, tetapi mereka yang sudah bermastautin di negara asing hendaklah dinasihatkan supaya mengambil identiti negara mastautinnya. Wakil-wakil Burma, Malaya, dan Ceylon keras bertahan bahawa negara-negara yang mempunyai ramai penduduk bangsa asing berhak membatasi kemasukan bangsa asing untuk menjamin bumiputera tidak ditenggelami dan didominasi oleh kaum imigran.

Oleh sebab semua delegasi tidak mewakili kerajaan masing-masing, maka Persidangan Perhubungan Asia itu tidak membuat apa-apa resolusi untuk mendesak kerajaan mengambil tindakan daripada apa yang telah diperbincangkan dan dipersetujui. Keputusan yang negatif ini adalah salah satu faktor mengapa persidangan setia kawan Pan-Asia ini tidak mendapat perhatian dunia, berbanding dengan persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia pada bulan April 1955, yang sentiasa disebut-sebut oleh penulis-penulis Barat apabila membicarakan gerakan-gerakan nasionalis menuntut kemerdekaan daripada imperialis Barat. Keputusan persidangan Pan-Asia ini juga memberi modal kepada para pe-

nulis, ahli sejarah dan ahli politik Barat mengatakan persidangan itu hanya suatu helah India hendak menjadi pemimpin Asia merdeka. Lagi satu faktor ialah ketiadaan persidangan yang menyusuli persidangan New Delhi itu. Sungguhpun ada keputusan untuk mengadakan persidangan kedua di China pada tahun 1949, tetapi terpaksa dibatalkan kerana pada tahun itu China telah jatuh ke tangan Komunis yang sedang sibuk mengatur semula jentera pemerintahan negara dan kehidupan baru bagi rakyatnya.

Satu lagi keputusan yang telah dibuat ialah untuk menubuhkan sebuah Institut Asia bagi mengkaji masalah-masalah bersama dan untuk merapatkan lagi pertalian antara bangsa-bangsa Asia. Badan pengurus Institut ini telah ditubuhkan dalam Persidangan dan Dr. Burhanuddin menjadi salah seorang anggotanya. Oleh sebab pergolakan politik begitu kencang di seluruh dunia maka badan ini tidak bergerak seperti yang dikehendaki dan akhirnya terkubur begitu sahaja.

Namun demikian, Persidangan di New Delhi itu, yang menghimpun pemimpin-pemimpin daripada seluruh Asia buat pertama kalinya dalam sejarah, melambangkan semangat merdeka dan semangat demokrasi Asia yang berjiwa baru. Dalam persidangan inilah para pemimpin Asia mengorak langkah pertama ke arah mencapai ideal dan cita-cita yang termaktub dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Di situlah juga bibit-bibit prinsip politik berkecuali yang dikenali sebagai Negara Berkecuali (*Non-alignment*) itu telah disemai, yang kemudiannya dilaung-laungkan oleh para pemimpin Afro-Asia di Bandung, dan akhirnya menjadi gerakan politik berkecuali Dunia Ketiga di Belgrade. Dengan wujudnya Gerakan Berkecuali, Dunia Ketiga sudah memiliki suara bersatu di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menentukan nasib dunia. Suara kuasa-kuasa kecil tidak lagi boleh diabaikan oleh kuasa-kuasa besar. Harapan persidangan Delhi telah tercapai.

* * *

Pemimpin agung India, Mahatma Gandhi, tidak hadir pada hari pembukaan Persidangan itu kerana sedang menjelajahi

India menjalankan amal baktinya kepada rakyat jelata. Bagaimanapun beliau sempat menghadiri persidangan penutup di pekarangan Purana Qila (Kubu Merah) peninggalan Empayar Islam Moghul di daerah Delhi Lama dan memberi ucapan yang pendek. Oleh sebab Gandhi kelazimannya lebih suka bersila di atas tanah berlapikkan tikar apabila memberi ucapan maka sebuah khemah raksasa telah dipasang di pekarangan kubu purba itu dan semua perwakilan dan pemerhati, lelaki dan wanita, turut duduk di atas rumput. Tidak ada kerusi di mana-mana.

Suara Gandhi begitu lemah sehingga pembesar suara di hadapannya itu pun tidak dapat membantu pendengaran para hadirin. Sekali-sekala amanatnya dapat juga ditangkap. Seperti biasa beliau mengutamakan prinsip *non-violence* dan *non-cooperation* dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, keadilan dan keamanan. Amanatnya itu ditujukan bukan hanya kepada para hadirin yang memperjuangkan suara Asia tetapi kepada manusia sejagat. Tidak sampai setahun kemudiannya, pada 31 Januari 1948, Bapuji (Bapak) Kemerdekaan India ini menjadi korban pembunuhan di tangan seorang fanatik Hindu, N. V. Godse, anggota pertubuhan politik Hindu Mahasabha yang anti-Muslim dan mahu India menjadi sebuah Kerajaan Hindu dan menentang usaha-usaha Gandhi berbaik-baik dengan rakyat Muslim India. Gandhi meninggal dalam usia 79 tahun. Cita-citanya hendak menyatukan Hindu dan Muslim di dalam sebuah India merdeka tidak berhasil. Pada 15 Ogos 1947 India telah berpecah dua kepada India majoriti Hindu dan Pakistan majoriti Muslim.

* * *

Saya tidak terus pulang ke tanah air dari Persidangan yang bersejarah itu. Ada dua sebab, pertama hendak membuka cawangan kantor berita Indonesia, *Antara*, di New Delhi dan menjadi ketua bironya. Kedua, tidak ada wang untuk pulang kerana tiket kapal terbang hanya sehalu. Kedua-duanya menyebabkan saya tersangkut dan hidup berkelana di India selama empat bulan.

Sebelum ke New Delhi saya singgah di Singapura bersama-

singgah di Bombay sebelum pulang ke Jakarta. Lantas saya temui Djohan Sjahroezah, anggota Parlimen, anggota Politburo Partai Sosialis dan wakil Kesatuan Sekerja seluruh Indonesia. "Jangan kuatir saudara Salleh, ikut saja kami ke Bombay buat sementara waktu," kata Shahroezah. Mereka ke Bombay atas undangan Parti Sosialis India dan salah satu Kesatuan Sekerja India.

Hal ini saya maklumkan kepada Dr. Burhanuddin yang segera menyetujuinya. Bombay jauhnya kira-kira 2424 kilometer ke barat daya Delhi. Kereta api yang kami naiki itu mengambil masa kira-kira dua hari dua malam, kalau tidak silap ingatan saya. Kami semuanya memegang tiket kelas tiga. Kami bukan lagi VIP, bukan lagi pemimpin Asia, tetapi penumpang biasa. Manusia biasa.

Dalam kereta api yang penuh sesak dengan bermacam ragam manusia itu, ada yang suka berkelahi, bermaki hamun dalam bahasa yang tidak kami ketahui, berebut-rebutan mengambil tempat duduk yang terhad. Kerana tidak suka berkelahi, ada antara kami yang melepaskan tempat duduk dan bersila di lantai. Saya dan A. B. Samah, pemimpin Persatuan Pelajar Indonesia di India dan baru menerima ijazah B. A. (Commerce) terpaksa duduk dan tidur di atas lantai yang kotor. Mujurlah badan gerabak kereta api di India semuanya lebar-lebar, kerana landasan relnya lebar, tidak seperti di Malaya. Jadi kami dapat tidur agak selesa ala kadar. Kami sampai di Bombay jam satu pagi, tidak ada orang yang menunggu baik daripada Parti Sosialis mahupun daripada Kesatuan Sekerja. Menginap di hotel tentu saja membazir, kerana sekejap lagi hari sudah siang. A. B. Samah mencadangkan tidur di sebuah *lodging house* yang mengenakan bayaran satu anna seorang, tidak sampai lima sen duit Malaya. Masing-masing setuju dan memuji kebijaksanaan A. B. Samah, pemimpin pelajar yang sudah masak dengan cara hidup di India. Yang masing-masing tidak menduga ialah keadaan tempat tidur. *Lodging* itu bukan sahaja sebuah bangunan kayu yang sudah uzur, tetapi tidak ada lampu elektrik. Hanya lampu minyak tanah. Yang paling dikesali ialah masing-masing tidak dapat tidur. Bangku kayu yang dinamakan katil itu penuh dengan kepinding.

Tepat jam empat pagi kelima-lima anggota rombongan

Indonesia-Malaya itu sudah tidak sabar lagi. Masing-masing bersungut, termasuk pemandu kami yang bijaksana, A. B. Samah. "Kepinding sebesar pacat mahu masuk ke telinga saya," katanya seolah-olah cuba mempertahankan diri daripada kemarahan kami yang belum dilahirkan. Tetapi masing-masing menganggap pengalaman di *lodging* itu sebagai satu peristiwa lucu dan bergilir-gilir kami mengisahkan perjuangan masing-masing dengan sang kepinding, yang disambut dengan gelak ketawa yang menghairankan tuan punya *lodging*. Akhirnya semua setuju balik ke stesen kereta api yang tidak berapa jauh untuk menunggu wakil Parti Sosialis India. Jam lapan pagi baru wakil itu tiba dan kami pun dibawa berkereta ke rumah salah seorang pemimpin parti. Rumah itu sebuah banglo besar, lengkap dengan pelbagai perhiasan antik dan lukisan, yang menggambarkan kehidupan orang kaya. Ini tidak menghairankan kerana pemimpin parti-parti politik di India kebanyakannya daripada golongan atasan. Di situ kami menikmati sarapan. Kami dijemput memilih antara hidangan Barat dan hidangan India atau kedua-duanya sekali. Bagi saya, itulah kali terakhir mencecap kelazatan makanan mewah di India. Dalam empat bulan berikutnya saya hidup sebagai marhaen.

Rombongan Indonesia sudah ada program yang diatur oleh Parti Sosialis India. Dua tiga hari lagi mereka akan berangkat pulang ke Indonesia. Saya terpaksa tinggal di Bombay buat seketika untuk mencari tambang balik ke tanah air. Rupa-rupanya A. B. Samah memang sudah ditugaskan oleh Sjahroezah untuk mencari tempat penginapan saya.

A. B. Samah anak Minang dan anggota Partai Komunis Indonesia. Kawan-kawannya di India, baik dalam kampus mahupun di luar kampus, kebanyakannya komunis. Ke mana lagi dia mahu minta pertolongan kalau tidak kepada kawan-kawan yang sehaluan dengannya? Maka dibawanyalah saya ke markas Parti Komunis India. Di sana saya dialu-alukan dengan penuh hormat dan mesra. Dalam masa setengah jam soal penginapan saya sudah beres. Mereka tahu saya bukan komunis, tetapi mereka melayani saya sebagai tetamu dari Malaya yang sedang memperjuangkan kemerdekaan. Saya akan tinggal bersama-sama keluarga komunis di Khar,

sebuah bandar satelit 14 batu jauhnya di luar kota Bombay. Saya boleh tinggal di sana seberapa lama yang diperlukan. Bagi saya, dalam keadaan yang begitu mendesak, tidak ada pilihan lain dan saya pun mengucapkan terima kasih kepada mereka. Tetapi yang amat kuat mendesak ialah soal pekerjaan. Saya perlu mengumpulkan wang untuk balik ke Malaya. Tentang soal ini saya boleh berurusan dengan komrad Suhasini Chattopadhyaya, kata mereka.

Sampai di stesen kereta api Khar, saya dan A. B. Samah disambut oleh seorang komrad lalu dibawa berjalan kaki ke banglo yang tidak jauh dari stesen. Di banglo sudah menunggu komrad Suhasini Chattopadhyaya dan beberapa orang komrad lain. Banglo itu milik seorang artis wanita Parsi, tetapi dia mendedikasikan kediamannya itu kepada parti sebagai rumah tamu bagi komrad-komrad yang melawat Bombay dan urusan yang bersangkutan paut dengan aktiviti parti di seluruh India.

Khar ialah "Hollywood" India kerana kebanyakan bintang filem tinggal di sana. Tidak ada rumah berderet. Semuanya banglo besar-besar dengan halaman yang luas dan taman-taman yang cantik. Tayangan filem-filem India agak lama bagi satu-satu filem. Di Malaya, satu-satu filem ditayangkan paling lama dua minggu, tetapi di India enam bulan dianggap biasa, terutama di bandar-bandar besar seperti Bombay, Delhi, Madras dan Calcutta. Salah satu sebabnya ialah setiap bandar besar mempunyai berjuta-juta penduduk. Misalnya, dalam tahun 1947 penduduk Bombay hampir empat juta orang. Calcutta hampir lima juta dan Bombay sendiri mempunyai 14 bandar satelit. Jadi satu-satu filem mengambil masa pengedarannya dari setempat ke setempat. Lagi satu sebab ialah filem-filem Barat tidak popular di kalangan rakyat jelata, hanya popular di kalangan kelas pertengahan dan kelas atasan yang sudah kebarat-baratan dan itu pun hanya di kota-kota kosmopolitan seperti Bombay.

Suhasini Chattopadhyaya seorang wanita yang berpengaruh di India. Dia daripada keluarga yang berada. Kakaknya, Kamaladevi, tokoh terkemuka Parti Sosialis yang diketuai oleh Jai Prakash Narain, tetapi Suhasini memilih Parti Komunis. Namun dia mesra dengan pemimpin-pemimpin parti politik yang lain dan pemimpin-pemimpin

masyarakat, termasuk yang di dunia surat khabar. Dialah yang memperkenalkan saya kepada editor-editor di Bombay. Dalam masa tiga minggu sahaja saya sudah diterima menjadi penulis sambilan oleh harian *Bombay Chronicle*, *Free Press Journal*, dan mingguan *Forum*. Penerbitan-penerbitan ini semuanya berminat tentang perjuangan kemerdekaan di Malaya. Jadi saya tidak ada masalah untuk menulis artikel tentang Malaya.

Kehidupan harian saya, kalau tidak menulis untuk surat khabar saya ke Bombay dengan tiket bermusim kereta api yang telah dibeli oleh Parti. Kalau tidak ke ibu pejabat parti, saya pergi ke pejabat-pejabat surat khabar membaca berita terkini dan berbual-bual. Ataupun melancong sekitar bandar, sendirian atau berkawan. Petang baru pulang ke Khar.

Di ibu pejabat parti ada berpuluh macam penerbitan. Harian, mingguan, dwimingguan, bulanan, dan suku tahunan. Semuanya, melainkan sebuah, dalam bahasa-bahasa utama India: Hindi, Urdu, Benggali, Marathi, Punjabi, Malayalam, Tamil, Telugu, Gujurati, Assami, dan Nepali. Penerbitan parti dalam bahasa Inggeris hanyalah mingguan *New Age*. Banyak juga penerbitan-penerbitan daripada negara-negara komunis, kebanyakannya dalam bahasa Inggeris, tetapi ada juga dalam bahasa-bahasa utama India.

Sekali-sekala saya dijemput mengikuti aktivis-aktivis muda menjelajahi pelbagai tempat di Bombay dan di desa-desa menyaksikan mereka berkempen mencari ahli-ahli baru sambil menaburkan risalah-risalah propaganda di kalangan kaum buruh dan tani. Dalam hal ini, saya terpaksa bermalam di ibu pejabat, makan dan tidur bersama-sama komrad-komrad lelaki dan wanita, yang saya perhatikan cukup dedikasi menjalankan tugas masing-masing. Pergaulan mereka sama sendiri dan dengan orang luar amat mesra. Daripada pemerhatian orang luar, mereka amat fanatik kepada fahaman Marxist dan cukup yakin tidak ada "kebenaran" yang lain di muka bumi ini.

Bukan semua ahli parti beragama Hindu. Ada juga yang beragama Islam dan Kristian. Tetapi saya kira masing-masing telah membelakangkan agama, kalau tidak pun ateis melulu. Dalam hal ini saya bertanya kepada seorang pelukis,

Ara namanya. "Kau ini seorang pelukis yang termasyhur sebagai pelukis rakyat. Kau juga Hindu. Kenapa jadi komunis?" Jawabnya: "Kemiskinan. Kaum pengemis bertaburan di Bombay ini. Selagi ada kemiskinan di muka bumi India ini, saya tetap komunis."

India bukan sebuah negeri, tetapi sebuah benua. Bermacam bangsa, bahasa, agama, budaya, tamadun, dan bermacam cara hidup. Ada Hindu ada Muslim, Buddha, Jainis, Kristian, Sikh, Paria, kaum asli, Parsi Majusi. Dalam tahun 1947 bilangan penduduknya sudah berjumlah kira-kira 450 juta, hampir satu perlima penduduk dunia. Majoritinya miskin. Kurang makanan, kurang pakaian, kurang perumahan, kurang pekerjaan. Dua pertiga daripadanya bertani, satu persepuluh bekerja di kilang dan yang lainnya menganggur. Yang bertani diperas oleh majikan.

Namun kemiskinan tidak dapat membantu Parti Komunis memperoleh pengaruh yang kuat di India kerana agama memainkan peranan penting dalam kehidupan rakyat India. Yang paling luas pengaruhnya ialah agama Hindu dan Islam, yang masing-masing mempunyai penganut daripada berbilang bangsa pula. Parti politik yang paling berpengaruh ialah Indian National Congress dan Muslim League. Keduanya parti borjuis.

Ketika saya di Bombay, rusuhan perkauman antara Hindu dan Muslim sedang memuncak di mana-mana menjelang kemerdekaan. Tidak jauh dari ibu pejabat parti ada sebuah *musafirkhana*, rumah persinggahan dan restoran bagi orang Islam. Dr. Burhanuddin ada berpesan, kalau sesak, lapar dan tidak berduit pergilah ke *musafirkhana* yang banyak bertaburan di seluruh India. Kalau mengadu hal, kita akan diberi makan percuma katanya. Makanan di ibu pejabat parti biasanya capati, dal, sayur, dan sambal. Sekali seminggu baru ada daging sebagai tambahan. Kebetulan *musafirkhana* terletak dalam kawasan Muslim dan ibu pejabat parti dalam kawasan Hindu. Pada suatu hari, setelah bermalam di ibu pejabat tergerak hati hendak menikmati makanan Islam di *musafirkhana*. Biasanya pada waktu lapang saya bersiar-siar dengan berkain sahaja, tidak berseluar. Kebanyakan orang India berkain cara mereka. Jadi saya cuba mengikut adat. Saya pun berjalan menuju ke *musafirkhana*. Kira-kira seratus

ela hampir ke restoran itu kelihatan orang sedang berkerumun, hingar-bingar. Seorang hamba Allah sedang tersungkur berlumuran darah, kena tikam dari belakang. Belum sempat saya bertanya, berpuluh-puluh orang Muslim datang meluru dari jurusan restoran hendak memukul siapa sahaja yang berkerumun di situ. Saya sendiri kena buru, tetapi sempat melarikan diri ke ibu pejabat. Saya bertanya kepada kawan-kawan kenapa saya sama diburu padahal saya seorang Muslim. Kata mereka, bukan sahaja muka saya mirip Gurkha, tetapi kain hitam yang saya pakai itu menandakan saya seorang *goonda* (penjahat). Kononnya, kata mereka, pembunuhan itu berpunca daripada sebuah Quran yang sudah tercarik dan seorang Muslim telah menikam seorang Hindu. Sebab yang sebenar tidak diketahui. Peristiwa ngeri itu membuktikan betapa tebalnya sentimen perkauman dan betapa tipisnya sempadan antara agama dan politik. "*There is only one race on earth ... the human race,*" kata mereka menyesali perbuatan manusia berbunuhan seperti binatang liar.

Banyak lagi cerita pengalaman saya di India, benua yang penuh kontras, yang kaya dengan bahan-bahan untuk penyelidikan yang tidak berkesudahan bagi ahli-ahli sosiologi, arkeologi, sejarah, falsafah, dan agama komparatif, yang tidak dapat saya sampaikan di sini kerana ruang tidak mengizinkan.

Wang tambang pulang ke tanah air sudah terkumpul. Hanya 250 Rupee naik kapal laut sebagai penumpang dek. Usaha pengumpulan ini menelan masa hampir empat bulan, walaupun makan, tidur, belanja berjalan ke sana ke mari, bahkan menonton wayang gambar pun ditanggung orang. A. B. Samah yang tenggelam timbul di Bombay, sibuk dengan Persatuan Pelajar-pelajar Indonesia dan gerakan taninya, juga sudah mendapat bantuan daripada Kesatuan Tani India. Malam perpisahan diadakan resepsi ala marhaen di banglo tamu di Khar. Kemudian Suhasini Chattopadhyaya meminta para hadirin menyanyikan lagu rakyat masing-masing. Siapa yang tidak tahu bolehlah ikut beramai-ramai. Saya salah seorang yang mengaku tidak tahu. Yang menajukkan saya ialah lagu Minang yang dinyanyikan oleh A. B. Samah dan lagu Malayalam yang dinyanyikan oleh seorang komrad dari Kerala. Kedua-duanya hampir sama

nada dan iramanya, lantas saya teringat kepada lagu rakyat Jepun yang hampir sealunan. Inikah yang cuba diutarakan oleh Okakura Kakuzo, seorang artis Jepun yang terkemuka pada akhir abad ke-19 yang menegaskan bahawa "Asia itu satu"? Ini adalah satu hal yang perlu mendapat perhatian dan wajar diselidiki oleh pakar-pakar tertentu yang mencintai Asia, terutama tentang ciri-ciri tradisi budaya dan kesenian yang sama-sama mempengaruhi bangsa-bangsa Asia. Adakah ini berpunca daripada budaya Buddha yang berpengaruh di India, Sumatera dan Jepun pada zaman silam?

Waktu saya mengunjungi Amerika Syarikat selama sebulan sebagai tamu kerajaan dalam tahun 1975, saya tertarik kepada kesamaan kesenian perhiasan dan keagamaan yang terdapat di kalangan masyarakat Red Indian di Amerika dan masyarakat Iban di Sarawak. Kedua-duanya menggunakan manik dengan corak yang tidak jauh bezanya. Kedua-duanya menggunakan *totem* dan *totempole*. Kita perlu menyelam ke zaman silam untuk mencari pertalian antara Asia dan Amerika.

Untuk menaiki kapal laut ke Singapura, saya dan A. B. Samah terpaksa ke Madras di selatan India. Oleh sebab kami ada masa dua minggu di Madras sebelum kapal belayar, satu program sudah diatur untuk kami tinggal di situ dengan peluang melawat beberapa buah bandar yang lain, termasuk Pondicherry yang ketika itu masih menjadi jajahan Perancis, dan Mahe di Wilayah Kerala, yang juga tanah air kaum Malabari yang beragama Islam.

Pada awal Ogos 1947 kami pun menaiki kapal "Rajula" di pelabuhan Madras menuju ke Singapura. Kapal itu sudah sekian tahun berulang alik membawa buruh India ke Malaya dan membawa balik mereka yang pulang atau menziarahi famili di India. Maka tidak hairanlah "kapal buruh" itu berkarat seperti tidak pernah menjalani pemulihan. Sebagai penumpang dek, kami terpaksa makan dan tidur di atas lantai kapal, berhimpit-himpit dengan bakal-bakal buruh yang penuh sesak. Barang-barang termasuk beg terpaksa diikat ketat bertali-talian antara satu sama lain sepanjang dan sekeliling dek supaya jangan terhumban ke laut apabila datang ombak. Teluk Benggala yang mesti dilalui oleh kapal memang termasyhur dengan angin yang amat kencang,

meniup ombak setinggi bukit. Apabila ombak membidas, kami tidak dapat tidur. Masing-masing memeluk beg dan harta. Walaupun semuanya sudah terikat ketat, barang-barang ini melungsur terayun-ayun sekejap ke kiri sekejap ke kanan mengikut alunan ombak dan kami pun masing-masing terayun ke sana ke mari, basah, muntah-muntah dan pening kepala.

Makanan yang diberikan ialah sebiji roti paun dan sekoleh kopi O. Lauk tidak ada, tetapi bawang-bawang besar ada disediakan sebagai ulam. Kerana tidak ada pilihan saya membayangkan bawang besar itu sebagai epal dan cuba menikmatinya. Beginilah makanan kami setiap hari selama dua minggu dalam pelayaran. Akhirnya saya jatuh cinta kepada bawang besar sehingga ke hari ini. Kalau dimakan mentah-mentah rasanya manis dan lemak.

Saya terlepas peluang menyaksikan India merayakan kemerdekaannya dan Pakistan memberikan kaum Muslimin sebuah negara dan bangsa yang baru di dunia. Saya tercepat seminggu meninggalkan India sebelum berlakunya peristiwa-peristiwa yang bersejarah itu. Tetapi, alhamdulillah, saya selamat pulang ke tanah air. Selain daripada beg yang berisi pakaian, saya juga menambah harta dengan sekampit kanvas yang berisi buku-buku yang sempat saya beli dan dokumen-dokumen yang berkait dengan Persidangan Perhubungan Asia. Selain itu saya juga membawa suatu penyakit ganjil. Belum sempat dua hari saya cuba mengurus kehidupan baru di Singapura, tiba-tiba seluruh tubuh saya gatal berbintik-bintik kemerahan. Pada mulanya penyakit ini mencemaskan. Berubat dengan doktor tidak berani kerana kesempitan wang. Entah bagaimana tergerak hati cuba berendam dalam air masin di laut kalau-kalau boleh hilang gatal. Setiap hari saya naik bas ke Changi Point berenang dan berendam dua tiga jam lamanya. Alhamdulillah, dalam tempoh dua minggu, bintik-bintik dan gatal pun hilang.

Sesampai sahaja di Singapura saya terus ke *Antara*, untuk menyambung tugas, tetapi *Antara* tidak dapat membantu kerana kesuntukan kewangan lantaran peperangan yang masih menjadi-jadi di Indonesia. Akhirnya Samad Ismail mengajak saya bekerja di *Utusan Melayu*. Maka bermulalah hidup saya sebagai wartawan di Singapura.

Dari Akhbar ke Akhbar

SAYA hidup di Singapura sebagai wartawan selama lima tahun, dari tahun 1947 hingga tahun 1951. Dalam tempoh itu saya berpindah dari sebuah akhbar ke sebuah akhbar mencari rezeki, memperluas pengalaman dan meningkatkan profesionalisme dalam dunia kewartawanan yang saya cintai. Oleh sebab kantor berita Indonesia *Antara* tidak dapat lama menampung saya kerana kepicikan kewangan, akibat peperangan dan revolusi yang masih berterusan di Indonesia, saya pun bertukar kerja, di *Utusan Melayu* (1947 – 1948). Kemudian di *Malaya Tribune* (1948 – 1949) dan akhirnya di *Straits Times* (1949 – 1951).

Waktu itu juga merupakan suatu tempoh yang kritikal dalam sejarah Malaya. Pergolakan bukan sahaja dalam bidang politik, tetapi juga dalam bidang sosial, terutama di kalangan masyarakat Melayu. Konflik antara Melayu dan Cina semakin hebat. Pihak British terus memainkan dasar “*divide-and-rule*”. Tanah Melayu dikembalikan kepada pihak konservatif dan royalis Melayu. Di samping itu British cuba memastikan supaya kaum bukan Melayu juga mendapat hak politik sebelum Tanah Melayu layak diberikan taraf berkerajaan sendiri. Kaum Cina terutamanya mengalu-alukan Malayan Union, tetapi berasa khuatir apabila Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1948. Kaum Cina khuatir bahawa di bawah kekuasaan Melayu mereka mungkin tidak mendapat hak berkongsi kuasa dalam pemerintahan negara.

Pemberontakan komunis telah meruncingkan lagi pertalian

antara Melayu dan Cina. Sebilangan kaum Cina masuk ke hutan menyertai komunis. Polis Melayu dan askar Komanwel memburu komunis. Jadi kedua-dua pihak saling curiga-mencurigai.

Melayu sedang berjuang untuk mencapai kemerdekaan. Cina dan kaum-kaum lain tidak berminat menuntut kemerdekaan, tetapi lebih berminat menuntut hak sebagai warganegara Malaya. Mereka tidak mahu hidup di bawah pemerintahan Melayu, tetapi suka di bawah pemerintahan British. Mereka sudah mula memandang Malaya sebagai tanah air mereka serta mendakwa mereka sama-sama berhak dengan orang Melayu kerana mereka telah banyak memberi sumbangan dalam memajukan ekonomi Malaya. Kalau dahulu mereka berorientasikan politik negara China, kini kesedaran politik mereka berakar umbi di bumi Malaya.

Apa yang mereka tuntutan ialah sebarang kerajaan di Malaya – walaupun kerajaan Melayu – haruslah membenarkan mereka mengekalkan tradisi dan kebudayaan mereka. Sejajar dengan itu mereka juga mahu mengambil bahagian sepenuhnya dalam kehidupan politik dan ekonomi Malaya. Melayu mahukan Malaya Melayu. Cina mahukan Malaya Malayan. Maka timbullah konflik antara nasionalisme Melayu dengan nasionalisme Malayan, yang memang digalakkan oleh British. Di belakang pertentangan ini ialah konflik antara kuasa politik Melayu dengan kuasa ekonomi Cina. Sikap yang bertentangan ini menjadi faktor utama dalam pergolakan politik tanah air sebelum dan sesudah merdeka. Ia juga mempertajamkan polarisasi antara kaum yang telah disemai oleh dasar kolonial British pada awal abad ke-20.

Tempoh ini juga mencetuskan suatu revolusi sosial di kalangan masyarakat Melayu, yang dipelopori oleh suatu angkatan kesusasteraan baru yang menamakan dirinya Angkatan Sasterawan 50, atau yang lebih terkenal sebagai ASAS '50. Kebanyakan ahlinya terdiri daripada penulis dan wartawan generasi muda, termasuklah yang bekerja di *Utusan Melayu*. Ketika itu semangat kemerdekaan di kalangan masyarakat Melayu, terutama yang berhaluan kiri, sedang meningkat. Para penulis dan wartawan muda ASAS '50 berpendapat bahawa golongan sasterawan, ada peranan tertentu dalam gerakan mencapai kemerdekaan tanah air,

dan membantu membina suatu masyarakat baru yang adil dan saksama sesudah merdeka. Peranan dan bantuan ini ialah melalui penulisan. Mereka mahu mengikis cara hidup dan pemikiran yang mereka pandang kolot dan tidak produktif di kalangan masyarakat Melayu selama ini. Mereka juga mahu membawa umat Melayu kepada pembaharuan, ke suatu alam pemikiran baru yang lebih sesuai bagi suatu bangsa yang mahu merdeka dalam dunia yang sudah melangkah ke zaman atom.

Melalui cerpen, sajak, dan esei mereka menanamkan semangat kebangsaan dan jiwa merdeka, mengkritik kepincangan masyarakat, mengupas soal-soal kemasyarakatan, ekonomi, dan kebudayaan. Dalam proses ini mereka telah merevolusikan sastera Melayu moden selepas perang dengan gaya bahasa yang dinamis dan dengan bentuk dan isi yang serba sedikit membayangkan pengaruh sastera Indonesia dan Barat, yang tidak pernah berlaku sebelumnya.

ASAS '50 tidak puas sekadar memodenkan sastera Melayu. Mereka juga mahu mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Malaya merdeka kelak. Mereka mahu bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan rakyat yang berbilang kaum di Malaya. Tujuan ini hanya akan tercapai kalau bahasa Melayu menggunakan tulisan Rumi yang ketika itu bersaing dengan tulisan Jawi. Andaian mereka ialah kalau Rumi dijadikan tulisan rasmi tanpa menjejaskan peranan tulisan Jawi dalam bidang-bidang persuratan yang tertentu, rakyat bukan Melayu akan mudah mempelajari bahasa kebangsaan. Dengan maksud ini ASAS '50, dengan kerjasama badan-badan pejuang bahasa dan kebudayaan Melayu seperti Lembaga Bahasa Melayu dan Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, telah menganjurkan Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang dihadiri oleh perwakilan daripada berpuluh badan bahasa dan kebudayaan daripada seluruh Semenanjung dan Singapura.

Setelah tiga kali berkongres dalam dekad 50-an hasilnya bukan sahaja tulisan Rumi diterima sebagai tulisan rasmi, tetapi soal-soal memodenkan ejaan bahasa Malaya-Indonesia dan dasar pelajaran, telah dapat dirumuskan dan beberapa tahun kemudian menjadi kenyataan yang melibatkan per-

ubahan sosial dan institusi dalam bidang bahasa, pendidikan dan kebudayaan di Malaysia. Sungguhpun segala perubahan ini berpunca daripada dasar kerajaan yang sudah merdeka, tetapi sejarah tidak dapat melupakan perjuangan bakti ASAS '50 sebagai salah satu punca penggerak kedaulatan bahasa dan kebudayaan kebangsaan.

Ketika ASAS '50 ditubuhkan di Singapura pada bulan Ogos 1950, saya sudah lama meninggalkan *Utusan Melayu* dan sedang bertugas di *Straits Times*. Saya hanya dapat memerhatikan perkembangannya "dari jauh". Yang menjadi tenaga penggerak ASAS '50 ialah fahaman sastera yang berslogankan "seni untuk masyarakat" (*art for society*) yang bermakna seni hendaklah mengubah pemikiran masyarakat atau membawa pembaharuan kepada masyarakat. Lantas fikiran saya terlintas kepada "*socialist realism*" yang ketika itu sedang diperhebat perkembangannya dalam bidang seni dan sastera Soviet Union, sebagai satu langkah positif ke arah membina semula masyarakat Soviet yang telah hancur akibat Perang Dunia Kedua. Para penulis ASAS '50 nyata berfikiran radikal dan agak revolusioner juga. Sepintas lalu tergerak juga hati hendak mengatakan ideologi mereka sedikit sebanyak diilhamkan oleh "*socialist realism*". Sama ada *socialist realism* ini bercorak ala Soviet atau ala Perancis abad ke-19 tidaklah dapat saya pastikan dan saya tidak berani memberi apa-apa ulasan kerana ketika itu saya tidak berkesempatan mengikuti penulisan dan membaca karya-karya ASAS '50. Apa yang nyata ialah ASAS '50 bersimpati terhadap nasib rakyat jelata dan sedang membawa inovasi ke dalam sastera Melayu moden.

Setiap aksi lazimnya menimbulkan reaksi. Setiap fahaman yang baru sudah tentu mendapat tentangan daripada pihak yang tidak memahaminya ataupun yang sudah ada fahamannya yang tersendiri, ataupun memandang fahaman baru itu mengancam keutuhan dan kestabilan tradisi yang sudah sedia ada. Dalam ASAS '50 berlakulah perdebatan melalui akhbar dan majalah antara golongan yang mendukung "seni untuk masyarakat" dengan golongan "seni untuk seni" yang agak berlarutan.

Perdebatan seperti ini bukanlah suatu perkara baru dalam dunia seni dan sastera. Kontroversi antara "seni untuk

masyarakat" dengan "seni untuk seni" amat mendalam, mempengaruhi perkembangan kesenian Eropah pada abad ke-19. Ia merupakan *mood* keintelektualan Eropah ketika itu. Yang satu menekankan pertalian rapat antara seni dan masyarakat, dan yang satu lagi menekankan keunggulan individualisme. Melalui muzik, drama, novel, puisi, seni lukis, dan seni bina, kedua-duanya mempunyai daya penarik yang handal dan mempengaruhi politik republikanisme Perancis dan politik nasionalisme Jerman dan Itali. Golongan wartawan juga ada peranannya dalam kebangkitan semangat nasionalisme Eropah, yang menggesa reformasi perlembagaan dan ekonomi di negara masing-masing.

Tetapi kontroversi di Singapura itu berlainan daripada yang berlaku di mana-mana. Ia bukan sahaja menumpukan perhatian pada bidang sastera, tetapi juga melibatkan soal agama, iaitu kedudukan Islam sebagai pegangan hidup orang Melayu. Nampaknya tidak ada pihak yang membelakangkan Islam. Kedua-duanya sedar bahawa suasana masyarakat Melayu ketika itu berada dalam ruang masa dan tempat yang tersendiri dan pergerakan mereka berasaskan realiti semasa. Mereka hanya hendak menyesuaikan ideologi dan karya mereka dengan suasana tempatan yang sudah berubah dan mereka juga bimbang Melayu akan ketinggalan zaman kalau tidak ada pembaharuan dalam pemikiran dan sikap hidup rakyat.

Bagi pemerhati biasa seperti saya, kontroversi yang bersejarah itu merupakan suatu petanda dan trend yang sihat, seperti kontroversi "kaum muda" dan "kaum tua" sebelum perang. Ia memanfaatkan kedua-dua belah pihak dalam membendung sentimen yang ekstrem dan dapat pula menyedarkan masyarakat kepada perubahan-perubahan yang sedang berlaku di tanah air. Sikap ASAS '50 ketika itu tidak jauh bezanya daripada sikap ahli-ahli politik nasionalis di mana-mana di Asia dan Afrika yang menggunakan fahaman Marxist sebagai alat, hanya sebagai alat, dalam perjuangan menentang imperialisme dan menuntut kemerdekaan.

Kumpulan akhbar *Utusan Melayu*, terutama bulanan *Mastika* dan mingguan *Utusan Zaman*, menjadi wadah utama bagi menyebarkan idea-idea dan karya-karya ahli ASAS '50 yang berkhidmat di *Utusan Melayu*. ASAS '50 telah me-

lahirkan tokoh-tokoh sastra kebangsaan yang bertaraf antarabangsa seperti Keris Mas, Usman Awang, A. Samad Said, dan Asraf.

Saya tidak menyertai ASAS '50 kerana saya tidak terfikir hendak menjadi novelis atau cerpenis, kerana saya rasa, bakat saya tidak ke arah itu. Saya lebih cenderung menulis buku-buku pengetahuan apabila tiba masanya kelak. Sementara itu, saya mahu melengkapkan diri sebagai wartawan profesional.

Di *Utusan Melayu* saya masih berlagak sebagai wartawan partisan seperti yang saya lakukan sewaktu bertugas di lidah-lidah rasmi PKMM tempoh hari: *Voice of the People*, *Pelita Malaya*, dan *Suluh Malaya*. *Utusan Melayu* bukan lidah rasmi mana-mana parti politik. Ia milik swasta Melayu, tetapi bertindak sebagai lidah kebangsaan Melayu menuntut kemerdekaan.

Sebagai lidah kebangsaan Melayu, politik *Utusan* ketika itu hanya satu, iaitu politik kebangsaan yang luas, bukan politik kepartian yang sempit. Justeru itu, kakitangannya datang daripada pelbagai fahaman politik. Ada yang berhaluan kiri menyokong politik PKMM dan GERAM (Gerakan Angkatan Pemuda Melayu). Ada yang berhaluan kanan menyokong politik UMNO dan Kesatuan Melayu Singapura. Ada juga yang tidak menyokong mana-mana parti tetapi tidak kurang semangat kebangsaannya. *Utusan Melayu* tidak kisah apa politik mereka, asalkan ada semangat nasionalisme di dada masing-masing, dan dapat membantu melaksanakan dasar perjuangan *Utusan* dalam bidang politik dan perniagaan. Dan kalau semangat ini belum ada ketika mereka mula bertugas, semangat nasionalisme ini akan segera tumbuh dan berkembang di bawah alunan ombak pemikiran dan keghairahan yang sedang bersemarak di *Utusan Melayu*.

Demikianlah keadaannya bagaimana semangat nasionalisme antiimperialis meresapi keseluruhan anggota *Utusan Melayu* dari atas ke bawah – dari jabatan pengurusan, ke jabatan editorial, sampailah ke bahagian percetakan, dan atur huruf. Lantaran itu tidak hairanlah kebanyakan isi rencana, makalah, dan lidah pengarangnya mirip antiimperialis dan pronasionalis. Bagaimanapun ini tidak bermakna

"objective reporting" tidak wujud di *Utusan Melayu* ketika itu. Para pemberitanya menggunakan teknik pemberitaan yang agak maju juga bagi akhbar Melayu ketika itu, sungguhpun ada subeditor yang suka menggunakan peribahasa sebagai kepala berita.

Selama saya di *Utusan Melayu*, rakan-rakan sejawat yang saya ingat – selain Samad Ismail yang memimpin jabatan editorial – termasuklah Melan Abdullah, Aziz Ishak, Hamdam (Haji Dahalan Mas'ud), Edrus (Syed Abdullah b. Abdul Hamid al-Edrus), Zabha (Zainal Abidin b. Hj. Alias), Dahari Ali, Keris Mas, Othman Wok, Nordin A. Rahman, Hamid Abdul, dan Hussien Hamid.

Dua nama yang paling berpengaruh di *Utusan Melayu* ialah Samad Ismail dan Yusuf Ishak. Kedua-duanya nasionalis tulen, yang "membesar" di *Utusan*. Yusuf Ishak salah seorang pengasasnya dan membimbing pengurusannya sejak akhbar itu lahir dalam tahun 1939. Samad Ismail yang lebih muda telah memulakan kerjayanya di bawah pimpinan wartawan-wartawan agung iaitu Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Mohammad. Yusuf dan Samad, bergantung pada *Utusan Melayu* untuk hidup. Dan *Utusan* bergantung pada mereka untuk maju. Mereka merupakan satu kombinasi yang jempul yang ditakdirkan hidup sezaman untuk memimpin *Utusan Melayu* pada saat yang kritikal, bukan sahaja bagi akhbar itu, tetapi juga bagi bangsa Melayu. *Utusan Melayu* ketika itu berhempas pulas untuk hidup sebagai sebuah perniagaan 100 peratus kepunyaan Melayu. Bangsa Melayu sedang berjuang menuntut kemerdekaan dan memerlukan sebuah media bebas yang bertaraf nasional untuk menyuarakan hasrat rakyat dan menyebarkan maklumat ke seluruh tanah air. Di Semenanjung ketika itu ada dua buah akhbar Melayu – *Majlis* di Kuala Lumpur, dan *Warta Negara* di Pulau Pinang. Tetapi kedua-duanya bersifat kedaerahan dengan pengedaran yang terhad. Dasar *Utusan Melayu* ialah memenuhi kekosongan ini. Dasar ini diharap akan dapat, bukan sahaja memajukan kepentingan perniagaan *Utusan Melayu* tetapi sekali gus membantu perjuangan kebangsaan melalui persuratkhabaran, kerana saluran penyedarannya menyeluruh ke serata tanah air.

Sungguhpun pada penghujung dekad 40-an pengedaran

Utusan Melayu tidak menyeluruh seperti yang dicita-citakan, tetapi suaranya lantang menentang rancangan Malayan Union, dan menggesa kedaulatan Melayu dikembalikan ke tangan yang hak. Kebebasan persuratkhabaran tidak menjadi persoalan ketika itu. Akhbar-akhbar bebas mengkritik sesiapa sahaja, termasuk pemerintah kolonial. Isu-isu semasa, terutama yang berkisar sekitar persoalan kemerdekaan dan penjajahan cukup banyak untuk menjamin *Utusan Melayu* tidak kekeringan idea sebagai alat propaganda rakyat. Malah *Utusan Melayu* ketika itu tidak ubah seperti sebuah akhbar partisan yang patriotik dan antikolonial.

Selaku pengarah urusan merangkap ketua pengarang, Yusuf Ishak sudah sewajarnya mementingkan keselamatan perniagaan. Baginya kebebasan persuratkhabaran tidak berarti kebebasan melulu tetapi mesti berhati-hati terhadap sikap pihak yang berkuasa. Semangat patriotismenya juga membisikkan bahawa *Utusan Melayu* tidak semestinya patuh melulu terhadap setiap ancaman pemerintah. Samad Ismail lebih mementingkan fungsi utama sesebuah akhbar, iaitu menghidangkan apa yang disukai pembaca. Baginya perniagaan tidak ada kalau pembelinya tidak ada. Sebagai wartawan dan politikus yang sudah matang Samad mengalu-alukan sikap Yusuf ini, kerana dilihatnya masih ada ruang untuk membina *Utusan Melayu* dalam konteks propaganda perjuangan kebangsaan. Dengan mengeksploitasi isu-isu semasa, dengan memuatkan rencana-rencana yang menaikkan semangat, *Utusan Melayu* di bawah pimpinan Samad bukan sahaja menjadi alat propaganda yang perkasa, tetapi juga menjadi punca maklumat utama bagi masyarakat Melayu untuk mengetahui perkembangan perjuangan kebangsaan.

Sebelum bekerja di *Utusan Melayu*, saya bertugas sebagai wakil Singapura bagi harian *Bombay Chronicle* dan *Mingguan Forum*. Ketika saya terkandas selama kira-kira empat bulan di Bombay, kedua-dua penerbitan inilah yang menjadi punca kewangan yang membolehkan saya akhirnya kembali ke tanah air. Mereka mahu saya meneruskan penulisan sebaik sahaja tiba di Singapura. Ketika itu saya tidak mempunyai mesin taip sendiri. Bagaimanapun oleh sebab saya masih dianggap sebagai staf kantor berita *Antara* tanpa bergaji,

jadi saya diberi peluang menggunakan mesin taip kantor itu untuk menulis berita dan menggunakan alamat *Antara Newsagency*, 3 Raffles Place, Singapore. Kemudahan ini semuanya atas ihsan ketua kantor, Thaharuddin Ahmad, yang kemudian menjadi sahabat karib saya. Di rumahnya jugalah saya menumpang sepanjang perantauan saya di Singapura. Apabila dia berhijrah di Pulau Pinang untuk bertugas di Konsulat Indonesia pada tahun 1949, rumahnya diamanahkannya kepada saya untuk dijaga bersama-sama Shuib yang bertugas di Konsulat Indonesia Singapura.

Sekembalinya saya dari India dan ketika bertugas sebagai wakil surat khabar India, saya menumpang di rumah keluarga Kamaruddin Haji Akib di No. 7, Minto Road buat seketika. Orangnyanya amat budiman. Sentiasa riang, dan simpati terhadap insan yang merana. Sungguhpun dia bertugas sebagai inspektor polis sukarela, Kamaruddin tidak keberatan menerima seorang yang berhaluan kiri seperti saya ini, menumpang di rumah banglonya. Barangkali juga kerana birasnya Samad Ismail yang memperkenalkan saya kepadanya, lalu penumpangan saya itu tidak dipersoalkan. Kamaruddin meninggal dunia beberapa tahun setelah saya kembali ke Kuala Lumpur. Semoga rohnya dirahmati Allah.

Pendapatan sebagai wakil akhbar tidak seberapa. Kerja di *Antara* pun tidak banyak. Apabila Samad Ismail mengundang saya bekerja di *Utusan Melayu*, peristiwa itu bagai pucuk dicita ulam mendatang. Sebelum ini saya sudah pun dirawai oleh Samad dan Thaharuddin menjadi ahli GERAM meskipun mereka tahu saya masih ahli PKMM. GERAM diketuai oleh Aziz Ishak dengan Samad sebagai setiausahaanya. Tujuan utamanya ialah merapatkan hubungan antara pemuda-pemuda Malaya dan Indonesia. GERAM hanya setahun umurnya (1947-1948) tetapi dalam tempoh yang singkat ini dapat juga memainkan peranan aktif menyokong PUTERA (Pusat Tenaga Rakyat) dalam barisan bersatu PUTERA-AMCJA menentang Malayan Union.

Di jabatan editorial *Utusan Melayu* ketika itu tidak ada sistem pengkhususan tenaga (*division of labour*). Setiap staf dipandang sebagai "*Jack of all trades*", serba boleh apabila keadaan memerlukan kerana tenaga tidak cukup. Penterjemah juga menjadi subeditor, pembaca proof, penulis ren-

cana, atau pemberita. Lebih-lebih lagi kerana mengejar tarikh akhir (*deadline*) untuk mengisi ruang akhbar. Setiap detik ada sahaja pelbagai tugas yang mesti diselesaikan. Kerja teruk tetapi, anehnya, tidak membosankan. Gaji kecil, sistem tangga gaji tidak ada, kerja lebih masa juga tidak ada. "Waktu pejabat" tidak ada makna kerana "kerja mesti sampai habis" dan ini boleh bererti dari pagi hingga larut malam. Tempat kerja kotor dan panas. Tetapi kami sentiasa riang. Bertugas bukan untuk hidup mewah, tetapi menunaikan kewajipan untuk kepentingan bangsa dan tanah air yang sedang dijajah.

Ada dua perkara yang menghiburkan kami ketika bekerja. Muzik radio yang sentiasa berkumandang dan telatah Samad Ismail. Muzik bukan sahaja menghiburkan, tetapi kadangkala memberi ilham, terutama kepada penulis rencana. Ada antara kami menyanyi, bersuara lunak mengiringi lagu di radio. Samad pula menyanyi menenggelamkan suara radio. Kadang-kadang dia sengaja menyanyi apabila radio sunyi daripada muzik. Kalau tidak menyanyi dia bercerita perkara-perkara yang lucu dan lucu, disambut dengan kata-kata yang lucu dan lucu pula oleh kami sehingga menggamatkan pejabat. Di hujung pejabat editorial terletak bilik pejabat pengarah urusan yang tidak telus bunyi. Tetapi Yusuf Ishak tidak kisah. Dia sudah lali dengan telatah Samad dan kumpulannya. Kadang-kadang dia sendiri turut berkelakar.

Pada awal tahun 1948 pihak pengurusan *Utusan Melayu* membuat satu perubahan. Mingguan *Utusan Zaman* bertulisan Jawi digantikan dengan harian *Utusan Zaman* bertulisan Rumi. Saya ditugaskan mengendalikannya dengan bantuan Hussein Hamid. Tujuannya untuk menarik pembaca daripada kalangan masyarakat Indonesia yang semakin ramai di Singapura. Isinya dimuatkan seberapa dapat dengan berita-berita dan hal ehwal Indonesia yang sedang bertarung dengan Belanda. Bagaimanapun dasar ini tidak sentiasa memuaskan kerana kekurangan bahan berita yang sesuai. Bahan daripada agensi-agensi berita Barat selalu berat sebelah, memihak kepada perjuangan Belanda. Satu lagi masalah ialah desakan memuatkan berita terkini di muka hadapan. Sungguhpun *Utusan Zaman* tidak bersaing dengan harian petang *Singapore Free Press* daripada kumpulan

Straits Times tetapi kami berdua terpaksa bekerja keras untuk memuatkan kepala berita terkini kalau hendak menarik minat pembaca, kerana *Utusan Zaman* juga dikeluarkan pada waktu petang.

Sudah tentulah kami tidak dapat menandingi akhbar Inggeris itu dengan berita terkini sepenuhnya. *Free Press* terus memuatkan berita ke mesin cetak, tetapi kami terpaksa memproses berita melalui terjemahan yang mengambil masa. Akibatnya lucu juga. Kami dapat menandingi *Free Press* dengan berita terkini di muka hadapan, tetapi berita perdana kami hanya tiga para. Berita *Free Press* dimuatkan sepenuhnya. Kalau tidak silap saya ada dua tiga kali poster *Utusan Zaman* senada dengan berita poster *Free Press*, mengikut bahasa masing-masing. Ini suatu pencapaian. Tidak besar, tetapi mungkin lebih berjaya kalau cukup tenaga editorialnya. Bagaimanapun harian rumi *Utusan Zaman* tidak lama usianya. Riwayatnya ditamatkan tidak berapa lama setelah saya meninggalkan *Utusan Melayu* untuk bekerja di akhbar harian Inggeris *Malaya Tribune*.

* * *

Di *Malaya Tribune* saya menempa sejarah sebagai anak Melayu pertama memasuki dunia kewartawanan berbahasa Inggeris. Sebelum saya, tidak ada wartawan Melayu di *Tribune* ataupun di *Straits Times*, dua kumpulan akhbar tempatan bahasa Inggeris yang wujud ketika itu. Pada mulanya setiap orang di *Tribune* – dari bahagian editorial ke bahagian pentadbiran hinggalah ke bahagian teknikal – memandang saya sebagai satu "benda kurio". Tanpa niat mengejek, mereka melafazkan kekaguman melihat seorang pemuda Melayu berani menceburi dunia persuratkhabaran Inggeris, yang ketika itu dimonopoli oleh wartawan Eropah, Cina, Ceylon, India, dan Serani. Bagaimanapun fenomena ini tidak lama berpusing di kepala mereka. Setelah saya membuktikan kebolehan saya dalam beberapa minggu, saya diterima sebagai keluarga biasa dan sekali gus dapat memecahkan monopoli bukan Melayu dalam persuratkhabaran Inggeris.

Malaya Tribune dimiliki oleh sekumpulan hartawan Cina

Singapura dan Semenanjung, tetapi pengurusannya diserahkan kepada tangan orang Inggeris, yang dikira lebih arif dan profesional dalam hal ehwal persuratkhabaran Inggeris. Kumpulan akhbar *Tribune* termasuklah *Malaya Tribune*, *Sunday Tribune*, dan *Morning Tribune* (yang sebenarnya akhbar harian petang). Ibu pejabatnya terletak di Anson Road, kira-kira sebatu jauhnya dari *Straits Times* di Cecil Street. *Tribune* ialah satu-satunya kumpulan akhbar yang mempunyai rangkaian percetakan di Malaya ketika itu, iaitu di Kuala Lumpur, Ipoh, dan Pulau Pinang. Kumpulan akhbar *Straits Times*, seperti *Straits Times*, *Singapore Free Press* dan *Sunday Times* dicetak hanya di Singapura. Di bandar-bandar lain mereka hanya menubuhkan pejabat-pejabat cawangan yang mempunyai staf editorial yang kecil.

Sistem rangkaian akhbar *Tribune* ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos pengedaran, tetapi juga dapat diedar mendahului *Straits Times* dan lebih banyak pula mengandungi berita-berita tempatan yang meliputi seluruh Malaya.

Sebelum saya ke *Tribune*, setelah meninggalkan *Utusan Melayu*, saya cuba meminta kerja di agensi berita *United Press International* (UPI). Pengurus perwakilannya ketika itu ialah Wee Kim Wee (kemudian Presiden Republik Singapura) dan salah seorang staf korespondennya ialah Nordin Zainuddin yang kemudiannya menjadi editor ekonomi agensi Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), ketika saya menjadi ketua editornya. Kedua-dua mereka menasihati saya bekerja di *Straits Times* ataupun di *Tribune* kerana di UPI, *Associated Press* (AP) atau *Reuter* waktu bekerja 24 jam, sungguhpun tidak semestinya bekerja setiap hari. Esoknya saya terus ke Anson Road tanpa menghantar surat permohonan terlebih dahulu. Mujurlah M. Glover, pengurus *Tribune*, baik orangnya. Kedatangan saya secara mendadak itu tidak pun menjadi kemarahan kepadanya, tetapi dia tidak dapat menyembunyikan kehairanannya ketika mempersilakan saya duduk. Lantas dia bertanya apa pengalaman saya. Pertanyaan itu saya jawab dengan menghulurkan potongan akhbar *Bombay Chronicle* dan *FORUM* serta salinan-salinan berita simpanan saya untuk akhbar-akhbar tersebut. Setelah menelitinya dia pun menyuruh saya menemui editor *Morning Tribune*, S. Rajaratnam (yang kemudiannya menjadi Menteri Luar Si-

ngapura di bawah kerajaan Parti Tindakan Rakyat (PAP) pimpinan Perdana Menteri Lee Kuan Yew). Setelah menemu duga saya seketika, Rajaratnam pun menyuruh saya datang bekerja esoknya.

Saya tidak bekerja dengan *Morning Tribune* di bawah Rajaratnam, tetapi di *Malaya Tribune* di bawah Donald Ludlow, yang baru beberapa hari meninggalkan akhbar *Daily Express* di London untuk meningkatkan kualiti pemberitaan dan mekap *Malaya Tribune* dengan maksud menyaingi *Straits Times* secara lebih berkesan. *Straits Times* ketika itu sudah pun punya reputasi sebagai harian Inggeris yang paling popular di Malaya, tetapi gaya pemberitaannya dan lidah pengarangnya agak konservatif mirip gaya *Times of London* dan *Times of India*.

Di bawah Ludlow, *Malaya Tribune* bukan sahaja bertukar rupa tetapi bertukar sifatnya sekali. Seperti *Daily Express*, cara pemberitaannya lebih agresif, lebih mementingkan *human interest*, kerap menentang dasar-dasar kerajaan, dan berani mengorek rahsia yang dikira "legit" dan selaras dengan kepentingan umum. Lidah pengarangnya memakai kata-kata yang mudah dimengerti. Ayatnya pendek-pendek, dan tidak bersastera seperti lidah pengarang *Straits Times*. Di bawah pimpinannya ialah "*investigative reporting*" mula terkenal dalam sejarah kewartawanan di Malaya. Di bawah pimpinannya juga saya menjadi pemberita profesional yang mengutamakan objektiviti menurut prinsip tiga segi untuk mencari kebenaran yang relatif, kerana tidak ada kebenaran yang mutlak. Prinsip tiga segi itu ialah: pihak anda, pihak saya dan pihak yang benar (*your side, my side and the right side*). Wartawan hendaklah sentiasa mencari apakah perkara yang sebenarnya di dalam menentukan segala sesuatu persoalan atau masalah yang dihadapinya ketika menjalankan tugas sebagai pemberita demi kepentingan umum.

Di *Tribune* saya memakai nama pena M. S. Daud, baik sebagai pemberita mahupun sebagai kolumnis. Sejak hari pertama saya sudah diperkenalkan kepada semua staf editorial sebagai "Mr. Daud" bukan "Mr. Salleh" oleh ketua editor, Donald Ludlow. Ini memang adat masyarakat Barat mengenali seseorang dengan nama keluarganya atau bapanya,

terutama kalau belum berkenalan baik, ataupun secara formal ketika seseorang junior membahasakan seniornya. Donald Ludlow tidak boleh dipanggil Donald, tetapi Ludlow. Apabila kita sudah begitu intim dengannya, barulah dia rela dipanggil sebagai Donald atau Don, iaitu nama kristiannya yang pertama atau nama peribadinya yang sebenar. Jadi rakan-rakan di *Tribune* mengenali saya sebagai "Daud" bukan "Salleh". Sebagai orang Melayu, kadang-kadang saya berasa janggal juga. Tetapi memandangkan bahawa saya sekarang sudah menjadi keluarga masyarakat yang berfikiran Barat dan berbahasa Inggeris pula, maka perubahan identiti ini saya manfaatkan sebagai suatu perubahan imej. Saya lebih berazam membuktikan bahawa anak Melayu tidak kurang kebolehan dan kelayakannya dengan orang-orang asing dalam bidang kewartawanan yang asing pula bagi bangsa Melayu ketika itu.

Kesempatan membuktikan imej "Melayu baru" ini timbul apabila Ludlow menugaskan saya membongkar rahsia industri perikanan yang ketika itu dianggap pincang dan disyaki penuh dengan penyelewengan. "Ambil masa seberapa perlu, pergi ke mana-mana sahaja yang kamu fikir perlu, wang perbelanjaan tidak menjadi persoalan, kamu dikecualikan daripada membuat tugas-tugas lain, tetapi saya mahu *first-class story*," kata Ludlow. Tiga minggu saya menghabiskan masa menjalankan penyiasatan bukan sahaja di Singapura tetapi juga ke kampung-kampung nelayan di Kelantan dan Terengganu.

Di Singapura saya mendapat bahan dan maklumat yang amat berguna daripada Dr. G. L. Kesteven, wakil FAO (Organisasi Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu) di Asia Tenggara. Maklumat yang diperoleh, antaranya mengenai masalah industri perikanan bukan sahaja di Malaya tetapi di seluruh dunia dengan statistiknya sekali. Dengan maklumat ini dapatlah saya menjalankan temu bual dengan para nelayan dan tauke-tauke ikan di Pantai Timur Semenanjung dan di Singapura secara lebih mendalam dan bermakna. Penyiasatan terakhir dibuat di pasar borong, Beach Road, Singapura. Tauke-tauke borong ikan menyambut saya dengan baik. Saya tidak menyatakan maksud saya yang sebenar, hanya mahu menulis cerita tentang hal ehwal per-

sidangan hari pertama, saya dan wartawan-wartawan *Straits Times* cuba menemui ketua-ketua delegasi beberapa buah negara untuk mendapatkan komen mengenai beberapa isu yang timbul pada waktu persidangan. Apabila tiba kepada Duta Besar Soviet, diplomat itu bertanya akhbar apa yang kami wakili. *Straits Times*? Nyet! Apabila saya nyatakan saya dari *Tribune*, matanya bergemerlapan, lalu diundangnya saya ke hotel penginapannya, sebelum waktu makan malam.

Dalam kehidupan seseorang wartawan menjalankan tugas hariannya ada detik-detik bertuah yang sama sekali di luar dugaan. Dalam bahasa Inggeris ini dikenali sebagai "*lucky break*". Di Australia ketika itu ada sebuah akhbar bernama *Tribune*, kepunyaan Parti Komunis Australia. Rupa-rupanya diplomat Soviet itu sudah salah sangka tentang "*Tribune*" yang saya wakili. Apabila hal ini disedarinya, dia serba salah. Tetapi apabila saya katakan "*Tribune*" saya itu anti-*Straits Times*, dia akhirnya malu malah bersetuju memberikan saya temu bual eksklusif.

Selain bertugas sebagai pemberita, saya juga bertugas sebagai kolumnis, membicarakan setiap minggu hal ehwal semasa, terutama hal politik dan sosial alam Melayu yang diberi nama "*Malay Spotlight*". Komentarnya dalam "*Malay Spotlight*" nampaknya diminati ramai, sehingga Dato' Onn yang ketika itu masih memimpin UMNO, tergerak menulis surat sebanyak tiga kali mengundang saya menjadi editor sebuah penerbitan RIDA (Rural and Industrial Development Authority) yang bakal diketuainya.

Antara perkara yang menjadi sorotan saya ialah soal masa depan politik Malaya, yang telah ditimbulkan oleh Andrew Roth, wartawan Amerika yang pakar dalam hal ehwal Timur Jauh, pada bulan Oktober 1948. Ketika itu Malayan Union sudah digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu, tetapi pemberontakan komunis, yang sudah hampir lima bulan menganas, mengancam kemajuan Malaya ke arah berkerajaan sendiri. Perang propaganda antara London dan Moscow seperti tidak berkesudahan. Moscow mendakwa pemberontakan komunis itu merupakan suatu gerakan nasionalis menentang imperialisme. London pula mendakwa tidak ada gerakan nasionalis di Malaya dan pemberontakan komunis itu hanya suatu gerakan keganasan yang didalangi

oleh Moscow. Semuanya ini merupakan hal yang bukan sahaja membingungkan, tetapi juga membimbangkan nasib Malaya pada kemudian hari.

Oleh itu *Tribune* telah meminta Andrew Roth memberikan pandangannya yang saksama terhadap pergolakan yang sedang dihadapi oleh Malaya. Roth membuat huraian dalam tiga artikel yang disiarkan tiga hari berturut-turut. Inti sari pendapatnya ialah Malaya adalah sebuah negeri yang mempunyai tiga bangsa yang berlainan latar belakang sejarah, budaya, bahasa, agama, dan sebagainya. Malaya belum boleh lagi dikatakan suatu bangsa, tetapi sedang menjalani pembentukan ke arah menjadi suatu bangsa. Soalnya ialah sama ada kelainan dan perbezaan antara ketiga-tiga bangsa ini dapat diharmonikan atau akan melarat ke dalam kancah konflik perkauman.

Tribune meminta komen saya di ruangan "*Malay Spotlight*" meninjau dari segi politik Melayu. Pendapat Cina dan India tidak diminta kerana, agaknya, pihak pengurusan *Tribune* sependapat dengan dasar semasa British yang masih mengiktiraf Malaya sebagai negeri Melayu.

Komen itu saya mulai dengan mengatakan bahawa Malaya sedang menempuh suatu tempoh yang paling kritikal dalam sejarahnya selepas perang. Apa yang sedang berlaku ialah suatu revolusi sosial yang sebilangan besar orang Melayu tidak cukup sedia menghadapinya. Krisis yang sedang berlaku, termasuk keganasan komunis, hanyalah sebahagian daripada proses perubahan sosial. Dari segi ini, komunisme merupakan hanya suatu faktor yang secara kebetulan akan membantu mempercepat proses perubahan dalam struktur masyarakat Malaya. Di tahap kemajuan ke arah berkerajaan sendiri hari ini, sikap golongan konservatif Melayu masih menjadi faktor yang akan menentukan nasib Malaya pada kemudian hari. Walau bagaimanapun kalangan Melayu yang berhaluan kiri dan kanan mempunyai keinginan bersama untuk bersatu dan membina semula masyarakat. Mereka berbeza hanya dalam soal pendekatan terhadap masalah-masalah yang terlibat.

Setelah perang tamat, di samping nasionalisme Melayu sedang mengatur barisan, timbul pula kesedaran politik Malayan (di kalangan bukan Melayu). Hari ini, ketika Melayu

mulai merasai kekuatan tenaga perpaduan kebangsaan hendak menebus kedaulatan bangsa, mereka terpaksa pula menghadapi beberapa faktor tertentu yang sudah pun menjadi kenyataan akibat dasar ekonomi kolonial. Misalnya, bilangan penduduk bukan Melayu melebihi penduduk Melayu; British memberi persamaan hak dan membenarkan bukan Melayu turut serta dalam hal ehwal politik dan pertumbuhan nasionalisme Malayan. Ini semuanya susah hendak diketepikan oleh pemimpin-pemimpin Melayu.

Masalah utama yang dihadapi oleh orang Melayu hari ini ialah sama ada mereka boleh mengharapkan sokongan bukan Melayu dalam rancangan pembangunan negara, atau cita-cita orang bukan Melayu menjadi batu halangan dalam kemajuan Melayu ke arah mencapai kemerdekaan bangsa.

Setakat ini nampaknya golongan konservatif Melayu lebih sukakan perlindungan British – berasaskan sejarah pertalian persahabatan dan kerjasama yang sudah terjalin begitu lama daripada bergerak bersatu padu dengan kaum-kaum lain untuk menentang kolonialisme. Bagi mereka, belum tiba masanya hendak menerima semangat politik yang bercorak Malayan yang boleh bergerak secara beransur-ansur ke arah membina suatu bangsa Malayan, sungguhpun puak kiri Melayu sudah pun bergerak ke arah itu. Dasar mereka ialah perpaduan Melayu dahulu, kemudian barulah perpaduan Malayan. Caranya ialah menggunakan tempoh untuk membina kekuatan politik, ekonomi, dan sosial secara beransur-ansur sehingga mereka cukup sedia untuk menerima nasionalisme yang bercorak Malayan. Pendirian mereka ialah tukar sikap dahulu, sebelum hati setiap kaum dapat ditukarkan.

Kekurangan peluang, kerendahan taraf sosial, dan ekonomi, menyebabkan Melayu menentang sebarang rancangan untuk memperluas hak persamaan politik kepada bukan Melayu.

Dalam gerakan mengubah kehidupan bangsa, orang Melayu sedang berjuang untuk mencapai persamaan dalam bidang pendidikan, perniagaan, dan perdagangan serta meningkatkan taraf perkhidmatan awam, di samping memperbaiki taraf hidup kaum tani.

Tetapi masalah pokok yang dihadapi oleh golongan pemimpin Melayu – puak kiri atau kanan – hari ini lebih

berpuncakan psikologi daripada politik atau ekonomi. Mereka percaya musuh yang paling besar menghalang kemajuan bangsa ialah sikap rakyat Melayu yang masih konservatif.

Dato' Onn bin Jaafar, pemimpin yang diakui oleh majoriti terbesar bangsa Melayu, sentiasa berkempen memperkuatkan perpaduan bangsa, sentiasa memperingatkan rakyat bahawa kalau Melayu tidak mengikis sikap kebudak-budakan dan tampil berfikir sebagai suatu bangsa yang tersepit, nasib mereka sudah tentu gelap. Perbezaan ideologi antara puak kiri dan puak kanan juga menghalang kemajuan ke arah perpaduan bangsa. Seseengah pemerhati percaya perpaduan PKMM-UMNO akan dapat memajukan program "pemulihan bangsa". Tidak perlu wujud dua parti nasionalis kerana kedua-duanya mempunyai objektif yang sama. Tetapi pandangan ini tidak disokong oleh majoriti ahli PKMM mahupun UMNO.

Puak kanan tidak mahu kehilangan sebuah masyarakat yang merupakan asas utama dalam perkembangan sejarah Malaya. Mereka berpendapat bahawa bersatu dengan bukan Melayu hanya bererti segala-galanya di Malaya akan menjadi lebih Malayan, dan akan mengaburkan keperibadian bangsa Melayu. PKMM pula mendakwa Malayan tidak akan menghapuskan Melayu. Ia hanya bererti membina asas untuk membentuk suatu bangsa Malayan. Orang bukan Melayu akan berfikir tidak sebagai bukan Melayu: Cina atau India, tetapi sebagai Malayan. Golongan konservatif Melayu mencemuh pendapat seperti ini sebagai utopia dan oportunist.

Perpaduan PKMM-UMNO bukan sahaja akan mempercepat perkembangan nasionalisme Melayu, tetapi akan memperteguh kedudukan Melayu berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Segala aspirasi kebangsaan Melayu tidak akan tercapai atas landasan yang stabil kalau mereka berpecah belah. Mereka akan hanya menjadi bidak dalam percaturan politik Malayan dan imperialis.

Yang mesti dipilih hari ini adalah antara nasionalisme Melayu, yang terpaksa memerlukan perlindungan Britain buat sementara waktu, dan nasionalisme Malayan, yang terpaksa melandaskan gerakan kemerdekaannya atas kekuatan perpaduan ketiga-tiga bangsa utama, di negeri ini.

Saya memetik komentar "*Malay Spotlight*" ini secara agak

panjang untuk menggambarkan satu aspek keadaan politik Malaya dalam tahun 1948.

Pada pertengahan tahun 1949 *Tribune* menghadapi krisis dalaman. Wartawan-wartawan tempatan tidak senang dengan keadaan pekerjaan, terutama dalam soal gaji dan kenaikan pangkat, manakala pihak majikan mengutamakan kepentingan wartawan-wartawan Inggeris sahaja. Pada penghujung tahun, beberapa orang wartawan tempatan, diketuai oleh wartawan kanan R. B. Ooi, meninggalkan akhbar itu sebagai protes. Beberapa minggu kemudian saya turut angkat kaki. Tidak lama selepas itu Rajaratnam pula berhenti. Akhirnya *Tribune* gulung tikar dan sekali gus tamatlah riwayat satu-satunya kumpulan akhbar bahasa Inggeris milik kapitalis tempatan ketika itu.

* * *

Ketika saya memasuki *Straits Times*, ekonomi Malaya yang rosak binasa pada waktu Perang Dunia Kedua telah dapat dipulihkan ke tahap normal. Industri getah dan timah serta perdagangan *entrepot* yang berpusat di Singapura masih menjadi tulang belakang ekonomi Malaya. Tetapi kerajaan kolonial telah mula memikirkan masalah-masalah untuk memperluas struktur ekonomi, meskipun darurat yang bermula dalam tahun 1948 terus menjejaskan kedudukan kewangan negara.

Untuk perkembangan dan kemajuan ekonominya pada masa depan Malaya tidak boleh lagi bergantung semata-mata pada industri eksport getah dan timah serta perdagangan *entrepot*. Ketiga-tiga sektor ekonomi ini bergantung nasibnya pada nasib perdagangan dan pasaran antarabangsa yang sentiasa turun naik. Kalau pasaran dunia berkembang, Malaya untung. Kalau pasaran dunia menguncup, Malaya rugi. Oleh itu ekonominya perlu dipelbagaikan supaya jangan teruk terhempas apabila ekonomi dunia merosot. Asas-asas pelbagaian ekonomi ini sudah pun sedia ada, dalam bentuk industri kecil, terutama yang bersangkut-paut dengan industri-industri prosesan dan sampingan yang berkait dengan penghasilan getah, timah, makanan, minuman dan perhutanan. Industri-industri jenis ini kecil-kecil belaka.

tetapi cukup sebagai asas untuk berkembang ke tahap yang lebih besar.

Masalah-masalah ini tidak dapat diselesaikan sehingga beberapa tahun kemudian apabila Bank Dunia (International Bank for Reconstruction and Development) diminta menjalankan penyiasatan dan mengemukakan syornya. Penyiasatan ini menghasilkan sebuah buku laporan yang komprehensif dalam tahun 1955, mengandungi pandangan dan pendapat pakar-pakar ekonomi yang membuat pelbagai syor, termasuklah syor menubuhkan institusi asas seperti bank pusat, yang akhirnya tertubuhlah Bank Negara Malaya (Malaysia) sehingga hari ini.

Sementara itu, dalam lapangan politik, kaum Cina telah mendapat satu forum yang kukuh untuk bersuara dalam politik, iaitu melalui MCA (Malayan Chinese Association) yang telah ditubuhkan dalam tahun 1949 di bawah pimpinan Tan Cheng Lock, ahli politik dan hartawan keturunan Baba Melaka. MCA mulanya bergerak sebagai sebuah badan kebajikan menumpukan aktivitinya kepada menolong masyarakat setinggan Cina yang telah dipindahkan dari pinggir hutan ke dalam "kampung-kampung baru" sebagai suatu taktik kerajaan memutuskan punca bekalan makanan dan kewangan kepada gerila komunis. MCA menubuhkan tabungan wang melalui loteri untuk membiayai aktiviti kebajikan ini. Sebanyak 452 kampung baru telah ditubuhkan di seluruh Semenanjung untuk menempatkan semula kira-kira 500 000 orang yang disyaki bersimpati dengan gerila komunis.

Kejayaan MCA membantu menyusun semula kehidupan di kampung-kampung baru ini telah dapat meyakinkan pihak berkuasa bahawa tidak semua masyarakat Cina bersimpati dengan komunis. Bagaimanapun kewujudan kampung-kampung baru Cina ini tidak menyenangkan orang Melayu, baik di kampung mahupun di bandar. Mereka kecewa kerajaan tidak mepedulikan nasib mereka. Tidak menghargai sumbangan Melayu dalam kempen menghapuskan keganasan komunis. Berpuluh-puluh ribu pemuda Melayu - dalam Rejimen Askar Melayu, Polis, Polis Khas, Polis Tambahan dan sukarelawan pertahanan kampung sedang menghadapi maut untuk membuktikan sokongan fizikal dan moral daripada orang Melayu. Mereka bertanya, kalau kerajaan boleh

berbelanja berjuta-juta ringgit mengadakan kemudahan-kemudahan moden seperti klinik, bekalan air, dan sekolah untuk kaum setingan "yang tidak taat setia kepada negara" itu, kenapa kerajaan tidak boleh berbelanja sekurang-kurangnya sebesar itu juga ke arah memperbaiki taraf hidup masyarakat Melayu di kampung.

Tempelakan "tidak taat setia" ini ada buktinya. Ketika kerajaan melancarkan kerahan tentera (*national service*) dalam tahun 1950 beribu-ribu pemuda Cina dan India melarikan diri ke negeri asal masing-masing.

Pemimpin-pemimpin Melayu merasakan bahawa kempen propaganda yang sedang dijalankan oleh kerajaan itu berat sebelah – terlalu tertumpu untuk mematahkan semangat musuh dan terlalu sedikit ke arah meningkatkan semangat rakyat untuk melipatgandakan keazaman menamatkan darurat.

Orang Melayu, kata mereka, mahukan taraf hidup yang lebih tinggi, terutama di kampung-kampung: jalan raya yang lebih baik, perkhidmatan perubatan yang lebih sempurna, sekolah yang lebih banyak, sawah padi yang lebih produktif, sistem pemasaran getah dan ikan yang lebih cekap, dan pasukan pertahanan kampung yang lebih kuat dan cukup terlatih.

Ketika itu darurat telah berlaku selama tiga tahun dan *Straits Times* menyiarkan beberapa siri artikel meninjau keadaan darurat daripada pelbagai aspek. Saya ditugaskan menulis di bawah tajuk "Melayu dan darurat" dan kekecewaan Melayu yang diceritakan tadi dipetik daripada artikel tersebut, yang disiarkan pada 27 Jun 1951. Sebenarnya naskhah asal artikel itu lebih panjang, tetapi atas sebab-sebab tertentu, beberapa perkara terpaksa ditinggalkan.

Saya kira ada baiknya dicatatkan di sini, secara ringkas, apa yang telah tertinggal dalam artikel itu. Setidak-tidaknya sebagai satu rakaman sejarah yang mungkin tidak diketahui umum, kalau dilupakan begitu sahaja. Ini berkait dengan wawancara saya dengan Kapten Hussein Onn, Setiausaha Agung UMNO, dan peranan UMNO membela kepentingan Melayu pada peringkat awal zaman darurat. Hussein Onn yang kita maklumi kemudiannya menjadi Perdana Menteri Malaysia ketiga (1976–1981).

Ada dua tugas besar UMNO pada zaman darurat. Pertama, memastikan orang Melayu tidak dipengaruhi oleh komunis, dan kedua, memperkukuh organisasi dalaman UMNO serta memperbanyakkan ahlinya.

"Masalah yang dihadapi oleh UMNO ketika itu ialah orang Melayu, terutama di kampung, sudah mula bimbang dan curiga terhadap kerajaan," kata Kapten Hussein Onn, yang ketika itu baru berusia 29 tahun tetapi sudah menunjukkan kematangan pemikiran. "Mereka bimbang kerajaan terlalu sibuk menumpukan usaha hendak menamatkan darurat seberapa segera hingga mengabaikan hasrat rakyat (Melayu) mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi," katanya.

Ini adalah suatu hal yang tidak menyenangkan, terutama sekali ketika sokongan dan bantuan mereka sangat-sangat dikehendaki dalam perjuangan menentang komunisme antarabangsa," kata Kapten Hussein. "UMNO telah berusaha keras dan berjaya membekalkan tenaga manusia Melayu ke dalam pelbagai bidang perkhidmatan pertahanan negara. Melayu tidak mampu membantu kempen antipenganas ini dengan wang, tetapi mereka telah lebih daripada cukup membantu kerajaan dengan menyabung berpuluh ribu jiwa pemudanya untuk pertahanan negara," kata Hussein.

Sebagai menegaskan kesungguhan orang Melayu membantu menamatkan "perang kolonial" ini, Hussein menambah: "Banyak tempat di Malaya hari ini, sawah-sawah padi terpaksa ditinggalkan dan diserahkan kepada kaum wanita untuk mengusahakannya."

Satu hal yang menarik dalam wawancara ini ialah kenyataan Hussein tentang langkah-langkah yang dijayakan oleh UMNO dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial dalam waktu tiga tahun permulaan darurat.

Dengan inisiatif UMNO, kerajaan telah menubuhkan RIDA atau Lembaga Kemajuan dan Perusahaan Kampung untuk memperbaiki kehidupan ekonomi orang Melayu, yang kejayaannya akan juga dapat dinikmati oleh kaum bukan Melayu yang tinggal di luar bandar. Rancangan Pembangunan Enam Tahun juga telah digubal untuk memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi negara. Antara rancangan yang dijalankan termasuklah:

- o Menubuhkan kerajaan berkabinet di peringkat Federal yang dinamakan "Member System", sebagai langkah pertama ke arah berkerajaan sendiri. Inilah "kabinet menteri" pertama dalam sejarah pemerintahan kolonial British di Malaya;
- o Mengadakan rancangan melatih orang Melayu mengurus pentadbiran kampung masing-masing menurut sistem kerajaan tempatan;
- o Membawa kemudahan perubatan ke kampung-kampung. Secara beransur-ansur kesannya terbukti apabila kadar kematian bayi di kalangan masyarakat Melayu dapat diturunkan dalam waktu dua tahun kebelakangan;
- o Rejimen Askar Melayu telah bertambah bilangannya. Begitu juga pangkat pegawai-pegawai Melayunya;
- o Pegawai Polis Melayu semakin ramai dihantar ke United Kingdom untuk latihan yang lebih tinggi;
- o Berjanji akan mengadakan pilihan raya di peringkat Negeri dan Federal;
- o Mengatur rancangan meningkatkan mutu pendidikan Melayu seperti yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Barnes Mengenai Pendidikan Melayu;
- o Menambahkan pengajaran bahasa Melayu ke dalam kurikulum sekolah Inggeris Kerajaan dan sekolah Inggeris Bantuan Kerajaan di seluruh negara; dan
- o Merancang penyelarasan sistem pentadbiran hal ehwal agama di seluruh negara.

Hussein mengaku rancangan-rancangan kerajaan yang terbit daripada inisiatif UMNO ini mengambil masa untuk membawa kesan. Banyak yang baru sahaja dilancarkan dan banyak juga yang belum dilaksanakan. RIDA baru sahaja ditubuhkan. Rancangan pembangunan sosioekonomi negara masih merupakan "hanya satu harapan". Sementara itu keadaan masyarakat kampung masih terbiar, sementara "kampung-kampung baru" dilayani dengan segala kemudahan.

Sejak tahun 1949 lagi UMNO telah mendesak kerajaan supaya memperuntukkan perbelanjaan bagi kemajuan kampung sebanyak yang dirancang untuk memajukan perkam-

pungan setingan, "Tetapi belum ada tindakan ke arah ini," kata Hussein.

Dari segi pandangan Melayu, masalah-masalah darurat tidak sekadar memenangi perang antikomunis, tetapi hendaklah juga diselaraskan dengan usaha memajukan taraf politik dan ekonomi rakyat. Bagi UMNO, darurat ini mencabar kebijaksanaan dan kesanggupannya sebagai sebuah badan politik untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Sungguhpun UMNO merupakan parti politik yang terulung di Malaya, usianya masih muda ketika itu. Oleh sebab itu banyaklah pihak tertanya-tanya apakah fahaman politik UMNO sebenarnya, selain memperjuangkan kepentingan nasionalisme Melayu. Mengenai latar belakang UMNO, Hussein menjelaskan bahawa UMNO mengambil contoh daripada Parti Buruh dan Parti Konservatif British dan memilih apa yang terbaik dalam kedua-duanya untuk disesuaikan dengan suasana dan keperluan tempatan. Struktur organisasinya berdasarkan prinsip demokrasi yang didukung oleh Parti Buruh, tidak berdasarkan "prinsip pemimpin" (*leader principle*) yang didukung oleh Parti Konservatif "kerana orang Melayu tidak sukakan sebarang bentuk kediktatoran".

Hussein menambah: "Kuasa yang tertinggal dalam UMNO adalah hak Perhimpunan Agung, bukan hak Presiden. Ramai yang salah faham 'bahkan di kalangan orang Melayu sendiri' bahawa para pengasas UMNO tidak pernah berniat menjadikan UMNO sebuah badan politik Melayu semata-mata."

"UMNO ditubuhkan sebagai sebuah badan politik Melayu pada awalnya kerana para pemimpinnya berpendapat lebih senang menggembleng tenaga Melayu terlebih dahulu daripada cuba sekali gus membawa semua kaum bersatu ke dalam sebuah parti politik yang tunggal," kata Hussein.

"Oleh itu, keputusan UMNO baru-baru ini untuk membuka keanggotaannya kepada bukan Melayu bukanlah suatu langkah baru yang bertentangan dengan dasar UMNO tetapi suatu langkah logik dalam proses perkembangan UMNO selaras dengan kehendak zaman," kata Hussein.

Sejarah menunjukkan bahawa percubaan UMNO ini, yang dipelopori oleh presidennya sendiri Dato' Onn bin Jaafar, telah gagal, kerana Melayu belum bersedia berkongsi kuasa dengan orang lain. Tetapi 40 tahun kemudian, pada awal

dekad 1990-an, ketika konsep "Bangsa Malaysia" menjadi dasar perjuangan UMNO dan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad ke arah mencapai cita-cita wawasan 2020, cita-cita Dato' Onn nampaknya semakin relevan dan sedang menuju ke arah realisasinya yang muktamad.

* * *

Pemberontakan komunis di Semenanjung tidak menjejaskan kehidupan harian rakyat di Singapura. Ini disebabkan ia sebuah koloni yang terasing pentadbirannya. Malah Singapura lebih dahulu daripada Malaya mengadakan pilihan raya Majlis Perundangan dan Majlis Perbandaran walaupun tidak sunyi daripada dilanda krisis.

Pada awal Disember 1950 masyarakat Islam di Singapura telah melancarkan suatu rusuhan berdarah yang mengorbankan jiwa 19 orang Eropah, Serani, Cina, dan Melayu. Lebih 200 orang lagi cedera parah dalam rusuhan dua hari yang berlaku pada 11 dan 12 Disember itu. Peristiwa yang menggegarkan Singapura ini berkait dengan kisah Natrah atau Maria Hertogh, anak gadis Belanda berumur 13 tahun, yang menjadi pertikaian mahkamah antara ibu angkat Melayunya yang mengasuhnya sebagai seorang Muslim dengan ibu bapa kandungnya yang datang hendak mengambilnya pulang ke Belanda dan mahu kembalikannya sebagai seorang Kristian.

Peristiwa yang mencetuskan kemarahan orang Islam ialah keputusan mahkamah memindahkan Natrah daripada Rumah Kebajikan Kerajaan kepada jagaan sebuah Konven Roman Katholik. Sebelum ini, dalam bulan Julai, mahkamah sudah pun memutuskan supaya Natrah dikembalikan kepada ibu bapa kandungnya, tetapi keputusan ini ditangguhkan hingga Disember untuk mendengar rayuan daripada ibu angkat Natrah. Sementara itu ibu angkatnya telah mengahwinkan Natrah dengan seorang pemuda Melayu, ketika dia dalam jagaan Rumah Kebajikan Kerajaan. Inilah yang menyebabkan mahkamah mengarahkan pemindahan Natrah. Inilah juga yang mencetuskan rusuhan. Di tengah-tengah rusuhan itulah Natrah diterbangkan ke Belanda dan kembali menjadi Maria.

Rusuhan itu bukan sahaja meragut nyawa yang tidak berdosa, tetapi merosakkan harta benda, termasuk membakar kereta. Ini menyebabkan perkhidmatan pengangkutan awam terbengkalai. Segala bas dan kereta api yang saya gunakan untuk ke pejabat, untuk mencari berita dan untuk pulang ke rumah telah memberhentikan perkhidmatan buat sementara waktu. Mujurlah, *Straits Times* telah membuat persefahaman dengan pihak berkuasa Tentera British supaya para pemberitanya diberi kemudahan pengangkutan. Disebabkan peristiwa itu, selama dua hari rusuhan itu berlaku, saya dan rakan-rakan di *Straits Times* terpaksa menaiki konvoi Tentera British menjelajahi seluruh Pulau Singapura untuk membuat berita.

Organisasi *Straits Times* lebih besar daripada *Tribune*. Kerja tidak seteruk di *Tribune*. Sungguhpun tugas sebagai pemberita politik dan perusahaan nampaknya berat, tetapi saya dapat mengawal masa.... Saya dibenarkan membuat tugas harian sendiri, kecuali jika editor berita mahukan saya memburu sesuatu berita tertentu atau ada peristiwa yang sedang berlaku yang memerlukan banyak tenaga pemberita.

Saya ditugaskan khas mengendalikan hal ehwal politik Melayu. Maka selalulah saya ke Semenanjung, terutama meliputi persidangan UMNO. Kadang-kadang laporan saya itu dimasukkan bulat-bulat sebagai lidah pengarang. Pada hari-hari biasa saya menyiapkan tiga buah berita. Lazimnya hanya satu dua berita sahaja tersiar, kerana pemberita terlalu ramai. Mana-mana berita eksklusif ditangguhkan penyiarannya untuk terbitan hari Ahad ataupun Isnin, iaitu hari kekeringan berita. Dengan demikian saya bukan sahaja setiap hari menonton *matinee* sebelum datang ke pejabat tetapi juga dapat menyambil sebagai koresponden Singapura bagi harian *Evening Times of Karachi*, Pakistan.

Hidup saya amat selesa di *Straits Times*. Tetapi ini tidak lama. Pada hujung tahun 1951 saya tidak dapat lagi menolak surat ketiga daripada Dato' Onn menawarkan gaji berlipat ganda sebagai editor "*Maju*" terbitan RIDA yang baru ditubuhkan di Kuala Lumpur.

BAB

6

Harmoni dan Krisis

KETIKA saya masuk bekerja di RIDA, Dato' Onn sudah pun meninggalkan UMNO dan menubuhkan IMP (*Independence of Malaya Party* atau Parti Kemerdekaan Malaya). Nasib politiknya sudah mula merosot. Persuruhjaya Tinggi Persekutuan, Henry Gurney, telah terbunuh dalam suatu serang hendap komunis. General Gerald Templer telah dilantik menggantikannya. MCA telah menjelma daripada sebuah badan kebajikan menjadi sebuah parti politik sebagai suatu alternatif kepada PKM (Parti Komunis Malaya) dalam perjuangan membela kepentingan masyarakat Cina. MIC satu-satunya bekas komponen barisan bersatu PUTERA-AMCJA yang masih hidup pada zaman Darurat, sedari mencari tapak dalam politik Malaya, masih mencuba menghilangkan imejnya sebagai sebuah cabang Indian National Congress di Malaya. Masyarakat Ceylon dan Serani terla kecil pengaruhnya dalam percaturan politik Malaya. Bibit politik perkauman sudah mula timbul, mengancam ketenteraman, terutama antara kaum Melayu dan Cina.

RIDA telah ditubuhkan pada Julai 1950. Tujuan utamanya ialah memperbaiki taraf hidup rakyat di kampung dengan mengadakan perusahaan-perusahaan kecil, meningkatkan produktiviti perikanan dan pertanian, membasmi pengang "orang tengah" yang mengeksploitasi perniagaan kaum layan, petani, dan pekebun kecil, mengadakan sistem persaran dari kampung ke bandar, menggalakkan aktiviti perasi, dan membawa kemudahan-kemudahan sosial kepada masyarakat luar bandar.

RIDA diletakkan di bawah portfolio Member ("Menteri") Dalam Negeri. Oleh sebab Dato' Onn, Pengerusi RIDA, yang juga "Menteri" Dalam Negeri, maka tinggilah harapan orang Melayu untuk mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi, yang telah terbiar sekian lama. Tetapi dari saat dilahirkan, RIDA sudah menghadapi pelbagai rintangan. Sungguhpun Dato' Onn berusaha keras untuk memodenkan ekonomi kampung, tangannya terikat.

RIDA ketika itu bergerak hanya sebagai jabatan, tidak sebagai sebuah agensi pembangunan. Oleh itu ia tidak punya kuasa membuat rancangan pembangunan sendiri, baik dari segi organisasi mahupun dari segi program pembangunan ekonomi kampung yang terancang. Oleh sebab corak pentadbiran masih bersifat kolonial, kebanyakan jawatan atasan dipenuhi oleh pegawai luar atau expatriate. Kepada merekalah terserah segala tugas membentuk dasar dan menentukan program pelaksanaan. Sebagai birokrat kolonial mereka nampaknya lebih mengutamakan kepentingan kolonial daripada rakyat. Kalau adapun simpati terhadap rakyat perasaan ini lebih merupakan sikap "patron" (penaung) daripada sikap pemimpin.

Malaya masih di bawah keadaan darurat. Situasi ini menyebabkan prioriti perbelanjaan negara ditumpukan pada usaha memburu komunis dan mematahkan sumber kekuatan komunis. RIDA tidak mendapat prioriti sama sekali. Daripada belanjawan negara yang hampir RM700 juta bagi tahun 1952 hanya RM2 juta diperuntukkan kepada RIDA. Daripada peruntukan yang sekumit inilah RIDA dikehendaki melatih pegawai Melayu, mengadakan pinjaman, memperkembang perusahaan kecil, menggalakkan orang kampung berdikari, mengadakan jentera pemasaran hasil pertanian, dan mengatasi masalah-masalah lain yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi Melayu.

*.Tambah merumitkan lagi kedudukan Dato' Onn sebagai Pengerusi RIDA ialah sikap baru UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra. Sebagai sebuah parti anti-kolonial yang sedang memperjuangkan kemerdekaan, UMNO menganggap RIDA yang tidak bergigi itu sebagai alat imperialis untuk mengabui mata rakyat. Dalam hal ini, sikap baru UMNO itu tidak semata-mata terbit daripada pertimbangan

ekonomi, tetapi didorong juga oleh pertimbangan politik. Pilihan raya Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaran akan tiba. IMP musuh ketat UMNO. Kedua-duanya cuba memikat hati Melayu. Kedua-duanya juga cukup sedar bahawa undi Melayu akan menentukan siapa yang akan berkuasa memerintah pada masa akan datang. Bagi UMNO, kelemahan RIDA dijadikan salah satu faktor untuk mematahkan cita-cita politik IMP, yang dipandang anti-Melayu dan pro imperialis.

Ibu Pejabat RIDA terletak di bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, yang ketika itu menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan, mengandungi pelbagai jabatan. Pejabat majalah *Maju*, penerbitan bulanan RIDA yang saya kendalikan, terletak di Lebu Ampang (yang dikenali sebagai "lorong Ceti" kerana perniagaan Ceti berpusat di situ), disebabkan kekurangan ruang pejabat di Bangunan Sultan Abdul Samad dan *Maju* pula bersifat komersial lalu difikirkan lebih baik operasinya dibuat berasingan.

Bulan pertama saya bertugas di RIDA, saya ditempatkan di ibu pejabat untuk merekrutkan kakitangan di bahagian editorial dan pengurusan majalah, serta mencari pejabat yang sesuai. Ketika itulah saya buat pertama kalinya dapat memerhatikan secara terlibat bagaimana birokrasi menjalankan tugas.

Misalnya, cara birokrat mengedarkan fail dan dokumen antara satu sama lain, yang walaupun jaraknya dekat tetapi mereka tidak menghantarnya sendiri. Mereka menggunakan loceng untuk memanggil pembantu pejabat atau lebih dikenali sebagai *Peon*. *Peon* sentiasa ada di sudut pejabat. Dialah yang akan mengedarkan fail atau dokumen berkenaan dari satu meja ke satu meja yang ditunjukkan. Setiap meja ada loceng, termasuklah meja saya. Ini merupakan budaya komunikasi inter-personal yang sama sekali berlainan daripada yang berlaku di pejabat akhbar dan pejabat-pejabat swasta.

Majalah *Maju* diterbitkan dalam dwiskrip. Separuh kandungannya dalam tulisan Jawi dan separuh lagi dalam tulisan Rumi, kerana generasi tua lebih senang membaca Jawi, dan generasi muda lebih suka membaca Rumi.

Tetapi *Maju*, seperti juga RIDA menghadapi masalah bi-

rokrasi sejak awal lagi, bukan sahaja dari segi penerbitan, tetapi juga dari segi perniagaan. Birokrat expat kuasa de facto bukan sahaja di peringkat ibu pejabat, tetapi juga di peringkat negeri. Mereka tidak senang dengan corak *journalism* yang saya bawa ke dalam *Maju*, iaitu sebagai sebuah majalah popular yang bercorak komersial, yang peka akan perkembangan semasa berkaitan dengan perkembangan ekonomi luar bandar dalam dan luar negeri, dengan menggunakan bahasa dan gaya persuratkhabaran moden. Mereka lebih senang kalau saya jadikan *Maju* dalam bentuk sebuah "gazel" atau "warta kerajaan" yang penuh dengan statistik dan kenyataan rasmi dengan tidak membuat komen atau interpretasi terhadap sesuatu peristiwa yang berkait dengan perkembangan ekonomi kampung ataupun menjelaskan apa yang tersirat di dalam angka-angka statistik itu.

Mereka tidak setuju *Maju* dijual melalui agen-agen surat khabar kerana Pegawai-pegawai Daerah boleh dilantik sebagai agen pengedaran majalah untuk dijual kepada orang kampung. Ini, kononnya, boleh menjimatkan kos. Pada teorinya, kaedah pengedaran ini munasabah juga. Tetapi pada praktiknya, pengedaran tersangkut di pejabat-pejabat daerah, tidak dapat bergerak kerana pegawai-pegawai terlalu sibuk dengan hal-hal lain yang menuntut prioriti. Para pemberita *Maju* yang ditugaskan mencari berita ke daerah-daerah seluruh tanah air jarang-jarang mendapat maklumat seperti yang dikehendaki kerana ada maklumat yang "tidak boleh disiarkan".

Yang mematahkan hati saya untuk terus berkhidmat dengan RIDA ialah ketika seorang pegawai expat mengatakan kepada saya bahawa dia tidak faham apa yang dibacanya dalam *Maju*. Katanya bahasa yang saya gunakan "terlalu moden" baginya dan juga bagi orang kampung. Jawab saya, dia jangan memperkecil kefahaman orang kampung. Kalau mereka tidak faham bahasa yang digunakan dalam *Maju* mereka tentu tidak membeli akhbar dan majalah Melayu. Sebenarnya yang menjadi masalah ialah pengetahuan bahasa Melayunya sendiri yang rendah, kerana dia hanya lulus peperiksaan kerajaan yang tarafnya sama dengan darjah tiga sekolah Melayu. Saya hanya setahun berkhidmat dengan

RIDA. Selepas itu saya masuk semula berkhidmat dengan *Straits Times* di Kuala Lumpur. Setelah berkhidmat dengan *Straits Times* selama tiga tahun (1952 - 1954) saya dipelawa bekerja di Syarikat Lever Brothers.

Lever Brothers merupakan persimpangan jalan dalam riwayat hidup saya. Usia sudah melangkau tiga puluhan. Baru mula mendirikan rumah tangga dan baru sahaja menerima cahaya mata pertama. Masanya sudah tiba untuk memilih antara kebebasan membujang dan tanggungjawab berkeluarga. Antara hidup berkelana melompat daripada satu pekerjaan kepada satu pekerjaan yang tidak pernah tetap, dan hidup mantap yang agak selesa dan bertanggungjawab. Antara idealisme dan realiti.

Saya sudah merasa pahit maung berpolitik. Sudah merasa hidup sebagai pemberontak dan idealis. Sebagai wartawan dan sebagai pegawai kerajaan. Kini saya memilih suatu lapangan hidup yang sama sekali berlainan, yang boleh dikatakan bertentangan dengan pendirian politik saya. Saya sudah lama meninggalkan idealisme politik, sejak PKMM dibubarkan. Saya tidak punya cita-cita politik lagi. Saya tinggalkan dunia politik dan masuk ke dunia perniagaan. Saya tinggalkan penghidupan yang menuntut perjuangan yang tidak kunjung padam dan memilih penghidupan yang boleh menjamin keselamatan dan keselesaan hidup berkeluarga. Pandangan hidup sudah berubah, daripada radikal kepada liberal.

Seorang radikal sentiasa rela berkorban. Mengorbankan keselesaan hidup dan kehidupannya, bahkan nyawanya jika perlu, untuk kepentingan masa depan yang dicita-citakan. Kawan-kawan seperti Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad dan Boestamam adalah radikal tulen. PKMM sudah terkubur, tetapi mereka terus berjuang, terus berkorban membela-kangkan keselesaan hidup demi memburu cita-cita politik masing-masing.

Dr. Burhanuddin muncul sebagai pemimpin PAS, Ishak memimpin *Front Sosialis* dan Boestamam memimpin *Parti Rakyat*. Penjara selalu menghantui setiap langkah mereka. Mereka tidak pernah merasa kuasa memerintah. Namun perjuangan mereka tidak sia-sia. Mereka telah berjaya meninggalkan kesan yang tidak dapat dipadamkan dalam se-

jarah politik tanah air. Sifat *non-conformist* tidak mendorong saya mengikut jejak mereka. Saya pilih jalan liberal, yang meskipun tidak rela berkorban tetapi yakin masa depan tanah air akan berkembang maju tanpa revolusi. Namun ini tidak menjadikan saya kurang patriotik atau nasionalistik. Yang berubah hanyalah pendekatan terhadap bagaimana sumbangan patriotik harus disalurkan dalam konteks pembangunan bangsa dan negara.

Hampir 20 tahun (1954 – 1969, dan 1971 – 1973) saya berkhidmat dengan Levers, iaitu anak syarikat Unilever yang perniagaannya meliputi seluruh dunia. Dunia perniagaan tidak memencilkan saya daripada perkembangan politik dan sosio ekonomi tanah air. Jenis pekerjaan saya selaku Pegawai Perhubungan Raya, membolehkan saya melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sukarela sosial, ekonomi, politik, dan budaya. Saya, antara lain, menjadi ahli majlis Institut Perhubungan Raya Malaya (Malaysia), ahli *think tank* Forum Melayu, ahli Lembaga Penasihat Tariff (Cukai) Malaysia, ahli jawatankuasa kecil kebudayaan dan penerangan UMNO dan ahli lembaga pelawat sekolah akhlak juvana. Saya juga ditugaskan menyediakan laporan-laporan tahunan dan separa tahunan mengenai situasi politik dan ekonomi Malaysia dan Singapura kepada ibu pejabat Unilever di London untuk maklumat dan mengambil keputusan dasar.

Dekad-dekad 50-an dan 60-an merupakan suatu zaman yang amat mencabar dalam sejarah tanah air. Suatu zaman peralihan daripada taraf tanah jajahan kepada taraf sebuah negara yang merdeka. Daripada Malaya ke Malaysia. Suatu zaman yang menjerumuskan negara yang baru merdeka ini daripada suatu krisis kepada suatu krisis, dari dalam dan dari luar. Suatu zaman yang negaranya sedang mencari keperibadian nasionalnya, yang dirumitkan oleh kewujudan masyarakat yang berbilang bangsa, yang berlainan ragam politik dan kemahuaannya.

Merdeka tidak segera menjadikan Malaya suatu bangsa yang eka. Merdeka menyatupadukan bangsa Melayu yang kini muncul sebagai kuasa politik baru yang menggantikan kuasa imperialis. Dan kemerdekaan itu sebenarnya masih tidak menyatupadukan seluruh masyarakat. Krisis identiti politik dan kebudayaan masih menghalang persefahaman

dan keharmonian antara Melayu dan bukan Melayu. Lantaran krisis ini timbullah politik perkauman yang sentiasa menguji kebijaksanaan pimpinan politik Melayu untuk mengendalikannya supaya keharmonian antara kaum sentiasa terkawal dan politik ekstrimis tidak mengancam keselamatan negara.

Sebelum Merdeka, memang sudah ada suatu institusi politik yang khusus untuk membicarakan isu-isu perkauman dan cuba mencari jalan penyelesaian ke arah mencapai keharmonian antara kaum. Institusi ini dinamakan Communities Liaison Committee (Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum). Pada mulanya badan ini dikenali sebagai Jawatankuasa Muhibah Melayu-Cina kerana ia berpunca daripada persengketaan Melayu-Cina pada zaman Darurat, dengan komunis mengapi-apikan kaum Cina supaya mempertahankan kesucian dan keutuhan kebudayaan mereka daripada pengaruh dan ancaman politik Melayu.

Bagaimanapun jawatankuasa ini gagal mencapai matlamatnya. Sungguhpun anggotanya terdiri daripada pemimpin-pemimpin semua kaum - Melayu (termasuk Dato' Onn), Cina, India, Ceylon, Serani, dan Eropah - jawatankuasa ini tidak mempunyai kuasa pemutus. Bahkan anggotanya sendiri tidak mewakili parti atau pertubuhan masing-masing, melainkan diri mereka sendiri sebagai individu. Jadi, segala keputusan dan cadangannya tidak mengikat sesiapa.

Namun, konsep di belakang penubuhan jawatankuasa ini telah menghasilkan suatu peristiwa luar biasa yang sama sekali memutar pendirian politik Dato' Onn. Sekiranya dia berjaya, sejarah Malaysia (boleh jadi tidak ada Malaysia) sudah tentu berlainan daripada apa yang kita tahu hari ini. Dato' Onn yang begitu terpukau dengan konsep "keharmonian antara kaum" dan "*non-communalism* dalam politik" tiba-tiba menukar pendirian daripada nasionalis Melayu kepada nasionalis Malayan. Dia percaya kemerdekaan boleh dicapai hanya melalui perpaduan rakyat berbilang bangsa dengan memberi kepada bukan Melayu hak kerakyatan yang bertaraf rupa bangsa dan tidak sekadar kewarganegaraan terhadap bangsa dan tidak sekadar kewarganegaraan terhadap bangsa. Dengan pendirian baru ini Dato' Onn cuba memujuk, kemudian menuntut dan mengugut UMNO membuka keahliannya kepada bukan Melayu.

Tetapi Dato' Onn bukan sahaja terlalu optimistik, bahkan

tersilap baca tentang perasaan orang Melayu. UMNO belum bersedia berkongsi kuasa dengan orang lain. Masih curiga terhadap kesetiaan mereka. Lebih-lebih lagi, membuka pintu UMNO bermakna memberi kerakyatan secara automatis. Sikap nonkompromi UMNO ini akhirnya menyebabkan Dato' Onn meletak jawatan sebagai presiden, lalu menubuhkan IMP dan kemudiannya Parti Negara. Kedua-dua parti *non-communal* ini gagal mempengaruhi arus politik semasa. Kedua-duanya kalah teruk dalam pilihan raya. Sebab-musababnya tidak sukar diduga. Sentimen politik Melayu, yang diperjuangkan oleh UMNO ketika itu, rata-ratanya antiimperialis. Politik IMP berlandaskan politik CLC (Communities Liaison committee), yang diilhamkan oleh Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Agung bagi Tanah-tanah Jajahan British di seluruh Asia Tenggara. Parti Negara, yang menggantikan IMP dalam tahun 1954, disokong kuat oleh Menteri-menteri Besar yang pro-British. Anehnya, kedua-dua parti yang mendakwa dirinya *non-communal* ini tidak silu-silu menjalankan politik perkauman dalam kempen-kempen pilihan raya. Tindakan talem dua muka ini menghilangkan kepercayaan parti-parti bukan Melayu seperti MCA dan MIC terhadap kemampuan sesebuah parti pelbagai kaum atau *non-communal* membela kepentingan kaum masing-masing, di samping menggalakkan pertumbuhan semangat nasionalisme Malayan di kalangan rakyat berbilang kaum. Kegagalan IMP dan Parti Negara sebagai lambang politik pelbagai kaum memberi jalan kepada kebangkitan politik antara kaum yang diperjuangkan oleh Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC.

Pada mulanya perikatan ini merupakan hanya satu "pakatan pilihan raya" antara UMNO dan MCA dalam pilihan raya majlis bandaran. Masing-masing ada muslihat tersendiri menentang IMP yang menjadi musuh bersama. Kejayaan mereka mematahkan cita-cita politik IMP telah menggalakkan mereka mengekalkan "perikatan sementara" itu dan akhirnya bersetuju menubuhkan sebuah parti antara kaum, dengan nama Parti Perikatan, yang berdasarkan politik berkrompomi antara kaum. Politik Perikatan ini diperluas kemudiannya menjadi suatu pergerakan politik rakyat menuntut kemerdekaan.

Menjelang pilihan raya Persekutuan 1955, perikatan UMNO-

MCA disertai pula oleh MIC, yang dahulunya bersimpati dengan IMP. Dalam pilihan raya umum pertama yang bersejarah ini, Parti Perikatan menyapu 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan bagi Majlis Perundangan yang mengandungi 98 ahli. Dengan itu, Parti Perikatan berjaya menukar corak Majlis daripada sebuah badan yang kesemuanya terlantik kepada sebuah badan yang majoritinya terpilih. Perikatan juga memperoleh senjata baharu untuk menuntut kemerdekaan secara lebih positif dan berkesan. Teraju pemerintahan dalam negeri sekarang pindah daripada tangan British kepada tangan rakyat yang diwakili oleh Perikatan, dengan Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Ketua Menteri. Dalam kempen pilihan rayanya, Perikatan telah berjanji memerdekakan Malaya secepat-cepatnya dan janji ini menjadi prioriti bagi Kerajaan Perikatan.

Langkah pertama Kerajaan Perikatan ialah meminta Kerajaan British memulakan perundingan ke arah memberi kemerdekaan kepada Malaya. Satu ketika dahulu, pihak British pernah menyatakan kesediaannya memberi kemerdekaan sekiranya rakyat Malaya yang berbilang kaum itu dapat membuktikan bahawa mereka boleh bersatu dan bekerjasama mentadbir dan membina negara. Sekarang cabaran itu telah disahut dan dibuktikan oleh Parti Perikatan. Tambah meyakinkan pihak British ialah alasan Perikatan bahawa keadaan darurat tidak akan berakhir selagi kolonialisme tidak berakhir. Pihak British memang sedar sikap politik Tunku Abdul Rahman yang bukan sahaja anti komunis tetapi juga pro-Barat. Terserahlah kepada British untuk memilih antara komunisme yang anti imperialis dan nasionalisme yang pro-Barat. Atau berjuang menghadapi dua gelanggang peperangan – satu gelanggang gerila komunisme, satu lagi gelanggang politik nasionalisme. Yang pertama hanya akan memencilkan dan merugikan kepentingan British, dan yang kedua akan dapat memelihara kepentingan British di Malaya pada masa hadapan.

Sejarah membuktikan British memilih berjuang di pihak nasionalis. Tuntutan Perikatan dipersetujui dan Britain berjanji akan memerdekakan Malaya secepat mungkin. Rombongan merdeka yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman berangkat ke London pada awal tahun 1956 untuk merun-

dingkan syarat-syarat memindahkan kuasa. Salah satu syarat ialah menubuhkan sebuah suruhanjaya khas, terdiri daripada sepasukan pakar undang-undang daripada beberapa negara Komanwel untuk menggubal satu perlembagaan bagi Malaya baru. Suruhanjaya ini dikenali sebagai Suruhanjaya Reid. Maka pada 31 Ogos 1957 lahirlah sebuah negara baru, yang merdeka dan berdaulat, dengan pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

Perisytiharan Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra di Stadium Merdeka telah didahului oleh dua peristiwa yang simbolik. Pada pagi 30 Ogos, Stadium Merdeka yang baru selesai pembinaannya, dengan muatan kira-kira 18 ribu penonton, telah dirasmikan pembukaannya dalam satu istiadat serba sederhana yang dimeriahkan, dengan pertunjukan senaman raksasa oleh murid-murid sekolah. Larut malam itu, tidak jauh dari stadium, di Padang Selangor Club (sekarang diperbesar dan diperindah menjadi Dataran Merdeka), ribuan manusia berhimpun untuk menyaksikan satu istiadat menukar bendera yang dianjurkan oleh Parti Perikatan. Tepat jam 12 tengah malam berdengunglah "*Big Ben*" dari bangunan Sultan Abdul Samad menandakan hari baru 31 Ogos, maka bendera Union Jack pun diturunkan perlahan-lahan, kemudian bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan secara perlahan-lahan juga di tiang yang lain. Sampai sahaja bendera di puncaknya disambut dengan ribuan suara memekikkan "Merdeka...! Merdeka!" Tujuh kali kalimah keramat ini dipekikkan dengan penuh semangat dan emosi yang tidak dapat ditahan-tahan berkumandang di sekitar kota yang terang-benderang diperhias bagaikan indera kayangan.

Pembinaan Stadium Merdeka telah diilhamkan oleh Tunku sendiri, sebagai ahli politik, Tunku merasai perisytiharan Kemerdekaan yang begitu bersejarah memerlukan suatu tempat yang lebih sesuai daripada padang Selangor Club yang berbau kolonial. Itulah sebabnya, antara lain, padang Selangor Club telah dipilih untuk merobohkan kuasa kolonial dan menegakkan sebuah negara merdeka secara simbolik.

Sebagai ahli sukan yang aktif, Tunku merasai rakyat memerlukan sebuah arena sukan yang indah lagi moden yang dapat dibanggakan oleh sebuah negara yang baru merdeka

dan berdaulat. Keputusan mengadakan pertunjukan senaman para pelajar sebagai tarikan penonton di istiadat perasmian stadium itu pun telah dibuat secara simbolik. Biarlah generasi muda akan datang yang menggunakan Stadium itu untuk sukan dan olahraga sentiasa ingat bahawa di Stadium bertuah inilah Kemerdekaan Tanah Air telah diisytiharkan ke seluruh dunia.

Pada pagi 31 Ogos tibalah saat yang dinanti-nanti. Dari jam enam lagi Stadium telah penuh sesak dengan ribuan manusia, kecil besar, tua muda, lelaki, dan wanita. Ada yang berpakaian kebangsaan, ada yang berpakaian Barat, ada juga yang beruniform. Kebanyakannya berpakaian biasa. Mereka basah kuyup kerana hujan lebat yang bermula dari waktu subuh. Tetapi ini tidak melemahkan semangat yang sedang berkobar-kobar yang boleh dirasai membara di seluruh Stadium.

Saya dan isteri bertuah dapat mengambil tempat di bawah bumbung Stadium. iaitu bahagian yang dikhaskan untuk jemputan rasmi kerajaan, termasuk para perwakilan dari negara-negara Komanwel dan negara-negara sahabat, pegawai-pegawai kanan sektor swasta, dan orang-orang kenamaan yang lain. Alhamdulillah! Sejurus sebelum istiadat dimulakan, hujan rahmat sudah sidang. Di tengah-tengah stadium terletak sebuah peterakna berpermaidani merah. Di sekelilingnya berbaris pasukan keselamatan, pengakap dan seumpamanya. Di peterakna itulah Tunku mengisytiharkan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, setelah menerima dokumen pemindahan kuasa daripada wakil Kerajaan British, Duke of Gloucester. Bersama-sama hadir di peterakna ialah Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan yang terakhir, Donald MacGillivray, dan Raja-raja Melayu, termasuk bakal Yang di-Pertuan Agong Pertama, Tuanku Abdul Rahman ibnu Almarhum Tuanku Mohammad, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Setelah menyambut ucapan Duke yang penuh kata-kata diplomatik biasa, dengan kata-kata diplomatik biasa pula, Tunku membuka skrol pemasyhuran Kemerdekaan bertulis-an Jawi, lalu berucap dalam bahasa Melayu:

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Mengasihani....

Bahawasanya oleh kerana telah tibalah masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ini mencapai taraf suatu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sama setimpal kedudukannya dengan segala bangsa di dunia.

Dan bahawasanya....

Maka dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya Tunku Abdul Rahman Putra ibnu Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Syah, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, bahawa mulai daripada tiga puluh satu hari bulan Ogos seribu sembilan ratus lima puluh tujuh maka Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi di dalamnya Negeri-negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka, dan Pulau Pinang dengan limpah rahmat Allah subhanahu wa Taala akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa.

Sebaik sahaja tamat pemasyhuran itu, Tunku mengangkat lengannya dengan tapak tangan yang terbuka ke arah langit lalu memberi pekikan perjuangan "Mer ... de ... ka ...!" Tiga kali kalimah keramat itu dilaungkan. Tiga kali khalayak ramai menyahutnya dengan teriakan "Merdeka" yang berge-muruh dan penuh bersemangat, bagai memecahkan angkasa.

Laungan "Merdeka" itu sudah cukup menaikkan semangat dan mencuit emosi. Tetapi yang menggetar jiwa dan meluap-kan emosi saya ialah apabila bendera Persekutuan dinaikkan perlahan-lahan dengan iringan lagu Negaraku oleh Band Polis Persekutuan. Sambil berdiri tegak, memerhatikan ben-dera yang sedang naik di tengah padang dan lagu kebangsaan yang sayu berkumandang, fikiran saya bermain seribu cerita. "Syukur, ya Ilahi! Perjuangan Melayu, perjuangan ke-bangsaan, perjuangan PKMM, perjuangan UMNO, perjuang-an-ku telah termakbul, tercapai juga akhirnya." Tanpa di-sadari, air mata berlinang-linang, tidak dapat ditahan-tahan lagi. Hati memekik 'Mer ... de ... ka!' ke dalam jiwa yang baru lahir semula.

Kemerdekaan bukan bererti kesudahan. Ia bererti suatu permulaan. Suatu kehidupan baru. Suatu era baru yang

membawa masalah baru dan kesinambungan masalah lama. Semuanya menuntut penyelesaian cara baru dan memerlukan kebijaksanaan berpolitik cara baru.

Kemerdekaan sudah tercapai. Satu babak perjuangan sudah selesai. Perjuangan baru sedang menunggu. Bagaimana hendak mengisi kemerdekaan supaya kesejahteraan dan kesentosaan rakyat dapat dipelihara dan dimajukan atas landasan demokrasi, kebebasan, dan keadilan. Ekonomi negara perlu disusun semula, dari ekonomi kolonial kepada ekonomi nasional. Selama ini kemakmuran negara hampir keseluruhannya bergantung pada industri getah dan timah kepunyaan bangsa-bangsa asing. Ini tidak lagi sesuai bagi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Asas perindustrian perlu dipelbagaikan untuk memperluas peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Oleh sebab Perikatan berpegang pada prinsip perusahaan bebas (*free enterprise*) lalu prinsip ini menggalakkan pelaburan dari dalam dan luar negeri. Taraf perintis (*pioneer status*) diberikan kepada industri-industri baru, membebaskan mereka daripada cukai selama lima tahun dan membenarkan mereka menyimpan keuntungan atau memindahkannya balik ke negeri masing-masing.

Struktur pentadbiran negara perlu disusun semula kerana perkhidmatan awam masih dimonopoli oleh pegawai-pegawai ekspatriat. Angkatan bersenjata perlu dibina dan diperluas merangkumi juga angkatan laut dan udara. Buat sementara waktu Perjanjian Pertahanan diwujudkan dengan British untuk mencegah sebarang pencerobohan dari luar. Kerajaan masih lagi bergelut dengan gerila komunis dan kemungkinan negara China Komunis, menelan seluruh Asia Tenggara, tidak boleh diketepikan.

Antara masalah-masalah yang paling rumit dihadapi oleh Kerajaan Perikatan ialah soal membina keperibadian nasional dan menentukan coraknya bagi masyarakat berbilang bangsa, agama, bahasa, dan kebudayaannya. Soal bahasa kebangsaan, soal pelajaran kebangsaan dan soal kebudayaan kebangsaan menjadi pertikaian yang berlanjutan, terutama antara Melayu dan Cina.

Setiap kaum ada golongan pendesaknya. Melayu dengan kongres-kongres kebudayaannya, guru sekolah Melayu, Ba-

risan Bertindak Bahasa Kebangsaan dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Cina dengan golongan guru-gurunya dan aktivis-aktivis sosial dan golongan perniagaan dan kebudayaan. Mereka mempunyai kumpulan *think-tank* tersendiri yang khabarnya berpusat di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Kuala Lumpur. Melayu pun ada *think tank* yang memakai nama Forum Melayu. Tetapi Forum Melayu ini berbeza dengan golongan pendesak lain. Kewujudannya tidak diketahui umum dan tidak mendesak kerajaan, melalui rapat atau persidangan umum. Fikiran dan pendapatnya selalu mendapat perhatian kerajaan dan mempengaruhi dasar-dasar kerajaan.

Forum Melayu, atau nama penuhnya Forum Pegawai-pegawai Melayu, telah ditubuhkan dalam tahun 1955 atas inisiatif Tun Abdul Razak yang baru sahaja dilantik menjadi Menteri Pelajaran, yang ditugaskan merancang suatu dasar Pelajaran Kebangsaan bagi Malaya yang bakal merdeka. Tugas yang sebegini berat sudah tentulah tidak mampu dipikulnya sendiri. Apa lagi masalah ini melibatkan tindakan yang revolusioner, merombak sama sekali sistem pelajaran kolonial dan menggantikannya dengan suatu Sistem Pelajaran Kebangsaan, yang sesuai bagi sebuah negara yang merdeka dan bermasyarakat majmuk. Tetapi bakatnya, yang kemudiannya masyhur sebagai pentadbir dan pengurus, telah terbukti awal-awal lagi, apabila Razak mengumpulkan beberapa orang Pegawai Pentadbir Kanan Melayu dan meminta mereka menubuhkan suatu forum untuk membincangkan, bukan sahaja soal pelajaran yang menjadi prihatinan segera, tetapi juga masalah-masalah semasa dan mengemukakan pendapat mereka kepada kerajaan dari semasa ke semasa.

Forum ini mengandungi anggota-anggotanya yang terdiri daripada inteligensia Melayu yang pakar dalam profesion masing-masing: politik, kedokteran, pentadbiran, ekonomi, perniagaan, pelajaran, kebudayaan, kejuruteraan, bahasa, pertahanan, dan polis. Keanggotaan amat eksklusif, hampir semuanya terdiri daripada golongan pentadbiran awam berpangkat Ketua Setiausaha Kementerian atau timbalannya, Menteri Besar dan sebagainya. Dalam sejarahnya selama 23 tahun (1955 - 1978) bergerak secara senyap-senyap, bilangan anggotanya tidak lebih antara 25 hingga 30 orang. Nama

mereka bagai senarai *Who's Who* dalam pentadbiran negara. Antaranya ialah Jamil Rais, Yaacob Latiff, Syed Nasir Ismail, Kadir Shamsudin, Aminuddin Baki, Sanusi Baki, Hamdan Sheikh Tahir, Dr. Majid Ismail, Dr. Ungku Omar, Dr. Mohamad Noor Marahakim, Abdul Rahman Hashim, Ahmad Perang, Ahmad Daud, Dol Ramli, Johari Daud, Syed Zainal Abidin, Lokman Musa, Aziz Yeop, Ahmad Nordin, Sujak Rahiman, Raja Mohar Badiozaman, Abdullah Ayub, Raja Khalid Harun, Yusof Abdul Rahman, Mohamad Jamil, Hassan Wahab, Shaari Harun, Waad Jamaluddin, Haji Yusof Ibrahim, Mansor Othman, dan Ibrahim Varshai. Kebanyakan mereka kemudiannya bergelar Dato', Tan Sri dan Tun atas jasa bakti mereka kepada negara. Ramai juga yang sudah meninggal. Yang masih berkhidmat dalam usia kesenjaan termasuklah Tun Hamdan Sheikh Tahir, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Raja Mohar yang menjadi penasihat pelbagai pertubuhan, dan Tan Sri Jamil Rais dalam pertubuhan sukarela. Ada yang berkecimpung dalam bidang perniagaan dan ada juga yang terlibat dalam dakwah Islamiah. Anggota Forum yang di luar kerajaan ialah saya dan Profesor Ungku Aziz. Oleh sebab segala perkara yang diperbincangkan berkait dengan dasar-dasar kerajaan dan isu-isu yang sensitif maka Forum tidak didaftarkan sebagai sebuah persatuan. Pejabatnya pun tidak ada. Kami mengadakan mensyuarat pada waktu malam sebulan sekali bergilir-gilir di rumah anggota. Sambil bermesyuarat sambil makan.

Yang dibincangkan ialah pelbagai perkara daripada soal pelajaran, bahasa, kebudayaan hinggalah kepada masalah ekonomi Melayu, soal mengekalkan dominasi politik Melayu, soal Malayanisasi, soal menamakan siapa yang harus memenuhi jawatan-jawatan terpenting dalam perkhidmatan awam, bahkan siapa yang patut menjadi menteri di sesebuah kementerian. Soal Malaysian Malaysia dan perpisahan Singapura, serta soal nasionalisme tempatan di Sabah dan Sarawak juga turut dibincangkan. Peranan Forum hanya sebagai kumpulan *think-tank* yang tidak rasmi. Pendapat-pendapatnya disalurkan melalui anggota-anggota yang rapat dengan menteri masing-masing, termasuklah Perdana Menteri. Oleh sebab kebanyakan mereka pegawai kerajaan, mereka cukup faham akan fungsi-fungsi pemerintahan yang

sebenar, dan cara-cara kerajaan membentuk dan melaksanakan sesuatu dasar. Pengetahuan ini membolehkan mereka mengutarakan skim-skim yang konkrit untuk membantu kerajaan melaksanakan rancangan dan dasar negara. Bagaimanapun tidak semua rumusan dan pendapat Forum diterima bulat-bulat oleh kerajaan. Malah ada yang tidak diterima langsung atas sebab-sebab kepentingan politik kepartian.

Jasa Forum yang besar, pada hemat saya, ialah menunjukkan jalan bagaimana masalah-masalah semasa negara harus diselesaikan melalui tindakan perundangan ataupun pentadbiran.

Politik kepartian atau politik antara kaum yang diamalkan oleh Kerajaan Perikatan memerlukan kompromi untuk memupuk dan menjaga keharmonian antara kaum. Inilah sebabnya nasihat Forum tidak sentiasa diterima oleh Kerajaan. Politik berkompromi ini membolehkan Parti Perikatan mencapai kemerdekaan. Pendekatan politik ini dikira perlu diteruskan pada zaman Merdeka.

Dalam usaha mengisi kemerdekaan, kestabilan politik menjadi syarat utama bagi menjayakan sebarang program untuk menyusun semula ekonomi nasional. Kestabilan politik bergantung pada keharmonian kaum. Dan keharmonian kaum bergantung pada politik berkompromi antara parti-parti komponen yang memerintah negara.

Bagaimanapun pendekatan politik Perikatan ini tidak sentiasa berjalan lancar. Parti-parti Pembangkang masih mengeksploitasi sentimen politik perkauman, baik Cina mahupun Melayu, meskipun ada antaranya yang mendakwa memperjuangkan politik pelbagai kaum yang kononnya tidak berbau perkauman. Sungguhpun UMNO boleh mendakwa dengan wajar mewakili suara majoriti Melayu, MCA dan MIC tidak dapat membuat pengakuan sedemikian bagi pihak kaum masing-masing. Di luar politik, golongan cauvinis Cina yang anti-MCA masih kuat pengaruhnya di kalangan masyarakat Cina, sehingga pada suatu ketika mereka dapat menyusup mempengaruhi segolongan pemimpin MCA yang membawa kepada penukaran pucuk pimpinan dengan Dr. Lim Chong Eu menggantikan Tan Cheng Lock sebagai Presiden. Penyokong-penyokong Lim Chong Eu tidak senang

dengan dominan politik Melayu di tangan UMNO. Mereka mahu perwakilan yang lebih besar dalam Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri. Mereka mahu dasar pelajaran dan bahasa kebangsaan diubah supaya memberi kebebasan kepada sistem pelajaran dan bahasa Cina untuk berkembang seluas-luas dan setinggi-tingginya. Pendek kata, mereka menyuarakan hasrat golongan chauvinis Cina yang menuntut penghapusan "kedudukan istimewa" orang Melayu dan "persamaan hak dan keistimewaan kepada semua warganegara."

Tuntutan-tuntutan ini ditolak sekeras-kerasnya oleh Tun-ku selaku Ketua Parti Perikatan dan Ketua Kerajaan yang cukup sedar akan implikasinya terhadap keharmonian antara kaum dan kestabilan politik negara. Akhirnya Lim Chong Eu terpaksa mengundurkan diri daripada MCA lalu menubuhkan United Democratic Party yang anti-Perikatan dan bertujuan memperjuangkan kepentingan politik Cina terutama dalam soal pelajaran dan bahasa. Tempatnya digantikan oleh Dr. Cheah Toon Lok dari Kedah sebagai Pemangku Presiden MCA.

Krisis dalaman Parti Perikatan yang dicetuskan oleh se-golongan kecil kepimpinan MCA itu menonjolkan dua faktor yang menggambarkan realiti politik tanah air, iaitu kuasa kepolitikan Melayu dan gerakan memperluas demokrasi berpolitik. Kedua-duanya melibatkan soal pengimbangan kuasa atau *balance of power*. Sungguhpun kuasa kepolitikan Melayu sudah diiktiraf sebagai fakta sejarah – seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Negara mengenai hak-hak istimewa orang Melayu, kedudukan Raja-raja Melayu, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi yang tunggal, peranan dan keutamaan Bahasa Kebangsaan dalam sistem pendidikan nasional – tetapi ini diimbang, juga dalam Perlembagaan Negara, di bawah peruntukan yang menjamin pemeliharaan "kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain."

Sebenarnya *balance of power* ini telah bertukar corak apabila kaum-kaum bukan Melayu telah diberikan taraf kerakyatan yang agak liberal dan apabila mereka diiktiraf berhak mengambil bahagian politik, pemerintahan dan pentadbiran negara, dan juga apabila Kerajaan Perikatan mengangkat sistem *free enterprise* sebagai falsafah ekonomi negara.

Situasi ini semuanya memberi kesempatan kepada bukan Melayu membuat tuntutan secara berperlembagaan dari semasa ke semasa untuk memperluas "hak-hak demokrasi" mereka ke arah mencapai "perkongsian kuasa" sepenuhnya dengan Melayu. Akan tetapi orang-orang Melayu, baik UMNO mahupun PAS, memandang penggunaan kesempatan ini oleh bukan Melayu sebagai ancaman atau cabaran terhadap ketuanan Melayu di Tanah Air sendiri. Ada golongan Melayu, di dalam dan di luar UMNO, yang tidak senang dengan "dasar tolak-ansur" (*policy of appeasement*) UMNO dalam usahanya melaraskan "kedudukan istimewa orang Melayu" dengan "kepentingan-kepentingan sah kaum-kaum lain". Dengan sinis mereka menempek: "Apakah hak-hak persamaan dan keistimewaan yang mereka dendamkan daripada orang Melayu? Hak-hak dan keistimewaan orang yang kemiskinan ekonomi? Di manakah ada persamaan selagi ketidaksamaan ekonomi masih wujud antara Melayu dan bukan Melayu?"

Pucuk pimpinan UMNO yang sederhana di bawah kepimpinan Tunku telah membuktikan bahawa nasionalisme Melayu adalah responsif terhadap perubahan, dan sensitif terhadap perlunya mewujudkan suatu bentuk nasionalisme yang lebih luas pengertiannya bagi sebuah masyarakat yang majmuk. Tetapi bagaimana, sejauh mana dan secepat mana perubahan ini akan berlaku bergantunglah pada bagaimana dan sedalam mana keinsafan bukan Melayu terhadap kedudukan bangsa Melayu dalam sejarah Tanah Air.

Dinamisnya UMNO bukan semata-mata kerana rakyat Melayu, Perlembagaan Negara, sejarah dan tradisi ada di belakangnya atau bukan semata-mata kerana ia merupakan parti yang dominan dalam Perikatan, tetapi juga kerana dia tidak mahu menjadi banduan zaman yang sudah terbenam.

UMNO masih nasionalistik, tetapi nasionalisme ini sedang mengalami perubahan yang beransur-ansur daripada Melayu kepada Malayan dan akhirnya kepada Malaysian, apabila wilayah negara diperluas menjadi Malaysia pada awal 60-an. Perubahan-perubahan ini berlaku setimpal dengan perubahan sikap yang dibuktikan oleh kaum-kaum lain yang menjadi warganegara.

Enam tahun sesudah Merdeka, Persekutuan Tanah Melayu menjadi Persekutuan Malaysia. Tetapi penubuhannya tidak

berlaku dalam suasana aman. Sebaik sahaja Darurat yang dicetuskan oleh Parti Komunis Malaya tamat dengan gerilanya melarikan diri ke sempadan Thailand, krisis baru pula menunjukkan kepalanya. Indonesia di bawah rejim Soekarno tidak senang dengan penubuhan Malaysia yang dianggapnya sebagai satu komplot neo-kolonialisme British. Maka berlakulah "konfrontasi" yang trajik antara dua kuasa Melayu yang sama-sama baru merdeka di alam Melayu, yang sudah sekian lama terjajah. Tragedi ini amat menyayat dirasakan di Semenanjung, terutama di kalangan rakyat Melayu, kerana cubaan Soekarno hendak "mengajar" Malaysia dengan kempen "ganyang Malaysia" itu telah dilancarkan tanpa pengisytiharan perang. Lebih-lebih lagi waktu mula-mula gagasan Malaysia dicetuskan memang dipersetujui oleh Indonesia. Pada 20 November 1961, enam bulan setelah Tunku membuat pengumuman, Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio, telah mengalu-alukan gagasan Malaysia di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bagaimanapun ucapan Subandrio itu tidak menyenangkan Partai Komunis Indonesia (PKI), yang telah mula berkuku dalam jentera pemerintahan dan cuba memutarakan dasar luar Indonesia daripada pro-Washington kepada pro-Peking. Pada akhir Disember 1962, PKI pun melancarkan kempen anti-Malaysia dengan menuduh Malaysia sebagai "Suatu pemusatan tenaga kolonial yang baru di tangga rumah kita". Ini disambut oleh Soekarno pada 23 Februari 1963 dengan mengisytiharkan Malaysia sebagai suatu komplot neo-kolonialis hendak melindungi kepentingan-kepentingan ekonomi imperialis.

Konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia yang berlangsung selama tiga tahun dilancarkan dalam pelbagai bentuk - ketenteraan, sabotaj, propaganda, infiltrasi, dan diplomatik. Sasarannya bukan sahaja Sarawak dan Sabah, tetapi juga Semenanjung dan Singapura. Dalam operasi ketenteraan Indonesia bukan sahaja menggunakan pasukan tenteranya sendiri tetapi juga tenaga "sukarela" komunis dari Malaya, dan Sarawak, dan Tentera Nasional Kalimantan Utara yang telah dibentuk dengan bantuan Indonesia oleh Sheikh Azahari, Ketua Parti Rakyat Brunei, yang telah gagal merampas kuasa daripada Sultan Brunei pada bulan Disember 1962.

Sambil mencerooboh ke dalam Wilayah Malaysia, stesen-stesen radio di sekitar kepulauan Indonesia melaungkan propaganda cuba melaga-lagakan permusuhan antara kaum di Malaysia. Dalam bidang diplomatik, beberapa siri pertemuan diadakan, di Manila dan Tokyo, antara pemimpin-pemimpin Malaysia, Indonesia dan Filipina, kerana Filipina juga menuntut kedaulatannya ke atas Sabah. Dalam perundingan-perundingan yang kompleks ini, Indonesia dan Filipina bersetuju Malaysia diwujudkan sekiranya rakyat Sarawak dan Sabah menyetujuinya. Pada satu ketika dalam proses perundingan ini ketiga-tiga pemimpin Melayu itu – Tunku, Soekarno dan Macapagal – bersepakat menubuhkan suatu “konfederasi bangsa-bangsa keturunan Melayu” terdiri daripada ketiga-tiga negara yang akan dikenali sebagai MAPHILINDO (Malaysia-Filipina-Indonesia) untuk menyatukan tenaga dalam perjuangan bersama menentang kolonialisme dan imperialisme “dalam segala bentuk dan manifestasi” di alam Melayu dan juga di dunia.

Tetapi Maphilindo lebih merupakan gema sentimen semangat Melayu pra kolonial daripada sebarang gagasan pasca-kolonial yang konkrit. Ini ketara apabila rombongan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditugaskan meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak mengesahkan bahawa rakyat di kedua-dua wilayah itu cukup faham tentang konsep Malaysia dan bersetuju menjadi anggotanya. Indonesia dan Filipina menolak pernyataan Bangsa-Bangsa Bersatu ini. Namun Malaysia telah diisytiharkan pada 16 September 1963. Konfrontasi terus berlaku.

Sementara itu Malaysia terus melangkah ke era media elektronik. Televisyen menjadi gaya hidup baru rakyat. Televisyen Malaysia dilancarkan awal 1964. Ketika itu saya masih bekerja di Levers. Saya diundang menjadi pengulas tamu dalam program Hal Ehwal Semasa. Televisyen Malaysia bermula dengan sebuah studio kecil di salah satu sudut di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Hanya pada akhir 1969 baru berpindah ke kompleks Angkasapuri yang dijadikan Ibu Pejabat Radio Televisyen Malaysia (RTM). Setiap minggu, dari tahun 1964 hingga 1968, saya menjadi “muka biasa” di kalangan kakitangan studio – daripada pengurus pentas kepada pakar mekap. Jam 7.10

malam, raptai skrip. Jam 9.10 malam di udara secara langsung. Oleh sebab saya banyak waktu lapang di pejabat, maka soal menyiapkan skrip setiap minggu tidak menjadi masalah.

Dalam tempoh lima tahun itu tiga program komentar saya kendalikan. Program itu diberi nama "Tinjauan" yang kemudian digantikan dengan "Komentar" dan akhirnya "*This Week*". *Tinjauan* dan *Komentar* dalam bahasa Melayu dan *This Week* dalam bahasa Inggeris. Tinjauan dan Komentar ke udara selama 22 minit setiap Rabu, tetapi *This Week* hanya ke udara selama enam minit setiap Khamis.

Isu-isu yang dibincangkan merangkumi bidang politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan juga mengenai perkembangan semasa di dalam dan luar negeri. Saya dibenarkan memilih topik sendiri. Bentuknya boleh kontroversial asalkan jangan memusuhi dasar kerajaan atau mengandungi fitnah. Pendek kata, ulasan saya diberi kebebasan seluas-luasnya tetapi hendaklah bersikap adil atau tidak berat sebelah.

Lembaga Pengurus Levers tidak melarang saya menjadi "personaliti televisyen" kerana mereka memandangnya sebagai berfaedah kepada imej syarikat, walaupun nama Levers tidak pernah disebut. Saya di televisyen bukan bagi pihak Levers tetapi bagi pihak saya sendiri sebagai individu dan warganegara yang menyumbangkan tenaga, membantu menjayakan sebuah institusi media komunikasi kerajaan yang baru dan sedang membina imejnya di kalangan rakyat Malaysia.

Televisyen Malaysia lahir di tengah-tengah suasana konfrontasi dan kewujudannya memberi Malaysia suatu senjata propaganda yang amat berkesan untuk membalas propaganda Indonesia.

Saya berkesempatan mengulas beberapa perkembangan politik yang berlaku di Indonesia dan di Malaysia. Ini termasuklah hal Soekarno mengharamkan 21 buah akhbar anti komunis atas nama Manipol Usdek, iaitu akronim daripada manifesto politik (manipol) campur undang-undang dasar sementara tahun 1945 (us) campur demokrasi terpimpin, ekonomi terpimpin dan keadilan sosial (dek); dan Kertas Putih Kerajaan Malaysia yang membongkarkan rahsia komplotan Indonesia yang gagal hendak menakluki Malaysia

melalui "agen-agenya" di Malaysia. Sayangnya agen-agen ini kawan-kawan bekas seperjuangan saya. Mereka telah ditangkap dan dipenjara atas tuduhan bersubahat. Mereka ialah Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, dan Aziz Ishak.

Pengharaman ke atas akhbar-akhbar Indonesia yang dikatakan anti komunis itu membayangkan pengaruh PKI dalam rejim Soekarno. Pada 30 September 1965 – tujuh bulan sesudah pengharaman akhbar itu – PKI, melalui Leftenan Kolonel Untung, seorang Pegawai Pengawal Istana, cuba merampas kuasa tetapi digagalkan oleh tentera di bawah pimpinan Mejar Jeneral Suharto. Lalu berlakulah suatu gerakan anti komunis secara besar-besaran di seluruh Indonesia, dengan rakyat bersama-sama tentera memburu, membunuh dan melontarkan ke dalam penjara beribu-ribu anggota PKI dan orang-orang yang bersimpati dengan komunis. Daripada peristiwa berdarah ini Suharto muncul sebagai wira nasional. Di Jakarta, penulis-penulis slogan tembok serata kota memadamkan segala kata memuja Bung Karno dan kata-kata mengganyang Malaysia serta menggantikannya dengan kata-kata memuji Pak Harto dan mengganyang Subandrio. Bintang Soekarno mula pudar dan akhirnya Suharto muncul sebagai Presiden lalu mengumumkan "orde baru" untuk membina semula ekonomi negara yang sudah lumpuh di bawah rejim Soekarno. Pada 11 Ogos 1966 tamatlah riwayat konfrontasi apabila Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Adam Malik, Menteri Luar Indonesia, menandatangani suatu perjanjian perdamaian di Jakarta.

Malaysia yang menandatangani perjanjian perdamaian itu tidak lagi Malaysia yang asal, tetapi Malaysia baru tanpa Singapura kerana setahun sebelumnya, pada 9 Ogos 1965, Singapura telah berpisah. Ini akibat krisis politik yang berpunca daripada kempen *People's Action Party* (PAP) pimpinan Lee Kuan Yew yang menentang Perikatan dan menuntut persamaan hak bagi seluruh rakyat Malaysia atas konsep *Malaysian Malaysia*.

Singapura menjadi sebuah negara baru yang merdeka dan berdaulat pada 9 Ogos 1965. Perpisahannya daripada Malaysia menamatkan konflik antara Perikatan dan PAP yang

mengancam kestabilan politik dan keselamatan negara. Tetapi ini tidak menjamin keamanan berpolitik di Malaysia. Semangat Malaysian Malaysia yang ditanamkan oleh PAP itu tidak berpisah mengikut PAP ke Singapura. Ia telah berakar umbi di hati sanubari rakyat bukan Melayu di Malaysia, terutama di kalangan parti-parti pembangkang yang dipelopori oleh DAP (Democratic Action Party) yang menggantikan tempat PAP sebagai jaguh konsep tersebut. Warisan politik PAP ini menjadi salah satu daripada pelbagai isu yang kontroversial antara kehendak nasionalisme Melayu dengan kehendak nasionalisme Malaysian. Ini semuanya membawa akibat yang trajik pada akhir dekad 60-an.

Antara isu besar yang dipertikaikan ialah soal mendaulatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal. Soal ini menjadi hangat dalam tahun 1966. Konfrontasi baru sahaja tamat, tetapi sudah ada desas-desus mengatakan Kerajaan tidak berniat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal mulai 1967 seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan 1957. Malah Kerajaan dikatakan akan mengekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Ini tidak menyenangkan bukan sahaja golongan pejuang bahasa Melayu tetapi juga golongan pejuang bahasa Cina. Pejuang bahasa Melayu menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi yang tunggal dan tidak harus ada bahasa kedua. Pejuang bahasa Cina tidak membangkang bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tetapi menuntut bahasa Cina juga dijadikan bahasa rasmi atas dasar *multi-lingualisme*.

Apabila Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 diperdebatkan dalam Parlimen maka berlakulah konfrontasi antara pejuang Bahasa Kebangsaan dengan Kerajaan. Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan mengadakan rapat umum di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, dihadiri oleh wakil-wakil daripada badan-badan bahasa dan juga badan politik Melayu seperti UMNO dan PAS. Saya telah diminta menjadi pengerusi persidangan. Apabila saya memulakan persidangan, sudah terasa suasana akan menjadi kucar-kacir. Dewan telah sesak bukan sahaja dengan banjir manusia, tetapi juga dengan asap rokok yang berkepul-kepul memedihkan mata dan yang menyesakkan lebih lagi, ialah

bahang emosi yang meluap-luap marah terhadap Tunku Abdul Rahman. Setiap yang hadir memekik-mekik menuntut diizinkan bersuara. Maksud masing-masing tidak payah diduga. Mereka mengutuk Tunku kerana membawa Rang Undang-undang yang akan "membunuh" bahasa Melayu. Satu usul telah dikemukakan supaya kertas Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan 1967 itu dibakar di luar bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai menunjukkan kemarahan umat Melayu. Apabila saya meminta pengundian daripada para hadirin, suasana tidak terkawal lagi. Dengan tempik sorak persetujuan, mereka semuanya meluru keluar meninggalkan saya dan beberapa orang jawatankuasa persidangan dalam kebingungan. Saya tidak pasti apa yang berlaku selepas itu. Khabarnya para pejuang bukan sahaja membakar Rang Undang-undang, tetapi telah berarak menuju ke bangunan Parlimen mengadakan demonstrasi.

Walaupun golongan pejuang Bahasa Kebangsaan berkeras dan golongan pejuang bahasa Cina sama juga berkeras, Rang Undang-undang bahasa Kebangsaan 1967 telah diluluskan dalam sidang Dewan Rakyat pada 3 Mac 1967 dengan undian 95 menyokong (anggota Perikatan) dan 11 menentang (anggota Pembangkang). Akta ini mengesahkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang tunggal dan rasmi, tetapi membolehkan Bahasa Inggeris terus dipergunakan untuk maksud-maksud tertentu dan bahasa-bahasa kaum lain boleh digunakan untuk maksud bukan rasmi.

Soal bahasa, kerakyatan, diskriminasi, Malaysian Malaysia, imigrasi, kebudayaan, ekonomi, hak istimewa orang Melayu, dan soal pelajaran menjadi api di dalam sekam antara Melayu dan bukan Melayu menjelang pilihan raya umum 1969 yang diadakan serentak di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kempen pilihan raya berlangsung dalam suasana perasaan perkauman yang tegang dan militan antara parti kerajaan dengan parti-parti pembangkang. Kedua-dua belah pihak mengeksploitasi emosi perkauman, yang tidak dapat tidak akan membawa kepada suatu situasi yang eksplosif.

Apabila keputusan diumumkan bagi Semenanjung, Perikatan berjaya mengekalkan kedudukannya sebagai parti yang memerintah, tetapi kehilangan banyak kerusi. Di Par-

limen, pihak pembangkang berjaya meningkatkan prestasi mereka. PAS berjaya memungut 12 kerusi (9 kerusi dalam pilihan raya 1964); DAP 13 kerusi (1 kerusi dalam tahun 1964); dan Gerakan – yang baru sahaja ditubuhkan dalam tahun 1968 – mendapat 8 kerusi. Yang memeranjatkan ialah Gerakan berjaya merampas kuasa di Pulau Pinang. PAS tetap berkuasa di Kelantan dan Perikatan nyaris kehilangan Terengganu.

Dalam pilihan raya 1959 dan 1964 kemerosotan prestasi Parti Perikatan tidak seteruk yang dialaminya dalam tahun 1969. Ketika itu kempen-kempen, yang meskipun penuh dengan sentimen politik perkauman, tidaklah sampai ke tahap yang bahaya. Tetapi kempen 1969 melampaui batas-batas kesusilaan demokrasi berpolitik. Golongan ekstrimis kedua-dua pihak tuduh-menuduh sekehendak hati, caci-mencaci dan fitnah-menfitnah. Sebelum hari pengundian, dua orang telah terbunuh, seorang Melayu anggota UMNO di Pulau Pinang dan seorang Cina anggota Parti Buruh di Kuala Lumpur. Kedua-dua peristiwa ini adalah akibat keganasan Parti Buruh yang disarangi oleh anasir-anasir komunis dan cauvinis Cina, yang telah memulaukan pilihan raya, dan cuba menjahanamkan pilihan raya dengan mengapi-apikan permusuhan perkauman.

Pada 9 Mei, Parti Buruh telah mengadakan perarakan besar-besaran mengusung mayat anggotanya yang telah terkorban itu di sekeliling kota Kuala Lumpur. Mereka mikul potret-potret Mao Tse Tung dan bendera komunis. Sambil menyanyikan slogan dan lagu komunis, mereka memaki-maki orang Melayu. Ini menaikkan kemarahan orang Melayu. Tetapi tidak berlaku peristiwa yang tidak diingini.

10 Mei ialah hari mengundi. Ia berjalan tanpa sebarang peristiwa yang serius, berkat pengawalan ketat oleh pasukan polis. Tetapi keputusan pilihan raya membawa kejayaan yang tidak diduga kepada pihak pembangkang. Ini membuatkan mereka angkuh dan garang, terutama parti-parti yang berorientasikan politik perkauman Cina.

Pada 11 dan 12 Mei, DAP dan Parti Gerakan merayakan "kemenangan" mereka dengan mengadakan pelbagai perarakan di pelbagai tempat di Kuala Lumpur tanpa izin polis. Apabila melalui Balai Polis Brickfields mereka mengejek

"Apa polis boleh buat ... kita raja ... buang semua polis Melayu." Di Jalan Bukit Bintang mereka mencarut: "Mati Melayu ... sakai pergi masuk hutan." Dekat Penjara Pudu mereka memekik: "Kuala Lumpur sekarang Cina punya." Antara Jalan Ipoh dan Jalan Tuanku Abdul Rahman mereka menghina: "Melayu balik kampung.... Melayu sekarang tak ada kuasa lagi ... sekarang kita kontrol." Di Kampung Baru mereka memprovok: "Melayu keluar ... apalagi duduk di sini ... kita hantam lu ... sekarang kita besar." Di Jalan Pudu mereka mencaci: "Semua Melayu kasi habis." Balik ke Jalan Bukit Bintang mereka mengisytiharkan: "Ini negeri bukan Melayu punya."

Semuanya ini ada berkaitan dengan kemarahan mereka terhadap perkara 152 dan 153 dalam Perlembagaan Persekutuan mengenai bahasa dan hak-hak keistimewaan Melayu. Ketika berkempen, calon-calon pembangkang telah mengentam Perlembagaan dengan sentimen perkauman. Mereka menuntut dihapuskan hak-hak keistimewaan Melayu. Tuntutan ini dibalas pula oleh golongan pelampau Melayu yang menuntut supaya taraf kerakyatan bukan Melayu dijemak semula dan menggesa supaya Malaysia berkerajaan Melayu semata-mata. Dengan latar belakang ini tidak hairanlah pihak pelampau Melayu membalas perarakan anti-Melayu parti-parti Cina itu dengan "demonstrasi pro kerajaan" pula.

Pada 13 Mei darah mengalir di kedua-dua pihak. Menurut perangkaan rasmi, kira-kira 200 nyawa terkorban, termasuk Melayu, Cina, dan India, dan lebih 400 tercedera. Lebih 9000 pula diberkas kerana melanggar perintah berkurung di seluruh negara. Mujurlah keganasan ini berlaku hanya di sekitar Kuala Lumpur dan dalam waktu yang singkat tentera dan polis telah dapat mengawal keadaan.

Pada 16 Mei, Tunku melalui televisyen dan radio, mengisytiharkan seluruh Malaysia berada dalam keadaan Darurat dan mengumumkan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dengan Tun Razak sebagai Pengarah Gerakan. MAGERAN berfungsi mentadbir negara di bawah Undang-undang Darurat, dan menggembelngkan tenaga pentadbiran awam, tentera, dan polis untuk mengembalikan keamanan secepat mungkin. Dengan tertubuhnya MAGERAN, kuasa

Perlembagaan dan Parlimen telah digantung dan pilihan raya di Sabah dan Sarawak ditangguhkan.

Rusuhan 13 Mei 1969 adalah suatu peristiwa yang paling tragik dalam sejarah tanah air pada zaman Merdeka. Ia juga membawa pengajaran terhadap realiti politik Malaysia, bahawa masyarakat kita yang majmuk, perlu memahami sejarah politik dan Perlembagaan Negara serta perlu peka akan sensitiviti perkauman, sekiranya mahu mengelakkan berulangnya tragedi semacam ini, di samping terus berusaha membina sebuah negara demokrasi yang adil, dan saksama dan membina sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu. Tragedi 13 Mei juga mengakibatkan perubahan-perubahan radikal dalam sistem politik dan ekonomi negara. Ia juga menandakan tamatnya era Tunku dan Parti Perikatan dan bermulanya era Razak dan Parti Barisan Nasional.

BAB

7

Revolusi Sosioekonomi

TRAGEDI 13 Mei memaksa para pemimpin Melayu memikirkan semula masa depan Malaysia. Tentang nasib bangsa Melayu. Tentang kedudukan nasionalisme Melayu. Tentang perhubungan kaum. Tentang politik perkauman. Tentang nasionalisme Malaysia. Juga soal bagaimana membangunkan negara, memajukan ekonomi, mencapai kemajuan dalam suasana aman dan tenteram. Soalnya bagaimana hendak menjamin tragedi 13 Mei tidak berulang lagi.

Tempoh pemerintahan MAGERAN yang berkuasa di bawah Undang-undang Darurat itu memberi kesempatan untuk memikirkan segala masalah ini dan bagi mencari suatu formula nasional yang *viable*, berkesan, dan dapat diterima oleh segala kaum.

Dalam tempoh MAGERAN yang singkat itu (1969 - 1971) saya "dipinjamkan" oleh Lever Brothers, atas permintaan Tun Razak, bertugas sebagai Setiausaha Akhbar kepada Timbalan Perdana Menteri. Tun Razak ketika itu memegang empat jawatan: sebagai Pengarah Gerakan (MAGERAN), Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, dan Menteri Kewangan. Tugas rasmi saya ialah Setiausaha Akhbar kepada Timbalan Perdana Menteri dan Pengarah Gerakan. Apabila Parlimen dipulihkan, saya kembali ke Levers tetapi tidak lama. Tahun 1973, atas kehendak Tun Razak juga, saya ditugaskan sebagai Ketua Pengarang Agensi Berita Nasional (BERNAMA) yang baru berusia lima tahun. Dari saat itu tamatlah hubungan saya dengan Levers.

Setelah 13 Mei, nyatalah bahawa yang muncul sebagai

pihak yang berkuasa ialah orang Melayu, di bawah pimpinan UMNO. Tetapi sikap Melayu sudah berubah, tidak ada lagi sikap mahu beralah. Sikap tegas menjadi lambang perjuangan untuk mengembalikan kedaulatan Melayu. Bahkan ada golongan yang tidak mahu berkompromi lagi. Kalau demokrasi membawa kepada huru-hara, gantung sahaja sistem itu. Tegakkan Kerajaan Melayu. Maka berterbanganlah surat-surat layang, surat-surat terbuka, dan demonstrasi menyalahkan dasar Tunku dan Kerajaan Perikatan yang dikatakan menyebabkan peristiwa berdarah 13 Mei. Mereka menuntut Tunku meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri kerana dikatakan terlalu beralah kepada Cina, sehingga mereka naik kepala, sombong dan bongkak, menyalahgunakan demokrasi atas nama demokrasi.

Kempen anti-Tunku ini dipelopori oleh Dr. Mahathir Mohamad dan Musa Hitam, dengan sokongan kuat daripada para pelajar terutama daripada Universiti Malaya dan institut Teknologi MARA. Pada mulanya kempen ini dibiarkan sahaja secara terkawal oleh kerajaan yang sedang sibuk memikirkan masalah yang lebih besar, iaitu membina semula masyarakat yang sudah kucar-kacir. Tetapi setelah berlaku rusuhan di kawasan kaum India di Sentul, Kuala Lumpur, yang melibatkan Melayu dan India, maka kerajaan pun bertindak keras meredakan krisis. Dr. Mahathir dan Musa dipecat daripada UMNO kerana melanggar disiplin parti. Kerajaan mengeluarkan amaran akan menghukum keras sesiapa yang menghasut permusuhan antara kaum atau menuntut penyingkiran Tunku daripada kerajaan. Tun Razak tidak mengabaikan sentimen yang diluahkan oleh puak radikal UMNO yang diwakili oleh Mahathir dan Musa itu. Dia dan para penasihatnya seperti Dr. Ismail Abdul Rahman (Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri) dan Ghazali Shafie (Menteri Tugas-tugas Khas) cukup sedar bahawa Malaysia mesti mengorak langkah baru. Sentimen yang diluahkan oleh puak radikal UMNO itu terbit daripada desakan kemiskinan dan kemunduran akibat dasar kolonialisme yang mengabaikan kepentingan Melayu selama lebih seratus tahun. Dasar Kerajaan Parti Perikatan di bawah pimpinan Tunku ada juga baiknya tetapi kegagalannya ialah dasarnya itu reaktif terhadap desakan-desakan daripada kepentingan perkauman. Terapung-apung ke sara ke mara

mengikut arus. Tidak tegas. Yang mustahak sekarang ialah suatu dasar yang tegas dan proaktif. Membina suatu dasar politik dan sosioekonomi yang jelas dan tegas dalam jangka masa yang agak panjang untuk bangsa dan negara.

Dasar tegas dan proaktif ini tidak bermakna membalas dendam Melayu terhadap bukan Melayu. Tidak bermakna Malaysia akan diletakkan di bawah kuasa Melayu secara mutlak sesudah MAGERAN, seperti yang dituntut oleh se-golongan fanatik Melayu. Tun Razak dan para penasihatnya berpendapat bahawa demokrasi berperlembagaan tidak boleh membelakangkan kepentingan bukan Melayu yang sudah terpelihara dalam perlembagaan. Corak demokrasi ala British itu boleh diubah, disesuaikan dengan keadaan politik, sosial dan ekonomi Malaysia.

Selaku Pengarah Gerakan, Tun Razak diberi kuasa yang boleh menjadikan dia seorang diktator, tetapi Tun Razak bukan Templer, dan jauh sekali Hitler atau Mussolini. Sebagai seorang politikus dan pentadbir yang cukup berpengalaman, Tun Razak cukup sedar akan bahaya menggunakan pemerintahan kuku besi dalam sebuah masyarakat maj-muk yang unik seperti Malaysia. Oleh itu kuasa kediktatoran yang ada padanya itu digunakannya untuk kebajikan seluruh rakyat, tidak kira bangsa.

Tun Razak mempunyai visi. Bahawa nasib masa depan Malaysia akan terjamin hanyalah dengan adanya kestabilan politik yang berterusan dan keseimbangan ekonomi antara kaum. Bagaimana hendak menggerakkan visi ini menjadi realiti adalah tugas Jabatan Perpaduan Negara (JPN) yang ditubuhkannya sebaik sahaja MAGERAN beroperasi. Ghazali Shafie ditugaskan mengepalai JPN yang akan mengkaji, menilai segala aspek sosial dan ekonomi semasa serta me-rangka program-program yang dikira akan membawa kepada perpaduan kaum dan integrasi nasional. Dalam proses me-nimbangkan soal-soal sosioekonomi ini, para petugas di JPN merasai ada sesuatu yang tidak lengkap. Mereka merasai segala rancangan sosioekonomi yang hendak dilancarkan itu akan menjadi sesat barat seperti yang berlaku dalam dekad enam puluhan sekiranya tidak ditunggak dengan sesuatu falsafah hidup bersenegara sebagai pedoman yang akan memandu segala usaha pembangunan sosioekonomi dan

perjalanan politik negara. Lalu timbullah konsep "rukun negara" atau rukun hidup bersenegara bagi seluruh rakyat Malaysia.

Idea perukunan hidup baru ini dicetuskan oleh JPN, tetapi bentuk muktamad yang kita kenali hari ini sebagai "Rukun Negara" adalah hasil daripada beberapa siri persidangan Majlis Perundingan Negara (MPN). Majlis ini telah ditubuhkan oleh MAGERAN dalam bulan Januari 1970, berfungsi sebagai badan penasihat, sewaktu Parlimen masih digantung. Anggotanya terdiri daripada wakil pelbagai parti politik (kecuali DAP), perkhidmatan awam, badan-badan profesional, badan-badan agama, wakil Kerajaan Persekutuan dan Negeri, badan-badan buruh dan majikan, guru-guru, akhbar, dan golongan-golongan lain seperti orang Asli dan pertubuhan wanita. Tugas utamanya ialah mencari kata sepakat menentukan garis-garis panduan ke arah mencari keharmonian antara kaum, integrasi sosial dan keperibadian nasional. MPN bukan sahaja berjaya mencapai kata sepakat tentang prinsip-prinsip Rukun Negara, tetapi juga mempersetujui objektif dan strategi Dasar Ekonomi Baru dan pindaan perlembagaan untuk mengharamkan sebarang perbincangan umum mengenai isu-isu yang dikira sensitif dan juga untuk memperbetul hal-hal yang tidak seimbang dalam perhubungan kaum dari segi sosial dan ekonomi dalam usaha mewujudkan perpaduan nasional. Hasil daripada persetujuan ini membayangkan bahawa Razak yang juga Pengerusi MPN, sudah berjaya membentuk suatu formula selama hampir dua tahun ini untuk membangunkan dan memajukan sebuah negara Malaysia baru secara *viable*, berkesan dan dapat diterima oleh semua kaum.

Kejayaan mencapai kata sepakat ini banyak bergantung pada keunikan cara MPN menjalankan mesyuaratnya. Segala bahan maklumat dan asas bagi sesuatu agenda yang hendak dibincangkan disediakan oleh JPN terlebih dahulu - seperti fakta dan statistik, pro dan kontra, dan cadangan-cadangan alternatif untuk mengambil keputusan. Oleh sebab banyak perkara yang dibincangkan menyentuh isu-isu yang dikira sensitif dan tidak harus dibocorkan kepada pengetahuan umum demi menjaga keselamatan negara, dengan kehendak Razak segala mesyuarat MPN terpaksa berjalan secara rah-

sia dan tertutup kepada media. Hanya sekali-sekala, apabila difikirkan perlu, dikeluarkan siaran akhbar dalam bentuk ikhtisar rasmi. Oleh sebab apa yang hendak dibincangkan berkait dengan soal pembentukan nasib dan masa depan bangsa dan negara, Razak mahu setiap ahli berterus terang meluahkan perasaan yang terpendam di hati masing-masing terutama masalah-masalah yang menjadi sebab berlakunya tragedi 13 Mei.

Dalam ucapannya di mesyuarat pertama MPN yang dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman, pada 27 Januari 1970, Tun Razak menerangkan:

"... Tragedi 13 Mei menunjukkan bahawa masalah perkauman tidak lagi dapat diketepikan tetapi hendaklah dihadapi bersungguh-sungguh dan diatasi dengan hati yang berani dan tulus ikhlas.

Adalah mustahak bagi kita sekarang berfikir semula, mengatur susunan politik kita berdasarkan landasan yang kukuh dan tidak dapat digoncang-goncang lagi, dengan mempertimbangkan secara realistik akan segala keadaan ekonomi dan masyarakat serta hasrat dan cita-cita rakyat kita. Bahkan, setelah memutuskan dan menentukan apakah jalan yang sebaik-baiknya untuk mengatasi masalah-masalah ini, maka hendaklah pula kita aturkan arah ke mana negara kita ini hendak kita bawa serta jalankan pula dasar-dasar yang kita tentukan itu dengan hati yang bersatu padu dan tenaga yang bulat daripada seluruh rakyat Malaysia dengan semangat yakin dan berani.

Adalah menjadi harapan saya bahawa dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis ini kita akan bincangkan soal-soal dan masalah-masalah ini dengan cara jujur dan berterus terang dan sepenuh-penuhnya. Saya juga berharap bahawa perbincangan kita itu akan dijalankan dengan cara berbaik sangka dan informal.... Oleh itu hendaklah kita memberi buah fikiran kita dengan secara ikhlas, objektif dan berterus terang dengan tidak berasa gentar atau terhutang budi... Without fear or favour.

Itulah sebabnya saya telah mengarahkan supaya mesyuarat-mesyuarat kita dijalankan secara rahsia supaya sebarang buah fikiran yang dikemukakan tidak akan keluar

daripada Majlis ini untuk mempengaruhi sentimen dan perasaan rakyat kita di luar ... hanyalah dengan memberikan buah fikiran kita dengan penuh dan berterus terang baru kita dapat berharap mencapai sesuatu keputusan terhadap masalah-masalah yang sukar dan rumit ini."

Dalam ucapannya itu Tun Razak juga membayangkan niat kerajaan hendak membentuk suatu rukun negara, tanpa menjelaskan namanya yang kita tahu hari ini kerana perkara itu sedang dalam proses penggubalan oleh Jabatan Perpaduan Negara. Katanya:

"Tidak syak lagi bahawa kita di Malaysia ini masih berpecah belah menurut keturunan, agama dan kelas. Oleh itu hendaklah kita bertanya kepada diri kita sendiri apakah bentuknya masyarakat Malaysia yang hendak kita cipta bagi generasi kita dan bagi generasi-generasi yang akan datang. Perpaduan yang kita cita-citakan itu bukanlah perpaduan antara kaum semata-mata bahkan perpaduan antara golongan ekonomi dan masyarakat kita. Kita ingin menegakkan suatu masyarakat yang bersatu padu, yang adil, yang liberal dan yang progresif. Akan tetapi, walau apa pun bentuk dan isinya masyarakat itu akhirnya nanti, maka bagi mencapainya hendaklah kita berpandukan pada beberapa kanun kesopanan bermasyarakat yang tertentu. Ini haruslah termasuk perkara-perkara seperti taat setia kepada raja dan negara, mendukung kehendak-kehendak perlembagaan, dan menjunjung tinggi peraturan undang-undang

Marilah kita ingat bahawa kita tidak harus menerima nikmat daripada tanah air kita lebih daripada apa yang kita sanggup memberikan kepadanya. Malaysia akan riang dan makmur hanyalah kalau kita orang-orang Malaysia sanggup memberi khidmat kita kepadanya, memberikan kasih dan taat setia kita kepadanya, dan menjadikan dia negeri yang riang dan makmur.

Jadi, kalau kita hendak selamat sebagai satu bangsa, terpaksa kita mengikat diri kita semula menjunjung beberapa prinsip hidup yang tertentu, iaitu prinsip-prinsip hidup yang lebih utama dan lebih mulia daripada kebesaran

dan kemegahan keturunan, agama, kebudayaan, kelas, dan pegangan-pegangan politik. Masanya telah tiba bagi kita terpaksa membelakangkan kepentingan-kepentingan kumpulan yang sempit-sempit dan hendaklah kita memikirkan kepentingan yang lebih besar, iaitu kepentingan negara seluruhnya.

Kita sedar bahawa kebanyakan rakyat kita cintakan keamanan dan tidak berniat lain melainkan hendak hidup dalam aman dan damai dan hendak melihat negara kita, Malaysia, kembali semula sebagai negara yang riang dan bersatu padu seperti sebelum 13 Mei.

Oleh itu, saya berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan di sini, dan melalui tuan-tuan dan puan-puan kepada seluruh rakyat kita daripada apa jua keturunan dan lapisan masyarakat: bangunlah bersatu padu dan marilah kita berjanji semula mengabdikan diri terhadap tugas membina sebuah negara yang gembira dan bersatu padu.

Marilah kita berusaha bersungguh-sungguh mencari satu hasrat kebangsaan yang berpedoman yang akan memberi ilham kepada kita semua untuk hidup dalam aman dan damai dan dalam keadaan yang bersatu padu."

Dalam ucapan pembukaannya Tunku melafazkan harapan agar MPN dapat merumuskan prinsip-prinsip yang berlandaskan konsep perpaduan nasional yang akan menjadi landasan untuk membina "keamanan dan kebahagiaan yang abadi" bagi seluruh masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Cabaran yang sedang dihadapi ialah: Kalau kita tidak dapat mengatasi masalah, masalah akan mengatasi kita ... (oleh itu) Majlis hendaklah memusatkan segala tenaga dan fikiran kepada isu-isu yang sedang dihadapi oleh negara dan pandanglah isu-isu ini dari segi kepentingan nasional dengan hati yang ikhlas dan penuh tanggungjawab.

Pada 31 Ogos 1970, hari ulang tahun kemerdekaan yang ke-13 dan 15 bulan sesudah tragedi 13 Mei, prinsip Rukun Negara telah diisytiharkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sejajar dengan proklamasi ini Tunku Abdul Rahman mengumumkan kerajaan akan memulihkan semula demokrasi berparlimen pada bulan Februari 1971. Pada 21 September 1970 Tunku bersara dengan menyerahkan

teraju pemerintah kepada Tun Razak dalam suasana damai dan muhibah.

Proklamasi Rukun Negara, terutama sekali, pengumuman hendak menamatkan darurat dan pemerintahan MAGERAN serta memulihkan demokrasi berparlimen, membayangkan keyakinan bahawa keselamatan negara telah terkawal, meskipun masih ada ancaman komunis di sempadan Thailand dan Indonesia. Keyakinan ini juga berasaskan kembalinya secara beransur-ansur keyakinan golongan peniaga terhadap kebolehan kerajaan mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara walaupun dalam keadaan darurat.

Dalam keadaan darurat ini, ekonomi negara terus berkembang atas kadar yang mengagumkan, iaitu kira-kira 9 peratus sepanjang tahun 1969, berbanding dengan tempoh 1960 - 68, purata pertumbuhan ekonomi hanya sekadar 5.5% setahun. Pada waktu yang sama kedudukan kewangan negara terus stabil. Ini telah dinyatakan oleh Tun Razak, selaku Menteri Kewangan, dalam Perutusan Belanjawan bagi tahun 1970, pada 15 Januari 1970.

Secara kebetulan, pemerintahan MAGERAN hanya sempat mengadakan sekali sahaja sesi Belanjawan Negara dalam sejarahnya yang singkat itu. Belanjawan 1970 itu dibentangkan tidak dalam bentuk ucapan belanjawan kepada Parlimen seperti yang biasa dilakukan, tetapi dalam bentuk perutusan. Ini disebabkan Undang-undang Darurat menghendaki bahawa semasa tempoh darurat, segala "Perbelanjaan yang dikenakan atas kumpulan wang persekutuan yang disatukan, atau apa-apa perbelanjaan yang memerlukan satu undang-undang bekalan atau satu usul Dewan Rakyat mungkin boleh dibuat dengan kebenaran Menteri Kewangan dengan tidak mengiraikan peruntukan-peruntukan yang berkenaan dalam Perlembagaan Persekutuan".

Dalam perutusan itu Tun Razak menggunakan kalimah "dasar ekonomi baru" buat pertama kalinya sejak MAGERAN ditubuhkan. Bagaimanapun yang disebutkan itu berlainan sedikit dan tidak begitu terperinci seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dibentangkan selepas Parlimen bersidang kembali pada bulan Jun 1971.

Dalam perutusannya itu Tun Razak menerangkan bahawa selepas 13 Mei kerajaan telah menjalankan suatu kajian

tentang bagaimana hendak menangani masalah-masalah negara pada masa depan, supaya tidak berlaku lagi tragedi seperti 13 Mei. Hasil daripada kajian ini kerajaan telah "mengadakan satu Dasar Ekonomi Baru yang akan memberi cara-cara yang lebih dinamis untuk menyelesaikan masalah-masalah kita" serta meningkatkan potensi dan prospek untuk membina sebuah masyarakat Malaysia yang lebih bersatu padu dan dinamis berasaskan "keselamatan, kemajuan dan kemakmuran untuk semua".

Belanjawan 1970 itu, katanya, telah dibentuk untuk mencerminkan dasar baru itu dengan tujuan bukan sahaja untuk mengadakan peluang pekerjaan yang lebih banyak dan pembahagian pendapatan yang lebih adil tanpa mengorbankan pertumbuhan ekonomi, tetapi juga untuk menjamin keadaan yang lebih teguh supaya sumber-sumber kekayaan negara dapat dieksploitasi sepenuhnya untuk faedah dan kebajikan seluruh rakyat.

Yang paling mustahak, katanya, ialah memperkukuh segala kejayaan ekonomi yang telah tercapai, yang membolehkan rakyat Malaysia menikmati salah satu taraf hidup yang paling tinggi dalam Dunia Ketiga. DEB itu juga bermaksud meletakkan ekonomi dan keselamatan negara di atas landasan yang lebih kukuh supaya kekayaan negara tumbuh berterusan dan kekayaan ini dibahagi-bahagikan secara adil. Kerajaan akan mengadakan segala kemudahan, tetapi "hanya kebijaksanaan rakyat Malaysia yang akan menentukan nasib masa depan negara, melalui (semangat) usaha bersatu padu dan berdisiplin".

Antara langkah-langkah untuk mencapai matlamat DEB itu ialah:

1. Mempelbagaikan asas perindustrian dengan menggalakkan perusahaan yang boleh menggantikan import dan mempergiat secara lebih agresif eksport perkilangan yang sudah pun giat dalam tahun 1969;
2. Memberi insentif yang lebih menarik kepada industri untuk mempercepat pertumbuhan perindustrian;
3. Meneruskan penggalakan pertumbuhan sektor industri kecil dan sederhana;

4. Menggalakkan industri-industri bertapak di kawasan-kawasan yang kurang maju;
5. Meningkatkan taraf sosioekonomi luar bandar, terutama golongan yang terlibat dengan sektor perikanan dan pertanian, termasuk pekebun kecil;
6. Menggalakkan agensi-agensi kerajaan, seperti FAMA, FELDA dan Bank Pertanian, menggunakan sistem "perburuhan intensif" dalam operasi perindustrian mereka;
7. Melipatgandakan kegiatan program membina tenaga belia yang mahir di bidang sains dan teknologi, melalui pusat latihan Angkatan Pembina Negara di Dusun Tua di Kuala Lumpur;
8. Mengutamakan warganegara Malaysia dalam bidang pekerjaan sambil membatasi peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat asing;
9. Mengorientasikan dasar pendidikan nasional ke arah penguasaan sains dan teknologi;
10. Menyesuaikan sistem pendidikan peringkat universiti dengan matlamat negara untuk membina barisan tenaga manusia yang cukup mahir dalam bidang sains, industri dan pertanian.

Semuanya ini bertujuan memperluas peluang pekerjaan bagi rakyat yang bilangannya makin bertambah, tahap pelajaran yang makin meningkat, dan memperteguh kedudukan ekonomi negara.

Bagaimanapun kerajaan tidak berniat hendak bergantung semata-mata pada sektor swasta dan permintaan luar negeri dalam soal mendorong pertumbuhan ekonomi dan mengatasi masalah-masalah sosioekonomi negara. Kalau keadaan ekonomi dan kehendak sosial mewajarkan, kata Tun Razak, "Kerajaan akan campur tangan secara bergiat sama dalam sektor swasta agar nikmat kemajuan ekonomi dapat dibahagikan secara adil dan menyeluruh kepada rakyat".

Strategi Belanjawan MAGERAN 1970 ini tidak sempat bergerak dengan lancar kerana setahun kemudian, demokrasi berparlimen pulih kembali dan Dasar Ekonomi Baru mengambil bentuk yang lebih radikal dan komprehensif. Pada 25 Jun 1971 terlancarlah Dasar Ekonomi Baru, dengan pende-

katan yang baru terhadap pembangunan negara. Ia merupakan suatu revolusi sosioekonomi yang merombak segala struktur sosioekonomi sebelum 13 Mei dan menegakkan suatu order baru bagi kehidupan rakyat Malaysia yang rukun dan bersatu padu.

Pada hari itu, Tun Razak selaku Perdana Menteri Malaysia yang baru, telah membentangkan di Parlimen Rancangan Malaysia Kedua bagi tempoh 1971-1975 dan memperkatakan serta memperincikan falsafah dan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Dasar Ekonomi Baru telah dirangka sebagai rukun sosioekonomi dalam mengisi falsafah politik Rukun Negara, iaitu membina perpaduan masyarakat majmuk dalam proses membentuk keperibadian nasional. Rancangan Malaysia Kedua merupakan langkah pertama dalam usaha mengisi cita-cita DEB yang akan berlangsung selama 20 tahun untuk membina suatu sistem nilai hidup bersama rakyat Malaysia yang diharapkan akan dapat mengatasi segala perselisihan etnik dari segi sosial, ekonomi dan kebudayaan.

DEB terbit daripada keadaan yang tidak seimbang antara ekonomi bumiputera yang berkisar di desa dengan ekonomi bukan bumiputera yang berkisar di kota. Antara ekonomi tradisi yang mundur dan miskin dengan ekonomi moden, maju dan kaya. Seolah-olah kedua-dua sektor ini terpisah antara satu sama lain. Lantaran itu, tujuan DEB ialah menyatukan atau mengintegrasikan kedua-duanya agar perbezaan cara hidup antara kaum dapat diatasi, dan perpaduan nasional menjadi realiti.

Meskipun tidak tersebut dalam dokumen ini, tetapi terbayang bahawa pihak penggubal DEB, terutama Jabatan Perpaduan Negara yang dibantu oleh beberapa badan penasihat yang terdiri daripada pakar-pakar dari dalam dan luar negeri, telah mengambil kira tuntutan-tuntutan Melayu yang disuarakan dalam kongres-kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan dalam tahun 1965 dan 1968. Ini ternyata dalam strategi Rancangan Malaysia Kedua yang mengandungi objektif utama DEB, iaitu membasmi kemiskinan serta menyusun semula masyarakat. Pembasmian kemiskinan ini melibatkan proses dan usaha meningkatkan tahap pendapatan rakyat dan memperluas peluang-peluang pekerjaan bagi se-

luruh rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum. Penyusunan semula masyarakat melibatkan proses mempercepat pembetulan keadaan ekonomi negara yang tidak seimbang, supaya akhirnya identiti sesuatu kaum tidak lagi dapat disamakan dengan fungsi ekonomi masing-masing. Maknanya ekonomi bumiputera tidak lagi akan dapat dibezakan atau dipisahkan daripada ekonomi bukan bumiputera. Proses ini bermakna pemodenan ekonomi desa, pertumbuhan aktiviti ekonomi bandar yang pesat dan seimbang, dan membina sebuah masyarakat kelas pertengahan bumiputera yang giat dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Supaya Melayu dan kaum bumiputera yang lain dapat berkongsi dengan kaum bukan bumiputera di dalam segala aspek kehidupan ekonomi negara.

Kerajaan memandang bahawa kedua-dua aspek DEB ini tidak terpisah antara satu sama lain. Malah saling bergantung dan memperkukuh kedudukan masing-masing dalam banyak hal. Misalnya, langkah-langkah meningkatkan pendapatan bumiputera di desa bukan sahaja untuk membasmi kemiskinan tetapi juga akan membantu maksud memperbetul ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. Begitu juga peningkatan penyertaan bumiputera dalam sektor ekonomi moden akan membantu pembasmian kemiskinan melalui perkembangan peluang-peluang pekerjaan di bandar. Demikianlah DEB dengan cita-cita hendak menggembleng serta menjalin tenaga rakyat berbilang kaum ke dalam suatu usaha raksasa ke arah suatu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Cita-cita ini tidak mungkin tercapai selagi separuh rakyatnya tinggal mundur dan miskin, sementara yang separuh lagi terus maju dan kaya. Bahkan segala rancangan pembangunan lima tahun dalam tempoh perspektif pelaksanaan DEB sepanjang 20 tahun itu berkisar sekitar tema perpaduan negara dan pembinaan bangsa Malaysia.

Bagaimanapun sebarang dasar sosioekonomi yang begitu kompleks dan revolusioner, yang mengandungi beberapa nilai yang subjektif pula, seperti DEB, sudah tentulah menimbulkan kontroversi. Demikianlah pelaksanaan DEB dipandang sebagai suatu diskriminasi oleh golongan bukan bumiputera. Golongan ini juga mendakwa bahawa DEB berat sebelah, mengutamakan kepentingan bumiputera dan mem-

belakangkan kepentingan nonbumiputera. Mereka bimbang segala-galanya nanti akan dibumiputerakan sehingga tidak ada lagi yang tinggal untuk kepentingan bukan bumiputera. Pandangan yang negatif ini cuba dimatikan oleh Tun Razak dengan memberi jaminan bahawa dalam melaksanakan DEB kepentingan bukan bumiputera tidak akan terjejas kerana pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat, pembahagian semula kekayaan negara dan penyamaan taraf hidup antara kaum akan berlaku dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang semakin berkembang. Ghazali Shafie, yang dipandang sebagai ideologis Rukun Negara dan DEB, cuba melerai kebimbangan ini dengan menegaskan:

Kita tidak mahu satu oligarki yang mana hanya yang kaya-raya dari pelbagai kaum sahaja bercantum (bersepadu) semata-mata untuk menjaga harta dan kepentingan mereka. Demikian juga kita tidak inginkan satu masyarakat yang bersepadu hanya di kalangan yang miskin yang terpaksa bersatu semata-mata kerana memperjuangkan hak-hak mereka ... negara ini tidak ingin akan satu middle-class yang (bersemangat) borjuis.

Yang sangat-sangat dikehendaki oleh negara, ialah suatu golongan yang "kreatif, yang sedar (enlightened) dan yang mewah (affluent)" yang terdiri daripada semua kaum yang bergiat dalam semua lapangan hidup. Daripada golongan masyarakat "yang terbesar ini" akan terdirilah suatu infrastruktur ekonomi dan sosial yang akan memikul serta memperkembang sebuah "demokrasi yang liberal".

"Untuk mencipta infrastruktur negara inilah maka perlu kita – buat sementara waktu – berkorban dan menghadkan kebebasan kita sedikit supaya anak cucu kita dari semua kaum dapat menikmati kehidupan bersaudara secara lebih bebas lagi.

Akan tetapi kata-kata simpati dan penawar daripada Tun Razak dan Ghazali ini nampaknya tidak dapat melegakan kebimbangan kaum bukan bumiputera yang lebih cenderung bersikap "tunggu dan lihat". Namun DEB berjalan terus dan lama-kelamaan, diterima juga – walaupun tidak seratus peratus – oleh kaum bukan bumiputera yang semakin sedar bahawa DEB juga memanfaatkan kepentingan mereka.

Falsafah Rukun Negara bukan sahaja mencetuskan DEB yang mewujudkan order baru di bidang sosioekonomi, tetapi juga mewujudkan order baru dalam bidang politik. Order baru berpolitik ini dilembagakan melalui beberapa siri pindaan ke atas perlembagaan yang dilakukan di Parlimen beberapa ketika sebelum kerajaan melancarkan DEB. Antara lain, pindaan mengharamkan pembicaraan umum – termasuk dalam Parlimen sendiri – terhadap isu-isu yang digariskan sebagai sensitif, yang berkait dengan soal kedaulatan raja-raja Melayu; hak keistimewaan orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain; Islam sebagai agama rasmi, kedaulatan bahasa kebangsaan dan hak kewarganegaraan. Semua perkara ini sudah termaktub dalam Perlembagaan Negara, tetapi pindaan ini menjadikannya sebagai isu sensitif. Pindaan ini diperkuat lagi dengan pindaan ke atas Akta Hasutan 1948 supaya sebarang kritikan terhadap isu-isu sensitif itu dijadikan suatu “perkara hasutan”, iaitu perkara yang haram di timbulkan di sisi undang-undang.

Dari satu segi, segala pindaan itu merupakan suatu langkah memperteguh kedudukan dominan Melayu dan memperkuatkan kedudukan politik parti pemerintah dibandingkan dengan pihak pembangkang yang kini kehilangan modal untuk bermaharajalela dengan isu-isu sensitif.

Meskipun isu-isu sensitif ini tidak boleh lagi diungkit-ungkit, namun ia masih boleh dipertikaikan. Maknanya, cara ia dilaksanakan boleh diperdebatkan di Parlimen dan di kalangan masyarakat umum. Misalnya, hak dan keistimewaan Melayu dan bumiputera yang lain tidak boleh diungkit-ungkit lagi kerana ini sudah terpelihara dalam perlembagaan negara. Bagaimanapun cara hak dan keistimewaan ini dilaksanakan boleh dipertikaikan jikalau difikirkan pelaksanaannya menjejaskan kepentingan pihak-pihak tertentu. Jadi, perdebatan politik masih boleh terus berjalan, meskipun dalam keadaan yang tempang.

Dalam keadaan “politik tempang” inilah Tun Razak muncul sebagai seorang *political genius*. Dengan tercapainya kata sepakat di Parlimen mengenai isu-isu sensitif dan dengan berlandaskan falsafah politik Rukun Negara, Tun Razak membawa gaya baru dalam pemerintahan dan formula baru dalam politik kepartian. Baik dalam bidang pemerintahan

mahupun politik, dia mengutamakan soal persamaan hak dan kesempatan di lapangan ekonomi dan soal penyatuan tekad dan tenaga ke arah mewujudkan suatu bangsa Malaysia yang bersatu padu. Dalam soal membina bangsa Malaysia ini Tun Razak mendahului Mahathir tepat 20 tahun. Kalau Mahathir menjadikan "Bangsa Malaysia" salah satu tujuan perjuangan dalam perlembagaan UMNO Baru dan dalam "Wawasan 2020", Tun Razak pula mengutarakan gagasan "Bangsa Malaysia" dalam "Manipol 11 Mei 1971" dengan UMNO sebagai pelopornya. Manipol atau manifesto politik ini terkandung dalam ucapannya di upacara ikrar menyambut ulang tahun UMNO yang ke-25 di Stadium Negara, Kuala Lumpur, pada 10 Mei 1971. Manipol 11 Mei 1971 mengandungi tujuh prinsip:

1. Kepercayaan kepada Tuhan
2. Kesetiaan kepada raja dan negara
3. Keadilan dan disiplin
4. Keperibadian negara
5. Keberkecualian dan berdikari
6. Keutuhan demokrasi ala Malaysia
7. Kesedaran hakikat (*new realism and dynamism*).

Selain prinsip 1 dan 2 yang diambil daripada Rukun Negara, Tun Razak tidak mentafsirkan prinsip-prinsip lain satu per satu. Tetapi semuanya bertolak daripada suatu kesedaran bahawa pergolakan politik tanah air kini telah masuk ke dalam suatu proses perubahan sosial yang baru, yang memerlukan "stail dan pendekatan baru dalam pentadbiran dan pimpinan siasah" untuk menghadapi "realisme baru dalam susunan hidup masyarakat supaya tindak tanduk hidup kita sesuai dengan tuntutan zaman".

Razak memberi amanat bahawa "Manipol 11 Mei 1971" ini hendaklah dijunjung tinggi dan "dijadikan asas perjuangan politik UMNO bagi membentuk satu bangsa Malaysia yang benar-benar kuat dan bersatu padu". Manipol ini, katanya, adalah tambahan yang bertujuan untuk menguatkan lagi semangat dan isi perlembagaan Negara, Rukun Negara dan perlembagaan UMNO sendiri. Dengan mengemukakan "Manipol 11 Mei 1971" ini, Razak secara tidak

langsung, membayangkan bahawa ketuanan politik Melayu, yang diwakili oleh UMNO, perlu dikekalkan apabila "Bangsa Malaysia" menjadi realiti.

Tun Razak percaya bahawa pelaksanaan DEB tidak akan berjaya tanpa kestabilan politik. Dia juga percaya bahawa cara berpolitik ala Perikatan sudah ketinggalan zaman. Order baru berpolitik ala Rukun Negara memerlukan pendekatan baru dalam menangani konflik perkauman yang masih membara meskipun mulutnya sudah kena tutup. Dalam pada itu, "kesefahaman dan kesepakatan politik" yang terjalin antara parti-parti komponen Perikatan tempoh hari perlu dikekalkan. Kuasa politik Melayu terus dominan tetapi tidak akan mengorbankan kepentingan bukan Melayu.

Lalu pada tahun 1974 Tun Razak pun melancarkan strategi politik "rukun baru" dengan menubuhkan Barisan Nasional (BN) menggantikan Parti Perikatan. Sungguhpun BN merupakan kesinambungan politik campuran Parti Perikatan yang telah berjaya memegang teraju pemerintahan daripada satu pilihan raya kepada satu pilihan raya sejak Merdeka, tetapi BN ada kelainannya. Perikatan adalah gabungan daripada tiga buah parti perkauman yang mewakili ketiga-tiga kaum yang besar di tanah air. Kewujudannya memberi ruang yang cukup untuk parti-parti pembangkang berleluasa. BN terdiri daripada beberapa parti. Selain campuran UMNO-MCA-MIC, BN juga mengandungi parti-parti yang dulunya pembangkang, seperti PAS, yang memerintah Kelantan; Gerakan, yang memerintah Pulau Pinang dan PPP (People's Progressive Party). Parti-parti campuran yang memerintah Sabah dan Sarawak juga turut campur sebagai anggota komponen BN. Yang enggan turut serta dalam parti campuran baru ini ialah DAP dan Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM). DAP enggan kerana ia mahu meneruskan tuntutan "Malaysian Malaysia" manakala PSRM enggan kerana ia mahu meneruskan tuntutan "Sosialis Malaysia". Bagaimanapun kedua-duanya tidak besar pengaruhnya walaupun mendakwa mewakili rakyat berbilang kaum dan memperjuangkan sosialisme. DAP lebih banyak memperjuangkan politik chauvinis Cina dan keanggotaan PSRM kebanyakannya bumiputera.

Dalam keadaan begini, Tun Razak berasa puas dan selamat. Dengan tertubuhnya BN, dia telah dapat melemahkan tenaga

politik perkauman sambil menguatkan lagi kedudukan parti pemerintah untuk menjalankan strategi pembangunan negara dalam keadaan politik yang lebih stabil. Dengan BN sebagai parti yang memerintah, peluang-peluang berkongsi kuasa dalam pemerintahan negara dapat diperluas mewakili kepentingan semua kaum. Selain bekas parti-parti pembangkang dapat berkongsi kuasa dalam pemerintahan pusat, Parti Perikatan juga dapat berkongsi kuasa di Kelantan dan Pulau Pinang, sambil menjaga kepentingan di Sabah dan Sarawak melalui parti komponennya di sana.

Formula politik campuran ini telah terbukti keberkesannya dalam siri pilihan raya sejak tahun 1974 hingga hari ini. Bagaimanapun dalam proses penyusunan semula kabinet, kepentingan politik MCA telah terkorban. Pengalaman daripada pilihan raya 1969 yang membawa kepada tragedi 13 Mei menghantui pemikiran Melayu dan UMNO, yang terus menjadi tulang belakang BN. Perwakilan MCA dalam Kabinet telah dikurangkan statusnya. Parti itu tidak lagi berkuasa dalam portfolio-portfolio utama seperti Kewangan dan Perdagangan dan Perindustrian.

Strategi politik BN ciptaan Tun Razak ini ada kaitannya dengan prinsip ke-6 dalam Manipol 11 Mei 1971, iaitu "Keutuhan demokrasi ala Malaysia". Tragedi 13 Mei membuktikan sistem demokrasi Barat tidak relevan bagi sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia. Pengalaman 13 Mei memerlukan Malaysia membentuk suatu corak demokrasinya yang tersendiri, iaitu demokrasi yang bergotong-royong, bukan berpecah-belah. Inilah yang dimaksudkan oleh Tun Razak dengan demokrasi ala Malaysia, yang dianggap dapat menjaga keutuhan masyarakat yang berbilang bangsa, yang masih lagi terumbang-ambing antara Nasionalisme Melayu dan Nasionalisme Malaysia. Masyarakat yang masih belum lagi menjadi masyarakat satu bangsa, satu bahasa dan satu budaya untuk dikenali sebagai "Bangsa Malaysia".

Ketika BN dilancarkan, ekonomi seluruh dunia berada dalam keadaan meleset. Inflasi menjadi stagflasi di mana-mana, termasuk Malaysia. Ini mengancam usaha melaksanakan dan menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Rancangan Malaysia Kedua hampir tamat dan Rancangan Malaysia Ketiga sedang disusun. Kedua-dua faktor ini – kemelesetan ekonomi

dan masalah pelaksanaan DEB – hanya dapat diatasi dalam keadaan politik yang stabil. Masalah ini telah dijawab oleh BN yang membawa konsep demokrasi ala Malaysia, konsep yang menempatkan politik di bawah telunjuk strategi pembangunan negara. Politik mestilah menyokong segala kehendak pembangunan negara melalui DEB.

Usaha mencari formula baru untuk menegakkan sebuah pemerintahan yang stabil bagi menjamin kejayaan pembangunan ekonomi negara tidak berlaku di Malaysia sahaja. Seluruh Asia Tenggara, terutama negara-negara ASEAN, turut menyusun semula masyarakat mereka dalam bentuk yang sesuai dengan konsep kenegaraan masing-masing. Di Indonesia, usaha mencari kata sepakat berpolitik ini dinamakan musyawarah. Indonesia juga mempunyai Rencana Pembangunan Lima Tahun (REPELITA). Negara ini juga sedang mencari formula untuk mengamalkan demokrasi berparlimen di bawah suatu sistem kepimpinan negara yang kuat lagi paternalistik. Sistem kepartian disusun semula. Parti-parti yang dahulunya berasingan digabungkan ke dalam sebuah parti yang besar. Parti-parti aliran Muslim digabungkan menjadi Partai Persatuan Pembangunan. Yang beraliran agama-agama lain menjadi Partai Demokrasi Pembangunan Indonesia. Parti yang terkuat ialah Golkar (Golongan Karya) terdiri daripada golongan profesional dan teknokrat, yang disokong oleh tentera yang menjadi kuasa di belakang Presiden Suharto.

Di Filipina, Presiden Marcos memerintah dengan kuasa undang-undang tentera sebagai jawapan kepada masalah membangunkan negara dalam keadaan kestabilan politik. Seperti Malaysia, Indonesia dan Singapura, Filipina juga menggunakan tenaga profesional dan teknokrat dalam strategi pembangunan negara.

Di Thailand, demokrasi kembali memerintah setelah bertahun-tahun di bawah kediktatoran tentera. Perlembagaan baru telah diluluskan, membolehkan rakyat bersuara di Parlimen melalui pilihan raya. Pembangunan negara diletakkan di bawah kelolaan kerajaan awam, meskipun pihak tentera sentiasa waspada dan siap siaga kembali merampas kuasa sekiranya percubaan berdemokrasi gagal menyelesaikan masalah. Dengan tertubuhnya kerajaan awam, golongan

intelektual, profesional dan teknokrat yang dahulunya dalam buangan sukarela, kembali ke tanah air untuk berkhidmat, membantu menjayakan pembangunan negara.

* * *

Meskipun Pentadbiran Tun Razak dihantui oleh pelbagai krisis dalaman di kalangan UMNO, MCA dan MIC yang bersifat sementara, Malaysia terus mencapai kemajuan dalam bidang ekonomi dan diplomatik. Pelaburan asing meningkat tahun demi tahun, tertarik oleh gerakan pemodenan yang terperinci dalam rancangan-rancangan pembangunan. Peningkatan pembinaan infrastruktur telah membantu mempercepat proses perindustrian di seluruh negara. Peluang-peluang pekerjaan bertambah. Rakyat mula menikmati taraf hidup yang makin meningkat, selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat, terutama setelah ekonomi negara pulih daripada kemelesetan.

Di bidang diplomatik, Tun Razak telah menunjukkan kenegarawannya dengan menjadikan Malaysia sebagai negara ASEAN yang pertama menubuhkan perhubungan diplomatik dengan China Komunis pada tahun 1974, meskipun Malaysia belum lepas daripada ancaman komunis yang berkiblat ke Peking. Ini sejajar dengan dasar luar Pentadbiran Tun Razak yang bebas dan berkecuali, berbanding dengan dasar luar Tunku yang pro-Barat.

Bagaimanapun keputusan mengikat perhubungan diplomatik dengan Peking ini tidak diambil secara mendadak. Langkah ini telah digerakkan dari bulan Mei 1971 apabila Tun Razak mengutuskan Tengku Razaleigh Hamzah ke Peking untuk menentukan sikap Peking yang sebenar terhadap rakyat keturunan Cina di luar negeri dan terhadap Parti Komunis Malaya yang masih mengganggu ketenteraman Malaysia. Tengku Razaleigh ketika itu belum menjadi menteri lagi tetapi bertugas sebagai Pengerusi Bank Bumi-putera dan Pemas. Jadi, pada lahirnya dia ke Peking sebagai ketua misi perdagangan. Tugas rahsianya ialah meluangkan waktu menemui Perdana Menteri Chou En-Lai. Perdana Menteri China itu menegaskan bahawa pemerintahan China tidak ada niat hendak campur tangan dalam urusan rumah

tangga Malaysia, baik bagi pihak pemberontak komunis, kaum migran ataupun sebarang golongan. Bertolak daripada kepastian ini, dilancarkanlah rundingan dua hala yang memakan masa lebih satu tahun, sambil negara-negara jiran, terutama ASEAN, mengingatkan Malaysia supaya berhati-hati, kerana mereka juga sama menghadapi ancaman pemberontakan komunis.

Kesangsian negara-negara sahabat ini telah dapat diredakan apabila Malaysia dan China mengumumkan bahawa "kedua-dua pemerintah memandang segala pencerobohan, campur tangan, pengawalan dan tindakan subversif dari luar adalah perkara yang tidak boleh diizinkan". Pengumuman ini terkandung dalam komunike bersama yang ditandatangani oleh Tun Razak dan Chou En-Lai di Peking pada 31 Mei 1974, iaitu empat hari setelah Tun Razak tiba di Peking dengan rombongannya seramai 44 orang yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin parti politik, pegawai-pegawai kerajaan dan wartawan-wartawan daripada media elektronik dan cetak.

Komunike itu menegaskan bahawa kedua-dua negara menolak prinsip dwikerakyatan atau *dual nationality*. Pemerintah China memandang barang siapa daripada keturunan Cina yang sudah memilih kerakyatan Malaysia tidak lagi diiktiraf sebagai rakyat China. Dasar ini telah banyak mempengaruhi perubahan sikap di kalangan masyarakat Cina di Malaysia daripada perasaan ragu-ragu kepada rasa yakin menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi sebagai rakyat Malaysia.

Perhubungan diplomatik yang bersejarah ini bukan sahaja membolehkan Malaysia menangani masalah komunisnya secara lebih berkesan, tetapi juga membuka era baru dalam politik Asia kerana China tidak lagi "terpencil seperti orang berdendam". Sokongan Malaysia yang kuat dan berjaya memasukkan China kembali menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah juga membantu menukar corak politik dunia.

Tun Razak berada di China selama seminggu: enam hari di Peking, sehari di Shanghai. Selain bertemu ramah dengan Pengerusi Mao Tse-Tung selama 90 minit, dan mengadakan rundingan dengan Chou En-Lai, Tun Razak sempat melawat

beberapa tempat yang bersejarah, termasuklah tembok besar, kota larangan dan makam diraja Dinasti Ming. Beliau juga dapat bermesra dengan para profesor dan penuntut universiti, melawat kompleks perkampungan rakyat yang mengusahakan program pembangunan desa yang menyatupadukan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti pertanian, perhutanan, penternakan, perikanan, perdagangan, dan perindustrian yang bersangkutan. Aktiviti-aktiviti ini dikaitkan pula dengan aktiviti-aktiviti pendidikan, kebudayaan dan tentera sejajar dengan sistem hidup ala sosialis.

Saya dan beberapa orang wartawan Malaysia tidak bersama-sama rombongan Tun Razak kembali ke tanah air. Kami dapat izin Kementerian Luar China mengadakan lawatan selama dua minggu ke beberapa daerah, termasuklah bandar Kuangchou di Timur dan Guangjou (Canton) di Selatan. Permintaan saya hendak melawat Sinkiang tidak diluluskan kerana terlalu jauh. Sinkiang yang juga dikenali sebagai Turkistan China adalah wilayah China yang terjauh sekali di sebelah barat lautnya dan bersempadan dengan Kashmir dan Tibet di selatannya. Dengan penolakan itu hampalah hajat saya hendak menemui sambil meninjau keadaan masyarakat Muslim kaum Uighur yang berpemerintahan sendiri di bawah sistem komunis China. Dalam satu resepsi di Hong Kong yang khusus diadakan untuk kami oleh wakil pemerintah China, kawan-kawan menceritakan hal saya cuba hendak ke Singkiang. Wartawan-wartawan asing yang hadir mentertawakan saya. Kata mereka saya sudah tentu mencipta sejarah kalau berjaya, kerana belum pernah sebarang wartawan asing, baik dari Timur mahupun Barat, dibenarkan ke Sinkiang.

Sebenarnya negeri China ketika itu tidak begitu terbuka seperti hari ini di bawah pentadbiran Teng Hsiao-Ping. Tempat-tempat yang kami lawati di timur dan selatan China adalah antara segelintir kawasan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa untuk dikunjungi oleh "rombongan rasmi" dari luar negeri ketika itu.

Misi Tun Razak ke Peking itu menghasilkan bonus kepada perjuangan politik BN. Tun Razak disambut sebagai wira ketika pulang ke tanah air. Dalam pilihan raya yang diadakan beberapa bulan kemudiannya Parti BN mencapai keme-

nangan besar, memberinya mandat untuk meneruskan DEB. Misi ini juga menghasilkan bonus kepada perjuangan ASEAN. Sokongan China terhadap dasar berkecuali Malaysia telah menggalakkan ASEAN untuk menterjemahkan konsep ZOPFAN anjuran Malaysia itu kepada realiti. Menjelang tahun 1977 konsep ZOPFAN untuk menjadikan seluruh Asia Tenggara sebuah zon yang aman, bebas dan berkecuali itu diterima oleh dunia antarabangsa sebagai suatu gerakan yang berdaya maju dalam usaha mewujudkan keadaan yang aman dan makmur di rantau ini.

Malangnya Tun Razak tidak sempat menikmati kejayaan idea yang dicetuskan itu dalam hayatnya. Beliau meninggal dunia di luar negeri dalam keadaan yang amat memilukan pada 14 Januari 1976. Tetapi jasa baktinya kepada bangsa dan negara, terutama dalam bidang ekonomi, politik, dan pendidikan, sudah sedia menjadi legenda kebangsaan Malaysia walaupun pada waktu beliau masih hidup. Dasar pelajaran, dasar ekonomi, dan dasar politik yang diturapkan dengan nama Tun Razak menjadi sistem dan rukun hidup masyarakat Malaysia hari ini.

Kelemahan-kelemahannya memang ada. Rancangan mana-lah yang tidak sunyi daripada kelemahan. Rancangan-rancangan yang sudah direka begitu teliti di atas kertas sering juga tidak menepati matlamat dalam proses pelaksanaannya. Tetapi setidaknya-tidaknya di Malaysia, kelemahan-kelemahan ini sempat diperbetul, diubahsuai dari masa ke semasa melalui teknik semak semula, apabila setiap rancangan lima tahun itu sampai ke peringkat separuh penggal pelaksanaannya. Ia diperhalus, diperkemas dan diberikan pendekatan baru pada setiap tahun apabila Belanjawan Negara dibentangkan di Parlimen untuk dibahas dan dipersetujui oleh wakil-wakil rakyat.

Falsafah Rukun Negara telah terbukti keberkesanannya sebagai lambang demokrasi berparlimen ala Malaysia. Tun Razak telah memberikan Malaysia kestabilan politik yang tidak terganggu sejak 1970 hinggalah ke hari ini. Suatu sistem pengendalian sosial yang mengagumkan seluruh dunia, termasuk negara-negara demokrasi Barat, dan menggalakkan negara Dunia Ketiga mencontohinya.

Pandang ke Timur

KETIKA Hussein Onn menggantikan Almarhum Tun Razak sebagai Perdana Menteri dalam tahun 1976, saya masih bertugas di BERNAMA. Tengku Razaleigh Hamzah, yang telah dilantik menggantikan Hussein Onn sebagai Menteri Kewangan, mengundang saya menjadi Setiausaha Akhbar melalui sahabat karibnya, Lorrain Esme Osman, tokoh korporat yang amat berjaya, yang ketika itu menjadi Pengerusi BERNAMA. Sebelum menjadi Perdana Menteri, Hussein Onn menyandang dua portfolio, iaitu Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dalam Kabinet Razak. Bagaimanapun saya minta tanggung sampai bersara, iaitu dalam masa dua tahun lagi. Sebaik sahaja bersara dari BERNAMA tahun 1978, tanpa mengambil cuti, saya terus bertugas di Kementerian Kewangan. Kemudian ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian apabila Tengku Razaleigh ditukarkan portfolionya, hinggalah beliau meletakkan jawatan dalam tahun 1987 kerana perselisihan politik dengan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebagaimana halnya dengan Tun Razak pada zaman MAGERAN dahulu, begitulah halnya dengan Tengku Razaleigh. Jawatan setiausaha akhbar itu wujud pada namanya sahaja. Tugas utama saya ialah menyediakan ucapan menteri, tidak mengendalikan perhubungan dengan media. Urusan ini dijalankan oleh pegawai akhbar di bawah kelolaan saya. Ini semuanya kerana kerajaan tidak ada peruntukan bagi jawatan "penulis ucapan". Jadi, jawatan yang dikira paling sesuai untuk saya dari segi gaji dan pangkat ialah sebagai "setiausaha

akhbar" dengan sekali gus diberikan gaji maksimum bagi jawatan ini.

Bekerja pada zaman MAGERAN dan bekerja dengan Tengku Razaleigh tidak ada bezanya dari segi waktu. Kerana saya terpaksa bekerja lapan hari seminggu, siang malam tidak ada masa yang tetap. Biasanya saya mengumpulkan bahan pada waktu pejabat dengan bantuan input daripada para pegawai yang berkaitan. Penulisan saya dibuat di rumah pada waktu malam. Ini berlaku saban hari, termasuk hujung minggu dan hari kelepasan am, kerana menteri memberi ucapan purata tiga kali seminggu dalam pelbagai kapasiti dan pelbagai subjek. Bahkan pada waktu beliau berurusan ataupun bercuti di luar negeri pun, jadual ucapannya perlu disiapkan untuk digunakan apabila beliau pulang kelak. Sepanjang perkhidmatan saya dengan Tengku Razaleigh hampir sepuluh tahun, saya tidak pernah sempat mengambil cuti tahunan. Dalam setahun saya hanya dapat berehat sebulan dalam erti kata tidak perlu menyediakan ucapan, walaupun terpaksa hadir di pejabat. Waktu rehat ini ialah bulan puasa kerana amalan Tengku Razaleigh tiada jadual ucapan baginya dalam bulan suci ini.

Sebagai Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh memperkenalkan beberapa reformasi, terutama di jabatan Perbendaharaan, untuk membolehkan Jabatan itu memainkan peranan yang lebih dinamis dan efektif dalam pembangunan ekonomi dan dalam melaksanakan DEB. Dengan pendekatan baru bagi pengurusan kewangan dan cara-cara baru menggalakkan pertumbuhan ekonomi, Kementerian telah dapat membantu mempergiat pelaksanaan DEB, memperluas bidang penyertaan Bumiputera, dan menggalakkan serta melindungi kepentingan lapisan masyarakat berpendapatan rendah di kampung dan bandar.

Tengku Razaleigh jugalah Menteri Kewangan yang pertama melaksanakan sistem dialog pra-Belanjawan sebagai suatu kaedah menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam membuat keputusan berkaitan dengan ekonomi negara. Biasanya dialog ini diadakan kira-kira tiga bulan sebelum hari Belanjawan dan berlangsung selama dua minggu yang melibatkan pelbagai golongan, termasuklah pekilang, pedagang, ahli bank dan ahli kewangan, pekebun kecil, penjaja,

kesatuan sekerja, pengguna, universiti, pertubuhan wanita dan kebajikan dan sebagainya. Mereka memberi pandangan dan mengemukakan cadangan bagi pihak kepentingan masing-masing. Dengan cara ini dapatlah kerajaan meninjau pendapat rakyat tentang kedudukan ekonomi negara dan masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan-golongan tertentu. Ini membolehkan Kementerian menyusun strategi belanjawan yang sesuai bagi tahun akan datang. Tidak semua tuntutan diterima dan ada juga cadangan yang disesuaikan untuk dimasukkan dalam perkiraan belanjawan. Bagaimanapun hasilnya memuaskan kebanyakan pihak apabila belanjawan dibentangkan di Parlimen.

Gaya pentadbiran yang sama digunakan juga di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dalam tempoh beberapa minggu sahaja beliau mengambil alih jawatan daripada Tengku Ahmad Rithauddeen dalam tahun 1984, seluruh Kementerian termasuk empat buah agensi di bawah portfolionya, iaitu MIDA (Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia), Pusat Produktiviti Nasional (NPC), Perbadanan Pembangunan Pelancongan (TDC), dan Lembaga Industri Filem Nasional (FINAS), sudah mulai sedar tentang semangat dan pendekatan baru menyelesaikan masalah, dan tentang cara inovatif bagi melaksanakan dasar. Pelbagai taklimat diadakan dengan pelbagai jabatan dan agensi di bawah portfolionya. Ini bukan sahaja untuk memahami fungsi dan tanggungjawab masing-masing, tetapi juga untuk membincangkan orientasi baru dalam dasar kerajaan untuk menyelesaikan fungsi kementerian supaya dapat memainkan peranan baru yang lebih aktif membantu mempercepatkan proses perindustrian, memperhebat gerakan eksport, serta membantu mengurangkan imbalan pembayaran luar yang ketika itu semakin teruk.

Untuk membolehkan para pegawainya mengikuti arah pemikiran semasa kerajaan serta mengambil tindakan pentadbiran bersabit dengan keputusan Kabinet atau perubahan dasar Kabinet dari semasa ke semasa, Tengku Razaleigh telah memperkenalkan cara bermesyuarat waktu makan tengah hari. Ini diadakannya setiap Khamis, setelah Kabinet bersidang setiap Rabu.

Dalam mesyuarat mingguan ini, yang dihadiri oleh semua

ketua jabatan dan agensi atau timbalan masing-masing, selain ketua setiausaha Kementerian, dibincangkan isu-isu dan masalah-masalah yang berkait dengan perdagangan dan perindustrian – domestik dan antarabangsa. Keputusan daripada mesyuarat ini akan diambil untuk tindakan pentadbiran segera atau untuk disyorkan kepada kabinet, yang akan membuat keputusan muktamad, atau untuk bahan pemikiran selanjutnya.

Mesyuarat makan tengah hari ini adalah cara Tengku Razaleigh melaksanakan gaya baru di bawah Pentadbiran Mahathir yang mementingkan kualiti dalam serba aspek kehidupan masyarakat. Sebelum ini, keputusan-keputusan kabinet dimaklumkan kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan melalui dokumen dalam bentuk ikhtisar. Di bawah pentadbiran Mahathir, setiap menteri dikehendaki memberi taklimat kepada para pegawainya selepas persidangan Kabinet, selaras dengan konsep mengedarkan maklumat secara pantas, dengan semangat dan keinsafan yang memerlukan tindakan segera.

Tengku Razaleigh juga mengadakan mesyuarat serupa ini pada setiap hari Isnin. Kali ini untuk mengemas kini segala perkara yang bakal dikemukakan dalam persidangan Kabinet, termasuklah maklumat tentang tindakan pentadbiran yang telah, sedang atau akan diambil oleh Kementerianannya.

Dalam kedua-dua mesyuarat mingguan ini perbincangan diteruskan sambil makan dan minum. Saya turut hadir sebagai suatu keperluan supaya faham tentang dasar dan latar belakang keputusan kerajaan untuk saya lebih maklum dan efektif menjalankan tugas sebagai penulis ucapan menteri agar tidak terkeluar daripada lingkungan dasar kerajaan.

Tengku Razaleigh peramah orangnya. Walaupun dia seorang berketurunan raja, dia tidak pernah menonjolkan yang dia itu anak raja. Hatinya hati rakyat dan suka berjenaka. Watak ini cepat ditangkap dan dihargai oleh para pegawai dan orang awam yang bergaul atau berurusan dengannya. Dalam mesyuarat mingguan dengan para pegawai, dia memengerusikan perbincangan secara informal, dan mengambil kesempatan berjenaka walaupun perkara yang dibincangkan itu serius yang boleh menentukan nasib ekonomi negara dari segi domestik ataupun antarabangsa. Dia menggalak-

kan para pegawai memberikan pandangan dan pendapat sebebaskan-bebasnya dan berterus terang, hatta kepada mem-persoalkan dasar kerajaan. Dengan cara ini para pegawai berasa selesa dan lebih berminat mengeluarkan fikiran masing-masing, yang disampuk dengan pelbagai kontra pula di sekeliling meja bundar itu. Hasilnya tercapai kata sepakat, yang membolehkan Tengku Razaleigh mengambil keputusan dan membawanya ke Kabinet dengan hati yang lebih yakin.

Di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga Tengku Razaleigh menggunakan sistem berdialog dengan pihak swasta, terutama golongan usahawan bumiputera dan golongan pengeksport mengenai masalah semasa. Ini seruanya membayangkan gaya pengurusan yang *action-oriented* yang dibawa oleh Razaleigh ke dalam sebarang tugas dan tanggungjawab baru yang dibebankan ke atas bahunya sepanjang tempoh perkhidmatannya yang bersangkutan dengan kepentingan negara, baik dari dalam mahupun dari luar kerajaan.

* * *

Pada akhir dekad 70-an dan sepanjang dekad 80-an Malaysia mengalami pelbagai peristiwa yang membawa akibat buruk dan baik. Ia merupakan suatu zaman yang menyaksikan transformasi sosial yang besar bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu tetapi juga di kalangan masyarakat Malaysia seluruhnya. Suatu zaman terbentuknya sebuah masyarakat kelas pertengahan Melayu yang lebih jelas dan tersendiri, dan masyarakat Malaysia menghadapi hakikat yang menyedarkan mereka kepada keperibadian nasional Malaysia yang baru, iaitu kemunculan gagasan "Bangsa Malaysia".

Zaman itu juga menyaksikan konflik dalaman dalam pelbagai parti politik, terutama UMNO, MCA dan MIC yang membawa kepada perpecahan dalam parti-parti tersebut tetapi tidak sampai menjejaskan kestabilan politik negara. Di Malaysia Timur, politik Sarawak agak stabil, tetapi di Sabah nasionalisme Kadazan memeningkan kepala kepimpinan negara, terutama UMNO yang mengetuai parti Barisan Nasional.

UMNO, terutama sekali, mengalami konflik dalaman yang paling pahit dalam sejarahnya, akibat perebutan kuasa, dengan Mahathir, Razaleigh dan Musa Hitam sebagai aktor-aktor utamanya. Mulai Disember 1980 manakala Perdana Menteri Hussein Onn menyatakan hasrat hendak bersara atas sebab-sebab kesihatan, dan kemudiannya mencalonkan timbalannya, Dr. Mahathir, sebagai presiden parti dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 25 Jun 1981, tercetuslah perebutan kuasa antara Razaleigh dan Musa bagi jawatan timbalan presiden.

Sebenarnya ketiga-tiga mereka ini - Mahathir, Musa dan Razaleigh - adalah sahabat karib dan dipandang sebagai "anak emas" Tun Razak. Tetapi setelah kehilangan Tun Razak masing-masing terpaksa mencari nasib sendiri. Naungan politik adalah ibarat harta pusaka yang tidak berwasiat. Apabila penaungnya sudah tidak ada, maka waris-warisan pun melupakan kesetiakawanan dalam keributan merebut pusaka.

Yang paling beruntung ialah Mahathir, kerana dia diangkat sebagai Timbalan Presiden dan sekali gus Timbalan Perdana Menteri apabila Hussein Onn menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Almarhum Tun Razak. Razaleigh telah ditewaskan oleh Musa dalam Perhimpunan Agung UMNO 1981 dan 1984. Musa dikatakan telah disokong oleh Mahathir, secara senyap-senyap pada 1981 dan secara terbuka pada 1984.

Bagaimanapun dalam tahun 1986 Musa dan Mahathir berselisih pendapat tentang cara mentadbir negara, lalu Musa meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Dengan itu tamatlah apa yang dipanggak-panggakkan oleh media massa sebagai "Pentadbiran 2M" (Mahathir-Musa). Veteran politik UMNO Ghafar Baba, telah diangkat sebagai Timbalan Perdana Menteri, yang secara tiba-tiba muncul sebagai bintang baru menyinari alam politik Malaysia dan kemudian secara tiba-tiba juga malap dan terus hilang pada tahun 1993.

Sementara itu, pada tahun 1987 Tengku Razaleigh sekali lagi mengadu nasib. Kali ini mencabar jawatan presiden UMNO. Musa yang telah kecewa dengan pentadbiran Mahathir, balik berkawan semula dengan Tengku Razaleigh, musuh politiknya, menegakkan apa yang dinamakan "Team

B" untuk menentang "Team A" yang diwakili oleh Mahathir dan Ghafar Baba. "Team A" menang. Maka tergadailah nasib politik Tengku Razaleigh dan Musa. Kemenangan "Team A" dalam perhimpunan 24 April 1987 itu amat tipis. Mahathir mengalahkan Tengku Razaleigh dengan kelebihan 43 undi, dan Ghafar mengalahkan Musa dengan kelebihan 40 undi. Ini memberi kesimpulan kepada team Razaleigh-Musa bahawa mereka tetap mendapat sokongan sekurang-kurangnya daripada 49 peratus perwakilan. Kesimpulan ini, terutama ketipisan kemenangan Mahathir-Ghafar, menimbulkan rasa tidak puas di kalangan yang kalah, yang lantas mencabar kesahihan pengundian yang dikatakan melibatkan beberapa cawangan yang tidak sah pendaftarannya. Mereka mengambil tindakan undang-undang. Keputusan mahkamah menggemparkan seluruh negara: UMNO disytiharkan sebagai sebuah pertubuhan haram.

Kedua-dua belah pihak terkejut. Apa yang pada mulanya dianggap sebagai permainan politik telah membawa maut kepada parti yang mereka sama-sama kasihi. Dan ini berlaku kepada parti yang mengetuai pemerintahan negara sejak Merdeka. Dari segi undang-undang, "UMNO" yang ditubuhkan pada tahun 1946 itu tidak wujud lagi dan segala asetnya dibekukan.

Ini suatu tragedi politik yang tidak seharusnya berlaku kepada bangsa Melayu, tetapi kepanasan hati boleh membutakan fikiran dan membunuh apa yang disayangi. Buat seketika Barisan Nasional hilang kepalanya, walaupun pemerintahannya berjalan terus. Mahathir masih menjadi Perdana Menteri dan Kabinetnya tetap utuh seperti biasa. Hanya parti yang akan menggantikan UMNO yang mendiang itu sahaja yang menjadi persoalan. Mujurlah undang-undang membolehkan bekas ahli UMNO menubuhkan sebuah parti baru yang boleh juga menebus aset yang sedang dibekukan, dengan syarat-syarat yang tertentu. Keadaan ini menyebabkan lahirlah "UMNO Baru", tetapi proses menebus aset mengambil masa yang agak lama.

Sementara itu Tengku Razaleigh menubuhkan partinya sendiri yang diberi nama Semangat 46, mengambil sempena daripada falsafah dan semangat perjuangan "UMNO lama". Anggotanya terdiri daripada bekas ahli UMNO yang masih

setia kepadanya dan menentang politik Mahathir. Tengku Razaleigh kemudiannya mengadakan dua pakatan politik dengan parti-parti pembangkang Melayu, iaitu PAS, HAMIM dan BERJASA, dan dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah. Satu lagi dengan parti-parti pembangkang berhaluan kiri, termasuk DAP, PRM (Parti Rakyat Malaysia), IPF (Indian Progressive Front) iaitu parti serpihan MIC, dan Kima (India Muslim), dan diberi nama Gagasan Rakyat. Angkatan Perpaduan Ummah sekarang memerintah Kelantan setelah menewaskan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum 1990.

Musa Hitam mengundurkan diri daripada politik tetapi kembali menyebelahi Mahathir sebagai ahli UMNO Baru. Sebagai penghargaan terhadap bakat politiknya, Musa ditugaskan sebagai "duta khas" dalam pelbagai fungsi yang berkait dengan hal ehwal antarabangsa.

Krisis politik yang menghantui, terutama sekali, UMNO, MCA dan MIC merupakan hanya sebahagian daripada perkembangan-perkembangan yang menjadikan dekad 80-an suatu zaman yang luar biasa, dari segi sosial dan ekonomi. Ini berlaku pada zaman pentadbiran Mahathir yang membawa beberapa siri reformasi yang dinamis dan inovatif, bukan sahaja dalam pelaksanaan DEB yang bakal berakhir pada hujung dekad, tetapi juga dalam usaha membolehkan Malaysia mencapai taraf negara perindustrian menjelang abad ke-21.

Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pandang ke Timur dan kebangkitan Islam menjadi penggerak utama membawa perubahan yang merevolusikan cara hidup rakyat, yang sama sekali berlainan daripada apa yang terdapat pada pertengahan dekad 70-an.

DEB telah mengubah struktur ekonomi negara, daripada ekonomi pertanian kepada ekonomi industri. Daripada industri kecil kepada industri perkilangan yang besar-besar. Daripada industri yang menggantikan import kepada industri yang berorientasikan eksport. Pendek kata, menjelang dekad lapan puluhan, DEB telah berjaya membawa Malaysia ke tahap ekonomi "take-off" yang membolehkan negara melancarkan industri-industri yang lebih canggih dan berteknologi tinggi. Pelancaran ini hanya menunggu suatu pendekatan dasar yang baru untuk merealisasikan. Dan pendekatan ini datangnya dalam bentuk Dasar Pandang ke

Timur yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohammad.

Dasar Pandang ke Timur merupakan strategi baru ke arah mencapai tahap perindustrian yang lebih meluas dan orientasi perdagangan yang lebih kompetitif. DEB telah berjaya memajukan ekonomi negara secara pesat pada tahap pertumbuhan yang agak tinggi sepanjang dekad 70-an. Bagaimanapun proses penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan tidak selancar yang dikehendaki. Salah satu sebabnya ialah kegagalan mengadakan peluang pekerjaan yang cukup bagi bilangan penduduk yang semakin meningkat tahun demi tahun kerana, antara lain, asas perindustriannya terlalu terbatas, dan produktivitinya rendah.

Mahathir berpendapat bahawa kalau Malaysia hendak mencapai kemajuan ekonomi yang lebih tinggi dan kompetitif dalam dunia perniagaan antarabangsa, ia terpaksa mengambil contoh daripada negara-negara lain yang sudah maju dan yang sedang maju ke taraf negara perindustrian. Keadaan ekonomi di negara-negara Barat ketika itu tidak menimbulkan rasa optimistik untuk dicontohi. Jepun telah muncul sebagai kuasa ekonomi yang terkuat di dunia. Lalu ke situlah Malaysia mengarahkan perhatian mencari ilham untuk mengatasi masalah-masalah sosioekonomi yang sedang dihadapi. Justeru itu lahirlah Dasar Pandang ke Timur, yang mahu mencontohi bukan sahaja Jepun, tetapi juga Korea Selatan yang sedang membina reputasi sebagai sebuah negara membangun yang begitu berjaya menembusi arena ekonomi antarabangsa dengan dasar ekonominya yang berorientasikan eksport.

Daripada Dasar Pandang ke Timur ini berlakulah berbagai-bagai inisiatif yang berani dan kontroversial yang menukar wajah ekonomi negara. HICOM (Perbadanan Industri Barat Malaysia) telah ditubuhkan sebagai asas mempelbagaikan dan memperluas bidang industri berteknologi tinggi. Salah satu projeknya ialah kereta nasional Malaysia sendiri, iaitu Proton, yang hari ini sudah menggunakan pelbagai jenama - daripada Saga kepada Iswara hingga kepada Wira. Kereta Proton bukan sahaja muncul sebagai kereta yang paling popular dalam kategorinya dalam negeri, tetapi juga berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Konsep Persyarikatan Malaysia, yang mencontohi Japan Incorporated, telah dilancarkan untuk mempereratkan kerjasama antara kerajaan dengan pihak swasta. Ini untuk memastikan proses perindustrian dan kempen eksport berjalan lancar atas landasan kerjasama yang rapat antara kedua-dua pihak yang dipandang sebagai sebuah "syarikat" yang bersama-sama memperjuangkan kepentingan negara, baik dari segi domestik mahupun dari segi antarabangsa.

Selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia ini Birokrasi negara diperkemaskan, untuk mempertingkatkan kecekapan bekerja di kalangan kakitangan kerajaan supaya mereka lebih efektif berkhidmat kepada bangsa dan negara. Waktu siang dipanjangkan selama 30 minit di Malaysia Barat. Ini bukan sahaja untuk menyelaraskan waktu standard dengan Malaysia Timur yang sudah memang lebih dahulu siang daripada Malaysia Barat, tetapi lebih-lebih lagi kerana hendak membolehkan rakyat Malaysia Barat menganibil kesempatan menggunakan masa yang lebih itu bagi faedah dan urusan sendiri.

Ini bermakna waktu mulai kerja dan waktu habis kerja dipercepat 30 minit, walaupun jadual kerja tidak berubah, iaitu dari 8.00 pagi hingga 4.15 petang. Yang berubah hanyalah masa efektif, iaitu jam 8.00 kini sama dengan jam 7.30 dahulu. Perubahan waktu standard ini juga membawa perubahan cara hidup yang tidak disangka kepada segolongan kakitangan Muslim. Ada yang mengaku bahawa kalau dahulu mereka tidak sempat melakukan solat subuh kerana mengejar waktu kerja, kini mereka bersyukur sempat bersolat dan tidak perlu bergegas sampai ke pejabat pada waktu yang sudah ditetapkan.

Bukan ini sahaja yang berubah di kalangan kakitangan kerajaan. Sistem kad perakam waktu diperkenalkan untuk memastikan setiap kakitangan, termasuk menteri, tidak lambat ke pejabat dan tidak awal meninggalkan pejabat, melainkan ada urusan yang tidak dapat dielakkan. Keberkesanan sistem ini sebagai satu cara mengawal disiplin tidak dapat dipastikan, kerana yang biasa menyeleweng itu menyeleweng juga, tanpa pengetahuan pihak berwajib. Bagaimanapun kewujudannya membuktikan kesungguhan pentadbiran Mahathir hendak menanamkan semangat "Cekap, Bersih dan Ama-

nah" yang pada suatu ketika menjadi slogan pemerintahan Barisan Nasional.

Pelan Induk Perindustrian Malaysia telah digubal dengan bantuan kepakaran daripada sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pelan ini mengandungi rancangan pembangunan sektor perkilangan Malaysia bagi tempoh 1986 - 1995. Ia merangkumi industri yang berpuncakan sumber-sumber alam (*resource-based industries*) dan yang tidak berpuncakan sumber-sumber alam (*non-resource-based industries*).

Industri berpunca sumber termasuklah produk-produk yang berasaskan pertanian dan sumber lain seperti minyak dan lemak daripada kelapa sawit, kayu-kayan, getah, dan petroleum. Industri yang tidak berpunca daripada sumber termasuklah industri kimia, besi dan keluli, mesin perindustrian, industri automobil, dan industri alat-alat elektrik, terutama elektronik.

Pelan ini mempunyai dua objektif. Pertama, mempelbagaikan aktiviti perkilangan domestik yang mengutamakan komponen nilai tambah tempatan untuk menjadikan perindustrian negara lebih kompetitif; dan satu lagi ialah membangunkan industri-industri berat untuk mempertingkatkan kepakaran dan kemampuan domestik dalam bidang teknologi dan kejuruteraan.

Selaras dengan dasar kerajaan mengutamakan sektor swasta sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negara, pelbagai bidang dan jenis industri telah dikenal pasti untuk diusahakan oleh sektor swasta. Dalam rancangan ini peranan kerajaan akan hanya sebagai penggalak pelaburan serta memberi panduan pentadbiran dan mengadakan insentif.

DEB telah mewujudkan pelbagai agensi yang diamanahkan untuk memajukan kepentingan bumiputera. Agensi-agensi ini menubuhkan pula beratus-ratus buah syarikat. Oleh sebab dasar kerajaan menghendaki agensi-agensi tertentu mengutamakan kepentingan sosial daripada kepentingan mencari untung jadi banyak antara syarikat amanah ini gagal mencapai matlamatnya. Tidak hairanlah pelbagai tuduhan dan tohmahan dilemparkan terhadap pihak pengurusan, sama ada benar atau tidak. Kegagalan syarikat-syarikat amanah inilah yang menjadi salah satu sebab menggalakkan

pentadbiran Mahathir melaksanakan Dasar Penswastaan.

Dasar penswastaan adalah cara kerajaan menggalakkan sektor swasta mengambil alih peranan kerajaan sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negara. Sejak terlancarnya DEB, kerajaanlah yang melaksanakan peranan ini terutama dalam usaha menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan, termasuk juga usaha mewujudkan suatu komuniti komersil dan perindustrian di kalangan bumiputera. Pada awal dekad 80-an strategi ini ternyata membebankan kerajaan dan menyulitkan pengurusan kewangannya. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan dari tahun ke tahun, tetapi hutang kerajaan bertimbun kerana terpaksa meminjam, terutama daripada punca kewangan luar negara.

Sementara itu pelbagai peraturan untuk memandu perkembangan perindustrian telah diadakan, yang tidak menyenangkan pihak swasta dan menyebabkan prestasi sektor swasta lembab. Kerajaan bukan sahaja melibatkan diri semakin banyak dalam perniagaan, bersaing dengan pihak swasta, tetapi juga terpaksa menambah bilangan kakitangan awam dalam proses ini. Bahkan dengan 800 000 kakitangan kerajaan sudah menjadi majikan yang paling besar di tanah air. Tambah menyulitkan lagi apabila keadaan kewangan negara mula panas daripada bahang kemelesetan ekonomi dunia. Ini melembabkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh itu dasar penswastaan bermaksud bukan hanya untuk menggalakkan sektor swasta sebagai penggerak baru bagi pertumbuhan ekonomi negara, tetapi juga untuk meringankan beban pentadbiran dan pembangunan ekonomi yang dipikul oleh kerajaan selama ini. Ini akan mengurangkan bilangan kakitangan kerajaan dan membolehkan kerajaan menjimatkan kewangannya supaya dapat lebih menumpukan perhatian kepada pembangunan sosial dan kebajikan, termasuklah mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan usaha-usaha lain yang akan membawa kepada integrasi nasional.

Sektor swasta dipandang sebagai yang paling layak mengembangkan projek-projek perindustrian yang baru, untuk memperhebat kemampuan teknologi dan kemahiran rakyat dalam usaha membina kekayaan negara. Dengan ini ber-

mulalah proses menarik pihak swasta secara positif dengan mengadakan pelbagai insentif baru dan proses *deregulasi*, melonggarkan peraturan-peraturan yang dipandang "terlalu ketat". Ini termasuklah meminda Akta Penyelarasan Perindustrian yang dikatakan menjadi batu penghalang pelaburan, terutama sekali oleh golongan pelabur Cina tempatan yang tidak suka dipaksa memenuhi kuota pekerja bumiputera dalam perusahaan mereka. Penswastaan juga diharap akan dapat membuka peluang-peluang baru bagi para usahawan Malaysia, terutama bumiputera, dalam konteks DEB.

Untuk meningkatkan lagi peranan sektor swasta dalam pembangunan industri maka Dana Pelaburan Baru bernilai RM1000 juta telah dilancarkan oleh kerajaan pada hujung tahun 1985 untuk membiayai pelaburan yang produktif dalam sektor-sektor prioriti di bidang pertanian, perkilangan dan pelancongan, walaupun zaman kemelesetan sudah berada di kemuncaknya di Malaysia. Langkah-langkah penswastaan ini telah membawa hasil yang menggalakkan. Berkat dasar liberalisasi dan deregulasi, pelaburan swasta meningkat dari dalam dan luar negeri yang membawa transformasi radikal ke dalam struktur perindustrian yang semakin meluas kepelbagaiannya, serta mempertingkatkan daya kompetitif negara di lapangan eksport antarabangsa.

Penswastaan juga mencetuskan suatu fenomena baru dalam perkembangan ekonomi negara. Kerajaan memindahkan miliknya kepada swasta. Mula-mula proses ini terhad kepada beberapa buah agensi tertentu, seperti Jabatan Telekom, Lembaga Elektrik, dan beberapa jenis perkhidmatan yang berkaitan dengan urusan pos, pelabuhan, perkapalan, penerbangan, kerja raya, dan perubatan. Kemudian setelah agensi-agensi yang diswastakan ini mencapai kejayaan dan membuktikan daya majunya, proses ini diperluas. Menjelang tahun 1993 tidak kurang daripada 15 buah agensi yang diswastakan itu berjaya disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, iaitu suatu bukti yang jelas tentang kejayaan program penswastaan milik kerajaan. Sambutan para pelabur yang begitu besar terhadap penawaran saham badan-badan korporat kerajaan ini nyata sekali membayangkan sumbangan penswastaan yang amat bermakna dalam usaha memperkembang pasaran modal tempatan.

Sebelum agensi-agensi kerajaan ini diswastakan tidak ada kesedaran di kalangan masyarakat tentang betapa besarnya pengaruh dan kuasa yang ada di tangan organisasi-organisasi kerajaan ini. Masyarakat memandangnya sebagai benda-benda yang asing, bisu, jauh, tidak berwatak dan hanya berfungsi sebagai alat-alat kerajaan berkhidmat memberi kemudahan untuk menyenangkan urusan harian rakyat, seperti tempat-tempat membayar bil telefon, air, elektrik, membeli setem, mengirim surat, membeli tiket penerbangan, pelayaran, kereta api, dan sebagainya. Tugas mereka tidak boleh dipersoalkan kerana mereka adalah monopoli perniagaan kerajaan. Antara mereka dan masyarakat tidak ada pertalian muhibah, hanya pertalian urus niaga.

Setelah agensi-agensi ini diswastakan, terutama apabila ekuiti saham mereka diperniagakan di pasaran saham, imej mereka berubah sama sekali. Mereka tidak lagi merupakan alat bisu yang ditakuti. Mereka bertindak sebagai syarikat swasta yang progresif yang sedia melapangkan masa untuk berkhidmat dan memberi nasihat. Masyarakat tidak lagi merasa tersisih, atau takut-takut mendekati mereka. Malah masyarakat sudah berani mengkritik, secara terbuka kerana agensi-agensi ini bukan lagi dipandang sebagai milik kerajaan, tetapi milik mereka, terutama yang memegang saham-sahamnya.

Ini adalah suatu contoh transformasi sosial yang amat menggalakkan yang sedang berlaku di tanah air kita setelah penswastaan dilaksanakan. Ini juga adalah suatu gerakan pendemokrasian yang berkemungkinan membawa kepada integrasi nasional.

Akan tetapi penswastaan telah juga menimbulkan gejala-gejala yang tidak sihat. Campur tangan politik dalam perniagaan adalah salah satu daripadanya. Penswastaan telah melahirkan suatu golongan elit, suatu golongan aristokrat moden, iaitu "aristokrat bisnes", ataupun "bangsawan niaga" yang mendominasi alam perniagaan kita hari ini. Mereka terdiri daripada golongan peniaga dan ahli politik yang ada hubungan rapat dengan parti-parti pemerintah. Merekalah yang membolot peluang-peluang perniagaan yang diadakan oleh kerajaan dalam proses penswastaan. Mereka jugalah yang membina dan menguasai empayar-empayar korporat

bagi pihak parti-parti tertentu ataupun bagi pihak ahli-ahli politik terkemuka. Akibatnya, maksud kerajaan hendak mendemokrasikan peluang-peluang perniagaan yang mewah agar dapat diagihkan kekayaan negara tidak menunjukkan hasil yang dikehendaki. Yang sudah kaya menjadi semakin kaya, yang hendak kaya makin susah mendapat peluang.

DEB menggalakkan sistem perdagangan bebas, bahawa setiap warganegara berpeluang mencari kekayaan dan mencapai kejayaan hidup masing-masing. Bagaimanapun penswastaan nampaknya menghalang peluang-peluang ini dengan melahirkan korporat raksasa yang memonopoli segala peluang yang besar-besar. Tan Sri Ghazali Shafie pernah berkata pada zaman MAGERAN dahulu bahawa ini adalah suatu kemungkinan yang tidak diingini: "Kita tidak mahu satu oligarki di mana hanya yang kaya-raya daripada pelbagai kaum sahaja bercantum semata-mata untuk menjaga harta dan kepentingan mereka." Kebimbangan ini nampaknya sudah menjadi realiti ini. *Quo vadis* penswastaan?

Satu lagi gejala yang tidak sihat ialah kemungkinan apa yang disifatkan oleh teori klasik komunis sebagai "*the withering away of the State*" atau kelayuan alat pemerintah secara beransur-ansur. Menurut teori ini, setelah kaum kapitalis disingkirkan dan suatu masyarakat yang tidak berkelas diwujudkan jentera pemerintahan – yang hanya berfungsi sebagai alat eksploitasi kapitalis – akan lenyap secara beransur-ansur. Manakala kaum kapitalis sudah tidak wujud lagi untuk menindas golongan-golongan masyarakat yang lain serta menguasai alat-alat pengeluaran, alat-alat pengeluaran ini kini menjadi hak milik masyarakat. Manakala kekayaan negara menjadi hak milik semua, tidak ada lagi perlunya bagi pemerintah menggunakan kuasanya untuk campur tangan mengenakan perukunan dalam pertalian masyarakat. Fungsi pemerintah tidak lagi memerintah manusia, tetapi mengurus khazanah dan alat-alat pengeluaran. Kuasa pemerintah akan layu dengan sendirinya sedikit demi sedikit sehingga akhirnya lenyap sama sekali.

Sejarah membuktikan bahawa teori ini tidak praktikal. Sistem Soviet yang cuba mengamalkannya tidak berjaya melenyapkan kuasa pemerintah. Pemimpin-pemimpinnya, daripada Lenin kepada Stalin terpaksa menegakkan sosialisme

terlebih dahulu sebagai langkah sementara ke arah utopia komunisme. Sesudah Stalin, pemimpin sosialis Soviet silih berganti. Kuasa pemerintah tidak juga lenyap, malah ia merupakan rejim yang sinonim dengan keganasan. Teori klasik diterbalikkan: Negara bukan milik rakyat, tetapi rakyat menjadi hamba dan milik negara. Selama 70 tahun sosialisme Soviet cuba mencapai komunisme, tetapi tidak berhasil. Akhirnya Gorbachev muncul melenyapkan pemerintah tanpa mencapai utopia komunisme.

Di Malaysia hari ini, teori "*withering away of the State*" tidak mengambil jalan sosialisme Soviet, tetapi mengambil jalan penswastan di tengah-tengah sistem kapitalisme. Yang dimaksudkan dengan istilah *state*: ialah kedaulatan negara, terutama sekali yang terletak di tangan eksekutif pemerintahan, yang mentadbir kerajaan.

Fungsi-fungsi eksekutif sekarang sedikit demi sedikit diserahkan kepada agensi-agensi swasta melalui sistem kontrak atas nama penswastan. Badan-badan swasta ini tidak lagi milik kerajaan seratus peratus. Ada juga, barangkali, yang sudah jadi milik swasta seratus peratus. Selain menyerahkan fungsi kerajaan secara *toto* kepada swasta, ada juga beberapa jabatan kerajaan tertentu di bawah jagaan pelbagai kementerian telah dikenal pasti untuk diswastakan berperingkat-peringkat. Semuanya atas nama meringankan beban kerajaan.

Anehnya, setakat ini, agensi-agensi yang sudah membuktikan keuntungan sahaja yang mendapat prioriti untuk diswastakan. Yang tidak menunjukkan prestasi yang baik, tidak diswastakan tetapi terus menjadi beban kerajaan. Dasar ini ada kalanya bukan sahaja tidak mengambil kira kepakaran dan kebolehan pihak yang mengambil alih fungsi kerajaan kerana mereka sudah disediakan dengan projek-projek yang sudah tentu membawa untung. Dasar ini juga tidak dapat memastikan bahawa kepentingan dan kebajikan rakyat – yang menjadi asas utama fungsi kerajaan – akan terpelihara melalui penswastan. Saban hari dalam surat khabar ada sahaja berita yang membayangkan bahawa penswastan tidak semestinya meringankan beban rakyat.

Gerakan penswastan begitu pesat perkembangannya dalam beberapa tahun kebelakangan ini sehingga tidak dapat dipastikan sampai ke mana ia akan berakhir. Perkem-

bangun mutakhir ialah yang melibatkan penswastaan dalam bidang pendidikan, yang membimbangkan segolongan masyarakat yang prihatin terhadap perkembangan bahasa dan kebudayaan kebangsaan. Kalau penswastaan tidak ada batasnya, apakah yang tinggal lagi pada tanggungjawab kerajaan? Penswastaan akan bermakna peralihan kuasa daripada pihak kerajaan kepada pihak swasta. Pihak swasta akan menentukan perkembangan dan perundangan ekonomi dan sosial, bahkan arus politik juga. Fungsi kerajaan akan tinggal sebagai pentadbir segala kehendak swasta yang akan menentukan cara hidup rakyat jelata. Sama ada "*withering away of the State*" akan berlaku atau tidak terpujanglah kepada kebijaksanaan pihak yang berwajib.

* * *

Sejak awal abad ke-20 Islam telah memainkan peranan yang penting dalam memupuk dan membentuk kesedaran sosiopolitik Melayu moden. Ia bermula dengan dakwah reformis dalam dekad 20-an dan 30-an, tetapi ia lebih merupakan gerakan sosial dan tidak sampai ke tahap perjuangan politik kerana sentiasa diawasi oleh pemerintah kolonial.

Selepas Perang Dunia Kedua dan menjelang kemerdekaan 1957, Islam menjadi salah satu dasar perjuangan parti-parti politik nasionalis Melayu, daripada PKMM kepada UMNO dan PAS, sehinggalah Islam dijadikan agama rasmi negara yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Akan tetapi dalam beberapa ketika sesudah merdeka, pengaruh Islam dalam kehidupan rakyat tidak begitu ketara, dan jauh sekali menyeluruh. Perjuangan menegakkan syiar Islam antara UMNO dan PAS lebih merupakan politik pilihan raya daripada politik keagungan Islam. Kempen PAS berkisar di sekitar isu-isu emosional seperti menuntut Malaysia dijadikan sebuah negara Islam tetapi tidak dapat menerangkan secara meyakinkan bagaimana negara Islam ini dapat dijayakan di dalam masyarakat majmuk yang unik seperti Malaysia. Reaksi UMNO, sebagai parti pemerintah, hanya simbolik seperti mengadakan ratusan masjid dan surau di seluruh tanah air dan menganjurkan tilawah al-Quran kebangsaan dan antarabangsa.

Ada dua sebab utama mengapa perjuangan menegakkan syiar Islam begitu lemah ketika itu. Pertama, kedua-dua parti – UMNO dan PAS – kekurangan tenaga intelektual Islam yang berkaliber. Kebanyakan ahli PAS terdiri daripada guru-guru pondok yang berkiblatkan politik Timur Tengah (Asia Barat) yang sedang kucar-kacir. Kebanyakan pemimpin UMNO terasuh dengan pendidikan Barat dan lebih mementingkan soal-soal sekular. Sebab kedua ialah UMNO, terutama dalam zaman Kerajaan Perikatan, terpaksa menumpukan tenaga dan fikiran pada soal-soal pembangunan, keharmonian antara kaum dan mempertahankan keselamatan negara daripada ancaman komunis dan konfrontasi Indonesia.

Pada akhir-akhir dekad 70-an imej Islam mulai berubah dan pada awal dekad 80-an perubahan ini menunjukkan imej yang bukan sahaja lebih agresif tetapi para pejuangnya juga lebih yakin dan insaf ke arah mana dan sejauh mana mereka mahu Malaysia diislamkan. Keadaan ini menyebabkan bermulalah gerakan kebangkitan Islam yang tidak berkesudahan sehinggalah hari ini, yang dipelopori oleh pelbagai golongan dakwah dengan pelbagai gaya dan taktik perjuangan masing-masing. Muncullah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Darul Arqam antara barisan bertindak dalam lapangan sosial, intelektual, dan ekonomi. ABIM, yang pada suatu ketika di bawah pimpinan Anwar Ibrahim yang pro-PAS dan anti-UMNO, menumpukan perjuangan dalam bidang pendidikan dan penerbitan ke arah memperkembang dan mempertingkatkan kesedaran dan keintelektualan ummah. (Anwar kemudiannya, pada awal 1982, berpaling tadah meninggalkan ABIM dan memasuki UMNO. Prestasinya menunjukkan kepintaran berpolitik yang luar biasa. Dan 12 tahun kemudian pada Disember 1993, Anwar diangkat sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam Kabinet Mahathir). Darul Arqam menjalankan dakwah bukan sahaja dengan tabligh dan penerbitan buku-buku propagandanya sendiri tetapi juga dengan meneroka pembangunan ekonomi yang berdasarkan ajaran Islam. Tetapi eksperimen ekonomi ini mulai pudar pada awal dekad 90-an, terkorban akibat daripada apa yang dipandang oleh kerajaan sebagai penyelewengan akidah dalam tablighnya.

Sementara itu, PAS terpaksa menukar taktiknya. Daripada

sebuah parti yang mempergunakan Islam untuk memperjuangkan politik ekstremis nasionalis Melayu kepada menyeru umat Melayu "balik kepada identiti Islam" dan menyalahkan kerajaan kerana memburu kemajuan material di atas pengorbanan nilai-nilai kerohanian Melayu Muslim. UMNO, secara tidak langsung, sama melancarkan gerakan dakwah Islamiahnya sendiri untuk menentang dan menangkis propaganda antikerajaan.

Ada pihak yang mengatakan bahawa kebangkitan semula Islam di Malaysia terpengaruh oleh gerakan kebangkitan Islam yang merebak di seluruh dunia sepanjang dekad 70-an. Ini terutama setelah negara-negara Islam di Asia Barat membuktikan "kuasa politik minyak" dalam mempengaruhi arah-arus ekonomi dunia dan Revolusi Islam di Iran di bawah pengaruh Ayatollah Ruhollah Khomeini yang telah menumbangkan Kerajaan Shah Mohammed Riza Pehlevi.

Ada pula pihak yang mengatakan kebangkitan Islam ini sebahagiannya terbit daripada kejayaan DEB, yang dikatakan berat sebelah. DEB berjaya meningkatkan bilangan golongan terpelajar Melayu lepasan universiti; berjaya mencipta komuniti komersil dan perindustrian bumiputera; berjaya meningkatkan taraf hidup bumiputera; berjaya memperkembang ekonomi negara dan sebagainya. Bagaimanapun segala kemajuan ini tidak dapat dinikmati oleh kebanyakan umat Melayu, baik yang di desa mahupun di bandar. Penghijrahan dari desa ke bandar bukan sahaja telah memecahkan famili tetapi juga membawa unsur-unsur antisosial dan mengancam nilai-nilai keislaman.

Kedua-dua faktor ini, iaitu kebangkitan Islam seluruh dunia dan kejayaan DEB, ada kesannya ke atas pemikiran umat Melayu di Malaysia. Dan Pentadbiran Mahathir mendapati dirinya terperangkap dengan dilema antara tuntutan hak bumiputera dan Islamisasi dengan kewajipan memelihara hak dan kepentingan bukan Muslim, yang merupakan hampir separuh bilangan penduduk tanah air. Yang lebih mencabar dalam dilema ini ialah penentangan pejuang Islam terhadap segala apa yang berunsur Barat, terutama sekularisme yang dikatakan mengancam keutuhan dan asas kehidupan masyarakat Islam.

Cara pentadbiran Mahathir mengatasi dilema ini ialah de-

ngan menggunakan taktik politik yang sudah begitu lama teruji keberkesanannya dari zaman Kerajaan Perikatan hingga zaman Barisan Nasional, terutama di bawah pimpinan Tun Razak, iaitu menjadikan tuntutan-tuntutan pihak pembangkang sebagai sebahagian daripada dasar kerajaan. Dengan demikian pihak pembangkang semakin ketandusan idea dan mahu tidak mahu terpaksa menyokong dasar kerajaan yang juga mengandungi idea-idea mereka.

Dalam zaman kebangkitan Islam ini, proses Islamisasi yang dituntut oleh PAS, ABIM dan Darul Arqam dilembagakan dalam suatu program Islamisasi kerajaan, yang tidak lagi sekadar simbolik seperti dahulu tetapi positif dan ada kalanya proaktif.

Dalam tempoh beberapa tahun sahaja terlancarlah pelbagai institusi Islam yang baru, terutama dalam bidang ekonomi dan pendidikan, seperti Bank Islam, Insurans Islam, Pajak Gadai Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, Amanah Ikhtiar (projek cara baru membantu golongan termiskin di luar bandar memulakan perniagaan sendiri untuk memperbaiki taraf ekonomi keluarga mereka), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), dan Planetarium Nasional (yang menyedarkan rakyat buat pertama kalinya secara dekat terhadap alam astronomi dan sains angkasa lepas).

Usaha kerajaan menyebarkan sistem nilai Islam ini tidak terbatas dalam lingkungan institusi-institusi seperti ini sahaja. Media cetak dan elektronik juga semakin ketara memainkan peranan dengan mengadakan pelbagai program yang inovatif, dari masalah fardu ain hinggalah kepada hal ehwal semasa yang membincangkan soal-soal sosial, ekonomi, politik dan keagamaan menurut pandangan Islam, bukan sahaja untuk pengetahuan dan kefahaman umat Islam tetapi juga untuk masyarakat bukan Islam.

Akibat daripada segala perkembangan ini Malaysia kini mendapat pengiktirafan antarabangsa Timur dan Barat sebagai negara Islam yang terkemuka dan berjaya, terutama sekali dalam hal perekonomian yang berlandaskan prinsip-prinsip keislaman. Majalah *New Horizon* yang diterbitkan di London menyifatkan usaha Malaysia memperkenalkan sistem

bank Islam sebagai yang terbaik di seluruh dunia Islam, baik dari segi inisiatif mahupun dari segi komitmen.

Ketika Bank Islam Malaysia dilancarkan pada 1983 ramai yang sangsi terhadap kemungkinan kejayaannya. Tetapi kini, setelah sepuluh tahun penubuhannya, Bank Islam yang menjalankan perkhidmatan bank tanpa riba, sudah diterima oleh masyarakat sebagai alternatif sistem bank yang sedang berkembang di samping sistem bank konvensional berasaskan riba di negara ini. Ia bukan sahaja berjaya menambah keuntungan tahun demi tahun dan menarik minat pelanggan Islam dan bukan Islam, tetapi juga mampu menarik minat bank-bank komersil dan institusi-institusi kewangan konvensional membuka perkhidmatan khas dengan mengadakan kemudahan-kemudahan urusan bank yang berasaskan Islam.

Perkembangan perkhidmatan bank yang berasaskan Islam setakat ini masih jauh daripada menjadikannya suatu alternatif. Bagaimanapun kemungkinan ekonomi Malaysia mempunyai dwisistem bank dan kewangan sudah ketara. Kemungkinan Malaysia mempunyai hanya satu sistem bank, iaitu yang berasaskan Islam, masih menjadi teka-teki, selagi kerajaan belum menerima gagasan menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang tulen.

Masyarakat bukan Islam tidak dapat disalahkan kalau mereka terasa bimbang apakah semuanya perkembangan ini akan menuju kepada usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, padahal perlembagaan jelas mengatakan bahawa Islam hanyalah sebagai agama rasmi negara. Namanya kerajaan cuba meredakan kebimbangan ini melalui aktiviti Institut Kefahaman Islam Malaysia, antara lain.

Dasar Pandang ke Timur telah melonjakkan Malaysia ke tahap perkembangan ekonomi antara yang paling pesat pertumbuhannya di dunia. Akan tetapi sehingga akhir dekad 80-an ia lebih mementingkan kemajuan material daripada cuba menerapkannya dengan nilai-nilai moral dan kerohanian, meskipun dalam masyarakat Islam setidak-tidaknya nilai-nilai ini sudah mulai subur. Materialisme yang tidak berkekang ini telah membawa pelbagai akibat sosial yang buruk: korupsi, skandal wang, skandal seks, jenayah kolar putih, penyalahgunaan dadah, lepak, politik wang, seks bebas yang kian menjadi-jadi daripada yang terdapat pada zaman-zaman

sebelumnya. Fenomena seumpama ini tidak menghairankan kerana ia berlaku di mana-mana, sedikit sebanyak, terutama di negara-negara yang sudah maju dan juga di negara-negara yang sudah mencapai tahap ekonomi yang relatifnya maju.

Pentadbiran Mahathir juga mencatat sejarah dalam dua krisis politik berhubung dengan kuasa raja dalam perlembagaan. Kedua-dua krisis Perlembagaan ini berakhir dengan kuasa raja merosot dan kuasa rakyat bertambah jelas dan kuat. Krisis pertama berlaku dalam tahun 1983 manakala krisis kedua berlaku sepuluh tahun kemudiannya.

Kedua-duanya melibatkan pindaan perlembagaan atas isu-isu yang jauh berlainan. Yang menjadi punca krisis tahun 1983 ialah kebimbangan kerajaan berhubung dengan kemungkinan pihak raja melengah-lengahkan perkenan mereka kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen, atau Dewan Undangan Negeri. Sungguhpun perkara melengah-lengahkan perkenan ini belum pernah berlaku di peringkat persekutuan, tetapi ada peristiwa semacam ini dikatakan berlaku di peringkat negeri. Maka Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan 1983 itu bertujuan bukan sahaja memangkas kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu bersabit dengan pengesahan mengaktakan rang undang-undang tetapi juga hak keistimewaan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan keadaan darurat. Kedua-dua aspek perundangan ini telah ditolak oleh pihak raja-raja sebagai suatu langkah hendak merendahkan martabat mereka. Pada mulanya pihak kerajaan cuba menyelesaikan masalah dengan mengadakan rundingan dengan pihak raja-raja tetapi gagal. Dengan ini bermulalah krisis dengan kedua-dua belah pihak menjalankan kempen masing-masing yang ditujukan terutama sekali kepada umat Melayu.

Yang merumitkan pihak kerajaan ialah tidak semua umat Melayu bersetuju dengan pindaan perlembagaan ini. Bahkan ada golongan ahli UMNO yang memihak kepada raja, atau sekurang-kurangnya bersikap berkecuali. Golongan proraja terdapat di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Keadaan yang tidak stabil ini berpanjangan berbulan-bulan. Akhirnya suatu formula kompromi dapat diadakan. Kuasa Yang di-Pertuan Agong berjaya dikurangkan juga, tetapi kuasa Baginda mengisytiharkan darurat tidak terjejas.

Krisis Perlembagaan 1992 membawa dimensi baru ke dalam perhubungan antara raja dengan rakyat. Krisis 1983 berkisar pada isu perjuangan antara hak kerajaan dengan hak raja, antara demokrasi berparlimen dengan raja berperlembagaan. Ia tidak berapa menarik minat masyarakat bukan bumiputera, yang pada umumnya, memandangnya sebagai suatu perkara antara Melayu dengan rajanya. Mereka menganggap ini suatu isu sensitif yang mempersoalkan hak Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu, dan oleh itu mereka tidak harus campur tangan.

Bagaimanapun krisis 1992 melibatkan soal hak asasi rakyat jelata, yang mempersoalkan hak kekebalan atau imuniti raja berperlembagaan. Puncanya ialah suatu perbuatan yang dipandang sebagai kes jenayah yang dilakukan oleh seorang Sultan ke atas seorang rakyat yang kebetulannya bukan daripada keturunan Melayu. Sebelum ini sudah banyak peristiwa semacam itu berlaku di tanah air. Kerana warganegara yang terlibat tidak berani mengadu kepada pihak polis kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa. Tetapi dalam kes ini warganegara yang terlibat memberanikan diri (ada yang mengatakan dia digalakkan) melaporkannya kepada polis. Lantaran itu kerajaan Mahathir tidak teragak-agak lagi mengambil tindakan. Dan bermulalah kempen secara besar-besaran di seluruh negara menuntut dimansuhkan kekebalan raja dalam perlembagaan yang berhubung dengan kes-kes yang dipandang sebagai jenayah di sisi undang-undang biasa. Kali ini perjuangan tidak terbatas dalam lingkungan Melayu sahaja. Rakyat bukan Melayu juga berani menyuarakan protes, terutama melalui akhbar, kerana mereka mula memandang bahawa kerajaan Mahathir adalah kerajaan yang membela hak semua kaum.

Bagaimanapun dalam pertikaian ini pihak raja tidak keseronangan. Seperti yang berlaku dalam peristiwa 1983, pihak raja mendapat sokongan, terutama daripada segolongan nasionalis Melayu yang bimbang kuasa politik Melayu akan terjejas sekiranya pentadbiran Mahathir terus menggugat institusi kesultanan Melayu yang menjadi pelindung hak dan keistimewaan Melayu. Pentadbiran Mahathir bertegas mengatakan dia tidak berniat hendak menghapuskan institusi kesultanan yang menjadi simbol perpaduan rakyat dan negara.

Ia cuma hendak menghapuskan kekebalan Raja-Raja Melayu yang kadangkala disalahgunakan sehingga mencemarkan nama baik institusi kesultanan itu sendiri akibat apa yang dikatakan "kezaliman istana". Penghapusan kekebalan raja ini menjadi kenyataan apabila Parlimen meluluskan pindaan perlembagaan mengenainya pada awal tahun 1993.

Satu faktor yang tidak dapat dipisahkan daripada krisis ini dan yang menyebabkan krisis ini dipandang sebagai suatu pengkiblatan yang bersejarah dalam perkembangan sosiopolitik Malaysia, ialah kebangkitan generasi muda Melayu yang radikal dan antifeudal, terutama daripada kalangan ahli UMNO. Mereka inilah yang kemudian mempelopori gerakan apa yang dikenali sebagai angkatan "Melayu Baru" yang mendapat ilham daripada Wawasan 2020 yang dipandang oleh sesetengah pemerhati politik sebagai manifesto politik Mahathir.

BAB

9

Wawasan 2020

PERTAMA kali saya bertembung dengan konsep "Melayu Baru" atau idea "Melayu Baru" ialah dalam bulan September 1993 di Hotel Holiday Inn, Shah Alam, Selangor. Peristiwanya ialah suatu simposium yang kebetulannya diberi nama "Simposium Melayu Baru", anjuran bersama Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).

Secara kebetulan pula, simposium itu diadakan ketika seluruh Malaysia menumpukan perhatian kepada kempen yang sedang rancak menjelang Perhimpunan Agung UMNO pada awal November 1993, yang bakal menentukan sama ada tokoh-tokoh muda yang memperjuangkan konsep Melayu Baru dan pendukung Wawasan 2020 akan berjaya menguasai majlis tertinggi UMNO yang baru.

Oleh sebab Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib, merasmikan pembukaan simposium sambil mengedarkan buku karangannya yang berjudul *Melayu Baru*, dan oleh sebab dia juga menjadi calon salah satu daripada tiga jawatan naib-presiden UMNO, tidak hairanlah ada desas-desus mengatakan bahawa simposium itu hanya suatu gimik politik.

Yang lebih menarik perhatian saya ialah keunikan cara simposium itu diselenggarakan. Bertepatan dengan sifat sesuatu simposium, para jemputan sudah sewajarnya tidak terbatas kepada ahli-ahli dan penyokong UMNO sahaja. Orang-orang daripada luar UMNO, termasuk daripada pihak pembangkang, turut diundang atas nama peribadi masing-

masing. Bagaimanapun undangan terbatas kepada orang Melayu sahaja kerana agenda simposium khusus membicarakan soal nasib bangsa Melayu sebagai satu kelompok etnik dalam sebuah masyarakat bangsa Malaysia pada abad ke-21. Dalam hal ini soal parti politik tidak timbul. Yang penting ialah ke arah mana dan bagaimana hendak mengekalkan kuasa politik Melayu dalam suasana yang sedang pesat berubah, ketika gagasan Bangsa Malaysia ala Wawasan 2020 sedang mengambil bentuk yang semakin ketara, dan ketika negara sedang menuju ke abad ke-21 yang perhubungan antarabangsanya berlandaskan Order Baru Dunia ciptaan kuasa-kuasa Barat.

Dalam surat undangannya, pihak penganjur menyatakan antara lain, bahawa Bangsa Melayu kini sedang meninggalkan kebudayaan masyarakat tani dan tradisi feodal yang buat sekian lama telah mengongkonginya, dan terlontar di dalam dunia global yang pantas dan penuh saingan – apalagi dengan sikap keterbukaan yang sedia ada pada Wawasan 2020.

Pimpinan bangsa dan negara pula kebetulan sedang diambil alih oleh generasi muda. Apakah dalam dunia baru yang padat cabaran itu, bangsa itu akan tetap dapat mempertahankan keperibadian kemelayuannya, lebih-lebih lagi kewibawaannya, seperti tersirat dalam ungkapan 'Melayu Baru'?

Untuk mengupas persoalan yang paling mencabar pemikiran Melayu pada akhir abad ke-20 ini beberapa pemikir terkemuka Melayu daripada golongan korporat, universiti dan golongan sasterawan telah dijemput mengemukakan pendapat masing-masing "secara bebas dan terbuka" agar kedudukan bangsa Melayu semasa dapat dikenal pasti dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya, sebagai garis panduan untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran yang masih banyak belum dapat dipastikan pada abad ke-21. Buku kecil ini tidak akan membicarakan kertas kerja yang telah dibentangkan dan perdebatan yang berlangsung di simposium itu kerana, antara lain, GAPENA sudah pun mengambil inisiatif membukukan perjalanan simposium.

Apa yang menarik minat saya ialah keistimewaan sim-

posium itu. Keagungan suasana kelengkapannya. Suasana yang menimbulkan perisa kebangsawanan dan kemewahan dalam serba-serbi. Para peserta bukan sahaja tidak dikenakan bayaran, tetapi juga disediakan tempat menginap di hotel bagi mereka yang datang dari jauh. Dalam dua hari itu (25 – 26 September 1993), makanan dan minuman disediakan percuma dengan ihsan pihak penganjur. Saya berasa seolah-olah berada di tengah-tengah alam elit korporat dalam sistem kapitalis di mana-mana. Cuma perbezaannya di sini majlis diselenggara oleh elit korporat Melayu Baru.

Tidak syak lagi bahawa apa yang dimaksudkan dengan ungkapan "Melayu Baru" itu, antara lain, ialah segelintir manusia Melayu yang berkecimpung dalam dunia korporat, daripada kalangan penduduk Bumiputera yang seramai kira-kira sembilan juta orang itu. Saya kira kita tidak akan dapat memahami konsep Melayu Baru tanpa cuba meninjau sedikit sebanyak imej atau profil yang sedang dibentuk atau cuba dibentuk oleh para pejuangnya. Para pejuangnya tidak terbatas pada golongan yang lazimnya dianggap sebagai "pemimpin industri" (*captains of industry*) yang berkelayakan profesional. Para pejuangnya juga termasuk golongan politik profesional. Dan dari satu segi, kuasa penggerak kebangkitan korporat Melayu Baru ini datangnya daripada golongan politik inilah.

Ambil sahaja contohnya Hotel Holiday Inn, Shah Alam, tempat perhimpunan simposium itu. Hotel ini adalah kepunyaan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad, iaitu Syarikat Pelaburan Kerajaan Selangor. Pengerusi kumpulan ialah Menteri Besar Selangor, iaitu orang yang mewakili kepentingan UMNO, yang mewakili pula kepentingan umat Melayu. Dalam konteks Wawasan 2020 kepentingan UMNO ini sudah boleh dikaitkan dengan kepentingan Melayu Baru. Sebagai sebuah konglomerat yang bersikap global, yang bercita-cita menjadikan seluruh dunia sebagai pasaran perniagaannya, Kumpulan Perangsang tidak keberatan menggunakan segala bakat profesional daripada segenap golongan untuk memastikan kejayaan perniagaan dan perusahaannya.

Ini tidaklah menafikan wujudnya sebilangan individu usahawan Melayu Baru yang sudah berjaya sebagai pemimpin industri melalui titik peluh dan kebijaksanaan mereka sendiri,

walaupun cara mereka mencapai kejayaan itu kadangkala mungkin dipersoalkan. Kumpulan Perangsang adalah suatu bukti kejayaan program untuk mengkorporatkan Melayu Baru.

Kumpulan Perangsang ditubuhkan pada tahun 1975, iaitu tidak lama setelah DEB dilancarkan. Pada mulanya aktivitiya berkisar sekitar perusahaan perlombongan. Hari ini ia sudah mempunyai lapan buah anak syarikat milik penuh, sembilan anak syarikat saham majoriti, 15 anak syarikat di bawah anak-anak syarikat, dan 12 syarikat bersekutu. Aktiviti yang diutamakan ialah pembangunan harta tanah, perkilangan, perhotelan, rekreasi, serta perkhidmatan pakar runding, dan teknikal.

Antara anak-anak syarikatnya termasuklah Carpet International Malaysia Berhad, Central Holdings Berhad, Kuala Langat Mining Sdn. Berhad, Perangsang Alphasoft Sdn. Berhad, Perangsang Aluminium Sdn. Berhad, Perangsang Consultancy & Engineering Sdn. Berhad, Perangsang Emperee Wood Industries Sdn. Berhad, Perangsang Hotel & Properties Sdn. Berhad, Perangsang International Sdn. Berhad, Perangsang Sports Industries Sdn. Berhad, Permotech Industries Sdn. Berhad, Selangor Frits and Glazes Sdn. Berhad, Selangor Tiles Sdn. Berhad, Shah Alam Properties Sdn. Berhad, dan Worldwide Holdings Berhad. Kedudukan kewangan kumpulan ini diperteguh dengan penyertaan Permodalan Nasional Berhad yang memegang 32% ekuiti, manakala Perangsang memegang 67% ekuiti. Pada akhir tahun 1993, daripada pelaburan RM273.1 juta, Perangsang memiliki hasil terkumpul bernilai RM1.1 billion, dengan tenaga kerja seramai 1432 orang.

Setakat ini nampaknya perniagaan Perangsang, pada keseluruhannya, tidak mengalami kerugian. Menurut satu laporan akhbar, Perangsang telah mencatat keuntungan kira-kira RM60 juta bagi tahun 1993, sungguhpun tidak dinyatakan sama ada ia keuntungan kasar atau bersih. Bagi tahun 1994 dan 1995 keuntungan dianjurkan meningkat kepada RM65 juta dan RM71 juta.

Dari segi sosioekonomi DEB, yang sekarang disambung oleh Dasar Pembangunan Nasional, prestasi dan kejayaan Perangsang ini tidak lain daripada kejayaan kerajaan dalam usaha mewujudkan, memperkembang serta mempelbagaikan

struktur masyarakat perdagangan dan perindustrian Melayu dan bumiputera yang lain. Dari segi kebangkitan Melayu Baru, aktiviti Perangsang – terutama pada awal dekad 90-an – bolehlah dipandang sebagai simbolik yang menandakan bahawa konsep Melayu Baru bukanlah lagi suatu angan-angan atau idealisme, tetapi sudah mula bergerak dalam proses merealisasikan. Setidak-tidaknya dalam erti kata mengkorporatkan Melayu Baru.

Proses seumpama ini sedang bergerak pesat di negeri-negeri lain di bawah pimpinan apa yang dinamakan “Barisan Wawasan”, meskipun pergerakan ini mara secara *ad hoc* menurut kebijaksanaan pemimpin negeri masing-masing, menurut fahaman masing-masing dalam menginterpretasikan kehendak Wawasan 2020, serta berdasarkan keadaan sosioekonomi dan politik yang terdapat di negeri-negeri tersebut.

Melayu Baru atau korporatisme Melayu hanyalah satu dimensi daripada perkembangan ekonomi bumiputera. Sejak merdeka dasar politik ekonomi Melayu berubah-ubah dari semasa ke semasa untuk menghadapi masalah-masalah baru. Misalnya, DEB telah digubal untuk menyelesaikan masalah ketidakseimbangan kedudukan ekonomi antara kaum bumiputera dengan kaum bukan bumiputera. Oleh sebab itu konsep Melayu Baru ini merupakan suatu percubaan untuk mempercepat pencapaian matlamat DEB yang belum selesai, dalam konteks Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020. Masalah baru ialah bagaimana masyarakat bumiputera harus menyesuaikan diri dalam konsep Bangsa Malaysia Wawasan 2020 tanpa menjejaskan kuasa politik Melayu dan tanpa menjejaskan kepentingan bukan bumiputera. Pendeknya, bagaimana hendak mencapai perpaduan nasional dari segi keutuhan politik Melayu dan kemajuan ekonomi negara yang berterusan pada abad ke-21?

Setakat ini, dalam era Dasar Pembangunan Nasional dan Wawasan 2020, kedudukan ekonomi bumiputera masih belum memuaskan. Sungguhpun kelas pertengahan bumiputera telah dapat diwujudkan, tetapi ia masih di tahap permulaan, yang berat sebelah pula sifatnya. Sifat korporat mendahului sifat perniagaan kecil dan sederhana. Penglibatan bumiputera secara aktif dalam sektor korporat dan sektor non korporat

masih jauh daripada memuaskan. Di kalangan rakyat bumiputera masih banyak yang menganggap istilah "ekuiti" itu sebagai suatu kuasa keramat yang sekali gus boleh meletakkan kemunduran ekonomi bumiputera. Kalau angka keramat 30% ekuiti itu telah tercapai ini bermakna masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum sudah selesai, kononnya.

Kedudukan milik ekuiti bumiputera yang sehingga kini masih kurang daripada 20% merupakan suatu keadaan yang palsu yang menjanjikan harapan palsu ke arah taraf persamaan ekonomi dengan kaum-kaum lain. Pencapaian ekuiti yang ada bukanlah hasil daripada titik keringat individu bumiputera sendiri, tetapi hasil daripada kebijaksanaan agensi-agensi amanah bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), Amanah Saham Mara, Perbadanan Nasional (PERNAS), Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Lembaga Pembangunan Bandar (UDA), Bank Bumiputera, Bank Pembangunan Malaysia, Kompleks Kewangan Malaysia, dan Industri Makanan Malaysia (FIMA).

Melalui PNB (dengan skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB), LUTH dan Amanah Saham MARA, individu bumiputera telah dapat memiliki saham ekuiti korporat secara tidak langsung dan tanpa bersusah-payah menjalankan syarikat sendiri. Dengan hanya membeli saham-saham amanah ini kekayaan bumiputera dikatakan sudah dapat ditingkatkan begitu cepat.

Skim saham amanah ini hanya dapat membantu meningkatkan taraf hidup bumiputera, memudahkan mereka menunaikan fardu haji, dan mengajar mereka bermain saham, iaitu menandakan mereka sudah mula diperkenalkan dengan unsur-unsur kapitalisme moden. Bagaimanapun skim-skim ini tidak menjadikan bumiputera peserta aktif dalam aktiviti-aktiviti ekonomi moden yang menghasilkan kekayaan produktif. Malah sudah ada tanda-tanda negatif di kalangan sesetengah pemegang saham cuba hendak kaya cepat, lalu menjejaskan kedudukan milik ekuiti bumiputera.

Dalam ucapannya membentangkan "Kajian Semula Separuh-Penggal Rancangan Malaysia Keenam" di Dewan Rakyat pada 16 Disember 1993, Perdana Menteri Dr. Mahathir

Mohamad ada menyentuh sikap negatif ini. Pemilikan ekuiti korporat bumiputera, katanya, telah meningkat daripada RM20.9 bilion dalam tahun 1990 kepada RM23.7 bilion tahun 1992. Tetapi saham bumiputera dalam perhitungan ekuiti seluruhnya telah merosot daripada 19.2% dalam tahun 1990 kepada 18.2% tahun 1992. Ini disebabkan bumiputera telah menjual saham yang telah diperuntukkan kepada mereka, dalam syarikat-syarikat yang berdaftar di Bursa Saham Kuala Lumpur. Dalam tempoh kajian semula itu kira-kira RM1.8 bilion atas nilai par telah dilepaskan oleh bumiputera, padahal saham-saham ini mempunyai nilai pasaran masa kini kira-kira RM118.5 bilion.

Sambung Dr. Mahathir: "Kira-kira RM80 juta berupa aset dan saham dalam (pelbagai) syarikat telah juga dilepaskan oleh bumiputera dalam tempoh 1990 - 1992. Ada juga bukti bahawa bumiputera telah membuat pelepasan yang besar dalam ekuiti saham syarikat-syarikat yang telah diswastakan." Kalaulah bumiputera tidak menjual saham-saham ini, ekuiti yang mereka miliki dalam sektor korporat sudah semestinya berada di tahap 19.5% dan bukannya 18.2% dalam tahun 1992," kata Mahathir lagi.

"Bumiputera seharusnya tidak menggunakan pasaran saham untuk membuang kekayaan mereka, tetapi untuk memperteguhkannya lagi," kata Mahathir. Dalam marah-marah itu pun Mahathir mengambil sikap seorang bapa terhadap anak-anaknya yang nakal. Katanya: "Kerajaan akan cuba mengadakan (khidmat) penasihat pelaburan untuk menolong bumiputera memaksimumkan pemilikan (ekuiti) mereka."

Jadi, bumiputera hari ini sudah kaya, tidak semiskin seperti pada tahun 1970. DEB mahukan bumiputera memiliki sekurang-kurangnya 30% ekuiti menjelang tahun 1990, tetapi sehingga tahun 1992 mereka hanya mampu memiliki 18.2%. Namun ini suatu kemajuan.

Walau bagaimanapun masyarakat bumiputera tidak harus berbangga dengan kemajuan ini, kerana sebahagian besar daripada kekayaan ini masih di tangan kerajaan melalui agensi-agensi yang telah diamanahkan untuk menjaga dan memajukan kepentingan bumiputera. Komuniti perdagangan dan perindustrian bumiputera masih kecil. Penyertaan mereka dalam sektor korporat juga masih kecil. Kebanyakan mereka

pula bukan sahaja kekurangan modal tetapi juga kekurangan kecekapan, kemahiran dan pendedahan untuk mengendalikan perniagaan yang besar-besar. Justeru itu aktiviti ekonomi mereka terhad kepada bidang ekonomi sampingan dan pinggir. Yang lebih mengecewakan bidang ini tidak banyak jenisnya kerana mereka masih mengamalkan dasar pak turut. Kalau kawan sebelah berjaya menjalankan sesuatu jenis perniagaan, yang lain turut buat perniagaan yang sama. Lama-kelamaan persaingan makin hebat antara mereka. Akhirnya lebih banyak kedai dan bengkel yang tertutup daripada yang terbuka. Mereka tidak inovatif dan tidak berani keluar daripada bidang-bidang yang "tradisional".

Ini berlaku pada ketika dasar kerajaan terhadap pembangunan ekonomi bumiputera sudah berubah. Kerajaan sedikit demi sedikit dan secara beransur-ansur sudah mula mengundurkan diri daripada memainkan peranan yang aktif sebagai penggerak pembangunan ekonomi bumiputera terutama sejak terlancarnya Wawasan 2020. Kerajaan telah berkali-kali mengingatkan kaum perniagaan bumiputera supaya lebih berdikari dan jangan mengharapkan bantuan yang berterusan daripada kerajaan. Boleh jadi peringatan ini ada kaitannya dengan dasar penswastan yang dipandang oleh kerajaan sebagai tunggak kepada strategi pembangunan dan kecekapan ekonomi nasional. Dan dasar ini jugalah yang diharapkan harus dipandang oleh kaum peniaga bumiputera sebagai harapan dan tumpuan baru ke arah pembangunan dan kecekapan ekonomi mereka. Soalnya: Sudahkah bumiputera berkemampuan merebut peluang daripada dasar penswastan ini?

Bukan ini sahaja yang harus dipertimbangkan oleh angkatan Melayu Baru yang sekarang menerajui dunia korporat bumiputera. Ekonomi bumiputera sekarang sudah terbahagi dua. Satu di bandar dan satu lagi di desa. Yang di bandar makin selesa. Yang di desa makin miskin. Kemiskinan masih terdapat di kalangan kaum tani yang bersawah padi, berkebun kecil getah dan kelapa dan juga di kalangan nelayan. Sungguhpun kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik, telefon, pusat kesihatan, klinik desa, pejabat atau agensi pos, balai raya, bank dan pengangkutan awam yang semakin luas diadakan oleh kerajaan telah membantu meningkatkan kualiti

hidup mereka, tetapi kedudukan ekonomi mereka tidak menentu dan pendapatan mereka tidak mantap.

Antara sebabnya ialah sistem pemasaran yang tidak cepak, harga komoditi yang turun naik, produktiviti dan kualiti keluaran yang rendah, kekurangan teknologi moden, kekurangan tenaga manusia kerana penghijrahan dari desa ke bandar, dan kekurangan industri yang berasaskan pertanian yang seharusnya dapat mencegah penghijrahan.

Penghijrahan ini bukan sahaja akibat kemiskinan tetapi lebih-lebih lagi digalakkan oleh kejayaan dasar perindustrian kerajaan yang dipusatkan di kawasan bandar sahaja. Penghijrahan yang semakin pesat ini telah juga menukar wajah dan struktur kependudukan negara, suatu proses dan fenomena yang boleh jadi tidak disengajakan ataupun memang disengajakan oleh dasar kerajaan. Walau bagaimanapun, ia telah mengakibatkan bumiputera muncul sebagai golongan yang terbesar bilangannya di kawasan bandar hari ini.

Dalam tempoh 20 tahun DEB berlangsung bilangan penduduk Melayu dan bumiputera yang lain di bandar telah meningkat daripada kira-kira 713 000 atau 27.1% daripada seluruh bilangan penduduk semenanjung dalam tahun 1970 kepada kira-kira 3 000 000 atau 45.6% dalam tahun 1990. Ini berbanding dengan bilangan penduduk Cina (43.7%) dan India (10.1%) di kawasan bandar dalam tahun 1990. Yang menarik ialah statistik yang menunjukkan kadar kesuburan meningkat di kalangan bumiputera dan menurun di kalangan bukan bumiputera pada awal dekad 80-an. Trend ini dijangka akan berterusan, terutama sekali jika bumiputera terus tidak begitu ghairah menerima konsep perancangan keluarga. Walau bagaimanapun, dasar pentadbiran Mahathir memang mahukan bilangan penduduk Malaysia meningkat hingga 70 juta menjelang tahun 2100 nanti.

Dalam bidang pekerjaan di sektor ekonomi moden, strategi penyusunan semula masyarakat telah membawa kesan yang baik kepada bumiputera. Selain perkhidmatan tradisional di sektor awam, mereka semakin ramai bekerja di sektor-sektor perkilangan, pembinaan, lombong dan kuari, elektrik, gas dan air, pengangkutan, penstoran dan komunikasi, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, kewangan,

insurans, hartanah dan perkhidmatan-perkhidmatan perniagaan. Malah pada keseluruhannya tenaga bumiputera sudah melebihi tenaga bukan bumiputera di sektor-sektor ini. Bagaimanapun statistik masih menunjukkan bahawa bumiputera juga yang lebih ramai menganggur. Dalam bidang profesional dan teknikal, bilangan mereka masih rendah dan tidak mencerminkan keseimbangan nisbah penduduk negara.

Dari segi pembangunan ekonomi bumiputera seluruhnya kejayaan gerakan pembandaran bumiputera ini belum boleh dibanggakan, meskipun ia merupakan suatu kemajuan yang luar biasa. Sebahagian besarnya masih tinggal di desa dalam keadaan yang relatif miskin. Daripada jumlah kira-kira 11 juta, termasuk yang di Sabah dan Sarawak, kira-kira 8 juta bumiputera masih terpetangkap dalam ekonomi yang mundur. Ketidakseimbangan sosioekonomi masih wujud, bukan sahaja antara kaum tetapi di kalangan bumiputera sendiri, iaitu antara yang tinggal di bandar dengan yang tinggal di desa. Ini adalah akibat dasar perindustrian yang mengutamakan pembangunan ekonomi bandar untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Tidak dapat dinafikan bahawa dasar ini, yang bertolak daripada pelancaran industri berat dan teknologi tinggi dan moden, telah berjaya bergerak ke arah mencapai matlamat Malaysia sebagai negara perindustrian. Tetapi ini tidak seharusnya berlaku atas pengorbanan ekonomi desa.

DEB juga ada menekankan pembangunan wilayah, terutama di negeri-negeri yang ekonominya masih mundur. Ini lebih merupakan program pembangunan infrastruktur dan khidmat sokongan bagi sektor pertanian, daripada program yang menyeluruh bagi pembangunan ekonomi desa yang seharusnya termasuk projek-projek perindustrian desa.

Namun pada hari ini sudah ada tanda-tanda bahawa kerajaan akan mencuba mengatasi kelemahan-kelemahan ini. Dasar Pertanian Negara 1984 – 1991 yang tidak berjaya menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan telah diganti dengan Dasar Pertanian Negara 1992 – 2010 yang berorientasikan komersial yang akan digerakkan oleh sektor swasta. Ini sejajar dengan kehendak Wawasan 2020 yang mahu

menegakkan suatu ekonomi yang kompetitif yang berketa-hanan, dinamis dan cukup bertenaga.

Dasar pertanian negara yang baru ini membayangkan perubahan sikap di kalangan pemimpin kerajaan hari ini. Jika Wawasan 2020 mementingkan "pembangunan ekonomi yang seimbang", perseimbangan ini hendaklah dilaksanakan bukan sahaja dalam konteks antara kaum, tetapi juga antara ekonomi bandar dengan ekonomi desa.

Ia membayangkan pengakuan kerajaan bahawa sektor pertanian yang merupakan kehidupan ekonomi desa tidak harus lagi dipandang sebagai "*sunset industry*" atau industri yang tidak punya masa depan, tetapi sebagai sektor yang masih berpotensi besar dan merupakan wilayah yang amat penting dalam percaturan politik dan ekonomi negara, dalam konteks penyusunan semula masyarakat. Oleh itu Dasar Pertanian Negara yang baru ini adalah untuk memastikan ekonomi desa membangun sejajar dan setaraf dengan pembangunan ekonomi bandar supaya proses transisi ke arah mencapai status ekonomi yang serba-serbi maju akan berjalan lancar dan licin tanpa sungutan dan rungutan.

Dalam usaha penyusunan semula ekonomi desa ini (kalau inilah tujuan sebenar dasar pertanian negara baru), pihak swasta perlu diberi keutamaan sebagai penggerak pertumbuhan seperti yang sedang berlaku dalam ekonomi bandar. Dalam hal ini golongan korporat dan usahawan Melayu Baru yang sedang terlibat dalam proses pembangunan industri kecil dan sederhana boleh dan seharusnya bertanggungjawab memainkan peranan yang positif di barisan hadapan pembangunan semula ekonomi desa. Mereka tidak harus melepaskan peluang-peluang baru ini untuk dibolot lagi oleh orang lain yang sama berhak memajukan ekonomi desa dalam konteks Dasar Pénswastaan.

* * *

Tidak ada tempoh dalam sejarah moden kita yang rakyatnya, terutama Melayu, menunjukkan sikap yang begitu yakin dan *adventurous* untuk membentuk dan merubah destini bangsa seperti yang sedang berlaku pada akhir abad ke-20 ini.

DEB merupakan suatu titik tolak yang telah berjaya pada

tahap yang memuaskan, walaupun belum boleh dikatakan dalam erti kata sepenuhnya, dalam usaha menyusun semula masyarakat berbilang kaum, membina perpaduan di tengah-tengah keberlainan, melonjakkan ekonomi daripada asas pertanian kepada asas perindustrian moden, dan membawa kemakmuran pada tahap yang tidak pernah tercapai sebelumnya.

Taraf hidup rakyat, terutama di kota, telah meningkat berganda. Pelbagai kemudahan hidup yang dibawa oleh kemajuan teknologi dan komunikasi telah menambah keselesaan setiap warganegara. Hayat insan bertambah panjang. Penyakit dapat dikawal, walaupun jenisnya bertambah, berkat kemajuan sains perubatan moden. Kadar kemiskinan dapat diturunkan, walaupun pembasmiannya belum dapat diselesaikan. Proses menjadikan Malaysia sebuah demokrasi yang "memiliki rumah sendiri" sedang berjalan kencang. Dan banyak lagi perkara yang menunjukkan rakyat Malaysia sudah mulai dapat memanfaatkan nikmat dan kekayaan alam yang sudah disediakan oleh Allah S.W.T. Ini semuanya tercapai dalam suasana kestabilan politik yang berterusan, berkat reformasi perlembagaan yang antara lain mengharuskan perdebatan sekitar isu-isu perkauman yang dianggap sensitif.

Bagaimanapun sebaik sahaja DEB berakhir, cabaran-cabaran baru mula mengangkat kepala. Politik dunia bertukar arah. Empayar Soviet runtuh, dan dengannya era Perang Dingin berakhir. Hanya satu sahaja kuasa besar yang tinggal bermaharajalela, untuk menentukan nasib politik dan ekonomi dunia di bawah *order* baru ciptaannya.

Tidaklah dapat dipastikan sama ada Mahathir telah mengambil kira semua perkembangan ini ketika menggubal manifesto politiknya dalam bentuk Wawasan 2020 itu. Secara kebetulan Wawasan 2020 dilahirkan seolah-olah dalam saat Perang Dingin menemui ajalnya. Penamatan Perang Dingin tidak segera membawa keamanan yang diharap-harapkan, malah mencetuskan pelbagai kekacauan yang tidak disangka di merata dunia, terutama di Eropah Timur dan Barat.

Di tengah-tengah segala kekacauan ini Malaysia dengan selamba mengorak langkah ke arah membentuk destini ciptaannya sendiri, sebagaimana yang diterangkan dalam do-

kumen Wawasan 2020 itu, sebagai suatu masyarakat yang bukan “meniru” mana-mana negara yang sudah maju tetapi sebuah negara yang “cukup dipermajukan menurut acuan kita sendiri”.

Akan tetapi kemajuan yang diwawaskan ini tidak patut sekadar pembangunan ekonomi sahaja, tetapi mesti berkembang juga di bidang-bidang yang lain yang akan membawa kesedaran dan nilai baru dalam cara rakyat berfikir, berpolitik, bermasyarakat dan berbudaya, juga membina kerohanian, perpaduan bangsa, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, kualiti hidup, nilai-nilai sosial dan spiritual serta kebanggaan dan keyakinan nasional.

Sekali imbas Wawasan 2020 merupakan matlamat dan cita-cita yang berat kepada idealistik, yang sukar tercapai sepenuhnya. Ia merupakan suatu misi yang maha berat hendak dipikulkan ke atas bahu rakyat berbilang kaum yang masing-masing masih hidup dalam sangkar kebudayaan dan pandangan alam atau *worldview*nya yang tersendiri.

Mahathir tidak memperkecilkan masalah ini. Jalan ke Wawasan 2020 dirintangi penuh ranjau yang sudah dan belum dikenali. Antara ranjau yang sudah dikenali, Mahathir mengemukakan sembilan cabaran yang pokok dan strategik yang mesti diatasi sebelum Wawasan dapat dicapai. Ini termasuklah soal membentuk dan membina suatu “Bangsa Malaysia” yang harmonis, dalam suatu perkongsian yang sama rata dan sama adil, yang menumpukan sepenuh taat setia dan dedikasi kepada negara. Bangsa Malaysia ini hendaklah merupakan suatu masyarakat yang matang, liberal dan toleran, dengan rakyat daripada semua kaum dan agama bebas mengamalkan adat, budaya dan agama masing-masing, tetapi merasai bahawa mereka semuanya adalah daripada satu bangsa.

Konsep Bangsa Malaysia yang berasaskan masyarakat yang dikehendaki ini nyatalah terdedah kepada pelbagai interpretasi, menurut fahaman dan kepentingan politik masing-masing. Sekiranya Wawasan 2020 dipandang sebagai suatu idealisme baru dengan norma-normanya yang tersendiri, konsep ini nampaknya tidak jauh bezanya dengan gagasan “Malaysian Malaysia” yang pada suatu ketika dahulu pernah dijaja oleh DAP dan golongan cauvinis Cina tetapi

sekarang tidak kedengaran lagi. Memanglah dalam beberapa aspek tertentu mungkin ada perbezaan tanggapan antara Wawasan 2020 dengan Malaysian Malaysia tentang apa yang sebenarnya dimaksudkan dengan kalimah "kebebasan mengamalkan adat, budaya dan agama masing-masing". Tetapi kalau gagasan Bangsa Malaysia ini mahu dijadikan realiti menjelang tahun 2020, perbezaan tanggapan ini seharusnya dibelakangkan dan suatu kata sepakat nasional diwujudkan.

Walau bagaimanapun, Wawasan 2020 tidak dapat lari daripada komitmen untuk menegakkan suatu bangsa Malaysia, yang bererti membentuk dan membina suatu kesedaran kebangsaan dan suatu identiti kebangsaan yang baru, yang diakui dan dijunjung bersama-sama oleh semua kaum yang menjadi rakyat dan warganegara Malaysia. Ketika ini kerakyatan tidak sama taraf dan maknanya dengan kebangsaan. Kita rakyat Malaysia pelbagai kaum hidup dalam satu negara, tetapi kita tidak hidup sebagai satu bangsa. Malaysia belum lagi boleh diistilahkan sebagai sebuah negara bangsa.

Bibit-bibit semangat kebangsaan baru ini dapat diandaikan daripada mukadimah Wawasan 2020 yang menyatakan, bahawa kita mahu menegakkan sebuah negara maju menurut "acuan kita sendiri". Ini bolehlah diandaikan sebagai suatu pernyataan "nasionalistik", yang terbit daripada semangat kebangsaan yang tersendiri bagi sesebuah negara bangsa menurut peristilahan politik antarabangsa. Tetapi bagaimana kedudukan Nasionalisme Melayu dalam Wawasan 2020?

Angkatan Melayu Baru dan Barisan Wawasan 2020 nampaknya tidak membantah. Malah mereka dengan penuh keyakinan menegaskan bahawa Nasionalisme Melayu akan dijadikan teras pembentukan "Bangsa Malaysia". Dalam erti kata lain, proses perkembangan dan kemajuan politik negara bangsa Malaysia dalam abad ke-21 akan terus di bawah kuasa politik kebangsaan Melayu. Melayu Baru begitu yakin bahawa kekuatan ekonomi bumiputera, yang sedang menjalani pembentukan, secara automatik akan memperteguh kedudukan politik kebangsaan Melayu. Malah ada di kalangan Melayu Baru yang sudah berani mendabik dada bahawa Melayu generasi hari ini tidak perlu bergantung pada hak-hak keistimewaan Melayu yang termaktub dan terjamin

dalam Perlembagaan, untuk menyelamatkan umat Melayu dalam abad ke-21 nanti.

Dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO 1991, Mahathir telah mentakrifkan wajah Melayu Baru yang dikehendaki untuk menangani cabaran Wawasan 2020. Katanya "Bangsa Melayu dan bumiputera yang baru hendaklah mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman, yang sanggup menghadapi segala cabaran, yang dapat bersaing 'tanpa bantuan', yang terpelajar dan berilmu, canggih, jujur, berdisiplin, beramanah, dan cekap."

Walaupun ada pihak yang memandang pentakrifan ini sebagai tidak lebih daripada sebuah retorik, tetapi ia harus dipandang sebagai suatu amanat daripada seorang pemimpin yang cukup sedar akan kelemahan kaum bumiputera hari ini. Ini adalah suatu amanat yang maha berat dan maha sukar untuk dilaksanakan, kerana ia memerlukan suatu proses revolusi mental dan gerakan transformasi budaya di kalangan bumiputera, yang bakal mencipta suatu identiti etnik baru. Angkatan Melayu Baru yang cukup yakin terhadap potensi dan kebolehannya nampaknya tidak keberatan untuk menunaikan amanat ini.

Walau bagaimanapun, harus disedari bahawa demokrasi yang kita junjung hari ini ialah semacam "demokrasi terpinpin" yang mengatur batas-batas dan cara-cara bagaimana rakyat pelbagai kaum harus berinteraksi antara satu sama lain di bidang sosial, ekonomi, dan politik. Ini jelas kalau kita kembali kepada sejarah bagaimana DEB diilhamkan dan apakah syarat-syarat Parlimen dipulihkan, seperti yang diterangkan dalam Bab 7 yang lalu.

Keunikan masyarakat majmuk kita dan masalah-masalah perkauman yang timbul daripadanya telah memaksa para pemimpin politik kita yang lalu membentuk "demokrasi ala Malaysia" yang agak sukar difahami oleh dunia demokrasi Barat. Mereka hairan bagaimana politik Malaysia boleh terus stabil sejak sekian lama.

Kestabilan politik yang kita nikmati sejak 1971 adalah hasil pembatasan perdebatan tentang isu-isu perkauman yang dikira sensitif, termasuklah perihal hak-hak dan keistimewaan Melayu dan hak-hak serta kepentingan bukan-Melayu. Dari sinilah mengalirnya keharmonian antara kaum,

toleransi, kerjasama yang timbal-balik dan kestabilan politik yang membolehkan kejayaan penyusunan semula masyarakat, pembentukan aristokrat korporat bumiputera, dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan yang dinikmati dan dimanfaatkan bersama-sama oleh semua kaum.

Pada zahirnya, bangsa Malaysia yang dibayangkan oleh Wawasan 2020 tidak dapat tidak bermakna kebangsaan Malaysia akan mengambil alih daripada kebangsaan Melayu sebagai ideologi politik yang dominan menjelang abad ke-21. Nasionalisme Melayu akan digantikan oleh Nasionalisme Malaysia. Rakyat Malaysia tidak lagi akan dikenali sebagai Melayu, Cina, India dan sebagainya, tetapi sebagai "Malaysian", melainkan pakar bahasa Melayu dapat mencari istilah gantian yang lebih sesuai.

Para pejuang Melayu Baru nampaknya yakin bahawa nasionalisme Melayu akan tetap menjadi teras nasionalisme Malaysia yang bakal lahir itu. Adakah ini bermakna Melayu Baru sudah sedia melepaskan hak-hak keistimewaan Melayu yang dilindungi oleh perlembagaan negara dan yang membolehkan Melayu berdiri perkasa hari ini? Adakah ini bermakna bukan-Melayu boleh menuntut dilucutkan hak-hak keistimewaan Melayu dalam perlembagaan negara? Apakah segala unsur yang dipandang sebagai apa yang dikatakan "diskriminasi etnik" akan hapus dengan lahirnya "Bangsa Malaysia"?

Realiti hari ini membayangkan bahawa korporat Melayu atau bumiputera adalah produk subsidi pembedaan bumiputera yang sama sekali berlainan daripada subsidi di bidang pertanian. Ia merupakan usaha kerajaan mempolitikkan ekonomi yang dilambangkan oleh DEB yang sekarang dilanjutkan oleh Dasar Pembangunan Nasional. Setelah agak berjaya mewujudkan "orang kaya baru" yang disimbolkan oleh kelas korporat bumiputera, kerajaan baru-baru ini telah melancarkan suatu program untuk mewujudkan satu golongan "usahawan-teknokrat" (*techno-entrepreneurs*) bumiputera, terutama dalam bidang industri kecil dan sederhana, sebagai suatu usaha mempercepat proses penyertaan bumiputera dalam bidang perkilangan dan perkhidmatan sektor ekonomi moden. Yang menarik ialah kerajaan sendiri menamakan program ini sebagai "program penetas bersepadu" (*integrated*

incubator programme), yang antara lain akan mengenal pasti golongan profesional muda bumiputera yang berkelayakan teknikal untuk menjalani latihan di sebuah pusat serenti sehingga mereka mampu menegakkan perusahaan dan perniagaan sendiri. Ini adalah satu cara baru untuk membolehkan bumiputera "membeli masa" sehingga penyusunan semula masyarakat mencapai tahap keseimbangan yang dikehendaki. Andaiannya ialah: Lebih baik berbuat begini daripada membiarkan masa menentukan nasib.

Ini nampaknya tidak menimbulkan reaksi yang negatif di kalangan bukan bumiputera. DEB bukan sahaja berjaya membuktikan bahawa penyusunan semula sosioekonomi negara membawa manfaat kepada semua kaum, tetapi juga membawa akibat sosiobudaya yang amat menggalakkan. Suatu generasi baru "Malaysian" telah membesar dengan satu kesedaran: bahawa masalah-masalah ras, agama dan budaya harus dihadapi dengan semangat toleransi. Bahkan di bidang politik sekalipun kita sedang menyaksikan golongan pelampau, baik di kalangan bukan bumiputera mahupun bumiputera sendiri, sudah semakin ketara berusaha keras mengekang prasangka perkauman atas semangat dan disiplin toleransi. Ini sudah tentu akan memudahkan proses pembangunan kesedaran "Bangsa Malaysia" dan usaha mencapai matlamat Wawasan 2020. Demokrasi ala Malaysia nampaknya sudah berjaya membawa suatu perkembangan sosiopolitik yang positif.

Kepentingan-kepentingan subbudaya yang mempengaruhi kehidupan setiap kaum tentunya tidak dapat dihapuskan sama sekali, walaupun negara sedang menjalani proses islamisasi yang pesat. Ingatan silam harus disesuaikan dengan keperluan-keperluan yang kita hadapi bersama-sama hari ini. Parti-parti politik dan golongan intelektual daripada semua kaum mestilah dari sekarang lebih "nasional" dalam skop dan sensitiviti pemikiran mereka. Dengan demikian, tidak mustahil dunia akan menyaksikan lahirnya sebuah "Tamadun Bangsa Malaysia" yang baru.



Sidang akhbar di zaman Darurat (1954) di Kuala Lumpur. Penulis (kiri sekali) mewakili Straits Times.



Encik Aziz Ishak (berdiri) bersama-sama penulis dalam suatu keraian di kediamannya di Kuala Lumpur. Duduk di baris hadapan (no. 3 dan 4 dari kiri) Dahari Ali dan Rosedin Yaacob, kedua-duanya dari Utusan Melayu.



Para delegasi ke Persidangan Kerjasama Berita Negara-Negara berkecuali di New Delhi (Julai 1976) diperkenalkan kepada Puan Perdana Menteri Indira Gandhi yang merasmikan persidangan. Penulis (kiri sekali) mewakili Malaysia.




Encik Harry Cessler, Pengarah USIS, menghadiahkan buku-buku untuk Perpustakaan Institut Perhubungan Raya Malaysia kepada penulis selaku Naib-Presiden IPRM (1965).




Encik Francis T. Underhill Jr, Duta Besar A.S. ke Malaysia, berbual sebelum penulis berangkat ke A.S. (1975).



Penulis, selaku Ketua Pengarang BERNAMA (1974) memberi taklimat kepada En. Edward I. Kany dari American Executive Service yang ditugaskan memberi latihan profesional kepada para wartawan BERNAMA.



Penulis, selaku Pengerusi Lembaga Pelawat Sekolah (akhlak) belia Sungai Besi, K.L. (1962 - 1970) dliringi oleh pengetua sekolah (kanan) menerima barisan hormat sebelum merasmikan perayaan sekolah (1965)




Sidang Pengarang Utusan Melayu Singapura (1948). Sebelah kiri dari atas, Melan Abdullah (berhadapan dengan Kris Mas), Hussein Hamid (berhadapan dengan Samad Ismail), penulis (berhadapan dengan Othman Wok).



Bersama rakan-rakan dari Indonesia di Singapura (1948). Penulis berdiri sebelah kiri. Duduk (kanan) Thaharuddin Ahmad, Ketua Kantor Berita di Singapura.




Anggota "GERAM" Singapura (1947). Dari kiri, Samad Ismail, Jalil, Aziz Ishak, Thaharuddin Ahmad, Penulis dan Anwar Moein. Bertinggung (kiri) Mara Karma dan Ismael.




Di Utusan Melayu Singapura (1948). Dari kiri: penulis, Hussein Hamid, Nordin A. Rahman, Samad Ismail, Kris Mas dan Othman Wok.



Sebahagian daripada delegasi Malaysia ke Persidangan Perhubungan Asia di New Delhi (1947) Dari kiri: P P Narayanan, Jamnadas Mehta, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Brahmanachari Kailasam, penulis dan pegawai persidangan.



Para delegasi dan pemerhati dari lebih 20 negara Asia ke Persidangan Perhubungan Asia di New Delhi (23 Mac - 2 April 1947) bergambar kenangan di luar tempat persidangan. Duduk bersila di baris hadapan, kelihatan Pandit Nehru berkopiah putih memegang beg atase. Sebelah kanannya ialah Haji Agus Salim dari Indonesia (berkopiah) dan di kirinya (bertarhus) wakil dari Mesir



Para pengarah dan pengurus Lever Brothers Malaysia (awal 1960-an) bergambar dengan bahagian-bahagian pemasaran, penjualan dan pengiklanan. Eksekutif Melayu ketika itu hanya tiga orang: Mansur Wahab (tiga dari kiri) bahagian pemasaran; penulis (lima dari kiri) bahagian perhubungan awam; dan Raja Kamarudin bin Raja Tun Uda (lima dari kanan) setiausaha syarikat.




Di majlis makan malam anjuran institut Perhubungan Raya Malaysia (PRM) di sebuah hotel di Kuala Lumpur (1972) dari kiri: Ng Boon Kai (Ahli Majlis IPRM), K.C. Arun (Setiausaha Kehormat IPRM), penulis (Presiden IPRM) dan Datuk Ong Kee Hui, Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Tamu Kehormat).



Di ibu pejabat agensi Berita Indonesia "ANTARA" di Jakarta (1975). Lawatan penulis (dua dari kanan) selaku ketua pengarang "BERNAMA" berkait dengan skim pertukaran/latihan petugas antara kedua-dua agensi.



Di majlis perayaan ulang tahun kemerdekaan Burma di kedutaannya di Kuala Lumpur (1958). Penulis dan isteri disambut oleh duta besar U Mya Sein dan isteri. U Mya Sein dan penulis berkenalan sejak tahun 1947 ketika sama-sama menghadiri Persidangan Perhubungan Asia di New Delhi. Apabila Malaya merdeka beliau diutus sebagai duta besar Burma yang pertama ke Malaya.



Gambar kenangan lawatan rasmi dan bersejarah Tun Razak ke Peking yang menjadikan Malaysia negara Asean pertama mengikat pertalian diplomatik dengan Republik Rakyat China. Kelihatan Tun Razak diapit sebelah kirinya oleh Perdana Menteri Chou En-Lai dan sebelah kanannya oleh Madam Chiang Ching, isteri Chairman Mao Tse-Tung.



Penulis selaku pengulas tamu Hal Ehwal Semasa TV Malaysia (1964 - 67).



Pertalian penulis dengan DBP sebagai Ahli Lembaga Pengelolanya agak unik. Dalam tempoh hampir suku abad (1959 - 1983) penulis berkhidmat di bawah lima orang pengerusi lembaga pengelola bermula dengan Tan Sri Sheikh Ahmad bin Muhammad Hashim, diikuti oleh Datuk Abdul Samad bin Idris, Datuk Mansor Othman, Tan Sri Hamdan bin Sheikh Tahir dan Datuk Muda Muhammad dan sempat menyaksikan pula ketua pengarahnya berganti daripada Tan Sri Syed Nasir bin Ismail kepada Datuk Haji Sujak bin Rahiman dan akhirnya Datuk Haji Hassan bin Ahmad (Pengarah), Abu Hanifah bin Long (Penolong Pengarah), Taib Osman, Salleh Daud, M. Abraham, Datuk Abdullah bin Mohammad, dan Haji Hamdan bin Sheikh Tahir.

LEMBAGA PENGELOLA 1980



Gambar 1980 ini menunjukkan (duduk dari kiri) Prof. Abu Bakar bin Abdul Hamid, Datuk Dr. Elyas Omar, Datuk Hassan Ahmad, (Ketua Pengarah), Tan Sri Datuk Haji Hamdan bin Sheikh Tahir (Pengerusi), Abdul Latiff bin Sahan, penulis, Datuk Prof. Zainal Abidin bin Abdul Wahid Berdiri (dari kiri), Datuk Haji Jumaat bin Mohd. Noor, (Timbalan Ketua Pengarah), Haji Zaidan bin Haji Othman, Mazlan Nordin dan Prof. Dr. Muhammad bin Haji Salleh.

LEMBAGA PENGELOLA 1982



Gambar 1982 ini menunjukkan (duduk dari kiri), Datuk Ahmad Zainal Abidin bin Muhammad Yusof, Datuk Nik Mohammad, Datuk Hassan Ahmad (Ketua Pengarah) Tan Sri Datuk Haji Hamdan bin Sheikh Tahir (pengerusi), penulis, Datuk Prof. Zainal Abidin bin Abdul Wahid dan Puan Nuraizah bt Abdul Hamid Berdiri (dari kiri), Prof. Dr. Muhammad bin Haji Salleh, Datuk Prof. Ismail bin Hussein, Prof. Dr. Atan bin Long, Haji Zaidan bin Haji Othman, Prof. Abu Bakar bin Abdul Hamid, Mazalan Nordin dan Baharuddin bin Zainal (Timbalan Ketua Pengarah).

Indeks

- Amanah Saham MARA 206
- Amanah Saham Nasional (ASN) 206
- American Executive Service 220
- Aminuddin Baki 142
- Anderson School 21
- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) 194
- Angkatan Melayu Baru 214, 215
- Angkatan Pemuda Insaf (API) 64, 66-67, 72-74
 - pengharaman 73
- Angkatan Perpaduan Ummah 184
- Angkatan Sasterawan 50 (ASAS' 50) 101-103, 105
 - dasar 105
 - ideologi 104
- Angkatan Wanita Sedar (AWAS) 66
- Anglo-Chinese School (ACS) 8, 13-14, 21-23
- Antara 88, 99-100, 107-108
 - lokasi 228
- Anwar Ibrahim 194
- Anwar Moein 223
- Arshad Ashaari 49, 51
- Arun, K.C. 227
- ASEAN 86, 172, 174, 176
 - tujuan 172
 - hubungan dengan China 173-174
- Asian Relations Conference 77
 - cara-cara merapatkan hubungan 84
 - kaedah perbincangan 84-85
 - pokok perbincangan 84
 - soal-soal yang dibincangkan 84
 - tujuan persidangan 84
- Asraf 105
- Associated Press (AP) 111
- A. Samad Said 105
- Abdul Latiff Haji Abdul Majid 49
- Abdul Latiff Sahan 231
- Abdul Rahim Kajai 106
- Abdul Rahman Hashim 142
- Abdul Rahman Rahim 37, 66
- Abdul Razak Hussein 91, 141, 155, 158-160
- Abdul Samad Idris 230
- Abdullah Ayub 142
- Abdullah C.D. 66-67, 70, 77, 85
- Abdullah Mohammad 230
- Abu Bakar Abdul Hamid 231-232
- Abu Bakar al-Baqir 70
- Abu Hanifah Long 230
- Adam Malik 149
- agensi berita Asia 86
- Agensi Berita Nasional (BERNAMA) 11, 155
- Ahmad Azra'i 3
- Ahmad Boestamam (Abdullah Sani) 37, 49-51, 58, 66-67, 70, 72-73, 132-140
- Ahmad Daud 67-68, 142
- Ahmad Nordin 142
- Ahmad Perang 142
- Ahmad Zainal Abidin 232

INDEXS

- Aishan Ghani 66, 67
- Akta Hasutan 1948 168
- Amanah Saham Bumiputera (ASB) 206
- Anan Long 232
- Atene 17
- Awang San 29
- Ayatollah Ruhollah Khomeini 195
- Ayub Han Ali 49
- Azlan Shah 4
- Aziz Ishak 106, 146, 218
- Aziz Yeop 142
- Badriozaman Mohd. Chaus 15
- Baharuddin Zainal 232
- Bank Bumiputera 206
- bank Dunia 121
- Bank Islam Malaysia 196-197
- Bank Negara Malaysia 121
- Bank Pembangunan Malaysia 206
- Barisan Bersama 52, 26
- Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan 141, 150
- Barisan Nasional (BN) 181, 183
 - kedudukan di Kelantan 184
 - pemerintahan 196
 - penubuhan 154, 170-171
 - slogan 187
- Barisan Wawasan 205
- Beatrice 17
- Berita Perak 40, 41-43, 46, 49
- BERJASA 184
- Bombay Chronicle 95, 107, 111
- Brahmachari Kailasam 77, 85, 224
- British Military Administration (BMA) 53, 152
- Burhanuddin al-Helmy 51, 53-54, 66, 69, 70, 74, 77-78, 88, 90-92, 96, 132, 224
- Bursa Saham Kuala Lumpur 207
- Buyong Adil 35
- Buyong Dahari 50
- Carpet International Malaysia Berhad 204
- Central Holding Berhad 204
- Cesseler 219
- Ceylon Association of Malaya
- Cheah Toon Lok 144
- Chiang Ching 229
- Chou En-Lai 173-174, 229
- Churchill 71
- Communities Liaison Committee 134, 135
- Council of Counter-Propaganda 60, 67
- Count Nicholas Coudenhove-Kalergi, 71
- Dahari Ali 35, 49, 51, 67, 71, 72, 106, 218-193
- Daily Express 112
- Darul Arqam 194
- dasar "divide-and-rule" 100
- Dasar Ekonomi Baru 158, 162-163, 171, 184, 201
 - Cita-cita 166
 - kejayaan 158, 170, 184, 185, 209-210
 - langkah-langkah mencapai matlamat 163-165
 - pelancaran 164
 - pelbagai agensi 187
 - penekanan 210
 - tujuan 163-165, 205-217
- Dasar Pandang ke Timur 184-185, 197
- Dasar Pembangunan Nasional 204, 205, 216
- Dasar Penswastaan 188, 211-225
- Dasar Pertanian Negara 210
 - 1984-1991, 210
 - 1992-2010, 210
 - tujuan 211
- Dataran Merdeka 137
- Democratic Action Party (DAP) 150, 213
- demokrasi ala Malaysia 171-172, 215
- demokrasi berparlimen 162, 172
- demokrasi dipimpin 215
- Devasayaham 78, 85
- Dewan Bahasa dan Pustaka 141
- Dewan Perhimpunan Cina Selangor 141
- Dewan Tunku Abdul Rahman 147
- Dhenain, sutan 70
- Dinasti Ming 175
- Dol Ramli 142

INDEKS

- Domei News Agency 42
 Economic Commission for Asia and the Far East (ECAFE) 115
 Elyas Omar 231
 Empress Suiko 32
 Fabian Society 17, 18
Falsafah Kebangsaan Melayu 70
 Faridah Haris 16
 Fascist Mussolini 19
 Federation of Malaya 55
 Field Security Service (FSS) 71
 Forum Melayu 141
 Forum Pegawai-pegawai Melayu 141
Free Press Journal 95, 110
 Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) 201-202
 Gagasan Rakyat 184
 Ganapathy S.A., 77, 85
 General Yamashita 26
 Gent, Edward 55, 58
 Gerakan Angkatan Pemuda Melayu (GERAM) 105
 Gerakan Berkecuali 88
 Gerakan Reformis Islam 19
 Ghafar Baba 182, 183
 Ghazali Shafie 156-157, 167, 191
 Gibbs 40
 Glover, M. 111
 Godse, N.V. 89
 Golkar 172
 Gorbachev 47, 192
 Grand Nooran opera 42
 Gurdial Singh 77
 Gurney 128
 Haludin Hamzah 49-50
 Hamdam Hamid al-Edrus 106
 Hamdan Sheikh Tahir 142, 230-232
 Hamid Abdul 66, 106
 HAMIM 184
 Harun Aminurrashid 66, 70, 74
 Hassan Ahmad 230
 Hassan Wahab 142
 Hazrat Khawaja Mu'nuddin Chisti Ajmeri 91
 Hertogh, (Natrah) 126
 Hindu Mahasabha 89
 Hitler 19, 44, 47
 Ho Chi Minh 29
 Hoalim 77, 84
 Hussein Hamid 106, 109, 221, 223
 Hussein Onn 122-125, 177, 182
 Ibrahim Fikri 70
 Ibrahim Varshai 142
 Ibrahim Yaacob 1, 20
 Idris Hakim 1-2
 Ikmal 36
 Independence of Malaya Party 128
 Independent Labour Party 18
 Indian Council of World Affairs 77, 82
 Indian Field Security Service 71
 Indian National Congress 96, 128
 Indira Gandhi 219
 Industri Makanan Malaysia 206
 Inner Wheel Club of Singapore 78
 Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) 196
 Institut Asia 88
 keanggotaan 88
 kelemahan 88
 Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) 196, 197
 Institut Perhubungan Raya Malaysia 132, 227
 Institut Teknologi MARA 156
 Insurans Islam 196
 International Bank for Reconstruction and Development 121
 Ishak Haji Muhammad 58, 60, 66-67, 70-71, 74, 106, 132, 149
 Ismael 223
 Ismail Abdul Rahman 156
 Jabatan Perpaduan Negara 157
 tugas 160
 penubuhan 165
 Jai Prakash Narain 94
 Jalil Aziz Ishak 223
 Jamil Rais 142
 Jamnadas Mehta 85, 224
 Jawatankuasa Muhibah Melayu-Cina 134

INDEXS

- masalah 134
- Johari Daud 142
- Jumaat Mohd. Noor 231
- Kadir Shamsudin 142
- Kamaladevi 94
- Kamaluddin Muhammad (Keris Mas) 66, 105-106, 221, 223
- Kamaruddin Haji Akib 108
- Kampung Cangkat 6, 8
- Kany, Edward I 220
- Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali di Asia Tenggara (ZOPFAN) 86, 176
- Kelab Sultan Sulaiman 53, 54
- Kementerian Perdagangan dan Perindustrian 181
- Kerajaan Perikatan 143, 196
- Kertas Putih Kerajaan Malaysia 148
- Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura 102
- Kesatuan Melayu Muda (KMM) 1-2, 20-21, 26
 - aktiviti 2, 20, 26, 27
 - dasar 30, 70
 - ejen perisik 26
 - hubungan dengan Parti Komunis Malaya 28
 - pengharaman 27, 28
 - pergerakan 48
 - tujuan 27
- Kesatuan Melayu Singapura 105
- Kesteven, G.L. 113
- Kompleks Kewangan Malaysia 206
- Kongres Bahasa dan persuratan Melayu 102
- Kongres Ekonomi Bumiputera 165
- Kongres Melayu Se-Malaya 52, 54
 - tujuan 52
- Krisis Perlembagaan 1992 199
- Kuala Langat Mining Sdn. Berhad 204
- Kumpulan Perangsang Selangor Berhad 201, 203
 - anak syarikat 204
 - harta terkumpul 204
 - jumlah ekuiti 204
 - kegiatan awal 204
 - kegiatan terkini 204
 - kejayaan 204
 - keuntungan syarikat 204
 - penubuhan 204
 - tenaga kerja 204
- Kyodo News Agency 42
- Labour Party 18
- Laski 17
- Laurel 29
- Lee Kuan Yew 112, 149
- Left Book Club 17
- Lembaga Bahasa Melayu 102
- Lembaga Industri Filem Nasional (FINAS) 179
- Lembaga Pembangunan Bandar 206
- Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA) 179
- Lembaga Penasihat Tariff (Cukai) Malaysia 132
- Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) 206
- Level Brothers 132
- Lim Chong Eu 143, 144
- Lokman Musa 142
- Lorrain Esme Osman 177
- Ludlow 112, 113, 115
- M.S. Daud 112
- Macapagal 147
- MacDonald, M. 135
- MacGillivray, D. 138
- Mac Michael, H. 48, 53
- Madinah Alang Mat Daud 7
- Magna Cartanya 32
- Mahathir Mohammad 126, 156, 177, 182-186, 188-200, 207
- Mahatma Gandhi 88, 89
- Maimendorf, C.V. F. 84
- Majid Ismail 142
- Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) 91, 153, 155, 191
- Belanjawan 1970 162
- Majlis Perundangan Negara 158, 159
 - keanggotaan 158
 - kejayaan 158
 - peranan 158
 - tugas 158
- Majlis 20, 50, 106

- Maju* 40, 130-131
 masalah 131
 Maktab Perguruan Sultan Idris 10
 Malay Forum 68
 Malay Nasionalist Party (MNP) 48
Malaya Tribune 40, 71, 100, 111, 112
 Malaya 56
 Malayan Chinese Association (MCA) 121, 128
Malayan Daily News 68
 Malayan Democratic Union (MDU) 64
 Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) 51
 Malayan Union ix, 30-31, 48, 52-59, 63-64, 68, 71, 82, 100, 107, 116
 dasar 56-57
 Manipol 11 Mei 1971 169, 171, prinsip-prinsip 169, 171
 tujuan 169-170
 Manipol Usdek 148
 Mansor Othman 142, 230
 Mansur Wahab 226
 Mao Tse Tung 152, 174, 229
 MAPHILINDO 147
 Mara Karma 223
 Marai 35
 Marcos 172
 Marshall Plan 47
Mastika 104
 Maulana Syed Abdul Rahman 91
 Mazlan Nordin 231, 232
 Mehta 77
Mein Kampf 44
 Melan Abdullah 106, 221
 Melayu Baru 74, 201-202, 208, 214, 216
 difinisi 203
 keahlian 203
 kejayaan 203-204
 konsep 203
 Meor Ngah Akasah 42
 MIC 128
Mingguan Forum 95, 107
 Mohamad Jamil 142
 Mohamad Noor Marahakim 142
 Mohamed Hanif 49
 Mohammad Ali Jinnah 91
 Mohammad Hanif 42, 44
 Mohd. Daud Haji Sulaiman 6
 Mohd. Noor Nawi 42
 Mohd. Zain Ayub 40
 Mokhtaruddin Lasso 51, 53
 Morais, J. V. 40
Morning Tribune 111, 112
 Muda Muhammad 230
 Mudasari 68
 Muhammad Afiq Azra 16
 Muhammad Haji Salleh 231
 Muhammad Muhd Taib 201
 Musa Ahmad 49, 66-67
 Musa Hitam 156, 182, 184
 Muslim League 91, 96
 Mustapha Haji Hussain 70
 Muzaffar Shah 4
 Narayanan, P.P. 77, 84-85, 224
National Front 65
Neutrality Bloc 86
 New Age 95
New Horizon 196
 Ng Boon Kai 227
 Non-Aligned Movement 86
Non-Aligned Press Agencies Pool 86
Non-cooperation 89
Non-violence 89
 Nordin A. Rahman 106, 223
 Nordin Zainuddin 111
 Nuraizah Abdul Hamid 232
 Okakura kakuzo 98
 Onn Jaafar 40, 54-55, 57, 78, 119, 125-127, 129, 134-135
 Order Baru Dunia 202
 Organisasi Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) 113
 Organisation of Asian News Agencies (OANA) 86
 Othman Wok 106, 221, 223
 Padang Selangor Club 137
 Pajak Gadai Islam 196
 Pan-Malayan Federation of Trade Unions 77
 Pandit Nehru 78-79, 80-81, 225
 Panikkar, Sardar K.M. 85
 Partai Demokrasi Pembangunan Indonesia 172
 Partai Kebangsaan Melayu Malaya

- (PKMM) 35, 37, 48, 50-51, 53
 dasar 57-59, 64, 66
 memorandum 60, 62, 65, 69
 perjuangan 66-69
 ideologi 68, 71, 82
 kongres 69-73
- Partai Komunis Indonesia (PKI) 51-
 53, 93, 146
- Partai Persatuan Pembangunan 172
- Parti Buruh 69, 152
- Parti Gerakan 152
- Parti Islam Se-Malaysia (PAS) 28
- Parti Kemerdekaan Malaya 128
- Parti Komunis Australia 116
- Parti Komunis India 93
- Parti Komunis Malaya 28, 32, 35
 kelemahan 146
 pengharaman 74
 pergerakan 48, 52, 64
 sikap kerajaan China 173
 tujuan 52
- Parti Konservatif British 125
- Parti Negara 135
- Parti Perikatan 65, 135, 143-144, 154,
 156, 170, 171
- Parti Rakyat Brunei 146
- Parti Rakyat Malaysia (PRM) 132, 184
- Parti Sosialis Rakyat Malaysia 170
- Parti Tindakan Rakyat (PAP) 112, 149
- Pelan Induk Perindustrian Malaysia
 187
- Pelita Malaya* 67, 72, 105
- People's Constitutional Proposals 59
- People's Progressive Party 170
- Perak Shimbun* 40-41, 46, 49
- Perang Dingin 47, 51, 75, 212
- Perangsang Alphasoft Sdn. Berhad
 204
- Perangsang Aluminium Sdn. Berhad
 204
- Perangsang Consultancy & Engineer-
 ing Sdn. Berhad 204
- Perangsang Emperree Wood Indus-
 tries Sdn. Berhad 204
- Perangsang Hotel & Properties Sdn.
 Berhad 204
- Perangsang Sports Industries Sdn.
 Berhad 204
- Perbadanan Industri Barat Malaysia
 (HICOM) 185
- Perbadanan Nasional 206
- Perbadanan Pembangunan Pelan-
 congan (TDC) 179
- Perbadanan-Perbadanan Kemajuan
 Ekonomi Negeri 206
- Pergerakan Melayu Semenanjung 54
- Perlembagaan Federal 60
- Permatech Industries Sdn. Berhad 204
- Permodalan Nasional Berhad 204, 206
- Persatuan Pelajar Indonesia 92
- Persekutuan Malaysia 145
- Persekutuan Tanah Melayu 64
- Persidangan Afro-Asia 87
- Persidangan Kerjasama Berita Negara-
 Negara Berkecuali 219
- Persidangan Pan-Asia 87
- Persidangan Perhubungan Asia 77, 87,
 99, 228
 kelemahan 87-88
- Persyarikatan Malaysia 186
 konsep 186
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
 88, 174, 187
- Piagam Atlantik 76
- Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu 88
- Pidgeon, B. 71
- Pilihan Raya Persekutuan 1955 135
- Planetarium Nasional 196
- Pridi Panomyong 29
- Program penetas bersepadu 216
- Purana Qila 89
- Pure Life Society of Malaya 78
- Pusat Produktiviti Nasional (NPC) 179
- Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) 59,
 63, 77, 108
- Putera Shotoku 32
- Radio Televisyen Malaysia (RTM) 147
- Rahman Om 16
- Rahman Rahim 49-50, 58
- Raja Kamarudin Raja Tun Uda 226
- Raja Khalid Harun 142
- Raja Mohar Badiozaman 142
- Rajaratnam, S. 111
- Ramakrishna Mission Malaya 77
- Rancangan Malaysia

- Kedua 165
Ketiga 171
Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan 1983 198
Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967 150-151
ras dan migrasi
 syarat-syarat 86-87
 masalah 86-87
Rashid Maidin 35
Rawlings, G.S. 56
REPELITA 172
Reuter 111
RIDA 40, 116, 123-124, 127-128
 ibu pejabat 130
 majalah 40
 masalah 129
 penerbitan 130
 peranan 129
 tujuan 128
Rosedin Yaacob 218
Roth, A. 116, 117
Rukan negara 158, 160-162, 165, 157-170
 falsafah 167, 168, 176
Rural and Industrial Development authority
Russell, B. 17

Salim, Agus 225
Salleh Daud 221, 223-224, 226-227
Samad Ismail 99, 106-109, 221, 223
Samah, A. B. 92-93, 94, 97-98
Sanusi Baki 142
Saudara 50
Schopenhauer 44
Sekolah Melayu Temoh 9
Selangor Frits and Glazes Sdn. Berhad 204
Selangor Tiles Sdn. Berhad 204
Semangat 46 183
Semangat Asia 36
Shaari Harun 142
Shah Alam Properties Sdn. Berhad 204
Shah Mohammed Riza Pehlevi 195
Shamsiah Fakeh 66

Shaw, George Bernard 17
Sheikh Ahmad Muhammad Hashim 230
Simposium Melayu Baru 201
Singapore Free Press 109, 111
Sistem Pelajaran Kebangsaan 141
Sjahrir, Sutan 90
Sjahroezah, Djohan 92
Soekarno 29, 90, 146-149
St. Michael Institution 23
Stalin 192
Straits Times 68, 100, 103, 120, 132
 artikel tentang darurat 122
 editor 71
 pemberita 115-116
 percetakan 111
 persefahaman dengan pihak berkuasa Tentera British 127
 wartawan Melayu 110
Straits Trading Company 37
Surara Rakyat 49, 50, 67
Subandrio 146, 149
Subhas Chandra Bose 27, 32
Suharto 149, 172
Suhasini Chattopadhyaya 94, 97
Sujak Rahiman 142, 230
Suluh Melayu 67, 105
Sunday Times 71
Sunday Tribune 111
Suruhanjaya Reid 137
Swani Satyanada 77-78
Syed Abdullah Abdul Hamid al-Edrus 106
Syed Nasir Ismail 142, 230
Syed Zainal Abidin 142
Syonan 36

Taha Kalu 74
Tan Cheng Lock 121, 143
Tawney, R.H. 17
Teluk Anson 4
Temoh Station 9
Temoh Town 9
Templer, G. 128
Teng Hsiao-Ping 175
Tengku Ahmad Rithauddeen 179
Tengku Razaleigh Hamzah 172, 177-178, 180-182, 184

INDEKS

- Testament Politik API* 73
 Thaharuddin Ahmad 90, 108, 222-223
The Modern Light 49
The Street of Edventure 40
Ten World As Will and Idea 44
 Thivy, J.A. 77
 Thuraisingham, E.E. C. 77, 84
Times of India 112
Times of London 112
 Tojo 45
 Tragedi 13 Mei 155, 159, 161, 171
Tribune 117, 120, 127
 kemerosotan 120
 Tuanku Abdul Rahman ibnu al-Marhum Tuanku Mohammad 138
 Tunku Abdul Rahman Putra 52, 65, 69, 129, 136-137, 151, 159, 161

 U Mya Sein 228
 UMNO Baru 183
 Ungku Aziz 142
 Ungku Omar 142
 Union Jack 137
 United Democratic Party 144
 United Malays National Organisation
 UMNO 55, 57, 58, 63-66, 105, 116, 122-125, 128-129, 132, 134-138, 143-145, 150, 152, 156, 171, 181, 193-, 200-201
 pendekatan 65-65
 tugas 123-124
 tujuan, 125-126
United Press International 111
 Universiti Islam Antarabangsa (UIA) 196
 Universiti Malaya 156
 Universiti Muslim Aligarh 91
 *Usman Awang 105

Utusan Melayu 50, 99-101, 103-106, 108
 dasar 106, 107
Utusan Zaman 104, 109, 110

 Valentino, R. 42
Voice of the People 49-52, 67-68, 105

 Waad Jamaluddin 142
 Wahab Hamid 43
 Wallas, G. 17
Warta Kita 34, 50, 51
Warta Malaya 50
Warta Negara 106
Warta Perak 50
 Wawasan 2020 201-203, 205, 213
 cita-cita 213
 cabaran 213
 Webb, S. 17
 Wee Kim Wee 111
 Wells, H.G. 17
 Wen Yuan Ning 84
 Worldwide Holdings Berhad 204

 Yaacob Latiff 142
 Yahya Nassim 66
 Yap Meow Sies 77, 85
 Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam 196
 Yusof Abdul Rahman 142
 Yusof Ibrahim 142
 Yusuf Ishak 107, 109
 Yusuf Izzuddin Shah 4

 Za'ba 52, 53
 Zaidan Haji Othman 231-232
 Zain Sulaiman 78
 Zainal Abidin Abdul Wahid 231
 Zainal Abidin Hj. Alias 106
 Zulkifli Ownie 66, 71



Mohd. Salleh Daud

dilahirkan pada 17 November 1923 di Kampar, Perak. Menjadi Karyawan Tamu di Dewan Bahasa dan Pustaka mulai Jun 1992 (selama 12 bulan). Pernah menjadi Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka 1981.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Temoh, Perak (1932-1933). Anglo-Chinese School, Kampar (Junior Cambridge, 1934-1940), Anderson School, Ipoh (Senior Cambridge, 1941). Menceburi bidang kewartawanan pada tahun 1942 apabila menjadi Sidang Pengarang Perak *Shimbun* dan *Domei*.

Mohd. Salleh Daud juga pernah menterjemah sebuah novel terkenal karya Alan Paton berjudul *Cry the Beloved Country* (*Ratap Tanah Air*) yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1964.

Dalam tempoh perkhidmatannya sebagai Karyawan Tamu, Mohd. Salleh Daud menyiapkan sebuah "Memoir" tentang penglibatannya dalam beberapa bidang seperti kewartawanan, kebudayaan, sastera dan lain-lain.